

Mutiara- Mutiara Terindah



Renungan & Khazanah
bagi Jiwa Wanita

Christine Lai Sai Koon

Mutiara- Mutiara Terindah

Renungan & Khazanah
bagi Jiwa Wanita

Christine Lai Sai Koon

Judul Buku: Mutiara-Mutiara Terindah
Penulis: Christine Lai Sai Koon
Penyunting: Evelyn Tan Hwee Yong
Kulit Buku: Eason Tang

Sesetengah grafik dalam buku ini dipetik dengan penghargaan
daripada Free Vector Art dan ikon oleh <http://dryicons.com>

ISBN 978-983-40852-5-4

Hakcipta: Sword Publishing House
hweeyong@yahoo.com

Semua kutipan Alkitab diambil daripada Alkitab Terjemahan Baru

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang,
mana-mana bahagian bab, isi kandungan buku ini dengan apa jua
bentuk dan dengan cara apapun, sama ada elektronik, fotokopi,
mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis
daripada Sword Publishing House.

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Sword Publishing House
LF 13B, Level 3, Plaza Shah Alam 2
Jalan Tengku Ampuan Zabedah E9/E, Section 9
Emel: hweeyong@yahoo.com

Dicetak oleh: Akitiara Sdn Bhd
Lot 1 & 3, Jalan TPP1/3
Taman Industri Puchong
Batu 12
47100 Puchong, Selangor

*Buku ini didedikasikan kepada
anak-anak saya
Su-Lyn, Sha-Lyn dan Ee-Yern,
berkat kurnia daripada Allah Maha Pengasih*

Sepatah Dua Kata

Sejak masa remaja, saya berazam menjadi seorang pengarang kreatif. Saya berimpian menghasilkan buku terkenal yang dapat dibaca oleh banyak orang. Impian itu terpendam dalam hati selama lebih 30 tahun. Kalau bukan Allah yang menghidupkannya, impian saya akan tetap tinggal impian semata-mata. Buku ini bukanlah karya novel terkenal melainkan buku renungan wanita yang bertujuan menolong para wanita mengenal Allah dengan lebih intim lagi.

Wanita boleh memakai pelbagai jenis intan permata untuk menghiasi diri. Berlian dikatakan sebagai kawan terbaik wanita, tetapi mutiaralah yang dikenali sebagai ratu segala batu permata. Firman Tuhan terunggul bagai mutiara bagi setiap wanita. Wanita yang cantik tidak boleh diukur dari bentuk rupa melainkan kecantikan batin yang dihiasi oleh mutiara-mutiara ilahi. Biarlah biji-biji mutiara seharian ini menolong wanita menerapkan firman Tuhan untuk mempercantik batin kita.

Hati saya terkagum akan kebesaran kasih karunia-Nya terhadapku dan bagaimana Dia telah memilih aku dari mula-mula lagi, semasa saya tidak mengenal-Nya. Tuhan yang Maha Penyayang telah menjalin persahabatan dengan saya ketika saya kehilangan suami yang sungguh saya kasihi. Saat itulah bermekar satu persahabatan indah dengan Tuhan yang membawa pengharapan baru setiap hari sekalipun saya terpaksa mengharungi pelbagai cabaran hidup. Tangan kasih-Nya telah memasang serangkaian mutiara terindah dalam proses pembentukan batin saya.

Renungan, mutiara-mutiara rohani yang tertanam dalam jiwa saya telah saya persembahkan dalam buku ini sebagai kalungan untuk para wanita.

Sekalung Budi

Buku ini tidak akan terjadi tanpa dorongan seorang ‘Barnabas’ yang diutuskan Oleh Tuhan dalam hidup saya. Evelyn Tan Hwee Yong menyalakan api dalam hati saya untuk menulis sebuah buku renungan bagi wanita dalam Bahasa Malaysia. Saya juga terhutang budi kepadanya kerana sudi menyunting buku ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada saudara-saudari yang dengan sukarela hati telah membanting tulang mencorak rekabentuk dan halaman kulit buku yang menarik ini. Saya merakamkan penghargaan kepada anak-anak saya serta rakan-rakan seiman yang telah menyokong saya dalam doa.

Segala puji syukur saya naikkan kepada Allah Bapa di syurga yang sudi menggunakan diri saya untuk memberkati wanita lain. Terima kasih Roh Kudus yang sebenarnya Pengarang buku ini kerana saya hanyalah pensil dalam tangan-Nya.

Aku Lebih Daripada Pemenang

BACAAN:
Roma 8:31-38

Tetapi dalam semuanya itu kita lebih daripada orang-orang yang menang oleh Dia yang telah mengasihi kita. —Roma 8:37

Siri televisyen popular “Siapa Nak Jadi Jutawan” menayangkan bagaimana orang ramai dapat bersaing menjawab soalan-soalan yang mencabar. Pada peringkat akhir persaingan itu, hanya tinggal seorang sahaja yang berpeluang merebut hadiah utama yang bernilai wang RM1 juta dan menjadi pemenang. Kanak-kanak kecil pun dipengaruhi dalam persaingan menjadi pemenang, bermula dari waktu persekolahan, mereka sudah berebut-rebut piala, markah dan kedudukan tertinggi. Bila dewasa kelak, mereka bertungkus lumus seharian mengharapkin dinaikkan pangkat dalam kerjaya mereka.

Memang kita semua mahu selalu menang dalam hidup ini dan tiada manusia yang suka dipandang rendah. Justeru itu, kita semua berusaha sedaya upaya untuk memanjat tangga kemajuan dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi. Tetapi hakikatnya dalam dunia ini, di mana ada pemenang, kenyataannya ada lebih ramai yang tewas, yang tidak terpilih, yang diketepikan dunia sebagai orang yang gagal kerana tidak dapat mencapai taraf kelayakan yang ditetapkan manusia.

Puji Tuhan, kerajaan Allah tidak berfungsi begitu. Rasul Paulus menegaskan melalui kasih Yesus, orang percaya dijadikan lebih daripada pemenang. Dalam bahasa Yunani, “pemenang” bererti kemenangan yang luar biasa dan yang sempurna. Apa kemenangan itu? Adakah ia bererti semua masalah kita akan terbang melayang? Segala kehendak hati kita dikabulkan kerana kita orang yang percaya? Paulus tidak mentakrifkan kemenangan dalam pengertian ini.

Sebaliknya dia mengungkapkan satu pertanyaan, “Jika Allah di pihak kita, siapakah yang akan melawan kita?” (Rom. 8:31). Dan jawapannya: “Hukum Taurat, dosa, maut, semua ini tidak boleh mengalahkan orang yang percaya. Kerana Dia, yang tidak menyayangkan Anak-Nya sendiri, tetapi yang menyerahkan-Nya bagi kita semua, mustahil Dia tidak mengaruniakan segala sesuatu kepada kita bersama-sama dengan Dia” (Rom. 8: 32).

Inilah kemenangan yang melebihi segala yang boleh kita harapkan daripada dunia yang berdasarkan bukan atas apa yang dapat kita capai dengan usaha diri, tetapi atas dasar Yesus telah melakukan segala yang kita perlu, menjadikan kita ahli waris dengan-Nya. Inilah kemenangan yang tetap, kita tidak mungkin gagal dan pasti berhasil kerana Allah telah menjanjikannya.

Renungan hari ini: Hatiku ini sungguh bersyukur, menyedari hakikat Tuhan telah menjadikan aku lebih daripada pemenang. Aku tidak boleh dikalahkan oleh apa-apa jua pun.

2 Lebih Baik Daripada Emas

BACAAN:

Kisah Para Rasul 3:1-10

Tetapi Petrus berkata: “Emas dan perak tidak ada padaku, tetapi apa yang kupunyai, kuberikan kepadamu: Demi nama Yesus Kristus, orang Nazaret itu, berjalanlah.” —Kisah Para Rasul 3:6

Hai, kaki yang tidak berguna ini. Kenapa aku dilahirkan lumpuh? Lebih baik potong kaki ini dan lemparkannya ke dalam sungailah. Ah, malu setiap hari perlu diusung dan diletakkanku di depan pintu gerbang Bait Allah. Ha, Gerbang Indah, tengoklah aku ini, begitu hodoh. Apakah aku menghabiskan nyawaku sebagai pengemis?” kata seorang pengemis kepada dirinya di depan Gerbang Indah sewaktu mengenangi nasibnya.

Sudah 40 tahun, hari demi hari, dia menghulurkan tangannya dan menumpang nasib dengan orang lain. Yang bersimpati dengannya akan membuang duit kecil ke arahnya. Entahlah berapa yang dapat dikumpulnya; mudah-mudahan cukup membeli makanan... Eh, siapa ini yang bercakap kepadanya?

Pengemis lumpuh itu mengangkat kepala, menatap dua orang yang berdiri di hadapannya. Seorang berkata: “Emas dan perak tidak ada padaku, tetapi apa yang kupunyai, kuberikan kepadamu: Demi nama Yesus Kristus, orang Nazaret itu, berjalanlah. Lalu dia memegang tangan kanan pengemis itu dan membantu dia berdiri. Seketika itu juga kuatlah kaki dan mata kaki pengemis itu. Dia melonjak berdiri lalu berjalan kian ke mari dan mengikuti mereka ke dalam Bait Allah, berjalan dan melompat-lompat serta memuji Allah” (Kis. 3:5-8).

Ini kisah seorang pengemis cacat yang menerima jauh lebih dan luar daripada dugaannya. Tuhan tidak hanya ingin memberi dia wang tetapi pengampunan dan penyembuhan sempurna. Tuhan yang dapat melakukan jauh lebih banyak daripada yang kita doakan atau fikirkan, seperti yang ternyata dari kuasa yang bekerja di dalam kita (Ef. 3:20). Dalam nama Yesus, orang buta melihat, orang lumpuh berjalan, orang kusta menjadi tahir, orang tuli mendengar, orang mati dibangkitkan dan kepada orang miskin diberitakan kabar baik (Mat. 11:5).

Alangkah sedihnya kalau kita terperangkap dalam desakan kehidupan seharian sehingga sudah tidak dapat memandang ke syurga untuk mukjizat! Alangkah tragis sekali kalau kita puas dengan sedikit sahaja sedangkan Allah berkenan melakukan mukjizat dalam hidup kita!

Renungan hari ini: Biar aku menatap wajah Allah, Tuhanku yang Maha Besar dalam keyakinan Dia sedia memberkati diriku dengan berkelimpahan.

Saat Yang Terindah

BACAAN:
2 Timotius 1:7-10

Itulah sebabnya aku menderita semuanya ini, tetapi aku tidak malu; kerana aku tahu kepada siapa aku percaya dan aku yakin bahwa Dia berkuasa memelihara apa yang telah dipercayakan-Nya kepadaku hingga pada hari Tuhan —2 Timotius 1:12

Bolehkah anda ceritakan saat terindah dalam hidup kamu selama ini? Masa kamu menampilkan ke pentas sebagai siswazah untuk menerima skrol graduanmu? Waktu kekasih melamar kamu? Saat engkau mendukung anak yang baru dilahirkan dalam tanganmu? Ingat lagi pertama kali kamu berjaya menunggang basikal tanpa jatuh? Mungkin kamu pernah berdiri di pantai, membiarkan ombak bermain antara jejeri kaki, mendengar suara lautan terkandung dalam sebiji cengkerang kecil, dan kamu terkagum dengan keindahan alam sekitar yang terbentang luas di hadapan mata sebagai keindahan. Tentu banyak detik-detik dalam hidup kita yang indah-indah belaka tercatat dalam ingatan.

Untuk saya, saat terindah dalam hidupku berlaku secara diam-diam sahaja. Tiada bunga api meletup di hadapan mataku, tiada suara bergema dari syurga, tiada malaikat menjelma bahkan saya sudah terlupa pun hari kejadiannya. Saya mengenang setiap pagi, saat aku bangun bahawa Yesus berada dalam aku. Kesedaran itu tidak datang mendadak bagai kilat memancar, ia lebih seperti fajar pagi yang diam-diam menyingsing sedikit demi sedikit di belakang tirai gunung. Bagai jari sinar sang suria mengecatkan kain layar langit luas dalam beraneka warna dan corak, begitulah pengenalan Yesus mengembang memenuhi seluruh diriku – oh, begitu indahnya!

Tidak penting lagi apa yang telah atau akan berlaku kepada diriku, aku berdiri atas gunung Tuhan, dipeluk dalam dakapan kasih-Nya. Tidak kira badai yang bergelora, api yang membakar, aku tidak bergoyah kerana aku tahu Siapa yang aku percaya. Pengetahuan itulah yang menguatkan Paulus sehingga dia masih memuji Tuhan dalam penderitaan dan mampu mengisytiharkan “Dalam segala hal kami ditindas, namun tidak terjepit; kami habis akal, namun tidak putus asa; kami dianiaya namun tidak ditinggalkan sendirian, kami dihempaskan, namun tidak binasa. Kami senantiasa membawa kematian Yesus di dalam tubuh kami supaya kehidupan Yesus juga menjadi nyata dalam tubuh kami” (2 Kor. 4:8-10).

Pengetahuan itulah sauh iman Paulus. Dia tahu Allah yang dipercayainya adalah sumber penyelamatan dan panggilannya sebagai pemberita, rasul dan guru Injil Yesus Kristus.

Renungan hari ini: Semakin mendalam aku mengetahui karya penyelamatan Allah dalam Yesus, semakin aku mengucap syukur kerana diberi hidup melayani-Nya.

Tidak Ditinggalkan Bersendirian

BACAAN:

Yohanes 14:1-4

Aku tidak akan meninggalkan kamu sebagai yatim piatu. —Yohanes 14:18

Ketika saya berumur tujuh tahun, saya diberitahu bahawa saya seorang anak angkat. Masa itu, saya tidak memahami banyak dan menerima penerangan bahawa bapa saudara dan isterinya menjaga saya kerana ibu kandungku telah meninggal dunia ketika melahirkan saya. Semasa meningkat keremajaan, saya tertanya-tanya kenapa bapa kandungku membiarkan aku diangkat dan bukan enam adik-beradik lain. Rasa ditinggalkan oleh keluarga kandung sendiri timbul semulajadi dalam sanubariku. Saya tahu mereka memang mengasihi saya tetapi terasa ada sebuah lubang yang membocor hatiku.

Yesus telah memberitahu murid-murid-Nya terlebih dahulu apa yang akan terjadi malam sebelum penyaliban-Nya. Mereka kurang memahaminya; Petrus bertanya Yesus, “Tuhan, ke manakah Engkau pergi? Jawab Yesus: “Ke tempat Aku pergi, engkau tidak dapat mengikuti Aku sekarang, tetapi kelak engkau akan mengikuti Aku.” Kata Petrus kepada-Nya: “Tuhan, mengapa aku tidak dapat mengikuti Engkau sekarang?” (Yoh. 13:36-37). Inilah suara anak yang gelisah kerana dia akan kehilangan seseorang yang sungguh dikasihinya.

Bukan sahaja Petrus, tetapi sudah tentu dua belas murid Tuhan Yesus yang terkumpul pada malam terakhir merasakan beban dalam hati masing-masing sewaktu mendengar Tuan mereka bercakap begitu. Mereka sudah mengikuti Yesus selama tiga tahun, melihat dengan mata sendiri mukjizat-mukjizat-Nya, mendengar suara-Nya, duduk di kaki-Nya untuk belajar daripada-Nya, tidur, makan, dan bercakap mesra bersama. Apa yang akan terjadi kepada mereka kalau Dia meninggalkan mereka? Ke mana mereka akan pergi? Kita boleh membayangkan soalan-soalan yang bermain-main dalam minda mereka ketika itu.

Memang Tuhan Yesus telah mengetahui segala-galanya yang akan datang. Justeru itu, Dia memberi dua jaminan untuk melegakan hati para murid-Nya. Pertama Dia berjanji, “Aku akan datang kembali dan membawa kamu ke tempat-Ku, supaya di tempat di mana Aku berada, kamu pun berada” (Yoh. 14:3). Janji-Nya lagi, “Aku akan minta kepada Bapa, dan Dia akan memberikan kepadamu seorang Penolong yang lain, supaya Dia menyertai kamu selama-lamanya... kamu mengenal Dia, sebab Dia menyertai kamu dan akan diam di dalam kamu” (Yoh. 14:16-17).

2000 tahun selepas malam itu, kita memahami segala yang dijelaskan Yesus sebersih sungai jernih. Ya, Yesus telah pergi, tetapi Dia akan kembali. Sementara itu, Roh Kudus telah datang, diam dalam dan menyertai kita selama-lamanya.

Renungan hari ini: Tuhan Maha Penyayang, aku bersyukur Engkau tidak pernah meninggalkan aku bersendirian mengharungi hidup ini.

Buangkan Saja

BACAAN:
Keluaran 4:1-5

Tuhan berfirman kepadanya, “Apakah yang di tanganmu itu?” Jawab Musa, “Tongkat.” Firman Tuhan, “Lemparkanlah itu ke tanah.” —Keluaran 4:2-3

Setelah 40 tahun hidup di padang pasir sebagai gembala domba dan mengalami keterikan matahari dan angin kering, Musa sudah berubah. Masa lampaunya sebagai putera Mesir hanya tinggal kisah lama. Kesepian belantara lebih bagus daripada kerecokan istana? Ya, memang tiada apa-apa yang mengoncangkan ketenteraman sekitar. Peristiwa luarbiasa di luar dugaannya tiba-tiba terjadi. Musa ternampak sesuatu yang sungguh ganjil – semak duri yang bernyala tanpa dimakan api. Terus Musa berkata, “Baiklah aku menyimpang ke sana untuk memeriksa penglihatan yang hebat itu” (Kel. 3:3). Alkitab memberitahu ketika Tuhan melihat Musa mengambil langkah menyimpang, Dia memanggil namanya.

Saat Musa bertindak, Tuhan bertindak. Inilah titik perubahan dan episod baru dalam hidup Musa. Musa yang menjabat sebagai gembala sekarang dipanggil Allah sebagai penyelamat bangsanya. Allah menyuruh Musa melemparkan tongkat gembalanya ke tanah. Yang kita pandang sebagai hanya sebatang tongkat sebenarnya merupakan simbol kuasa gembala, seperti juga cokmar diraja melambangkan kewibawaannya. Mengikut adat zaman itu, garis keturunan sesuatu keluarga diukir atas kepala tongkat yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Jadi tongkat Musa itu bukan sebarang tongkat untuk mengawal binatang tetapi tongkat autoriti. Bila Musa taat melemparkan tongkatnya ke tanah, barulah tongkat itu menjadi ular.

Mukjizat hanya akan berlaku bila kita rela “menyimpang” daripada jalan-jalan biasa dalam kehidupan. Bila Tuhan menghidupkan semak berapi dalam hati kita, biarlah kita berhenti seketika untuk memberi perhatian penuh. Jangan anda terus dikaburi oleh urusan-urusan dan tidak dapat mendengar panggilan ilahi dalam hidup anda.

Serahkan diri kepada Tuhan dan membenarkan Tuhan menguasai dan mengambil alih arah hidup anda dengan sepenuhnya. Selidikilah “tongkat” apakah yang berada dalam tanganmu. Biar tongkatmu bukan milik sendiri lagi. Tongkat Musa tidak lagi digelar tongkatnya lagi melainkan tongkat Tuhan untuk melakukan keajaiban.

Bak kata guru terkenal Oswald Chambers, “Penamatan diri adalah permulaan Tuhan.” Adakah diri kamu sudah sampai ke peringkat “tamat”?

Renungan hari ini: Biar aku singgah sebentar dalam perjalanan hidup ini, memeriksa apa yang bersemarak dalam hati, mendengar suara-Mu... di hadirat Tuhan Yesus, aku melemparkan tongkat diri.

Tiada Kasih Begini

BACAAN:

1 Yohanes 4:8-10

Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Ia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal. —Yohanes 3:16

Banyak orang yang romantik menyambut tarikh 14hb Februari sebagai hari untuk membuktikan kasih mereka kepada sang kekasih. Jauh-jauh hari, kita sudah tertanya-tanya hadiah atau membayang perbuatan istimewa sebagai tanda penghargaan atau “bukti” cinta. Beli ros, intan berlian atau coklat yang sedap? Bagaimana kalau kita membawa si dia ke restoran romantik? Tidak ada wang? Kita boleh memasak makanan kegemarannya bahkan kita boleh melafazkan cinta dalam puisi atau lagu indah untuk membuai jiwanya. Pernah diberitakan seorang pemuda kaya membayar RM40 ribu untuk mengagumkan kekasih dengan papan iklan besar yang dipasang di tepi jalan raya. Bolehkah kita menghitung harga kasih sejati?

2000 ribu tahun dahulu, di atas sebuah bukit, Tuhan membuktikan kasih yang tiada tanding terhadap umat ciptaan-Nya. Di Golgota Anak Tunggal-Nya Yesus digantung mati atas kayu salib kerana Dia mencintai kita. Rasul Paulus mengingatkan kita pernah menjadi orang derhaka, akan tetapi Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita, oleh kerana Kristus telah mati untuk kita, ketika kita masih berdosa (Rom. 5:6, 8).

Sewaktu Tuhan Yesus mati di kayu salib, Bapa di syurga memaling muka-Nya dan tidak menghiraukan seruan Anak yang begitu pilu, “Allahku, Allahku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?” (Mr. 15:34). Sebelum anda mengenal kasih Tuhan yang begitu besar, Dia sudah mati bagi anda kerana mengasihi anda. Kasih-Nya sungguh besar, tiada pena dapat menjelaskannya walau dawatnya selautan.

Sejak kecil lagi, saya menyembah patung berhala nenek moyang sekadar kewajipan tradisi dan bila saya dewasa, saya berpendapat semua agama sama sahaja; yang berbeza hanyalah nama tuhan. Saya masih ingat semasa saya berumur 20 tahun, saya pernah bergurau-senda dengan abang saya yang baru dilantik sebagai pastor sesudah menamatkan pengajian teologinya, “Baguslah, bang, kamu boleh berdoa untuk saya, kerana saya memang tak boleh ditebus.” Masa itu, saya tidak terasa keperluan Tuhan dalam hidup saya. Selepas dua puluh tahun, saya mengalami krisis kehidupan. Waktu itu saya menghadapi pengangguran dan suami yang menghidapi penyakit barah. Saya begitu khuatir kerana tiga anak saya masih muda. Duniaku seolah-olah runtuh atas diri. Sikap saya berubah ketika abang saya menghibur saya. Kali ini saya menangis tersedu-sedu setelah menerima Yesus ke dalam hati, bukan kerana sedih melainkan perasaan terharu kerana dilandai kasih ilahi yang begitu besar.

Puji Tuhan penolakan manusia tidak menghalangi kasih-Nya. Dia telah membuktikan “Tidak ada kasih yang lebih besar daripada kasih seorang yang memberikan nyawanya” (Yoh. 15:13).

Renungan hari ini: Tiada siapa yang boleh mengasihi kita seperti Tuhan Yesus kerana tidak mungkin ada sesiapa dalam dunia ini yang sanggup mengorbankan nyawanya demi diriku.



Lagu Baru

*Semalam aku baring
hati berkecaian seribu kepingan;
nyawaku melayang di depan mata,
aku mengeluh
di bawah beban pelanggaran
keberatan dosa bagai kuk
mencengkam leher*

*gelap gelita duniaku
tidak ada sinaran pengharapan
sehingga Engkau bersinar
ke dalam terowongku,
kasih abadi...
aku di sempurnakan hari ini
darah-Mu menyucikan jiwaku
rahmat-Mu membebaskanku
kematian-Mu menebus rohku
setiap hari dalam-Mu
aku berkembang sayap untuk terbang
hatiku bergema lagu baru
bernyanyi merdu untuk-Mu*

Yang Terutama

BACAAN:

Mazmur 23

Diamlah dan ketahuilah, bahawa Akulah Allah! Aku ditinggikan di antara bangsa-bangsa, ditinggikan di bumi! —Mazmur 46:10

Perkara pertama apakah yang terlintas pada fikiran engkau pada saat engkau bangkit dari tidur? Adakah engkau tergesa-gesa kerana mungkin sudah lewat? Engkau perlu menyiapkan sarapan pagi, hantar anak ke sekolah lalu pergi kerja? Secara otomatis sewaktu engkau tengah-tengah menggosok gigi dan mencuci muka, akal budimu tersenarai tugas-tugas yang menantikan pelaksanaan engkau pada hari ini? Inikah gambaran yang menyifatkan engkau sebaik saja engkau melangkah kaki dari katil?

Raja Daud yang didapati berkenan di hati Allah, melafazkan, “Tuhan, pada waktu pagi Engkau mendengar seruanku, pada waktu pagi aku mengatur persembahan bagi-Mu, dan aku menunggu-nunggu” (Mazm. 5:3). “Setiap pagi ingatkanlah aku akan kasih-Mu, sebab kepada-Mulah aku berharap. Tunjukkanlah aku jalan yang harus kutempuh, sebab kepada-Mulah aku berdoa” (Mazm. 143:8). “Oleh kerana berkat kasih setia-Mu yang besar, aku akan masuk ke dalam rumah-Mu, sujud menyembah ke arah bait-Mu yang kudus dengan takut akan Engkau” (Mazm. 5:7).

Biarlah dalam keheningan pagi, sebelum engkau memijak lantai dan menghadapi kesibukan dunia luar, diamlah sebentar dan biar bibirmu berbisik, “Selamat Pagi Allah Bapa, Tuhan Yesus dan Roh Kudus.” Tampil masuklah ke dalam tempat rahsia di hati, mengadap Allah semesta alam, memohon supaya Dia mengatur langkah kita sepanjang hari ini, mulai dari saat mata terbuka sampailah lelap sekali lagi menjelang malam. Seperti Maria, singgah sebentar, duduk diam di hujung kaki Tuhan dan biarlah matamu merenung muka Penyayang jiwa kita. Masuklah ruang Maha Kudus lalu mendedahkan jiwa kita kepada terang-Nya supaya segala kegelapan dosa terhapus. Minum dulu daripada Sumur Ilahi yang mengandungi air hidup dan mandikan diri dalam pancaran air kuasa Roh Kudus.

Setiap subuh pagi bagai satu halaman baru dalam buku perjalanan hidup kita. Ibu Teresa (yang melayani orang-orang yang paling miskin di Kolkatta, India) menyifatkan kita sebagai batang pensil dalam tangan Tuhan. Biarlah Tuhan yang memegang batang pensil ini dan menulis atas setiap halaman kisah-kisah yang jauh lebih cantik daripada segala rekaan manusia.

Renungan hari ini: Terima kasih, Tuhan, setiap pagi yang Kau ciptakan untukku adalah baru dan indah sekali. Aku mahu mengutamakan Allahku terlebih dahulu sebelum aku memulai pekerjaan hari ini.

Siapa Engkau?

BACAAN:
Roma 8:14-17

Tetapi semua orang yang menerima-Nya diberi-Nya kuasa supaya menjadi anak-anak Allah, iaitu mereka yang percaya dalam nama-Nya —Yohanes 1:12

Kalau orang bertanya siapa engkau? Tentu kamu akan memperkenalkan diri dengan namamu. Kalau ditanyakan lebih lanjut mengenai dirimu tentu kamu akan menerangkan tentang pekerjaanmu.

Saya bukan hanya seorang daripada keturunan keluarga manusia yang mempunyai nama keluarga tertentu yakni generasi Lai. Hidup saya bukan semata-mata didefinisikan oleh peranan saya sebagai guru besar tadika, suri rumah tangga atau ibu. Kalau kita kurang pasti siapa dan apakah kita dalam mata Tuhan, kita tidak mungkin mencapai potensi hidup berkelimpahan yang telah dijanjikan Tuhan kepada setiap orang percaya.

Pernahkah kamu mendengar cerita anak burung rajawali? Pada suatu hari seorang petani terjumpa sebiji telur burung rajawali di dalam rimba. Ia pun meletakkan telur itu di dalam reban ayamnya. Lama kelamaan telur itu menetas, dan lahirlah anak burung rajawali. Apabila ia dikelilingi oleh ibu dan anak-anak ayam yang lain, maka burung itu hanya tahu beraksi macam ayam. Lalu setiap hari ia mengikut jejak langkah mereka, kepala bertunduk ke tanah, asyik menggali cacing untuk makanan dan selainnya. Burung itu membesar dan pada satu hari, ia mengangkat kepalanya memandang ke langit. Matanya ternampak seekor burung yang terbang tinggi di awan. Mulai tergeraklah sesuatu dalam hatinya, sehingga ia rasa begitu terdesak. Entah macam mana, dengan sendiri kakinya berlari kuat, kepak sayapnya yang selama ini tidak pernah digunakan tiba-tiba terbentang luas, dan sesaat kemudian ia dapati dirinya diangkat ke udara, dan ia tengah terbang, naik mengatasi hutan rimba, jauh meninggalkan tanah di bawah, menuju awan di langit dan bertemukan burung yang ia telah nampak tadi. Barulah ia menyedari dan memahami ia bukan hanya burung tetapi seekor burung rajawali yang dicipta sebagai raja burung.

Alangkah tragik kalau kita yang telah diterima dan diakui sebagai anak Allah semesta alam menghabiskan hidup kita bak burung rajawali yang tidak sedar akan identiti sebenarnya. Rasul Paulus mengingatkan kita bahawa Kristus Yesus, Allah telah membangkitkan kita juga dan memberikan tempat bersama-sama dengan Dia di syurga (Ef. 2:6).

Renungan hari ini: Tatkala aku percaya Yesus, aku telah diberi identiti baru sebagai anak Allah, yang berhak mewarisi pusaka Bapa yang telah disediakan oleh Bapa Syurgawi untuk aku.

Karya Agung Yang Tiada Tolok Banding

BACAAN:

Kejadian 1:26-31

Aku bersyukur kepada-Mu oleh kerana kejadianku dahsyat dan ajaib; ajaib apa yang Kau buat, dan jiwaku benar-benar menyedarinya. —Mazmur 139:14

Pernahkah kamu menyedut kewangian bunga ros? Menikmati hujan merintis pada mukamu? Adakah kamu terkagum dengan pemandangan fajar menyingsing yang bertukaran setiap hari? Tidakkah kamu mengeluh memerhatikan kecantikan pelangi berwarna-warni? Pasti kamu tertanya-tanya bagaimana Allah boleh mencipta haiwan begitu banyak rupa, bentuk dan jenis dari semut sekecil setitik dakwat sampai gajah yang terbesar seberat begitu banyak tan. Ajaib!

Alam semula jadi di sekeliling kita memang penuh dengan ketakjuban hasil ciptaan tangan Allah. Walau bagaimanapun, sedarkah kamu apa yang merupakan karya agung Allah? Dalam lima hari, Allah mewujudkan langit, bumi, siang, malam, darat, lautan dan segala kehidupan tumbuhan dan haiwan, dan Allah melihat bahwa semuanya itu baik. Sewaktu Allah mencipta manusia, laki-laki dan perempuan, Dia melihat segalanya itu sungguh amat baik (Kej. 1:31). Bukan setakat baik saja, tetapi sungguh amat baik.

Apakah yang istimewa tentang manusia yang menjadikan Allah begitu puas dengan ciptaan mereka? Laki-laki dan perempuan manusia itu dijadikan menurut gambar Allah iaitu seperti diri-Nya sendiri (Kej. 1:27), berbeza daripada segala ciptaan-Nya yang lain. Lelaki pertama Adam dibentuk Allah daripada debu tanah; ke dalam hidungnya Allah menghembuskan nafas hidup, menjadikannya makhluk hidup (Kej. 2:7). Perempuan pertama Hawa dicorakkan Allah daripada tulang rusuk Adam, tulang daripada tulangnya, daging daripada dagingnya (Kej. 2:22-23). Bayangkan tubuh kita ini terdapat nafas Allah sendiri! Inilah perhubungan khas dan eksklusif antara hidup manusia dengan hidup ilahi. Satu-satunya taksiran perkataan “nafas” adalah roh. Fikirlah sebentar, bukankah ajaib Allah tidak memilih beratusan juta haiwan dan tumbuhan yang Dia ciptakan terlebih dahulu, tetapi Allah memilih hanya manusia untuk menerima roh-Nya?

Ini bukan sebarang roh. Ini Roh Allah yang hidup, Roh Dia yang begitu berkuasa sehingga telah membangkitkan Yesus dari antara orang mati (Rom. 8:11). Roh ini yang diam di dalam kamu, di dalam aku, di dalam setiap orang yang percaya. Tidak terkira keistimewaan manusia – kitalah permata terindah atas mahkota-Nya – memang sungguh amat baik! Bersyukurlah setiap hari, Allah menciptamu!

Renungan hari ini: Aku berdiri terkagum dalam hadirat Tuhan. Tiada perkataan yang dapat aku lafazkan kecuali terima kasih, ya Allahku, kerana telah menjadikan diriku sebagai karya agung Engkau.

Selamat Dalam Tangan-Nya

BACAAN:
Yohanes 10:1-6

Aku memberikan hidup yang kekal kepada mereka dan mereka pasti tidak akan binasa sampai selama-lamanya dan seorangpun tidak akan merebut mereka dari tangan-Ku. Bapa-Ku, yang memberikan mereka kepada-Ku, lebih besar dari pada siapapun, dan seorangpun tidak dapat merebut mereka dari tangan Bapa. —Yohanes 10:28-29

Saya teringat kembali beberapa tahun dahulu ketika anak sulung saya berumur kira-kira 5 tahun, dia pernah hilang diri dalam kompleks beli-belah. Dengan tergesa-gesa, dia telah masuk ke dalam lif di tingkat kedua dan sebelum saya sempat mengiringinya, pintu lif itu telah tutup dan membawanya naik entah ke mana. Bangunan itu bertingkat lima paras. Begitu cemas hatiku, kerana dia terlalu kecil dan pasti tidak mengingat lokasi saya.

“Oh Tuhan, jangan biar anak saya diculik,” serulah aku sewaktu tertayang dalam kepalaku kisah-kisah benar penculikan kanak-kanak. Kalau dia keluar dengan sendiri, bagaimana akan saya mencarinya di tempat yang begitu besar? Saya berdiri terpegun di hadapan pintu lif itu, memerhatikan butang-butang yang bernyala menandakan paras demi paras di mana lift berhenti. Aku tidak sabar-sabar menantikan lif itu turun lagi. Apabila pintu lift terbuka sekali lagi, aku ternampak anakku mencangkung di suatu sudut, hatiku begitu lega.

Berbeza daripada insan, Abba Bapa di syurga tidak pernah melepaskan pandangan-Nya daripada para anak-Nya. 2 Tawarikh 16:9 memberitahu kita bahawa mata Tuhan menjelajah seluruh bumi untuk melimpahkan kekuatan-Nya kepada mereka yang bersungguh hati terhadap Dia. Dia takkan membiarkan kakimu goyah, Penjagamu tidak akan terlelap (Mazm. 121:3).

Saya pasti anakku takut sewaktu berada dalam lif itu seorang diri. Mukanya sungguh pucat walaupun dia tidak menangis. Yang pentingnya dia tidak bergerak keluar dengan sendiri; dia diam mengharapkan aku mendapatkannya macam mana pun. Begitulah kita anak-anak Tuhan mesti yakin bahawa Allah tidak mungkin melepaskan kita dari tangan-Nya, walau apapun yang terjadi dalam perjalanan hidup sekalipun kita seperti bersendirian dan takut. Pernah diibaratkan pegangan Tuhan seperti gengaman tangan orang Roma di zaman purba, di mana tangan menggenggam siku, bukan tangan dalam tangan. Adakalanya tangan kita yang menggenggam tangan Tuhan terlepas kerana terlalu letih atau mungkin ditarik oleh kuasa asing. Tangan Tuhan tidak pernah melepaskan gengaman-Nya. Rasul Paulus mengingatkan kita dalam 2 Tim. 2:19 bahawa Tuhan mengenal siapa kepunyaan-Nya.

Renungan hari ini: Tuhanku El-Shaddai, Tuhan Maha Besar, Maha Kuasa, tiada yang boleh merampas aku dari tangan-Nya.

Naungan Tuhan

BACAAN:

Rut 2:10-14

Ya Tuhan, Engkaulah bagian warisanku dan pialaku, Engkau sendirilah yang meneguhkan bagian yang diundikan kepadaku. Tali pengukur jatuh bagiku di tempat-tempat yang permai; ya, milik pusakaku menyenangkan hatiku. —Mazmur 16:5-6

Tidak, saya tidak akan meninggalkan engkau bersendirian dan saya akan tetap mengikut mak untuk kembali ke Moab,” ujar Rut.

“Pulanglah, saya sudah lanjut usia dan tidak akan melahirkan anak lelaki lagi. Seandainya saya sanggup melahirkan anak lagi, sanggupkah kau menunggu?” kata ibu mertuanya kepada Rut.

Menantu Naomi bernama Rut telah memilih mengikuti mak mertuanya kembali ke tempat asalnya di Betlehem selepas kematian suami mereka di Moab, walaupun dipujuk untuk pulang kepada bangsa dan allahnya di Moab. Rut rela dalam perkataannya “...ke mana engkau pergi, ke situ jugalah aku pergi, dan di mana engkau bermalam, di situ jugalah aku bermalam: bangsamulah bangsaku dan Allahmulah Allahku” (Rut 1:16). Kesetiaan dan kepercayaan kepada Tuhan tetap ada pada Rut sekalipun dia kehilangan suami yang dikasihinya.

Setiba di Betlehem, dia tidak duduk menangis seraya mengenang nasib malangnya. Rut bercadang kepada mak mertuanya supaya dibiarkan pergi ke ladang memungut bulir-bulir jelai (Rut 2:1). Kerajinannya telah membawa diri ke ladang Boas, sanak saudara mendiang suami Naomi. Bila diberitahu tentangnya, Boas sendiri menemui Rut dan mengalakkannya untuk tinggal saja di ladangnya, tidak usah ke tempat lain (Rut 2:8). Rut bukan saja sengaja dipersediakan tuaian jelai, (Rut 2:15-16) bahkan makanan, minuman dan perlindungan tanpa gangguan diberikan Boas kepada Rut (Rut 2: 9,14).

Begitu terharu Rut kepada belas kasihan yang dicurahkan atasnya oleh seorang yang tidak dikenalnya. Boas mengenalnya, “dengan lengkap segala sesuatu” mengenai kelakuan Rut terhadap Naomi, dan bagaimana dia meninggalkan ibu bapa dan tanah kelahirannya serta pergi kepada suatu bangsa yang tidak dikenalnya (Rut 2:11). Dia ingin menaungi dan melindungi Rut, wanita yang memperhatikan orang lain juga.

Begitu juga dengan kita yang dahulunya memang seperti “orang Moab” yang tidak mengenal Tuhan yang benar. Seperti Rut, bila kita memilih masuk ke bawah naungan Yesus Kristus walaupun perjalanan itu berliku-liku, kita tidak perlu keluar daripada naungan Tuhan sewaktu menghadapi rintangan hidup. Sebaliknya Allah akan bercampur tangan dalam hidup kita dan mencukupkan segala keperluan kita.

Renungan hari ini: Aku mahu bersemadi dalam naungan Tuhan dan mempercayai pemeliharaan-Nya sekalipun jalanku tidak selalu cerah.

Sediakan Kamar Untuk Tuhan

BACAAN:
2 Raja-Raja 4:13-17

Baiklah kita membuat sebuah kamar yang kecil di tingkat atas rumah kita, dan melengkapinya dengan tempat tidur, meja, kursi, dan lampu supaya ia dapat menginap di situ setiap kali ia mengunjungi kita. —2 Raja-Raja 4:10

Sekali-sekala jiran-jiranku akan mengubahsuaikan rumah mereka. Ada kerja-kerja yang sederhana, ada pula yang melibatkan hampir seluruh rumah dirobohkan untuk membangunkan sesuatu yang baru. Alkitab menceritakan tentang seorang perempuan bangsawan yang mengubahsuaikan rumahnya untuk mengalu-alukan seorang tetamu khas.

Tetamu itu Elisa, abdi Allah yang kudus. Bukan sahaja perempuan ini mengundang Elisa bersinggah untuk makan tetapi memperuntukkan juga tempat penginapan khas untuk kemudahan dan keselesaan. Penyediaan ini tentu tidak senang dan memerlukan perbelanjaan wang dan masa. Perempuan ini tidak mengira kesusahan atau mengharapkan apa-apa balasan atau berkat daripada Elisa. Perbuatan kasih ini diberkati tanpa disedarinya melalui nubuat Elisa; Tuhan melakukan mukjizat dengan menunaikan keinginan rahsia hatinya untuk seorang anak.

Kesudahan cerita perempuan Sunem tidak setakat ini. Alkitab memberitahu bila anak itu sudah besar, suatu hari dia mati secara mendadak dalam pangkuan ibunya. Perempuan ini pun meletakkan jenazahnya atas katil dalam kamar Elisa dan dengan serta-merta, dia pergi mencari abdi Allah di gunung Karmel. Perhatikan bahawa perempuan ini menyimpan hal kematian anaknya dalam hati sendiri. Kepada suaminya, dia berkata, “Jangan khuatir” (2 Raj. 4:23). Kepada Gehazi, bujang Elisa, yang menanyakan keadaan keluarga, dia menyahut, “Selamat” (2 Raj. 4:26). Dia membawa kepedihan hatinya terus kepada Elisa (2 Raj. 4:28).

Walaupun Elisa mengarahkan Gehazi pergi dengan tongkatnya sendiri untuk menghidupkan anak itu, perempuan Sunem tetap tidak mahu melepaskan Elisa sampai bersumpah, “Demi Tuhan yang hidup dan demi hidupmu sendiri, sesungguhnya aku tidak akan meninggalkan engkau” (2 Raj. 4:30). Lalu Elisa bangun, mengiringi perempuan itu kembali ke rumahnya dan di atas katil dan kamar yang memang telah dikhaskan untuknya, berlakulah mukjizat pertama kebangkitan orang mati dalam Perjanjian Lama atas anak perempuan Sunem itu.

Kita berdoa untuk mukjizat. Soalnya adakah kita sudah menyiapkan kamar khas dalam hati kita untuk hadirat Tuhan? Adakah kita tahu segera membawa dan menyerahkan keadaan hidup terus kepada Tuhan tanpa memandang kepada cara atau orang lain? Adakah hati kita kuat berpaut hanya kepada Tuhan?

Renungan hari ini: Mukjizat akan berlaku bila aku sudi menyiapkan tempat untuk Tuhan mengerjakannya.

Kasih Yang Abadi

BACAAN:

Mazmur 36:5-10

Aku mengasihi engkau dengan kasih yang kekal, sebab itu Aku melanjutkan kasih setia-Ku kepadamu —Yeremia 31:3

Perkahwinan sepasangan manusia semestinya merupakan detik yang bermakna dan terindah sekali dalam hidup mereka. Pasti setiap pengantin perempuan akan menyimpan kenangan berdiri di sisi mempelainya selama-lamanya. Bukankah hati kita seolah-olah meletup dengan keriangian luarbiasa! Harapan bermekar pada muka kekasih, kemanisan perhubungan yang dijalinkan kini dimeteraikan dalam mata manusia dan mata Tuhan akan bertumbuh dengan cantik, sempurna dan berkekalan sepanjang hidup.

Itulah idaman setiap pasangan lelaki dan perempuan yang memulakan hidup baru sebagai suami isteri, “membangun satu maghligai.”

Sayang seribu sayang, bagi sesetengah orang, idaman hanya tinggal impian, kerana perjalanan dilanda badai bergelora yang begitu kuat sampai menenggelamkan perahu hidup bersama. Terjadi penceraian, pemisahan, mungkin kerana ketidaksefahaman, kemarahan, perzinaan. Hati hancur bak cermin yang berkecaian dalam seribu serpihan. Menurut satu kajian dalam tahun 2005, setinggi 20% perkahwinan di Malaysia berakhir dalam penceraian. Sekalipun ada pasangan yang mencapai idaman kasih antara satu sama lain sampailah beruban, untuk mereka pun, suatu masa nanti, maut akan memisahkan perhubungan dengan sang kekasih. Akhir kata, betapa indahnya kasih antara dua insan tetap tidak abadi.

Mereka yang mengejar cinta manusia sebagai kepuasan muktamad dalam hidup akan mengalami kehampaan. Dari masa ke semasa, kasih manusia boleh bertukar, berkurangan, lenyap, dan akhirnya meninggal juga. Selama 17 tahun, suamiku merupakan kasih yang terbesar dalam hidupku. Ini bukan bererti kami tidak pernah bertengkar ataupun jalan hidup kami bersama tiada cabaran. Pada suatu ketika, semasa kami belum percaya kepada Yesus, kami berdua pernah mempertimbangkan penceraian tetapi setelah melalui semua ini, dalam hatiku, dialah kekasihku yang sejati.

Bila dia diserang oleh penyakit barah, aku tidak tertahan membayangkan hidup tanpanya, begitu takut kehilangan kasih ini. Tiba juga saat aku terpaksa melepaskannya dari hatiku. Saat perlepasan itu, bila abangku selaku pastor berdoa untuk aku. Tuhan berbisik Akulah Kekasihmu. Aku sedar walaupun aku kehilangan kasih suami, kasih ilahi yang menakjubkan memenuhi jiwaku.


Kasih manusia tidak mungkin sempurna. Puji Tuhan kasih ilahi tidak seperti kasih manusia. Dalam kata penulis Max Lucado, kasih Allah tidak pernah berhenti, walaupun kita menolak, mengenyepikan, atau mengingkari-Nya. Dia tidak berubah – kejahatan kita tidak boleh mengurangkan kasih-Nya, begitu juga kebaikan kita tidak boleh menambahkannya. Iman kita tidak memperolehi kasih-Nya, kebodohan kita

tidak menjejaskannya. Allah tidak akan mengasihi kita kurang kalau kita gagal, Dia tidak mengasihi kita lebih kalau kita berjaya. Sampailah maut pun tidak boleh memisahkan kita daripada kasih Allah.

Renungan hari ini: Aku bersyukur kepada Engkau Tuhan atas kasih-Mu yang tidak bersyarat, tidak bergantung kepada kelayakan atau perbuatanku, tidak berubah dengan masa atau keadaan. Hatiku terbuka menerima pencurahan kasih-Mu.

Kasih Abadi

Aku menghulur tangan
Menyentuh-Mu
Dari roh kepada Roh
Hatiku bertumbuh sayap
untuk terbang
kerana ketakjuban
dan keindahan-Mu
aku berdiri, terkagum
dalam kuasa kasih-Mu
menyerah kepada pergerakan
Roh-Mu
dalam diriku
Aku terbawa
dalam tangan kekal-Mu
berdiri atas gunung
melalui lembah mata air
aku telah berjalan
Tangan-Mu dalam tanganku
bayangan di belakangku
bermuka sinaran kemuliaan-Mu
aku menjadi lebih
daripada yang aku mungkin jadi
oleh diri sendiri, kerana dalam-Mu
aku dilahir kembali
ke dalam hidup abadi
kasih abadi
Yesus



Ketawalah! Allah Kita Setia

BACAAN:

Kejadian 21:1-7

Dia yang memanggil kamu adalah setia, Dia juga akan menggenapinya.

—1 Tesselonika 5:24

Jika kita menyangkal Dia, Dia pun akan menyangkal kita; jika kita tidak setia, Dia tetap setia, kerana Dia tidak dapat menyangkal diri-Nya. —2 Timotius 2:11-13

Perkataan setia ditafsirkan sebagai “mempercayai secara teguh” atau “dipercayakan.” Tidak setia pula ditafsirkan sebagai tidak (mahu) percaya. Ini bermakna kesetiaan dikaitkan dengan kepercayaan. Alkitab membandingkan kesetiaan keilahian yang tetap dengan kesetiaan manusia yang tidak boleh dipercayai.

Sara ketawa terbahak-bahak apabila terdengar janji Allah bahawa tubuhnya yang sudah putus haid, dah berusia 90 tahun, akan melahirkan seorang anak lagi (Kej. 18:12). Adakah kamu hairan dengan tindakbalasnya? Sebenarnya kita tidak begitu hairan, kerana pemikiran dan pemahaman manusia begitu terbatas lebih-lebih lagi kalau perkara itu terbukti tidak boleh terjadi berdasarkan hukum-hukum alam semulajadi. Itulah keadaan ketidakpercayaan Sara sewaktu dia dilawati Allah dan diberikan janji yang menurut pemikirannya mustahil berlaku.

Aneh, Allah nampaknya tidak marah tentang ketidaksetiaan Sara. Bila Sara cuba menafikan dia ketawa, Allah hanya menegaskan kebenaran “Tidak, memang engkau tertawa” (Kej. 18:15). Maksud ketawa dalam versi ini membawa implikasi berolok-olok. Beranikah engkau ketawakan Allah begitu? Allah yang panjang sabar tidak menjatuhkan apa-apa hukuman teruk terhadap Sara. Allah boleh menukar rancangan-Nya menggunakan orang lain yang lebih setia dalam kepercayaannya. Alkitab memberitahu kita (Kej. 21:1-2). Tuhan tetap memperhatikan Sara seperti yang difirmankan-Nya, dan Tuhan melakukan kepada Sara seperti yang dijanjikan-Nya... Maka mengandunglah Sara, lalu dia melahirkan seorang anak laki-laki bagi Abraham dalam masa tuanya, pada waktu yang telah ditetapkan, sesuai dengan firman Allah kepadanya. Memang Allah tidak mungkin berdusta (Ibr. 6:18).

Pertama kali, Sara telah tertawa kerana dia tidak mempercayai janji Allah. Kali kedua, dia ketawa lagi, tetapi untuk sebab lain. “Allah telah membuat saya tertawa kerana gembira. Setiap orang yang mendengar hal ini akan tertawa gembira bersama saya” (Kej. 21:6). Anak perjanjian yang dilahirkan diberi nama Ishak yang bermakna “dia ketawa.”

Alangkah setianya Allah, walaupun manusia tidak setia! Semua janji-janji-Nya adalah Ya dan Amin dalam Yesus Kristus (2 Kor. 1:20).

Renungan hari ini: Aku bersyukur kesetiaan-Mu tidak bergantung kepada kesetiaanku, Tuhan.

Sepintas Lalu Tidak Mencukupi

BACAAN:
Lukas 10:38-42

Marta, Marta, engkau kuatir dan menyusahkan diri dengan banyak perkara, tetapi hanya satu saja yang perlu; Maria telah memilih bagian yang terbaik, yang tidak akan diambil dari padanya. —Lukas 10:41-42

Seandainya Tuhan Yesus bertandang ke rumah kamu, apakah respon kamu? Kalau saya, pasti panik... Alamak! Lantai belum disapu, masakan apakah yang enak... Aaargh! Tak sempat pergi pasar dah pukul berapa! Sebaliknya, mungkin hati kamu melonjak sehingga sudah kamu terlupa segala-gala hal lain. Kamu hanya tahu balik rumah, duduk termenung sampai Yesus tiba? Kita mungkin akan bersikap seperti Marta atau sebaliknya seperti Maria yang tenang-tenang sahaja dan duduk di kaki Yesus untuk mendengar sabda-Nya?

Dalam Lukas 10:41, Yesus tidak memarahi Marta yang sibuk-sibuk menguruskan hal ini itu untuk menyambut lawatan-Nya. Sebenarnya kalau ada tetamu yang ingin melawat kita, tidak mengira siapa pun, bukankah kewajipan kita sebagai tuan rumah memastikan keselesaan-Nya? Bukankah patut rumah kita dikemaskan dan sekurang-kurangnya minuman dihidangkan untuknya? Bila Yesus memuji Maria yang duduk dekat kaki-Nya, Dia tidak bermaksud mengajar kita mengabaikan tanggungjawab yang perlu kita laksanakan dan asyik bertumpu pada kegiatan-kegiatan rohani.

Ya, tidak dapat disangkal bahawa keutamaan kita melayani Tuhan dengan segenap hati kita. Kewajipan kita memang melayani Tuhan dengan tangan, mulut dan seluruh tubuh badan kita. Yesus pernah menegur seorang tuan rumah bernama Simon yang biadab kerana gagal menyediakan air untuk membasuh kaki-Nya; pada hal itulah layanan yang lazim untuk tetamu terhormat pada zaman Yesus. Bayangkan diri kamu tetamu. Kamu melangkah masuk ke sebuah rumah yang kotor dan berselerakan, secawan air pun tidak disediakan. Tuan rumah hanya duduk merenung mukamu, adakah kamu akan singgah lama di situ? Namun pelayanan tanpa ibadah peribadi hanya dangkal sahaja.

Ketahuilah Yesus sudi menumpang di rumah kita. Dia bukan sebarang tetamu biasa, tetapi Pencipta Allah semesta alam. Adakah kita sudah cukup puas dengan lawatan Tuhan untuk sejam dua sahaja? Tidakkah kita inginkan Dia tinggal sebagai penghuni tetap dalam “rumah” (hidup) kita sepanjang masa? Kita ingin melayani dan duduk di bawah kaki-Nya untuk mendengar sabda-Nya dan keindahan suara tetamu khas ini.

Renungan hari ini: Aku tidak puas kalau Tuhan singgah sebentar sahaja dalam rumahku; aku rindu akan hadirat-Nya. Jadi aku bukan sahaja hendak menyembah-Nya dengan hati yang memuja, tetapi aku ingin melayani-Nya dengan melaksanakan segala tanggungjawab hidupku.

Adakah Awak Mengenalinya?

BACAAN:

Yohanes 4:4-10

Jawab Yesus kepadanya: “Jikalau engkau tahu tentang karunia Allah dan siapakah Dia yang berkata kepadamu: Berilah Aku minum! Niscaya engkau telah meminta kepada-Nya dan Dia telah memberikan kepadamu air hidup.” —Yohanes 4:10

Saya mesti mengaku setiap kali fikiranku melayang kepada Tuhan Yesus, susah untuk saya bayangkan rupa-Nya kerana saya tinggal pada zaman lain dan tidak berpeluang menjenguk muka-Nya. Wajah-Nya di luar kemampuan imaginasi untuk melukisnya.

Seorang perempuan telah bertemu dengan Tuhan sendiri tanpa disedarinya. Sebenarnya dia tidak mahu bertemu dengan sesiapa sahaja kerana di mata masyarakat dia terhina dan sampah. Perempuan ini orang Samaria yang memang tidak bergaul dengan orang Yahudi, tetapi Yesus, seorang Yahudi, dengan sengaja memperkenalkan diri-Nya kepada dia. Dengan tepat sekali, Yesus mengemukakan isu-isu kerohanian yang terselit di belakang soal balas percakapan mereka – dosa dan ketidaktahuan perempuan itu. Yesus berkata kepadanya, “...engkau sudah mempunyai lima suami dan yang ada sekarang padamu, bukanlah suamimu ...kamu menyembah apa yang tidak kamu kenal...” (Yoh. 4:18, 22).

Walau bagaimanapun, perempuan itu mengetahui sedikit, kerana dia menjawab “Aku tahu, bahwa Mesias akan datang, yang disebut juga Kristus; apabila Dia datang, Dia akan memberitakan segala sesuatu kepada kami” (Yoh. 4:25). Yesus menambahkan pengetahuannya; katanya, “Akulah Dia, yang sedang berkata-kata dengan engkau” (Yoh. 4:26). Perempuan itu bersaksi sekembali ke kota kepada orang ramai, “Mari, lihat! Di sana ada seorang yang mengatakan kepadaku segala sesuatu yang telah kuperbuat. Mungkinkah Dia Kristus itu?” (Yoh. 4:29). Mereka tergesa-gesa ingin mendengar Yesus dengan telinga mereka sendiri, dan tahu bahawa Dialah benar-benar Juruselamat dunia (Yoh. 4:42).

Bagaimana dengan engkau? Kalau Tuhan Yesus berdiri di hadapan engkau hari ini, adakah engkau mengenali-Nya? Mungkinkah pertemuan kamu seperti perempuan Samaria itu? Pertemuan dengan Tuhan untuk pertama kali tidak akan menyenangkan, kerana dosa didedahkan dan kekurangan kita tersingkap di hadapan-Nya. Pendedahan ini bukan bermakna untuk mengecam, sebaliknya untuk menginsafi dan membawa kepada pengetahuan yang lebih mendalam supaya kita mengerti kasih karunia daripada Tuhan yang sedia menghulurkan air hidup untuk memuaskan kehausan roh kita selama-lamanya.

Renungan hari ini: Tuhan, Engkau yang mengenali diriku sepenuhnya. Tunjuk ajarlah aku supaya mengenali Engkau lebih-lebih lagi.

Masuk Mengadap Raja

BACAAN:
Ester 2:12-14

...demi kemurahan Allah aku menasihatkan kamu, supaya kamu mempersembahkan tubuhmu sebagai persembahan yang hidup, yang kudus dan yang berkenan kepada Allah: itu adalah ibadahmu yang sejati. —Roma 12:1

Katakanlah kamu telah membuat temujanji dengan buah hati kamu. Bukankah sebelum bertemu, kamu sibuk-sibuk merancang pakaian apakah yang hendak pilih? Bagaimana mendandan rambut, warna gincu apakah yang paling bersesuaian kulit? Oh ya, hiasan apakah, tas tangan yang mana satu dan kasut mana yang berpadanan. Entah kenapa seribu satu persiapan anda uruskan untuk memastikan wajah kamu berseri seperti bulan purnama.

Beribuan tahun yang dahulu, seorang Raja berkeputusan mengadakan suatu pertandingan memilih ratu barunya. Ramai perawan dikumpulkan raja dari segenap daerah kerajaannya dan dibawa masuk ke dalam istana untuk menghadap raja. Mereka semua diberi hanya satu malam sahaja untuk memikat hati Raja. Mereka masuk menghadapnya pada waktu petang dan keluar pagi keesokannya.

Sebelum dibenarkan menghadap raja, setiap gadis telah menjalani perawatan kecantikan selama dua belas bulan untuk mempersiapkan dirinya dengan pemakaian wangi-wangian: enam bulan untuk memakai minyak mur dan enam bulan lagi untuk memakai minyak kasai serta lain-lain wangi-wangian perempuan. Perendaman dalam pelbagai wangian bertujuan untuk menyucikan dan melembutkan kulit badan. Begitulah Ester tekun mempersiapkan dirinya sepanjang satu tahun untuk temu-janji satu malam dengan Raja Persia (Est. 2:12).

Perawatan ini wajib untuk menjamin hanya gadis yang tercantik layak dipersembahkan dan diterima oleh Raja. Kalaulah raja manusiawi juga menuntut kesempurnaan, agaknya apakah tuntutan Raja atas segala raja, Tuhan atas segala tuhan sewaktu umat-Nya menghadap? Ester mengambil begitu lama untuk menyiapkan dirinya menghadap raja manusia, bukankah kita lebih-lebih lagi patut berhati-hati menyiapkan diri kita sebelum masuk dalam hadirat Allah yang Maha Kudus?

Wangian apakah yang mampu menawan hati Raja kita? Adakah Dia akan tertarik oleh Chanel no. 5, Estee Lauder ataupun jenama mahal terkenal yang terdapat di pasaran dunia? Sebenarnya, hanya satu wangian yang perlu; bukan campuran dalam botol tetapi apa yang dikurniakan oleh Raja kita sendiri – nama wangian itu Kasih.

Renungan hari ini: Allah semesta alam berhak menerima persembahan yang terbaik daripada saya. Aku akan menghadap di hadapan takhta-Nya bermandian wangian kasih.

Pakaian Yang Tak Ternampak

BACAAN:

1 Petrus 3:3-7

Sebagai orang-orang pilihan Allah yang dikuduskan dan dikasihi-Nya, kenakanlah belas kasihan, kemurahan, kerendahan hati, kelemahlembutan dan kesabaran... Dan di atas semuanya itu: kenakanlah kasih sebagai pengikat yang mempersatukan dan menyempurnakan. —Kolose 3:12,14

Adakah kamu seperti saya... setiap pagi menggaru kepala kerana entah nak pakai baju apa? Bagaimana pula bila pergi membeli-belah, adakah kepala kamu pusing kerana terlalu banyak pilihan di depan matamu? Tergiuurkah kamu oleh beraneka jenis fesyen yang diiklankan dalam suratkhbar? Siapa agaknya pereka fesyen pertama di dunia? Tahukah kamu pakaian pertama dibuat daripada pohon ara? Adam dan Hawa membuat cawat ketika menyedari mereka dalam keadaan telanjang setelah berdosa (Kej.3:7).

Pakaian jenis apakah yang memuliakan Tuhan sungguh penting bagi anak Tuhan. Apa yang kita pilih untuk pakai dengan tanpa disedari melambangkan keperibadian kita. Ada pakaian yang menjolok mata, ada yang tidak bersesuaian dengan warna kulit, ada yang sudah terlalu ketat, ada yang cocok hanya untuk masa atau tempat tertentu. Jean yang terlalu longgar dan sering mendedahkan susuk badan kita tidaklah sesuai dipakai walaupun memang menjadi ala fesyen semasa.

Perlukah kita memakai yang mahal-mahal untuk melambangkan imej Kristus dalam diri kita? Alkitab memberi panduan cara pemakaian untuk orang yang percaya dan mengasihi Tuhan. Tuhan tidak memandang samada pakaian yang kita beli itu dari pasar malam berhampiran atau yang termahal dari butik terkenal di Paris. Sebenarnya pakaian yang bermutu dan sempurna sekali dalam mata Tuhan langsung tidak boleh dibeli dengan wang... *belas kasihan, kemurahan, kerendahan hati, kelemahlembutan, kesabaran, kasih*. Bagi isteri Kristian, Petrus menasihatkan supaya perhiasan janganlah secara lahiriah, iaitu dengan mengepang-ngepang rambut, memakai perhiasan emas atau dengan mengenakan pakaian yang indah-indah, tetapi biarlah kecantikan timbul dari batiniah, yang tersembunyi dan abadi yang berasal dari roh yang lemah lembut dan tenteram, yang sangat berharga di mata Allah (1 Pet 3:3-4).

Bagi anak-anak Tuhan, pakaian terindah ialah keindahan batin mereka dan bukan pakaian luar sahaja. Sewaktu anda berdiri di depan cermin, tanyakan diri, "Adakah pakaian ini boleh menjadi batu sandungan bagi lelaki?" Pertanyaan kedua, "Sekalipun aku berdiri di sini berdandan dengan menawan, adakah Kristus benar-benar terpancar dalam batinku?"

Renungan hari ini: Apa yang saya kenakan atas diri setiap hari bukan terhad kepada pakaian kain luar sahaja. Biarlah kejelitaan saya dipaparkan dalam budi pekerti dan perangai saya.

Layakkah Kita Menerima Kasih-Nya?

BACAAN:
Yohanes 13:1-5

Sementara itu sebelum hari raya Paskah mulai, Yesus telah tahu, bahwa saat-Nya sudah tiba untuk beralih dari dunia ini kepada Bapa. Sama seperti Dia senantiasa mengasihi murid-murid-Nya demikianlah sekarang Dia mengasihi mereka sampai kepada kesudahannya. —Yohanes 13:1

Menjelang petang penyaliban Yesus, perhatian khusus apakah yang diberikan-Nya? Inilah kali terakhir Yesus bermesra dengan para murid-Nya di dunia. Kalau engkau mengetahui inilah hari terakhir dalam hidupmu di dunia ini, apakah yang akan kamu katakan dan lakukan untuk orang-orang tersayang? Alkitab memberitahu kita bahwa Yesus membasuh kaki murid-murid-Nya (Yoh. 13:4-5) – kesemua 12 orang, termasuk pengkhianat Yudas.

Bagaimanakah Tuhan Yesus, Allah semesta alam, boleh buat begitu? Allah semesta alam sanggup melutut di hadapan manusia, mengotorkan tangan yang menciptakan mereka... mereka yang sering kurang percaya, lambat memahami, mudah tergoda dan cepat tamak. Jangan kita asyik mengutuk Yudas sahaja. Perhatikanlah Petrus, yang menafikan Tuhan bukan sekali, bahkan 3 kali berturut-turut (Mat. 26:75). Bukankah Yohanes dan Yakub berebut-rebut untuk kedudukan termulia di sebelah Tuhan? (Mr.10:37). Jangan lupa pula Filipus yang tidak beriman tetapi hanya tertumpu kepada kebesaran masalah 5000 perut yang lapar. Dia lupa akan kebesaran Tuhan yang mencipta alam (Yoh. 6:7). Bukankah Natanael pernah meragui Yesus dan tertanya-tanya adakah apa-apa baik yang boleh datang dari Nazaret? (Yoh. 1:46). Ketiga-tiga murid-Nya yang intim dengan Yesus pula jatuh tidur dalam taman Getsemani bila mereka dipanggil berjaga-jaga dalam doa di masa Dia terasa tertekan sekali (Mr. 14:37). Semua mencabut lari meninggalkan Yesus bersendirian ketika Dia ditangkap.

Bukankah kita juga seperti murid-murid Yesus? Mungkin kita tidak seteruk Petrus sampai menafikan Tuhan kita. Bukankah kita selalu menyembah dengan mulut manakala hati berjauhan 1000 batu dari Tuhan bahkan kita tertidur dalam kebaktian? Bukankah setiap gereja berimpian membina, membina, dan membina lagi; jangan-jangan mungkinkah untuk kerajaan manusia, dan bukan sungguh-sungguh untuk kerajaan Allah? Masihkah ada yang bersungut-sungut dalam hati apabila doa kita tidak dikabulkan Tuhan dengan serta-merta? Apatah lagi kalau dilanda penderitaan dan kesengsaraan hidup, kita berani menyoal Tuhan “Kenapa ini berlaku kepada aku, bukankah aku ini setia pada-Mu?”

Seringkali apabila saya merenung kasih setia dan panjang sabar Tuhan, saya memang tidak memahami bagaimana Dia boleh mengasihi manusia yang penuh dengan kelemahan. Bukankah manusia yang jahat sekali, kita menghampakan-Nya dalam kelakuan dan sikap kita? Jangan terlepas butir terperinci ini – Yesus

menanggalkan jubah-Nya. Dengan itu, Dia tidak menghiraukan kedudukan-Nya sebagai Allah sama sekali, Dia melutut seraya membersihkan kaki kotor manusia – inilah kasih tak terhingga. Adakah manusia layak menerima kasih-Nya yang tak terhingga?

Renungan hari ini: Tuhan, aku berdiri dalam kekaguman kasih-Mu yang tidak mungkin aku fahami dan yang tidak layak aku terima namun telah Engkau curahkan dalam hidupku.



Kerana Kasih Karunia-Mu

*Bapa syurgawi
Tanpa kasih karunia-Mu
Apalah aku?*

*Engkau membentukku dari ketiadaan
Memenuhi aku dengan kasih-Mu
Aku mengecapi kebaikan-Mu
Mencurahkan anugerah-Mu...
Aku begitu diberkati*

*Bapa Syurgawi
Tanpa kasih karunia-Mu
Kenapa aku?
Engkau memilih Diriku yang tiada apa-apa
Melantik aku
Menghasilkan buah Roh-Mu
Aku disempurnakan kehendak-Mu*

Sungguh aku tidak layak...

Hidangan Pada Waktu Sembilu

BACAAN:
Rut 1:1-6

Kemudian berkemaslah dia dengan kedua menantunya dan dia pulang dari daerah Moab, sebab di daerah Moab dia mendengar bahawa Tuhan telah memperhatikan umat-Nya dan memberikan makanan kepada mereka. —Rut 1:6

Makanan kegemaran engkau apa? Anak lelaki saya mengemari sekali makanan Barat, kerana ada banyak hidangan: pembuka selera, hidangan utama dan berakhir dengan pembasuh mulut. Saya lebih suka makanan Timur, semua hidangan dikeluarkan sekaligus... buat apa tunggu lama-lama ya?

Naomi telah meninggalkan Betlehem dan pergi ke Moab bersama dengan keluarganya kerana terjadi kebuluran di tanahair sendiri. Untuk 10 tahun, dia menetap di negara asing, anak-anaknya berumahtangga di sana lalu mengahwini isteri asing. Malangnya kematian menghantui Naomi merampas semua ahli lelaki dalam keluarganya. Bayangkan, keluarga ini hanya tinggal tiga balu untuk mengharungi perjalanan masa depan yang penuh kerumitan.

Naomi terdengar berita bahwa kebuluran telah tamat di Betlehem pada saat pedih ini. Segala makanan sedap Moab sudah tidak dapat memenuhi keperluan hati Naomi. Maka dia pun berazam “balik kampung” ke Betlehem yang bererti “rumah roti.” Zaman itu makanan asas mereka adalah roti. Naomi seharusnya pulang ke sumber utama pemeliharaannya – Roti Hidup! Dia berjalan keluar pintu Betlehem pada masa kebuluran, dia kembali pada musim menuai jelai, masa berkelimpahan. Matanya masih dikaburi oleh sembilu airmata sehingga ketika orang ramai menyambut pengembaliannya, dia berkata “Janganlah sebutkan aku Naomi; sebutkanlah aku Mara, (ertinnya pahit) sebab Yang Maha Kuasa telah melakukan banyak yang pahit kepadaku” (Rut 1:20).

Keluhan kepedihan seorang balu yang bukan sahaja kehilangan suami tetapi seorang ibu yang kehilangan anak-anak yang tersayang. Nampaknya tiada apa yang dapat mengenyangkan kelaparan hati kosong wanita tua ini. Ketika kesengsaraan menimpa, kita cepat menganggapnya sebagai penentuan yang pahit bagi kita. Perspektif kita telah dikaburi airmata. Naomi yang menderita berat mungkin terhalang pengertian rohaninya bahawa Tuhan masih mengasihinya dan keluarganya.

Tetapi Tuhan memerhatikan golongan balu dengan istimewa sekali; Dia menegakkan kembali para janda (Mazm. 146:9). Begitulah melalui pernikahan Boas dan Rut, akhirnya Naomi mendukung anak sekali lagi dalam pangkuannya (Rut 4:16), cucu yang terkira dalam silsilah Yesus Kristus. Memang terpujilah Tuhan yang rela menolong (Rut 4:14).

Renungan hari ini: Makanan yang berkhasiat dan yang memulihkan jiwaku yang terkulai ialah Roti Hidup.

Apa Keinginan Kamu?

BACAAN:

1 Korintus 13:1-13

...dan yang paling besar di antaranya ialah kasih... —1 Korintus 13:13

Kalaulah kamu diberi peluang memohon satu keinginan hatimu daripada Tuhan, apakah yang kamu ingini? Istana besar, wang yang meleleh, kesihatan, keselamatan dunia, atau hikmat? Keinginan hati manusia tiada terbatas, Allah semesta alam pun tidak terbatas kuasa-Nya untuk mengabulkannya.

Pernahkah kamu mendengar cerita mengenai keluarga yang dikunjungi oleh tiga orang tua? Mendengar ketukan, si isteri membuka pintu lalu menjemput orang-orang tua itu masuk berihat. Salah seorang itu memperkenalkan nama-nama mereka sebagai Kasih, Kekayaan dan Kejayaan, lalu mengajak perempuan itu memilih yang mana antara ketiga-tiga diingini sebagai tetamu kekal. Si suami bercadang menjemput Kekayaan masuk supaya mereka tidak kekurangan apapun. Si isteri pula mengingini Kejayaan masuk manakala si anak berpendapat lebih baik rumah mereka dilawati Kasih. Akhirnya mereka bersetuju menjemput Kasih masuk. Lalu isteri itu pun menanyakan mereka yang berdiri di luar, “Siapa antara kamu ialah Kasih? Jemputlah masuk rumah kami.” Maka seorang antara mereka tampil dan melangkah masuk. Kedua-dua orang tua yang lain pula mengikuti Kasih terus masuk juga. Lalu si isteri bertanya Kekayaan dan Kejayaan, “Eh, kami jemput Kasih sahaja masuk, kenapa pula engkau berdua ini mengikuti dia?” Maka jawablah mereka serentak, “Jikalau kamu memilih Kekayaan atau Kejayaan, hanya yang kamu pilih itu akan masuk tetapi kerana kamu memilih Kasih, maka Kekayaan dan Kejayaan juga turut, kerana Kekayaan dan Kejayaan memang akan ikut ke mana jua pun Kasih pergi.”

Sebagai gadis muda, kami mengharapkan jodoh yang baik. Sebagai isteri, kami inginkan suami yang penyayang, hidup keluarga yang selesa. Sebagai ibu, kami berdoa untuk kejayaan anak-anak. Semua keinginan ini bukan salah, tetapi janganlah kita lupa nasihat Paulus kalau kita tiada kasih, kita sama sekali tidak berguna dan segala pelayanan tidak ada faedahnya. Kasihlah jalan yang lebih utama (1 Kor. 12:31). Bukan sahaja kasih itu lebih daripada perkara-perkara kebendaan seperti kekayaan atau kejayaan, dalam perkara-perkara rohaniah pun, kasih yang lebih besar daripada iman dan pengharapan (1 Kor. 13:13), kerana kasih tidak berkesudahan (1 Kor. 13:8).

Renungan hari ini: Banyak yang hati aku ingini tetapi berapa baik pun keinginan itu, tiada yang lebih cemerlang daripada kasih.

Lebih Daripada Kawan

BACAAN:
Yohanes 14:20-21

Kekasihku kepunyaanku, dan aku kepunyaan dia. —Kidung Agung 2:16

Kajian psikoloji menggolongkan empat taraf kesetiakawanan dalam perhubungan manusia: bermula daripada orang berkenalan, menjalin persahabatan biasa, dan akhirnya mencapai kemesraan intim. Sesetengah kawan dikenali sebagai kawan cuaca cerah. Mereka hanya di sisi kita bila keadaan baik tetapi mereka akan menghilangkan kita sewaktu kita memerlukan pertolongan. Sesetengah kawan mempergunakan kita untuk tujuan sendiri kerana mereka ada udang di sebalik batu. Namun, pada taraf yang tertinggi, dua insan boleh menjalin persahabatan yang begitu akrab hingga selesai bersampingan tanpa mengungkapkan sepatah perkataan pun.

Sebuah lagu mengalun Yesus sebagai kawan setia kita tetapi adakah Yesus setakat itu sahaja? Ya, memang Dia kawan kita; yang berjanji biarpun gunung-gunung beranjak dan bukit-bukit bergoyang, tetapi kasih setia-Ku tidak akan beranjak dari padamu dan perjanjian damai-Ku tidak akan bergoyang (Yes. 54:10). Memang sejak saya memegang tangan-Nya sembilan tahun dahulu, saya telah dan masih mengalami persahabatan Yesus. Entah bila hatiku terasa macam sesuatu yang tidak lengkap dalam perhubungan ini; saya tidak puas lagi menjadi kawan karib Yesus, saya tertanya-tanya mungkinkah ada yang lebih? Mesti ada yang lebih.

Pada permukaannya, buku Kidung Agung mengisahkan tentang sepasang lelaki dan perempuan yang berlamunan cinta. Bila membaca tentang perhubungan mereka, hatiku tertangkap dengan keghairan perasaan mereka yang saling memerlukan. Kebanyakan sarjana-sarjana Alkitab mentafsirkan buku Kidung Agung sebagai suatu kiasan yang melambangkan kekasih mereka sebagai Kristus dan yang dikasihi sebagai gereja-Nya. Bila saya memperluaskan tafsiran ini ke dalam pengalaman sendiri, saya memahami bahwa perhubungan saya dengan Yesus jauh melampaui kawan intim sahaja. Alkitab memberitahu akulah milik kekasihku dan hati-Nya rindu akan daku (Kid. 7:10).

Apa perbezaan antara kawan dan kekasih? Antara jawapan yang aku dapati daripada pencarian di Internet:

Kawan mengharapkan kamu akan mengalami yang terbaik

Kekasih memberi kamu yang terbaik

Persahabatan mengisi akal budi kamu

Kasih sayang mengisi roh kamu

Seorang kawan akan cuba untuk bersamamu bila kamu dalam keperluan

Seorang kekasih mengorbankan segala-galanya untukmu jika diperlukan

Renungan hari ini: Betapa menakjubkan – Yesus Kekasihku, dan aku dikasihi-Nya jauh melampaui batas pengertiaku.

Mari Jom Makan

BACAAN:

Yohanes 4:32-35

Akan tetapi Dia berkata kepada mereka: “Pada-Ku ada makanan yang tidak kamu kenal. Makanan-Ku ialah melakukan kehendak Dia yang mengutus Aku dan menyelesaikan pekerjaan-Nya.” —Yohanes 4:32, 34

Suratkhabar tempatan melaporkan 49% penduduk Malaysia gendut dan dalam tahap bahaya mengidap pelbagai penyakit akibat kegemukan badan yang tidak terkawal. Kenyataannya sebahagian besar masyarakat Malaysia biasa makan 6-7 kali sehari. Kegemaran makan digalakkan lagi dengan kesediaan banyak jenis makanan untuk memuaskan setiap selera.

2,000 tahun dahulu, nafsu makan telah mendorong pengikut-pengikut Yesus meninggalkan-Nya di pinggir sebuah sumur untuk pergi ke kota membeli makanan. Sekembali mereka ke sumur itu, mereka mengajak Yesus untuk makan. Jawapan Yesus bahwa Dia ada makanan yang tidak dikenali mereka mengelirukan mereka (Yoh. 4:32-33). Mereka tidak memahami maksud Yesus bahawa makanan yang memuaskan-Nya tidak berasal dari alam fizikal, tetapi pelaksanaan kehendak Bapa yang mengutus-Nya.

Kita juga seperti pengikut-pengikut Yesus; sering kali kita hanya bertumpu kepada keperluan jasmani dan tidak sedar atau lupa langsung perkara-perkara rohani. Yesus merasai kelaparan sebagai seorang manusia juga tetapi fikiran-Nya bukan mengenai perut yang berkeroncongan.

Pada suatu hari sebelum Yesus berangkat dalam perjalanan, Dia telah berkeputusan melintasi daerah Samaria (Yoh. 4:4). Padahal Dia sudah tahu ada keperluan yang lebih mendesak dan lebih penting iaitu jiwa seorang perempuan yang melalui di sana. Dia mesti diselamatkan dan sahabat handainya juga.

Seorang perempuan Samaria datang berniat menimba air dari sumur namun dengan ajaib dia mendapat air hidup yang menghilangkan kehausan rohnya. Perempuan itu begitu teransang sehingga dia langsung meninggalkan tempayannya di situ lalu lari balik ke kota memberitakan kepada semua orang kemunculan Raja Penyelamat dunia (Yoh. 4:28-29). Dalam keghairahan kepercayaan baru, dia lupakan saja keperluan air untuk diri sendiri dan menjadi mubaligh pertama di kotanya. Akibatnya ramai orang Samaria penduduk kota itu percaya kepada Yesus (Yoh. 4:39).

Adakah kita begitu mementingkan kepuasan nafsu dan keperluan diri sendiri sehingga kita mengabaikan panggilan Tuhan untuk “...lihatlah sekelilingmu dan pandanglah ladang-ladang yang sudah menguning dan matang untuk dituai?” (Yoh. 4:35).

Renungan hari ini: Aku perlu berhenti mengejar hasrat hati sendiri serta melakukan kehendak Tuhan dalam hidupku dan hidup orang-orang yang Tuhan membawa kepadaku.

Siapa Dalam Taman Kamu?

BACAAN:
Yohanes 18:1-6

Ketika Dia berkata kepada mereka: “Akulah Dia,” mundurlah mereka dan jatuh ke tanah. —Yohanes 18:6

Saya menikmati keindahan taman yang dipenuhi bebunga dan tumbuhan beraneka. Dalam masa lapang, saya berkebun di dalam taman bunga kecil rumah saya. Itulah masa saya terpendang di antara semua yang cantik, ada yang hodoh di tamanku. Rumput-rumpai yang tumbuh beriringan dengan bunga yang indah memang hodoh. Rama-rama berterbangan menghiasi persekitaran, tetapi sang siput pula merosakkan daun-daun.

Dua taman dalam Alkitab, di mana dua peristiwa yang terpenting sekali dalam sejarah dunia pernah terjadi. Adam dan Hawa telah ditempatkan dalam Eden, taman pertama ciptaan Allah. Walaupun Eden begitu indah sekali, terdapat sesuatu yang mencemarkan keindahannya, sesuatu yang licik. Kejadian 3:1 memberitahu “adapun ular” di taman Eden. Kita tahu siapa sebenarnya di belakang ular itu, yang sedang menguasai dan memakainya sebagai alat dalam pengodaan Hawa. Hawa telah terperangkap oleh tipu muslihat syaitan, kemudian Adam ikut juga. Lahirlah dosa asal dalam dunia ini melalui perangkap iblis ini. Di taman Eden, manusia telah kalah dalam tangan musuh.

Beribuan tahun selepas kejadian itu, di dalam taman yang lain, tercetus lagi satu peperangan terhadap roh manusia. Di Getsemani, syaitan mengumpulkan tentera yang dahsyat sekali untuk menyerang Anak Tuhan sendiri. Syaitan berbisik-bisik menggoda Yesus pada waktu Dia lesu. Serombongan manusia membawa pedang dan pentung datang untuk menangkap-Nya, dibantu oleh pengkhianat dari kumpulan murid-Nya sendiri. Kuasa neraka dan kuasa manusia mencabar Yesus. Sebenarnya satu seruan daripada Yesus kepada Bapa di syurga boleh membawa sebanyak lebih kurang enam ribu (dua belas pasukan) malaikat untuk melindungi-Nya (Mat. 26:53), tetapi Yesus tidak meminta pertolongan Bapa-Nya. Dia hanya mengumumkan diri-Nya “Akulah Dia,” maka mundurlah mereka dan jatuh ke tanah. Begitu ajaib kuasa dan kewibawaan-Nya. Di taman Getsemani, syaitan telah dikalahkan oleh Anak Tuhan.

Siapa yang berada dalam taman hidup kamu? Janganlah biarkan ular tua itu bersembunyi di sudut-sudut gelap. Berdirilah tegak, halaukan dia keluar dalam nama Yesus, yang telah memenangi peperangan roh. Jangan biarkan iblis merosakkan keindahan taman hidup anda dan berhati-hati kalau dia menyelinap masuk pada saat anda berada dalam kelemahan.

Renungan hari ini: Saya tidak akan bertunduk lagi kepada tipu muslihat syaitan. Saya sedar saya telah jatuh tetapi saya dibangkitkan dalam kuasa Tuhan yang bangkit dari maut.

Kucing Tetap Kucing

BACAAN:

Efesus 2:3-6

Sebab aku tahu, bahawa di dalam aku, iaitu di dalam aku sebagai manusia, tidak ada sesuatu yang baik. Sebab kehendak memang ada di dalam aku, tetapi bukan hal berbuat apa yang baik. Sebab bukan apa yang aku kehendaki, iaitu yang baik, yang aku perbuat, melainkan apa yang tidak aku kehendaki, iaitu yang jahat, yang aku perbuat. —Roma 7:18-19

Penulis terkenal Max Lucado menceritakan tentang kisah seekor kucing yang dilatih sampai dapat berlagak sebagai pelayan manusia, berkebolehan berjalan tegak, membawa talam yang dihidang makanan sedap-sedap. Tuan punya kucing memakaikan kucing ini dengan baju pelayan dan semua orang terkagum dengan kebolehan binatang itu. Namun apabila seekor tikus tiba-tiba berlari melintas di hadapannya, dengan serta-merta kucing itu membuang talam, turun atas keempat-empat kaki dan terus mengejar tikus itu. Kisah ini mengajar bahawa kita tidak boleh bertopeng dan menyembunyikan sifat kita yang sebenarnya walaupun kita mungkin dapat menyamar rupa luar kita. Kucing itu tetap kucing; sifat sebenar akan terdedah apabila timbul sesuatu sehingga diri kita yang sebenarnya terdedah.

Kita boleh berpakaian baju cantik, kita boleh mengukir senyuman, kita boleh hadir di setiap kebaktian; kita boleh menyanyi pujian dengan lantang sekali bahkan kita boleh mempercayai kebenaran Injil, tetapi sebenarnya “hati manusia tak dapat diduga, paling licik dari segala-galanya dan terlalu parah penyakitnya” (Yer. 17:9). Itulah memang sifat semulajadi manusia yang resmi. Kita boleh berusaha sedaya upaya menyamar batin yang berdosa. Kita mungkin untuk seketika berjaya mengawal diri tetapi apabila tergoda oleh sesuatu sahaja, kejahatan yang terpendam akan muncul. Kita akan menunjukkan warna sebenarnya seperti kucing yang tergiur oleh tikus. Kalau begitu, nampaknya mustahil manusia melepaskan diri daripada kebelengguan dosa, seperti Paulus menyeru “Siapakah yang akan melepaskan aku dari tubuh maut ini?!” (Rom.7:24).

Paulus tidak berhenti pada tahap berputus asa sebaliknya dia berkata, “Syukur kepada Allah! oleh Yesus Kristus, Tuhan kita” (Rom. 7:25). Dia boleh bersaksi bahawa hanya Yesus yang dapat memutuskan rantai dosa yang mencengkam manusia sampai terjerumus ke dalam maut. Paulus begitu yakin akan kuasa Tuhan yang ajaib ini ketika dia sungguh menerima Yesus.

Akibat daripada pertemuan dengan Tuhan Yesus dalam perjalanannya ke Damsyik, sepanjang tiga hari dia tidak dapat melihat dan tiga hari lamanya dia tidak makan dan minum. Tiga hari, Paulus berada dalam kegelapan; selepas itu, dia dapat melihat kembali, dan dia pun bangun, lalu dibaptis (Kis. 9:18). Inilah mukjizat yang bukan saja membuka mata lahiriah tetapi mata batiniahnya. Sejak dari saat itulah, Saulus menjadi Paulus – ciptaan baru dalam Yesus yang telah dibebaskan dari

cengkaman rantai dosa dan dilepaskan dari maut. Sesuatu yang ajaib telah berlaku dalam kucing itu - dia telah dipenuhi roh Singa Yehuda!

Renungan hari ini: Saya sedar dan mengakui bahawa saya seorang yang berdosa tetapi bersyukurlah Tuhan Yesus telah membebaskan saya!

Kalau Bukan Kerana Engkau, Tuhan

*Kalau bukan kepada Engkau, Tuhan
Ke mana akan aku pergi
Dengan segala kebimbangan dan kedukaanku
Dalam kegelapan malam,
Engkaulah bintang pagi terangku
Kalau bukan kerana Engkau, Tuhan
Bagaimana aku boleh terus hidup
Untuk suatu lagi esok
Dalam dunia yang sakit berpecahan,
Engkaulah salap damaiku
Kalau bukan dalam Engkau, Tuhan
Apakah erti hidupku
Hanya kekosongan lepas kekosongan
Dalam sarang tipu muslihat,
Engkaulah kebenaranku
Kalau bukan kerana Engkau, Tuhan
Mengapa aku berharap
Untuk berkat kekekalan abadi yang akan datang
Dalam ketidaktentuan harian,
Engkaulah janji setiaiku
Kalau bukan kerana Engkau, Tuhan
Siapalah aku
Hanya pendosa terkutuk
Hanya kekotoran kain buruk kejahilanku,
Engkaulah keselamatan kudusku*

Camkan Suara Lain

BACAAN:

Yohanes 10:14-15

Jika semua dombanya telah dibawanya ke luar, dia berjalan di depan mereka dan domba-domba itu mengikuti dia, kerana mereka mengenal suaranya. Tetapi seorang asing pasti tidak mereka ikuti, malah mereka lari dari padanya, kerana suara orang-orang asing tidak mereka kenal. —Yohanes 10:4-5

Anak lelaki saya gemar memasang radio sehingga rumah tergoncang dengan Airama serta rentak baru. Saya pula tidak berminat rentak muzik yang disukainya. Maklumlah kegemaran anak belasan tahun memang berlainan daripada ibu tua. Setiap hari berbagai-bagai suara membedil telinga kita setiap saat dalam pelbagai bentuk. Ada yang nyaring, ada pula bisikan kecil lembut yang mampu menggoncangkan hati kita.

Perhatikan Yudas yang mendengar bisikan si iblis untuk mengkhianati Tuhannya. Kita memang cepat mencaci Yudas kerana dia pembelot setelah mendengar iblis. Fikirkan sebentar, bukankah Petrus, murid yang termasuk dalam persekutuan intim Yesus, juga berani menegur Tuhan bila diberitahu tentang penderitaan, kematian dan kebangkitan-Nya yang mesti terjadi? Suara siapa yang Petrus dengar pada masa itu? Yesus camkan suara lain ketika Dia berkata kepada Petrus, “Enyahlah Iblis. Engkau suatu batu sandungan bagi-Ku, sebab engkau bukan memikirkan apa yang dipikirkan Allah, melainkan apa yang difikirkan manusia” (Mat. 16:22). Telinga dan hati Petrus juga tercondong kepada suara yang bukan daripada Tuhan.

Suara Tuhan bukan selalunya ketara seperti angin yang kencang, gempa bumi mahupun api tetapi sering hadir seperti angin sepoi-sepoi (1 Raj. 19:11-12). Bagaimana pula dengan suara iblis? Yesus memberi amaran bahawa iblis itu pencuri yang datang hanya untuk mencuri, membunuh dan membinasakan (Yoh. 10:10). Pencuri tidak akan mencerobohi rumah kita dengan terang-terang tetapi mereka selalu menyerang dengan senyap-senyap. Itulah cara si iblis dari dahulu sampai sekarang. Dia memakai isteri Potifar untuk mempelawa Yusuf ke pelataran tidurnya tetapi Yusuf yang bersikap setia kepada Tuhan segera mengetahui itu suara godaan iblis.

Iblis menggunakan ular untuk bermulut manis kepada Hawa. Malangnya Hawa tertipu oleh kata-kata benar yang diselamatkan janji palsu daripada si pendusta. Keturunan Hawa begitu senang terpengaruh oleh kata-kata madu. Jaga-jagalah, suara siapa yang kita dengar? Jangan diperdayakan oleh bisikan orang asing, iblis, walau betapa menarik pun suaranya.

Renungan hari ini: Aku memasang radarku kepada Roh Kudus; biar telingaku terbuka hanya kepada suara-Nya, segala yang lain aku akan menangkisnya dengan segera.

Mahu Seribu Daya, Tak Mahu Seribu Dalih

BACAAN:
Kejadian 3:11-13

Kemudian berfirmanlah Tuhan Allah kepada perempuan itu: “Apakah yang telah kauperbuat ini?” Jawab perempuan itu: “Ular itu yang memperdayakan aku, maka kumakan.” —Kejadian 3:13

“Pensyarah tidak tahu mengajar!” kata Ramli ketika dia gagal dalam ujiannya. “Bapanya selalu memanjakannya!” kata seorang isteri sewaktu anaknya menjadi pembuli di sekolah. Menyalahkan orang lain dan membenarkan diri memang resmi sikap manusia sejak dahulu kala. Kalau kita gagal dalam peperiksaan, kita menyalahkan pensyarah kita yang tidak pandai mengajar. Kalau kita membuat keputusan yang tersilap, kita menyalahkan ibubapa kita.

Sejak dahulu kala, manusia sudah pandai menuding jari terhadap sesama dan tidak pernah rendah hati dan mengaku kesalahannya. Hawa berkata, “Ular itu yang memperdayakan aku, maka kumakan” (Kej 3:13). Tidak sepetah pun perkataan menunjukkan pengakuan kesalahan diri. Nampaknya dia hanya mengikut saja tauladan Adam yang mempersalahkanannya orang lain.

Sikap tuduh-menuduh punca tertanamnya benih pertengkaran antara suami-isteri di taman perkahwinan mereka. Kalau dibiarkan benih ini bertumbuh dalam perhubungan, lambat laun, akarnya akan mencengkam seperti racun yang mematikan kasih. Siapakah yang akan menjadi mangsa-mangsanya? Anak-anak kita yang tidak bersalah dan selalu mengharapakan berkat ikatan kasih daripada ibubapa mereka.

Hai, memanglah tabiat manusia yang pandai-pandai mencari helah melepaskan kesalahan diri; tidak mahu bermuka diri dengan kesalahan sendiri dan bertanggungjawab atasnya. Kambing hitam kesukaan orang Kristian ialah si iblis. Senang sekali kita meletakkan segala kelemahan dan kesalahan kita kepada si jahat itu. Bagaimanapun kita sendiri akan menghadapi Tuhan atas kesalahan kita dan bukan si iblis.

Kalau kita kehabisan akal dan alasan, kita berani pula menyalahkan satu-satunya yang tinggal – Allah sendiri. Kita berkata itu memang tangan Tuhan! Itulah makna terselit di belakang tuduhan Adam “Perempuan yang Kautempatkan di sisiku, dialah yang memberi dari buah pohon itu kepadaku, maka kumakan” (Kej 3:12).

Pepatah lama mengingatkan bahawa bila kita mengacukan jari telunjuk kita kepada seseorang, terdapat tiga jari lagi yang diacukan kepada diri sendiri. Akhir kata, Allah tidak menghiraukan dalih-dalih Adam atau Hawa dan terus menghukum dosa mereka.

Renungan hari ini: Betapa senangnya menyalahkan yang lain ketika kita berdosa. Sepatutnya aku menyelidiki hatiku sendiri terlebih dahulu sebelum mencari alasan atau kambing hitam.

Rancangan Tuhan Yang Terindah

BACAAN:

Kejadian 3:14-19

Firman-Nya kepada perempuan itu: “Susah payahmu waktu mengandung akan Kubuat sangat banyak; dengan kesakitan engkau akan melahirkan anakmu; namun engkau akan berahi kepada suamimu dan dia akan berkuasa atasmu.”
—Kejadian 3:15-16

Hawa dicipta sebagai “penolong” lelaki (Kej 2:18) dan diberkati dengan kuasa sedarjat dengannya (Kej. 1:28). Sayang sekali, dosa kedua-dua pihak bila memakan buah larangan di taman Eden telah mengganggu tata sususan asal Tuhan untuk mereka. Kedua-dua telah dihukum – perempuan akan mengalami kesakitan sewaktu melahirkan anak (Kej. 3:16-19). Yang paling berat bukan hukuman jasmani tetapi perpisahan dalam perhubungan rohani mereka dengan Allah.

Andai kata akulah Hawa yang mendengar kutukan Tuhan, sudah tentu aku menyesal sekali. Manalah kita boleh jangka bahwa kesan satu kesilapan boleh membawa kepada akibat yang begitu dahsyat sampai menjejaskan semua keturunan akan datang! Berapa kali kita mengambil sesuatu keputusan, mengutarakan sepatah dua perkataan, melakukan sesuatu perbuatan lalu menyesal selepas itu? Kita sering menyesal kalau hanya setelah nasi sudah menjadi bubur.

Ya, kita sering membuat kesilapan. Syukurlah, Allah menyediakan kemenangan atas belas kasihan dan anugerah-Nya. Sewaktu menghadap musuh tua iaitu si iblis, Allah berfirman kepada ular itu, “Ku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan ini, antara keturunanmu dan keturunannya; keturunannya akan meremukkan kepalamu, dan engkau akan meremukkan tumitnya” (Kej. 3:15). Tersirat dalam barisan ayat ini adalah janji Allah; nubuat pertama tentang kemenangan mutlak melalui Anak yang akan dilahirkan dari rahim perempuan manusia .

Kita kadangkala berfikir Allah kejam apabila kita membaca, “Jangan sampai dia mengulurkan tangannya dan mengambil pula dari buah pohon kehidupan itu dan memakannya, sehingga dia hidup untuk selama-lamanya” (Kej. 3:22). Kita tidak sedar kalau manusia hidup selama-lamanya setelah Adam dan Hawa jatuh dalam dosa, itu bererti kita hidup dalam dosa selama-lamanya. Sebaliknya, betapa besar rahmat Allah terhadap kita! Penghukuman-Nya juga tersedia rencana penyelamatan manusia.

Ya, pelanggaran manusia pertama membawa penderitaan. Mereka disingkirkan keluar dari taman Eden. Puji Tuhan, Dia telah mengalahkan iblis di kayu salib dan melunaskan hutang dosa.

Renungan hari ini: Saya menabahkan hati menerima akibat kegagalan dan kesalahan hidupku dalam sikap pertaubatan kerana saya tahu Allah dapat dan akan memperbetulkan segala-galanya mengikut rencana-Nya yang sempurna.

Jangan Percayakan Mata!

BACAAN:
Efesus 5:6-11

Perempuan itu melihat, bahawa buah pohon itu baik untuk dimakan dan sedap kelihatannya, lagi pula pohon itu menarik hati kerana memberi pengertian.
—Kejadian 3:6

Hobi anak perempuan saya yang kedua ialah membeli-belah terutamanya barang-barang perhiasan. Dia mempunyai lebih banyak kasut, pakaian dan aksesori wanita daripada emaknya! Seringkali dia akan membeli sesuatu menurut keinginan hatinya pada saat itu juga tetapi selepas beberapa hari, dia akan menyesal. Bila saya menanyakan kenapa membelinya, jawapannya selalu sama, “Pertama kali lihat, sangat cantiklah, tapi sekarang tidak begitu cantik.”

“Tentu manis dan berjus,” kata Hawa sambil menelan air liurnya, hati terpicat oleh buah pohon yang berbuai-buai di hadapan matanya. Ular berbisik ke dalam telinganya di taman Eden setelah Hawa tergiur dengan buah larangan. Daging manusia yang lemah tak dapat menahan daya penarik sesuatu yang bukan saja kelihatan sedap dan baik, bahkan dikatakan dapat membuka mata dan menjadikannya seperti Allah! (Kej. 3:5). Memang iblis bercakap benar kepada Hawa; selepas memakan buah larangan itu, mata kedua-dua manusia dibuka dan mereka mengerti baik dan jahat tetapi kebenaran itu hanya separuh betul saja, padahal separuh lagi itu dusta belaka.

Itulah ragam modus operandi iblis yang mengerjakan tipu muslihatnya; ia begitu cerdik melilit pendustaan dengan sedikit kebenaran untuk mengelirukan pancaindera manusia. Mata Hawa melihat, telinga Hawa mendengar, hati Hawa tertarik... dan dia telah memilih untuk percaya pembbohongan iblis daripada berhati-hati terhadap amaran Allah, bahawa pada hari dia memakan buah dari pohon pengetahuan tentang baik dan jahat, pastilah mati (Kej. 2:17).

Pada asasnya, Hawa telah membenarkan dirinya meragui firman Allah kerana keghairahan nafsu tamak yang dibangkitkan oleh godaan iblis. Tuhan Yesus menegaskan bahawa iblis itu adalah pembunuh manusia sejak semula dan tidak hidup dalam kebenaran, sebab dalam dia tidak ada kebenaran. Memang iblis itu pendusta dan bapa segala dusta (Yoh. 8:44). Allah bukanlah manusia, sehingga Dia berdusta. Masakan Dia berfirman dan tidak melakukannya, atau berbicara dan tidak menepatinya (Bil. 23:19).

Kalaulah mata rohani Hawa tidak menghiraukan apa yang mata lahiriahnya nampak, dan telinganya tertutup kepada kata-kata pembbohong, alangkah berbeza sejarah manusia yang selanjutnya!

Renungan hari ini: Saya mesti berhati-hati supaya jangan tertipu oleh apa yang kelihatan baik dan benar di hadapan mata saya. Saya mesti ingat bahawa Allah bukan pendusta, dan firman-Nya adalah benar.

Mengiralah Berkat

BACAAN:

Mazmur 103:1-5

*Pujilah Tuhan, hai jiwaku! Pujilah nama-Nya yang kudus, hai segenap batinku!
Pujilah Tuhan, hai jiwaku, dan janganlah lupakan segala kebaikan-Nya!
—Mazmur 103:1-2*

Ini adalah petikan dan penterjemahan e-mel yang aku terima:

Jika engkau ada makanan dalam peti sejuk, pakaian atas badan, bumbung atas kepala, katil untuk tidur, engkau lebih kaya daripada 75% manusia di dunia ini.

Jika engkau ada duit dalam bank, dompet dan wang kecil, engkau dalam lingkungan 8% orang terkaya di dunia ini.

Jika engkau bangkit pagi ini tidak sakit, engkau diberkati lebih daripada 1 juta orang yang tidak akan hidup selepas minggu ini.

Jika engkau tidak pernah mengalami bahaya peperangan, kesepian penjara, kesiksaan dera, atau tusukan kebuluran, engkau sudah lebih baik daripada 500 juta orang di dunia.

Jika engkau dapat membaca mesej ini, engkau telah diberkati dua kali lipat, kerana ada orang mengingatiimu dan engkau diberkati lebih daripada dua ribu juta manusia yang tidak boleh membaca sama sekali.

Saya ingin tambah sedikit lagi:

Bila engkau mengeluh rumah engkau begitu kotor, bersyukurlah engkau memiliki rumah.

Bila engkau kena menggorek dompet untuk membayar bil elektrik dan air, ini bererti engkau masih menikmati kemudahan asas.


Bila engkau berasa keberatan bangkit dari tidur, puji Tuhan, engkau masih bernyawa.

Manusia begitu pandai mengira-gira. Mereka yang berada mengira wang, berlian, emas dan tidak berpuas hati. Mereka yang tidak kaya mengira apa yang kurang dan tidak berpuas hati. Kita sering mengira beban hidup dan sungguh tidak berpuas hati. Kawan saya selalu mengeluh kerana susah mendidik anaknya yang nakal, sehingga suatu hari masa keluar makan bersama, dia memerhatikan di sebelah meja mereka, keluarga lain yang sedang berduduk dengan seorang anak terencat akal yang sedang memukul diri. Dengan serta merta dia mengucap syukur kepada Tuhan atas kesabaran ibu itu dan mendoakan anak yang terencat akal itu.

Memang kita jarang menghitung berkat yang telah dicurahkan oleh Allah ke atas diri. Betapa kita memerlukan hati seperti Raja Daud yang tahu memaklumkan dan memuji kebaikan Allah semesta alam. Rasul Paulus mengingatkan kita “Mengucap syukurlah dalam segala hal, sebab itulah yang dikehendaki Allah di dalam Kristus Yesus bagi kamu” (1 Tess. 5:18). Ada pepatah yang berbunyi, “Saya bersungut-sungut tiada kasut sehingga ternampak seorang

yang tiada kaki.” Hai manusia, jaga-jagalah kita jangan mengabaikan kurnia Tuhan; hari ini kiralah berkatmu!

Renungan hari ini: Aku ingin bersyukur setiap hari. Biar mataku beralih kepada kurnia Tuhan yang melimpah-limpah dan mulutku menyanyi pujian kepada-Nya.



Betapa Lagi

*Betapa lagi
Indahnya fajar menyingsing
Lukisan segar dari
Tangan Tuhan tersendiri...*

*Betapa lagi
Keajaiban perbuatan-Mu
Yang mencipta
Daripada kekosongan
Segala yang ada*

*Lebih-Lebih lagi
keselamatan manusia yang tidak layak
dilahirkan daripada kasih yang begitu besar
diperas dari darah Anak Tuhan*

*Apa lagi yang kita pinta?
Sebenarnya apa lagi
Tuhan memberikan semua
Diri-Nya terbentang atas kayu salib*



Musuh Yang Telah Dikalahkan

BACAAN:

Ibrani 2:8-15

Roh yang ada di dalam kamu, lebih besar dari pada roh yang ada di dalam dunia. —1 Yohanes 4:4

Sebagai guru besar tadika, saya telah menyaksikan banyak kelakar kanak-kanak. Ada kalanya seorang budak sengaja menarik keluar kerusi kawannya yang berdiri sehingga menyebabkan kawannya terjatuh apabila dia duduk. Niatnya bergurau-senda dan dia tidak menyedari bahawa dia boleh menyebabkan seseorang cedera parah.

Iblis tidak berniat bergurau-senda dengan manusia. Segala yang ia lakukan bertujuan hanya mencuri, membunuh dan membinasakan. Ia memang musuh yang kejam sekali, dan tidak mempunyai belas kasihan. Ia menyembunyikan kebenaran dengan tipu daya serta mengelirukan akal budi manusia, melemahkan semangat dan mempermainkan nafsu kita.

Iblis akan menggunakan apa jua cara, tidak kira baik atau jahat, untuk memerangkap kita. Keadilan tiada bererti baginya dalam pergelutan untuk roh manusia kerana hanya satu matlamat yang mendorongnya: ia ingin mengheret manusia masuk ke neraka seberapa banyak jiwa yang boleh dan mengurangkan bilangan penduduk syurga. Dalam persengketaan ini, iblis akan menyerang manusia dari semua penjuru. Segala sudut kehidupan manusia akan dicero bohi untuk melawan kita. Petrus mengingatkan kita supaya “Sedarlah dan berjaga-jagalah! Lawanmu, si Iblis, berjalan keliling sama seperti singa yang mengaum-aum dan mencari orang yang dapat ditelannya” (1 Pet. 5:8).

Iblis sungguh kuat namun orang percaya tidak perlu takut sama sekali kerana Allah telah memperlengkapkan kita dengan apa yang diperlukan untuk menentang musuh dan memenangi perang ini. Senjata utama kita lebih berkesan daripada segala ciptaan sains dan teknologi yang terunggul di dunia ini. Petrus memanggil kita (1 Pet. 5:9). “Lawanlah dia dengan iman yang teguh.” Yohanes menegaskan lagi (1 Yoh. 5:4) “semua yang lahir dari Allah, mengalahkan dunia. Dan inilah kemenangan yang mengalahkan dunia: iman kita.”

Malah berita yang terbaik sekali – perang ini sudah dimenangi pun, 2000 tahun dahulu di atas sebuah bukit bernama Kalvari, pada kayu salib itu “Kristus membuat segala roh-roh yang memerintah dan berkuasa menjadi tidak berdaya lagi” (Kol. 2:15). Hari ini, walaupun peperangan masih berlanjutan, orang percaya tidak boleh kalah kerana kuasa Kristus memampukan kita melawan dan menewaskan musuh yang sama.

Pada akhir zaman, iblis akan dikalahkan...

Renungan hari ini: Puji Tuhan, musuhku telah dikalahkan oleh kuasa kebangkitan Yesus.

Kenakan Senjata Allah

BACAAN:
Efesus 6:10-17

Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan melawan tipu muslihat iblis kerana perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara. —Efesus 6:12-13

“**M**ak, mengapakahkah pintu kita terbuka!” teriak anak perempuanku. Sekembali kami ke rumah pada sebelah petang, rumah kami habis tergeledah; laci-laci termasuk yang terkunci dipaksa dan ditarik keluar, pintu almari terbuka luas. Pencuri jahat sudah masuk mencuri benda-benda bernilai yang bukan kepunyaannya. Dia sanggup membinasakan apa-apa saja yang menghalangi niat mencuri. Jika penghalang itu manusia, dia sanggup membunuhnya tanpa rasa bersalah. Dalam kejadian berasingan, isteri jiran saya yang tinggal berhampiran ditikam perutnya dan kepalanya dihentak pada dinding apabila perompak masuk ke rumah mereka. Peristiwa seperti ini sudah semakin biasa meleluasa masa kini dan keselamatan kita terancam. Pada suatu ketika orang takut keluar rumah kerana penyamun, namun sekarang dalam rumah pun tidak selamat lagi!

Kalaulah pencuri manusia begitu kejam dan ganas, betapa jahat lagi musuh yang bernama iblis. Jangan harapkan belas kasihan daripadanya. Ibarat pencuri manusia, iblis akan mencero bohi rumah hidup kita, mencuri kedamaian kita, membunuh pengharapan kita, membinasakan perhubungan kita dengan Tuhan dan orang lain. Memang Yesus telah memberi amaran tentang pencuri roh manusia. Dia juga mengingatkan orang yang percaya bahawa Dia telah datang supaya kita mempunyai hidup dan diteguhkan lagi untuk menikmati hidup berkelimpahan yang tiada kekurangan apapun. Ini tidak bererti orang yang percaya tidak akan mengalami kesusahan mahupun penderitaan.

Namun kita diminta untuk berdepan dengan iblis, “Kerana itu tunduklah kepada Allah, dan lawanlah iblis, maka ia akan lari daripadamu!” (Yak. 4:7). Kita tidak perlu takut berdepan dengan iblis jenis ini kerana Tuhan Yesus berkuasa; kematian-Nya telah melucut semua kuasa iblis, “Dia telah melucuti pemerintah-pemerintah dan penguasa-penguasa dan menjadikan mereka tontonan umum dalam kemenangan atas mereka” (Kol. 2:15).

*Pedang manusiawi akan gagal, aku tak bersandar pada kekuatan sendiri
Dengan perang rohani aku serang segala serangan iblis*

Renungan hari ini: Pencuri jiwa tidak dapat menakutkan saya, Roh saya selamat; saya mempunyai hidup yang berkelimpahan.

33 Medan Perang!

BACAAN:

2 Timotius 2:3-6

Aku tidak dapat berbuat apa-apa dari diri-Ku sendiri... sebab Aku tidak menuruti kehendak-Ku sendiri, melainkan kehendak Dia yang mengutus Aku. —Yohanes 5:30

Yosua baru memenangi peperangan pertamanya dalam kempen menakluki tanah Kanaan; tangan Tuhan sendiri telah meruntuhkan tembok kota Yerikho. Sekarang dia berhadapan pula dengan kota Ai; keyakinan Yosua meningkat, dia terus mengambil keputusan menghantar angkatan kecil seramai tiga ribu orang “sebab orang-orang di sana sedikit saja” (Yos 7:3). Alangkah terkejutnya Yosua, pertempuran di Ai merupakan kekalahan tunggal dalam sejarah umat Tuhan lebih daripada 30 peperangan untuk merebut Kanaan.

Apa yang sepatutnya satu kemenangan mudah selepas kemenangan di Yerikho telah mengorbankan kira-kira 36 nyawa apabila dikejar dan dipukul kalah teruk oleh orang Ai (Yos 7:5). Jika Yosua terlebih dahulu bertanya kepada Tuhan, pasti dia akan mengetahui tentang dosa Akhan yang telah mencuri barang-barang rampasan yang dikhususkan kepada Allah. Dosa umat Israel telah menyebabkan kekalahan ini dan bukan kuasa Tuhan yang surut (Yos 7:12). Yang lebih penting lagi, Yosua tidak bersujud berdoa apabila menghadapi medan perang.

Bandingkan tindakan Yosua dengan Raja Daud. Setelah Raja Daud diangkat menjadi Raja Israel berikutan kematian Saul dan ketika berhadapan dengan tentera Filistin, Daud bertanya kepada Tuhan, “Apakah aku harus maju melawan orang Filistin itu? Akan Kau serahkannya mereka ke dalam tanganku?” Tuhan menjawab Daud, “Majulah, sebab Aku pasti akan menyerahkan orang Filistin itu ke dalam tanganmu” (2 Sam 5:17-19). Sebelum Daud berlawan musuh, dia bertanya Tuhan.

Paulus menyifatkan orang yang percaya sebagai prajurit Kristus (2 Tim 2:3). Seorang prajurit di bawah arahan komandannya; dia sendiri bukan komandan. Kalaupun prajurit bertindak sebagai komandan dan menempuh peperangan sesuka hati, dia akan menjejaskan diri sendiri bahkan rakan-rakan seperjuangannya. Kedua-dua perwira Yosua dan Daud telah di bangkitkan Allah sebagai pemimpin tertinggi.

Saat kegemilangan bahaya sekali kerana roh keangkuhan menyebabkan kita besar kepala. Yosua lupa bahawa Panglima Balatentara Tuhan yang berperang dalam medan perang. Sebaliknya, Raja Daud pula tetap rendah hati mencari Tuhan.

Cerdik-cerdiklah kita bertanya Komandan kita terlebih dahulu sebelum melulu menyerbu masuk ke dalam setiap medan perang! Sekalipun kita sudah bertahun-tahun lama percaya, kita tetap bersujud kepada Tuhan dan mengakui bahawa Komandan medan perang kita tetap Tuhan yang Maha Kuasa.

Renungan hari ini: Aku memerlukan hikmat daripada Tuhan dan bukan kebolehan sendiri untuk berperang dalam medan perang rohani.

Arahan Dari Tempat Tinggi

BACAAN:
Ulangan 20:1-4

Sebab Tuhan, Allahmu, Dialah yang berjalan menyertai kamu untuk berperang bagimu melawan musuhmu, dengan maksud memberikan kemenangan kepadamu. —Ulangan 20:4

Sudah beberapa kali saya bersempatan menaiki kapal terbang ke luar negeri dan pengalamannya berbeza-beza. Adakala saya menikmati kopi dan mengagumi mentari segar. Ada kalanya cuaca mendung; awan menutupi sinaran mentari, petir kilat mengilat, dan pesawat bergoyang-goyang. Di waktu-waktu begitu, hati daging ini merasa cemas juga, bertanya-tanya... Bolehkah juru terbang nampak landasan? Bagaimanakah dia tahu arah mana yang perlu dituju untuk mendarat dengan selamat? Mungkin ada pesawat lain yang dijadualkan mendarat pada masa yang sama. Bagaimanakah juruterbang mengelakkan kapal terbang daripada melanggar dengan yang lain?

Jawapannya tidak terlalu susah. Pengawal trafik udara akan memberi arahan tepat. Orang yang duduk di menara kawalan mengetahui tentang perlandasan setiap pesawat dengan terperinci. Dia sanggup membimbing dan mengatur jalan setiap pesawat sampai ke tempat persinggahan yang betul. Dia boleh nampak apa yang tidak boleh dinampak oleh juruterbang dari pesawatnya. Penglihatan dari tingkap kokpit terhad saja berbanding dengan pemandangan dari menara kawalan. Pengawal trafik udara itu mempunyai pengetahuan yang lebih menyeluruh daripada juruterbang kerana dia memiliki gambaran menyeluruh dari menara kawalannya.

Allah telah membebaskan bangsa Israel dari perhambaan Mesir dan berjanji membawa mereka ke tanah yang berlimpah susu madu. Setelah empat puluh tahun merantau padang gurun, mereka sampai pinggir tanah perjanjian namun tanah itu diduduki musuh yang ganas dan jauh lebih kuat daripada mereka. Siapakah yang tidak berdebar-debar dengan ketakutan dan kekhuatiran? Mereka tidak mempunyai senjata canggih atau strategi peperangan. Allah bersabda melalui Musa, “Apabila engkau keluar berperang melawan musuhmu, dan engkau melihat kuda dan kereta, yakni tentara yang lebih banyak dari padamu, maka janganlah engkau takut kepadanya sebab Tuhan, Allahmu, yang telah menuntun engkau keluar dari tanah Mesir, menyertai engkau” (Ul 20:1). Oh, betapa menabahkan hati kata-kata ini!

Allah mengawal dari menara kawalan-Nya. Sekalipun kita tidak nampak musuh di depan, kita tidak tahu arah kita dan jalan bertaburan dengan kalajengking-kalajengking yang tersembunyi, Allah melihatnya. Dia mengetahui, Dia peduli. Kita hanya mendengar dan mengikut arahan Tuhan.

Renungan hari ini: Aku menaruh kepercayaan dan pengharapan atas Allahku kerana Dialah Pengawal dan Pengarah hidupku.

Buku Panduan Syurgawi

BACAAN:

Mazmur 119:1-18

Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran. —2 Timotius 3:16

Saya diberkati dengan sebuah televisyen skrin rata 43 inci. Wah, bukan main besarnya, hampir-hampir tidak termuat dalam ruang tamu rumah! Kami menghadapi satu masalah – tiada buku panduan untuk menggunakan benda itu. Di bahagian panel bawah terdapat beberapa butang; satu daripadanya merupakan suis menghidupkan TV, yang lain kami langsung tidak memahami fungsinya. Selama seminggu TV itu terlantar saja dan tidak terpakai. Akhirnya anak saya mencuba setiap butang berulang kali sehingga dapat memasangnya sekadar mempamerkan gambar beberapa saluran. Walaupun televisyen ini canggih, tetapi tidak dapat dinikmati sepenuhnya kerana tidak dibekalkan buku panduan.

Begitu jugalah hidup manusia. Allah telah memprogramkan ke dalam diri setiap orang rancangan yang terbaik sekali. Buku panduan juga telah disediakan-Nya untuk menolong kita “menghidupkan” program-Nya. Dengan jari sendiri Allah menulis dan menurunkan hukum-Nya kepada bangsa Israel melalui Musa. Allah mengilhamkan penulisan daripada nabi-nabi dan rasul-rasul yang terpilih dari masa ke semasa dan menyusunkan kesemuanya dalam bentuk yang sekarang kita kenali sebagai Alkitab.

Sebagai wanita, setiap hari kita menghadapi cabaran mengurus rumah-tangga. Kalau kita menjawab pekerjaan di luar, kita perlu memakai dua topi serentak. Tekanan hidup bertambah lagi untuk ibu tunggal. Bak kata pepatah kerja seorang wanita tidak pernah selesai. Pernahkah anda merasa letih? Saya pernah. Ketiadaan seorang suami di rumah bermakna sayalah yang membuat segala keputusan dalam hal-ehwal keluarga. Banyak kali saya berasa was-was, tidak tahu apa yang patut dilakukan dalam sesuatu keadaan, atau pun sudah tidak larat langsung berbuat apa-apa. Wang tidak cukup untuk bulan ini. Anak memberontak hendak mengunjungi kelab malam. Kerja harian bertimbun-timbun di pejabat dan di rumah. Pada masa yang tertekan ini, saya sedar betapa saya perlukan hikmat Tuhan, dan saya begitu bersyukur Dia telah menyediakan buku panduan-Nya sebagai petunjuk. Hikmat-Nya mencukupi untuk segala keadaan pada setiap waktu, betul-betul firman-Nya itu “pelita bagi kakiku dan terang bagi jalanku” (Mazm. 119:105).

Renungan hari ini: Aku memegang firman yang hidup dalam tanganku. Biar aku rajin mengamalkannya dalam hidupku setiap harian.

Cari Tuhan?

BACAAN:

Yohanes 1:29-34

Firman itu telah menjadi manusia, dan diam di antara kita, dan kita telah melihat kemuliaan-Nya, iaitu kemuliaan yang diberikan kepada-Nya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran. —Yohanes 1:14

Manusia mencari Tuhan di pelbagai tempat bahkan mereka sanggup mempercayai Shaman yang memberitahu mereka tentang roh-roh di sebalik batu, mentari, badai, sungai mahupun binatang yang besar atau kecil! Manusia mencari-cari roh-roh yang kadangkala dianggap juga sebagai dewa dengan tarian muzik dan topeng. Orang asli yang takut akan roh-roh alam sering mengikut kepercayaan seperti ini kerana mereka takut diserang oleh roh-roh kalau mereka tidak menyembah mereka.

Yohanes berseru apabila Yesus melewati mereka, “Lihatlah Anak domba Allah.” Masa pembaptisan Yesus, Yohanes telah bersaksi “Dia inilah anak Allah” (Yoh. 1:34). Alkitab memberitahu kita bahawa mereka berdua lalu mengikuti Yesus tetapi Yesus bertanya mereka, “Apa yang kamu cari?” (Yoh. 1:38). Hai manusia, apa yang kamu cari? Jawab murid-murid Yohanes kepada Yesus, “Rabi (ertinya: Guru), di manakah Engkau tinggal?” (Yoh. 1:39). Jawapan yang diberikan berlainan daripada pertanyaannya.

Kedatangan Mesias untuk melepaskan mereka daripada pemerintahan kejam Rom dinantikan oleh umat Tuhan. Mereka menyedari bahawa Yohanes hanya utusan Allah, kerana secara terus terang Yohanes berkata, “Aku bukan Mesias... Akulah suara orang yang berseru-seru di padang gurun: Luruskanlah jalan Tuhan! Seperti yang telah dikatakan nabi Yesaya” (Yoh. 1: 23). Hari itu, Yohanes telah memperkenalkan Yesus kepada mereka sebagai Domba Allah yang telah menjelma sebagai manusia untuk menghapuskan dosa manusia.

Yohanes sebenarnya berkata bahawa mereka tidak usah mencari-cari Mesias lagi tetapi orang Yahudi masih mencari-cari Mesias. Mereka tidak dapat melihat Domba Allah kerana hati mengeluh untuk sesuatu yang lebih fana dalam hidup ini, seorang raja yang berkuasa melepaskan mereka daripada penindasan Rom.

Murid-murid Yohanes telah menemui Mesias, Penyelamat dunia. Apa yang mereka cari daripada-Nya? Kebebasan bangsa mereka, kekayaan diri sendiri, hasrat fana dalam hati? Walau bagaimanapun, puji Tuhan, mereka ingin mengetahui di mana Yesus tinggal. Itu saja? Itu saja yang perlu kerana itulah permulaan perhubungan peribadi yang menamatkan semua pencarian tentang siapa Tuhan. Undangan Yesus kepada kedua murid itu, “Marilah dan kamu akan melihatnya.” Marilah... itulah undangan dari syurga kepada setiap insan, “marilah, kecaplah dan lihatlah, betapa baiknya Tuhan itu! Berbahagialah orang yang berlindung pada-Nya!” (Mazm. 34:8).

Mereka pun datang dan melihat di mana Dia tinggal, dan hari itu mereka tinggal bersama-sama dengan Dia (Yoh. 1:39). Mereka tinggal dalam hadirat Tuhan Yesus setiap hari; makan minum bersama-Nya, menyentuh-Nya, berbual-bual dengan-Nya, mendengar suara, doa-Nya. Betapa mesra ikatan jiwa dan roh antara mereka dan Tuhan Yesus.

Renungan hari ini: Lihat Domba Allah sudah datang, undanglah Dia dan berjalan bersama-Nya dalam keakraban.

Taman Rahsia

*Dalam keheningan pagi, lagu bergema di hati
Pujian bibirku naikkan, melangkah masuk ke taman rahsia
Menemukan Engkau
Kekasih tersayang
Buah hatiku*

*Betapa aku rindu, menanti senyap jiwaku di hadirat-Mu
Aku keberatan meninggalkan taman rahsia
Kaya dengan harta karun
Terpendam dalam tanah subur
Benih firman-Mu*

*Engkau dan aku seiring, tangan aku dalam tangan-Mu
Jiwaku menghidu keharuman-Mu
Menikmati kedamaian air tenang
Mengalir dari taman rahsia
Di mana bermekar kasih indah*

*Padang rumput pengharapan membiak kehijauan
Jiwaku bertumbuh, terpelihara di taman rahsia
Engkaulah Pekebun
Yang memelihara aku
Untuk berbuah*

Makanan Atau Tukang Masak?

BACAAN:

Yohanes 6:33-35

Jawab Yesus kepada mereka: “Inilah pekerjaan yang dikehendaki Allah, iaitu hendaklah kamu percaya kepada Dia yang telah diutus Allah.” —Yohanes 6:29

Kegemaran makan telah menyebabkan kami tidak kisah pergi jauh, memandu beratusan kilometer, melintang sempadan, masuk ke daerah terpencil sekali mencari-cari tempat yang menghadirkan makanan sedap. Kami pernah memandu masuk ke pelosok satu kampung dan terpaksa mengelak lembu-lembu untuk makan “Kentucky Fried Frog!”

Semasa pelayanan Yesus, ramai orang berbondong-bondong mengikuti-Nya kerana mereka melihat mukjizat-mukjizat-Nya (Yoh. 6:2). Selepas Yesus mendarabkan makanan terhad sampai cukup untuk 5000 orang laki-laki, orang ramai mengejar-Nya bila menyedari Dia telah berangkat dari tempat itu. Ketika menemukan Yesus di seberang laut, mereka berkata kepada-Nya, “Rabi, bilamana Engkau tiba di sini?” Yesus menjawab mereka, “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya kamu mencari Aku, bukan kerana kamu telah melihat tanda-tanda, melainkan kerana kamu telah makan roti itu dan kamu kenyang” (Yoh. 6:25-26).

Hakikatnya orang ramai mencari Yesus kerana mengharapkan Dia dapat membuat mukjizat lagi. Barangkali Tuhan dapat memberi makanan percuma, wang berkelimpahan? Adakah kita percaya akan Yesus hanya kerana kita mahu diberkati? Apakah motivasi kita untuk mempercayai kepada Yesus? Ramai yang menjadi percaya buat pertama kali kerana Tuhan menyatakan kuasa keajaiban-Nya. Seorang tua yang sakit menerima penyembuhan. Seorang pemuda lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan penting. Seorang pemudi berjumpa jodoh hidup. Seorang isteri mandul melahirkan anak.

Saya pun demikian juga pada suatu ketika. Tekanan jiwa menyiksa saya sewaktu menghadapi penyakit barah suami, pengangguran, dan ketidaktentuan masa depan dengan 3 orang anak kecil telah mendesak saya mencari pertolongan daripada Tuhan. Aku mempercayai Yesus pada ketika itu kerana Dia memenuhi hatiku dengan apa yang aku perlukan, kedamaian. Sebenarnya aku tidak mengenal-Nya langsung. Kini sudah 9 tahun, aku percaya kerana telah sedar siapa Dia, bukan setakat untuk apa yang dapat dibuat-Nya. Saya percaya bahawa Dialah Allah yang telah mengaruniakan berkat tertinggi ke atasku sebagai Penyelamat dan Penebus saya.

Bolehkah kamu menjawab soalan ini dengan ikhlas hati: Kalaulah Tuhan tidak memberkati hidupmu dengan apa-apa lagi, adakah kamu masih percaya kepada-Nya? Adakah kamu sanggup percaya tanpa melihat apa-apa mukjizat?

Renungan hari ini: Aku tidak mahu mengejar berkat tetapi aku mengejar Dia, Tuhanku yang terindah.

Keuntungan Dan Kerugian

BACAAN:

Filipus 3:4-14

Tetapi apa yang dahulu merupakan keuntungan bagiku, sekarang kuanggap rugi kerana Kristus. Malahan segala sesuatu kuanggap rugi, kerana pengenalan akan Kristus Yesus, Tuhanku, lebih mulia daripada semuanya. Oleh kerana Dialah aku telah melepaskan semuanya itu dan menganggapnya sampah, supaya aku memperoleh Kristus. —Filipi 3:7-8

Pernahkah anda mendengar seorang perniaga berkata, “Hari ini saya sangat gembira kerana saya telah rugi!” Tidak mungkin! Dunia memahami keuntungan sebagai yang memanfaatkan manakala apa yang tidak mendatangkan faedah itu kerugian. Untuk Paulus pula, nilai keuntungan difahaminya dengan baik selepas dia mengenal Tuhan Yesus.

Paulus berasal daripada bangsa Yahudi yang saleh, warga kota yang terkenal, dididik bawah pimpinan rabi masyhur dalam hukum nenek moyangnya, sehingga menjadi seorang yang giat bekerja bagi Allah (Kis 21:39, 22:3). Mengikut fahaman manusia, semua kelayakan ini tentu menguntungkannya. Selepas bertemu Tuhan Yesus, Paulus yang berkelayakan tinggi mengira semua kejayaan ini sebagai kerugian bahkan dianggapnya “sampah.” Bagaimana ini boleh terjadi?

Saya dapat memahami pendirian rasul Paulus dalam hal ini. Sesungguhnya, saya boleh dikatakan berjaya dalam pandangan dunia. Dalam lingkungan 30-an, saya pemegang siswazah undang-undang, pernah berjawatan sebagai peguam dan pengurus kanan syarikat multi-nasional, berkahwin lelaki tampan berkelayakan profesional, mempunyai dua buah rumah dan dua buah kereta.

Sekarang 20 tahun sudah berlalu, saya mengira kejayaan masa silam itu semua kerugian, berbanding dengan apa yang telah saya peroleh dalam Yesus Kristus. Tuhan Yesus menyelamatkan saya hanya sembilan tahun dahulu tetapi dalam masa yang singkat itu, hidup saya dibanjiri kasih karunia-Nya yang jauh lebih menguntungkan daripada dua puluh tahun hidup dalam kemewahan duniawi.

Dalam mata dunia, saya telah kerugian banyak: kehilangan suami, kerjaya, hartabenda. Kawan-kawan lama saya bertanya-tanya bagaimana saya menampung tiga orang anak yang tiada bapa dengan gaji guru besar tadika. Saya hanya senyum seraya menjawab, “Kau mengira keuntungan sebagai menaiki tangga kejayaan dunia. Jadi engkau nampak saya seolah-olah telah menurun bahkan terjatuh dari tangga itu tetapi sebenarnya saya sedang memanjat tangga lainlah!”

Itulah rahsia orang percaya. Apabila kita peroleh Yesus, segala yang lain kita mampu lepaskan sebagai sampah kerana Yesus khazanah kita yang tiada tanding.

Renungan hari ini: Sesungguhnya saya telah mendapatkan yang terunggul dalam Tuhan Yesus; Dia yang paling beruntung dan bernilai bagi saya.

Berapa Itu Cukup?

BACAAN:
Keluaran 16:16-30

Beginilah perintah Tuhan: Pungutlah itu, tiap-tiap orang menurut keperluannya; masing-masing kamu boleh mengambil untuk seisi kemahnya, segomer seorang, menurut jumlah jiwa. —Keluaran 16:16

Nampaknya bukan sahaja Tuhan yang boleh berjanji. Kalau tidak percaya, bukalah suratkhobar, tontonlah TV, dan lihatlah berapa banyaknya iklan-iklan yang menjanjikan ini dan itu... badan lebih ramping serta menawan, kulit lebih putih berseri, kereta lebih canggih, rumah lebih besar... lebih ini dan lebih itu. Masyarakat kini dalam buruan gila untuk mendapatkan “lebih” dan mendapatkannya “sekarang” juga. Mengikut pengakuan seorang kaya, “Bila sudah berjaya mendapatkan wang sejuta yang pertama, mesti mula mengejar sejuta lagi.” Begitulah ketamakan manusia yang tidak terhad.

Akibat sungutan bangsa Israel di padang gurun Sin, Allah menghujani roti manna dari syurga sebagai makanan seharian mereka. Arahan-Nya, mereka mengumpul cukup untuk keperluan keluarga sendiri setiap hari sahaja. Alkitab memberitahu ada yang mengumpulkan lebih, ada yang kurang. Ketika mereka menakarnya, ternyata bahwa orang yang mengumpulkan banyak, tidak kelebihan, dan yang mengumpulkan sedikit, tidak kekurangan. Musa berkata kepada mereka, “Siapa pun tak boleh menyimpan makanan itu barang sedikit untuk besok.” Namun beberapa orang di kalangan mereka tidak mempedulikan perkataan Musa. Mereka menyimpan juga sebahagian daripada makanan itu. Besoknya ternyata makanan itu berulat dan berbau busuk (Kel 16:17-20).

Cerapan menarik memberitahu rupa-rupanya setiap bayi dilahirkan dengan tangan menggenggam, tetapi setiap mayat membaring dengan tangan terbuka. Kita masuk saja dunia ini sudah tahu menyorok dan merampas. Perhatikan bagaimana anak-anak kecil akan mencengkam sampai mati-matian sewaktu bermain, makanan atau barang kesukaannya tidak akan dilepaskan atau dikongsi langsung. Mereka juga tidak teragak-agak mengambil saja barang-barang kepunyaan orang lain

Apakah kita asyik “mengumpul” saja dalam hidup kita? Kita ingat dengan ada lebih ini dan lebih itu boleh menjamin keselamatan roh kitakah? Sampai bila dan setakat mana cukup? Sampai nyawa termusnah, perhubungan dengan kawan, keluarga, Tuhan terputus? Berapakah yang anda andaikan cukup bagi manusia? Sedarkah bila manusia menghembus nafas terakhir di bumi ini, semuanya akan terlepas dari tangan juga?

Renungan hari ini: Saya tidak mahu dijangkiti penyakit yang selalu mahu “lebih dan sekarang masa untuk memungut banyak.” Saya yakin keberadaan saya setiap hari bergantung kepada karunia Tuhan yang selalu cukup buat aku.

10 Siapa Musuhmu?

BACAAN:

1 Petrus 5:8-9

Perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara. —Efesus 6:12

Sebelum dunia ini tercipta telah pun tercetus peperangan hebat di syurga yang melibatkan dua pihak (Wahy. 12:7-9). Angkatan tentera malaikat Allah telah mengalahkan musuh si iblis dan melemparkannya keluar dari syurga bersama satu-pertiga angkatan malaikat yang pilih memihaknya. Jadilah si iblis penguasa dunia ini sekarang (Yoh. 12:31, 1 Yoh. 5:19). Ia tahu tidak mungkin ia menumpaskan Allah yang Maha Kuasa; kerana itu ia menumpukan perhatiannya kepada umat ciptaan Allah. Sedarlah sasarannya engkau, aku, dan semua manusia.

Keluarga saya membela dua ekor kucing. Anehnya, walaupun kedua-dua binatang ini berasal dari spesies sama, mereka sering berlawanan antara satu sama lain. Mungkin binatang tidak boleh mengenal jenis sesama sendiri, tetapi bukankah hairan manusia juga begitu?

Seringkali juga, kita tidak mengenali siapa musuh sebenarnya. Sebaliknya kita menganggap musuh kita orang yang kita tidak sukai, anak yang nakal, suami yang garang, isteri yang meleter, jiran yang kurang ajar, kawan yang menghampakan, rakan sepejabat yang mengecam kerjamu... siapa-siapa sajalah yang menyakiti hatimu. Kita meninggalkan anak-anak yang tersayang kerana suami dianggap musuh kita. Pelayanan kita terjejas kerana rakan sekerja kita dianggap musuh. Kepekaan bahawa kita sedang melawan roh-roh udara yang berstrategi merosakkan kita tidak disedari.

Janganlah lupa hakikat ini. Iblis boleh muncul dalam pelbagai bentuk dan ragam dalam kehidupan kita untuk menghancurkan segala yang dirancang indah oleh Tuhan. Iblis bagi pelakon sandiwara yang sering menggantikan topeng untuk menyembunyikan diri, di bawah topeng yang beraneka ragam, pelakon ini orang yang sama. Musuh kita bukan sesama manusia tetapi iblis dan roh-roh udara.

Iblis menggunakan pelbagai konflik untuk mengalihkan perhatian kita daripadanya, supaya kita membazirkan usaha dan tenaga diri untuk bertempur dengan "bayang-bayang" saja. Sasterawan Cina Sun Tzu dalam buku terkenalnya mengenai strategi peperangan "Art of War" berkata "Kenali musuh engkau, kenali diri sendiri... seribu peperangan, seribu kemenangan."

Langkah pertama untuk menewaskan musuh dan mencapai kemenangan rohani semestinya mengenali panah-panah dan peluru-peluru berpandu yang diajukan oleh Tuhan.

Renungan hari ini: Tuhan, tolong aku agar jangan berperang menentang musuh yang salah!

Usah Banding-Banding

BACAAN:

1 Timotius 6:6-11

Kukatakan ini bukanlah kerana kekurangan, sebab aku telah belajar mencukupkan diri dalam segala keadaan. Aku tahu apa itu kekurangan dan aku tahu apa itu kelimpahan. Dalam segala hal dan dalam segala perkara tidak ada sesuatu yang merupakan rahsia bagiku; baik dalam hal kenyang, mahupun dalam hal kelaparan, baik dalam hal kelimpahan mahupun dalam hal kekurangan. Segala perkara dapat kutanggung di dalam Dia yang memberi kekuatan kepadaku. —Filipi 4:11-13

John dan Maria sepasang suami isteri hidup dalam keselesaan dan makanan seharian mereka juga cukup bergizi. John yang berjabat sebagai pengurus syarikat memiliki kereta Proton Saga. Anak-anak mereka belajar dalam sekolah kebangsaan berdekatan rumah teres dua tingkat mereka. Mereka sekeluarga sungguh gembira walaupun mereka hidup dalam kesederhanaan.

Pada satu hari, sepasangan suami isteri lain berpindah masuk ke banglo berhadapan mereka. “Amboi, sungguh cantik dan bergaya perempuan itu! Amboi, amboi bajunya sutera, tas tangan Gucci, kasut Jimmy Choo. Wah, kakak suaminya... berpakaian sut Armani, bermain golf setiap hari minggu di kelab eksklusif!” keluh Maria sambil melotot matanya.

Sewaktu Maria sedang menyapu lantai di luar, dia menjenguk-jenguk ruang tamu jirannya. “Wah, perkakas-perkakas rumah semua bahan impot. Peti sejuk, TV, mesin membasuh besar-besar berjenama mahal. Kereta BMW dan Mercedes terletak dalam garaj!” bisik Maria dalam hatinya.

Maria melihat dirinya dalam cermin, “Aku kurang menarikkah?” Dia membuka almarnya dan menyedari baju-bajunya sudah ketinggalan zaman dan bergantung dalam almari usang tahun demi tahun. Tahun lalu, dia hanya membeli sehelai baju baru untuk Raya. “Itu pun 50% diskaun kerana musim jualan murah,” keluhnya.

Dia turun ke bilik tamu lalu bersantai atas sofa kulit tiruan yang usang sambil memasang TV 24 inci. Dia berkerut dahi kerana gambar nampaknya begitu kecil sekali. Sewaktu dia mendengar bunyi kereta John di luar, dengan serta-merta Maria membuka pintu dan bercadang agar mereka membeli TV baru tanpa menghiraukan keletihan suaminya. Pertengkaran besar terjadi apabila John enggan melayani permintaannya. Mulai hari itu, perhubungan antara mereka menjadi tegang kerana mereka berdua bertentangan pendapat. Perang dingin berlanjutan berbulan-bulan dan mereka bercakap melalui perantaraan anak-anak mereka. Selepas 5 bulan, Maria menerima telefon daripada peguam John yang meminta penceraian. Maria mengalah kerana rasa ketidakpuasan akan kemampuan suami untuk mengaut lebih banyak wang.

Cerita yang sedemikian sering berlaku kepada manusia yang tidak berpuas hati. Kecemburuan akan menelan kita kalau kita berbanding-banding dengan orang lain;

ketidakpuasaan mulai mencengkam hati. Betapa kaya atau cantik kita ini, pasti suatu hari akan muncul seorang lagi yang lebih kaya dan cantik. Demikian juga dengan kemiskinan, sekalipun saku anda sempit ada yang lebih merana lagi. Saya menyangka suami saya yang mengidap sakit barah begitu dahsyat sehingga saya terserempak dengan kanak-kanak semuda 5, 7, 11 yang menderita barah dan ditolak dalam kerusi roda.

Renungan hari ini: Aku mahu belajar puas dengan apa yang diberikan Tuhan kepada aku tanpa membanding-banding dengan berkat orang lain.

Mempunyai Yesus


*Apabila aku memiliki Yesus
aku memegang pelangi dalam tanganku
embun kekudusan-Nya
menyegarkan waktu pagiku*

*Apabila aku memiliki Yesus
aku menyentuh langit
dibawa terbang atas sayap burung helang –
bintang kedahsyatan-Nya
menerangi gelap-gelita malamku*

*Apabila aku memiliki Yesus
aku memanjat semua gunung terangkat oleh tangan kekal –
bunga rahmat-Nya
mekar di lembah air mataku*

*Apabila aku memiliki Yesus
aku mengecapi hujan manis pada mukaku –
pokok anggur belas kasihan-Nya
bertumbuh dalam hatiku*

*Apabila aku memiliki Yesus
aku mempunyai segala yang aku perlu
kerana Dia mempunyaiku
Sempurna lengkap diriku*



Sayap Yang Melindungi

BACAAN:
Mazmur 91:1-16

Dari ujung bumi aku berseru kepada-Mu, kerana hatiku lemah lesu; tuntunlah aku ke gunung batu yang terlalu tinggi bagiku. Sungguh Engkau telah menjadi tempat perlindunganku, menara yang kuat terhadap musuh. —Mazmur 61:2-3

Setiap wanita mempunyai naluri untuk melindungi anak-anak dan keluarga setiap waktu. Kita akan sentiasa memastikan keselamatan anak-anak kita dan juga kesejahteraan mereka kerana kita mengasihi mereka. Sewaktu hujan, kita bergegas-gegas ke sekolah mereka dengan payung untuk memastikan mereka tidak terperangkap dalam hujan. Sebagai ibu, kita perlu menyedari bahawa Tuhan juga Penolong dan Penopang kita setiap waktu.

Walaupun diurapi sebagai raja semasa seorang gembala muda, Daud menjadi seorang buruan selama 13 tahun. Dia menggembara di padang gurun dan hutan, bersembunyi dalam gua; didedahkan kepada unsur-unsur alam persekitaran semula jadi dan anasir-anasir manusia namun Tuhan tetap menjadi kawan setia. Buku Mazmur memaparkan satu kenyataan dalam kehidupan Daud. Tuhanlah Pelindung, Penopang, Penyelamat, Penebusnya dalam segala perkara, pada segala masa, dalam segala keadaan, dan di segala tempat. Dia tidak mengalah hanya tetap berpegang teguh kepada Tuhan.

Bayangkan anak-anak burung yang tidak berdaya langsung dalam sarang hanya bergantung kepada ibubapa mereka untuk suapan dan perlindungan. Pernahkah anda mendengar jenis burung yang hidup di padang gurun yang merendamkan bulu dadanya dalam air supaya anak-anak burung dapat minum daripada air yang menitis dari bulunya? Burung jenis yang lain pula menutup sarang dengan merenggangkan sayapnya sewaktu hujan untuk melindungi anak-anaknya supaya kering dan selesa. Sejenis burung “starling” mengumpul dan menaburkan bahan peracun dari tumbuh-tumbuhan tertentu di sekeliling sarang untuk menjauhkan serangga merbahaya. Bila menemui ancaman musuh, burung betina “woodcock” akan mencengkam kuat anak-anaknya antara kaki dan badan lalu menerbangkan mereka ke tempat selamat. Ada pula yang pandai berpura-pura cedera menggelupur atas tanah untuk mengalih perhatian musuh daripada sarang. Sejenis burung hantu (*burrowing owl*) yang tinggal dalam lubang tanah berdesus-desus seperti ular untuk menakutkan musuhnya.

Yesus bertanya kepada kita, “Bukankah kamu jauh melebihi burung-burung itu?” (Mat. 6:26) Raja Daud bermazmur, “Dengan kepek-Nya Ia akan menudungi engkau, di bawah sayap-Nya engkau akan berlindung, kesetiaan-Nya ialah perisai dan pagar tembok” (Mazm. 91:4).

Renungan hari ini: Betapa senang hatiku berada dalam perlindungan naungan sayap dan kasih-Nya!

Mengenal Allah

BACAAN:

Yohanes 14:4-11

Sekiranya kamu mengenal Aku, pasti kamu juga mengenal Bapa-Ku. Sekarang ini kamu mengenal Dia dan kamu telah melihat Dia. —Yohanes 14:7

Inilah hidup yang kekal iaitu bahawa mereka mengenal Engkau, satu-satunya Allah yang benar, dan mengenal Yesus Kristus yang telah Engkau utus. —Yohanes 17:3

Satu petikan Inggeris berbunyi “Pengetahuan seseorang tentang Allah boleh mencakar langit tanpa banyak mengenali-Nya.” Bertahun-tahun anda setia menghadiri kebaktian minggu dan menunjukkan muka dalam semua persekutuan doa. Anda berdaftar untuk setiap seminar yang dianjurkan oleh gereja. Setiap hari anda tekun membaca Alkitab, setiap minggu pasti melibatkan diri dalam kelompok sel kecil. Mungkin juga anda seorang pemimpin dalam pelayanan. Semestinya anda mengenal Allah, bukan? Fikir sejenak, jangan cepat menjawab saya, kawan. Awas-awaslah, mungkinkah anda seperti Filipus?

Filipus salah seorang daripada murid-murid pertama Yesus bersama Andreas dan Petrus berasal dari kota yang sama. Tuhan sendiri yang telah memanggilnya secara peribadi (Yoh. 1:42-43). Dia berada dalam hadirat Yesus setiap saat selama tiga tahun; makan, minum, hidup bersama-Nya. Dia mengikuti Tuannya menggembara dari tempat ke tempat. Matanya menyaksikan mukjizat-mukjizat yang dilakukan Yesus, telinganya mendengar kata-kata kebenaran dari mulut Yesus bahkan dia turut menyertai dalam pelayanan di kalangan orang ramai. Perhubungannya dengan Yesus sudah tentu terjalin akrab.

Terkejutkah anda pada makan malam terakhir dengan Yesus, Filipus berkata, “Tuhan, tunjukkanlah Bapa itu kepada kami, itu sudah cukup bagi kami.” Maka kata Yesus kepadanya, “Telah sekian lama Aku bersama-sama kamu, Filipus, namun engkau tidak mengenal Aku? Barangsiapa telah melihat Aku, dia telah melihat Bapa; bagaimana engkau berkata: Tunjukkanlah Bapa itu kepada kami?” (Yoh. 14:8-9)

Ya, bagaimana? Bagaimana kita dapat mengenal Allah? Kita boleh melakukan semua yang betul yang patut dilakukan oleh orang yang percaya dan masih tidak mengenal Allah. Kunci pengenalan Allah adalah dalam firman Yesus “Tidak percayakah engkau, bahawa Aku di dalam Bapa dan Bapa di dalam Aku? ... Percayalah kepada-Ku, bahawa Aku di dalam Bapa dan Bapa di dalam Aku...” (Yoh. 14:10-11).

Pengenalan yang sungguh-sungguh ialah kesatuan dengan Tuhan Yesus dan melihat Wajah-Nya yang indah.

Renungan hari ini: Bersatu dalam hati dengan Tuhan Yesus dalam setiap langkah hidup menjamin pengenalan sejati.

Sembunyi Dan Cari

BACAAN:
Kejadian 3:1-9

*Tetapi Tuhan Allah memanggil manusia itu dan berfirman kepadanya,
“Di manakah engkau?” —Kejadian 3:9*

Masihkah anda ingat masa kanak-kanak dahulu sewaktu anda bermain sembunyi-sembunyi? Seorang kawan akan menjadi pencari sementara yang lain akan menyembunyikan diri. Mungkinkah permainan ini bermula di taman Eden beribu tahun dahulu di mana Adam dan Hawa bermain sembunyi-sembunyi dengan Tuhan? Eden dalam bahasa Yunani bererti firdaus atau keseronokan, bayangkan ia memang taman bahagia. Di situlah Allah Maha Kasih berjalan-jalan dalam taman itu pada waktu hari sejuk. Mungkinkah ini kebiasaan-Nya setiap hari berjalan-jalan lembut dengan Adam dan Hawa, seperti juga kita manusia sekarang meluangkan masa dengan keluarga dalam taman-taman bunga? Alangkah manisnya masa-masa persekutuan mendampingi Allah Bapa begini!

Sayangnya, pada suatu hari, perhubungan dengan Tuhan telah meretak dengan sekelip mata. Selepas memakan buah larangan, mata Adam dan Hawa tercelek dan mereka menyedari mereka telanjang bulat. Untuk pertama kalinya, mereka berasa malu dan menyedari mereka telah berdosa. Kesedaran itu membangkitkan rasa takut akan Allah kerana mereka telah melanggar perintah-Nya. Ketika mereka mendengar bunyi langkah Allah dalam taman itu, bersembunyilah manusia dan isterinya di antara pohon-pohonan (Kej. 3:8). Walau bagaimanapun Tuhan yang menjadi pencari manusia memanggil mereka, “Di mana engkau?”

Soalan itu bukan ditujukan kepada tempat persembunyian mereka tetapi kepada keadaan jiwa mereka yang telah sesat dalam dosa. Jiwa mereka sudah terpisah daripada Allah dan perasaan takut mencengkam. Allah tetap mencari manusia. Penyair Francis Thompson dari kurun ke-19 menulis sebuah sajak; penterjemahan tajuknya “Pemburu dari Syurga” mengibaratkan Tuhan sebagai seekor anjing buruan yang mengejar arnab tanpa mengenal lelah. Tuhan memburu jiwa-jiwa yang melarikan diri daripada-Nya. Walau bagaimanapun jiwa itu cuba menyembunyikan diri, namun, anugerah Ilahi akan mengekorinya dalam pengejaran yang tidak pernah berhenti sehingga jiwa itu sanggup berpaling menemukan-Nya.

Kenapa Allah begitu menghiraukan orang berdosa yang langsung tidak layak penerimaan-Nya? Kita bagai biji mata-Nya, (Ul. 32:10) berharga dan mulia dalam pandangan mata-Nya (Yes. 43:4). Hari ini, Allah masih mencari-cari manusia sambil memanggil “Di mana engkau?” Jangan menyembunyikan diri daripada kasih-Nya.

Renungan hari ini: Aku datang ke taman-Nya yang indah dan berjalan dekat dengan Penyelamat saya yang mengasihi saya.

15 Tambah Lagi

BACAAN:

Matius 6:25-33

Tetapi carilah dahulu Kerajaan Allah dan kebenarannya, maka semuanya itu akan ditambahkan kepadamu. —Matius 6:33

“**C**ik, tambah nasi lagi? Kari?” tanya pelayan restoran nasi Kandar.
“Ok, tambah nasi dan kuah kari,” jawab saya yang memang berselera besar hari ini. Pelayan di restoran memastikan saya kecukupan nasi, kari, sayur-sayuran dan keropok. Saya makan dengan kesedaran bahawa Tuhan yang menyaji keperluan saya.

Tuhan memang dalam urusan menyaji segala keperluan kita. Yesus menegur kita apabila kita khuatir akan keperluan sehari-harian. Dia mengingatkan kita Abba Bapa di syurga tahu kita memerlukan semuanya ini. Bukankah Tuhan yang mengisi lebih daripada setengah juta perut di padang belantara gurun selama 40 tahun? Manna tidak pernah kesuntukan dan sajian yang segar setiap hari dikirim dari syurga.

Tuhan mencukupkan keperluan kita berdasarkan rahmat-Nya yang tidak berubah. Yesus memberi amaran tentang kecondongan manusia mengabdikan kepada Mammon (wang) sehingga mengalami pelbagai tekanan hidup dan penipuan. Sebaliknya, kita perlu menumpukan perhatian kita kepada Kerajaan Allah dan kebenaran-Nya. Janji-Nya ialah kalau kita mencari kerajaan-Nya dahulu, semuanya akan ditambahkan kepada kita.

Kerajaan Allah adalah suasana di mana Allah memerintah, dan menyatakan kehadiran-Nya dalam kehidupan dan kebaktian orang yang percaya. Kegiatan-Nya dalam penyelamatan orang berdosa, penghancuran kuasa setan, penyembuhan orang sakit dan nama Tuhan Yesus dipermuliakan menjadi kerinduan terutama kita bukan keperluan sahaja.

Sebelum mengenal Yesus, saya menganggur selama 6 bulan; hati saya cemas setiap kali sewaktu saya mengira wang setiap hari. Selepas menerima Yesus, keadaan kewangan saya tidak bertambah baik sebaliknya bertambah buruk. Bila suami saya meninggal dunia, hutang saya menimbun atas 2 buah rumah, 2 buah kereta dan bil kad kredit semuanya berjumlah lebih daripada \$600 ribu! Macam mana seorang balu yang bekerja sebagai guru besar tadika gereja dengan gaji permulaan kurang daripada seribu ringgit boleh menjelaskan hutang sebesar ini. Percayalah saudara-saudari semuanya dibayar balik dalam empat tahun. Hari ini saya bebas daripada hutang dalam hidupku. Anak-anak saya tidak pernah berkurangan sesuap nasi mahupun sehelai pakaian pun. Tuhan masih mencedok untuk piring saya dengan sepenuhnya dengan murah hati.

Renungan hari ini: Betapa besar kesetiaan-Mu Tuhan kepada aku, setiap hari rahmat-Mu baru.

Bersatu Dengan Bapa

BACAAN:
Yohanes 17:20-26

Supaya mereka semua menjadi satu, sama seperti Engkau, ya Bapa, di dalam Aku dan Aku di dalam Engkau, agar mereka juga di dalam Kita, supaya dunia percaya, bahwa Engkaulah yang telah mengutus Aku. —Yohanes 17:21

Apakah doa yang terakhir anda? Ketika diberitahu bahawa dia akan mati akibat sakit barah, Raja Hizkia menangis-nangis di hadirat Tuhan serta mengingatkan-Nya tentang kesetiaan dan kebaikan-Nya (2 Raj 20:1,3).

Hal ini berlainan sekali dengan doa Yesus pada malam terakhir-Nya sebelum Dia disalibkan. Pemikiran-Nya bukan tertumpu kepada diri sendiri melainkan kepada orang lain. Yohanes 17 yang digelar doa Imam Agung merupakan doa syafaat Kristus untuk semua orang yang percaya, bukan hanya untuk para murid-Nya tetapi untuk generasi yang akan datang dan yang akan percaya akibat penyebaran Injil. Kitalah generasi semasa yang telah menerima berkat pada hari ini dan doa ini juga untuk kita.

Perhatikan, Yesus tidak berdoa untuk damai sejahtera dunia mahupun perlindungan daripada kesusahan hidup. Tidak sepele doa-Nya pun mengenai berkat kesihatan atau kemewahan hidup. Yang didoakan-Nya ialah kesatuan dalam Bapa. Sering kali kita mentafsirkan kesatuan sebagai organisasi orang percaya, iaitu gereja. Jadi kita menganggap menghadiri kebaktian, persidangan, atau pertemuan-pertemuan rohani memadai sebagai kesatuan. Maksud doa syafaat yang dinaikkan oleh Tuhan Yesus lebih mendalam. Kesatuan yang didoakan-Nya bukan setakat kesatuan fizikal yang ketara dalam kumpulan orang percaya ataupun semata-mata “mengerjakan” ibadah di khalayak orang ramai.

Sebenarnya Tuhan tidak mengidamkan lagu-lagu kepujian kita atau persembahan perpuluhan kita. Lebih daripada perhubungan sekadar mengenali-Nya sebagai Penyelamat dan Penebus dosa, Dia ingin kita menjadi “satu dalam-Nya” yang bererti kesatuan hati dengan tujuan, fikiran, dan kehendak-Nya. Inilah kesatuan rohani yang berasaskan penyatuan persahabatan dengan Bapa dan Anak. Perkataan satu dalam bahasa asalnya bermaksud tindakan terus menerus iaitu tidak terhad pada satu ketika, tempat atau acara.

Kita tertanya-tanya adakah sifat kesatuan dapat dilakukan dalam kehidupan kita? Selidikilah hidup Raja Daud; walaupun dia telah menyeleweng beberapa kali, dia tetap dipanggil sebagai seorang yang berkenan di hati Tuhan (1 Sam 13:14). Kepekaan terhadap Tuhan dan kerelaan untuk bertaubat menjamin kesatuan bersama dengan Tuhannya.

Renungan hari ini: Aku tidak puas dengan perhubungan yang hanya dangkal. Aku mahu menyelami kasih-Nya dengan lebih mendalam lagi. Aku ingin bersatu dengan Bapa dan Anak-Nya.

17 Setengah Masak

BACAAN:

1 Samuel 15:18-23

Sebab barangsiapa menuruti seluruh hukum itu, tetapi mengabaikan satu bagian dari padanya, dia bersalah terhadap seluruhnya. —Yaakub 2:10

Bayangkan pengantin berdiri dengan mempelai tersayang di hadapan pastor. Betapa indah dan bermakna bila saling menukar nazar perkahwinan tetapi selepas balik dari berbulan madu, suami naik angin mencaci dan memukul isteri. Bila diingatkan tentang nazarnya, suami berkata, “Tetapi saya cintakan isteri, saya tidak melanggar apa-apa janji pun; dia masih isteri saya dan saya masih suaminya.” Kalau engkaulah isterinya, bagaimana perasaan? Sungguhkah suami demikian mengasihi isterinya dengan sepenuh hati dan masih tidak melanggar nazar untuk mengasihi isteri setiap musim?

Kalau kita mengasihi Tuhan, kita akan peka memperhatikan setiap perintah-Nya dan tidak tidak mengikut suara hati kita sendiri.

Raja Saul telah gagal menurut perintah Tuhan yang telah diberi kepadanya melalui nabi Samuel untuk membinasakan semua yang hidup selepas Tuhan menewaskan musuh orang Amalek (1 Sam. 15:3). Dia telah menyelamatkan Agag, raja Amalek bersama-sama dengan kambing domba, lembu-lembu yang terbaik dan tambun, anak domba dan segala yang berharga disimpan, kononnya untuk mempersembahkan korban kepada Tuhan (1 Sam. 15:15). Lantaran itu nabi Samuel menegur Raja Saul, “Apakah Tuhan itu berkenan kepada korban bakaran dan korban sembelihan sama seperti kepada mendengarkan suara Tuhan? Sesungguhnya, mendengarkan lebih baik dari pada korban sembelihan, memperhatikan lebih baik daripada lemak domba-domba jantan” (1 Sam. 15:22).

Yang sedihnya, Saul tidak menyedari langsung dia telah berdosa. Sebaliknya dia betul-betul berpendapat dia “telah melaksanakan firman Tuhan” (1 Sam. 15:13) dan “memang mendengarkan suara Tuhan dan mengikuti jalan yang telah disuruh Tuhan” (1 Sam. 15:20) lalu memberi pelbagai alasan untuk mempertahankan tindakannya. Tuhan memanggil perbuatannya “pendurhakaan yang sama seperti dosa bertenung dan kedegilan yang sama seperti menyembah berhala dan terafim” (1 Sam. 15:23), dosa yang terkeji sekali.

Jaga-jaga kita tidak menipu sendiri. Kita boleh membaca AlKitab dengan tekun setiap hari, kita boleh asyik mendengar khutbah setiap minggu, mengucap Halleluyah. Mulut kita boleh berkumat kamit selalu tentang Tuhan tetapi kita lalai memberitakan khabar sukacita dan terdapat aspek-aspek hidup kita yang tidak selaras sepenuhnya dengan perintah Allah. Awas, kita sama seperti Saul, yang hanya dengar dengan telinga tetapi hati tidak mematuhi; kita mematuhi separuh sahaja tetapi mengenepikan apa yang kita tidak suka atau tidak mahu melakukan. Tuhan

tidak berkenan dengan persembahan begitu; ibarat makanan yang separuh masak yang tidak patut dihidangkan di hadapan tamu.

Renungan hari ini: Saya mahu taat kepada perintah Tuhan dengan sepenuhnya dan bukan separuh dan setengah hati sahaja.

Lebih Lagi

*Adakah mungkin
Aku mengerti begitu sedikit
walaupun mengetahui begitu banyak*

*Tentunya aku telah memeluk
Kebenaran-Mu ke dalam hatiku
Tatkala Engkau datang mengasihiku*

*aku hanya boleh meniarap
menyeru Kudus, Kudus, Kudus
ketika aku menyangka
jiwaku baik mengenali Engkau
dalam kerinduanku untuk-Mu
akhirnya aku mengerti*

*Engkau telah memberikanku
segala semuanya daripada-Mu
pastinya, aku yang sepatutnya
memberi Engkau lebih lagi diriku*

Harga Pengorbanan

BACAAN:

2 Samuel 24:18-25

Tetapi berkatalah raja kepada Arauna, “Bukan begitu, melainkan aku mahu membelinya dari padamu dengan membayar harganya, sebab aku tidak mahu mempersembahkan kepada Tuhan, Allahku, korban bakaran dengan tidak membayar apa-apa.” Sesudah itu Daud membeli tempat pengirikan dan lembu-lembu itu dengan harga lima puluh syikal perak. —2 Sam 24:24

Lirik sebuah lagu pujian berbunyi, “...hanya ini Tuhan persembahanku – segenap hidup, jiwa dan raguku.” Lagunya merdu sekali dan hati kita terbawa oleh irama merdu tetapi adakah kita betul-betul memahami apa yang kita nyanyikan? Kadangkala saya rasa kita begitu senang melafazkan perkataan tanpa menimbang pengertian sepenuhnya kerana menyanyi lagu tidak memerlukan kita berbuat apa-apa, selain membuka mulut untuk bersuara.

Raja Daud diarahkan untuk mendirikan mezbah bagi Tuhan di tempat pengirikan kepunyaan orang Jebus bernama Arauna (2 Sam 24:16,18). Bila diberikan tempat itu percuma-cuma berserta dengan lembu-lembu dan segala yang perlu untuk korban bakaran, Raja Daud menolak; sebaliknya berkeras membayar harga berpatutan. Dia sedar persembahan ikhlas dan bermakna kepada Allah merupakan suatu pengorbanan yang ada “harga” untuk ditanggung.

Apa harga kasih? Seorang perempuan memecahkan botol wangian minyak narwastu yang murni untuk mengurapi kepala Tuhan Yesus (Mr. 14:3). Nilainya lebih daripada 300 dinar iaitu setara dengan upah seorang pekerja zaman itu selama setahun. Bagaimana dengan persembahan kita kepada-Nya? Apakah “harga” yang kita keluarkan? Bolehkah terhitung dalam berapa jam engkau “habiskan”, berapa duit engkau “buangkan” untuk melayani atau menolong orang yang dalam keperluan? Perbuatan perempuan itu dikecam sebagai “pemborosan” oleh orang ramai, tetapi Yesus memujinya sebagai telah melakukan sesuatu perbuatan yang baik kepada-Nya (Mr. 14:6). Itulah bukti hati yang memuja, yang sanggup mempersembahkan yang ternilai untuk Dia yang layak dipuja, tanpa mepedulikan harganya; itulah baru pengorbanan yang berkenan.

Kebetulannya tempat pengirikan Arauna adalah tempat sama di atas Gunung Moria di mana Abraham meletakkan biji matanya Ishak untuk dijadikan korban kepada Allah. Di atas gunung itu, Allah memberhentikan tangan Abraham daripada membunuh anak tersayang-Nya. Beribu tahun selepas itu, di atas Gunung Kalvari, Allah tidak pula memberhentikan tangan manusia membunuh Anak tersayang-Nya. Apakah “harga” nyawa Anak Tuhan? Oh, tiada tandingnya harga pengorbanan Ilahi ini!

Renungan hari ini: Ampunilah aku, Tuhan, kerana aku mempersembahkan apa yang sebenarnya bukan pengorbanan tulen kepada-Mu.

Orang Lama, Orang Baru

BACAAN:
Yehezkiel 36:26-28

*Yesus menjawab, kata-Nya, “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika seorang tidak dilahirkan kembali, dia tidak dapat melihat Kerajaan Allah.”
—Yohanes 3:3*

Pemimpin agama Nikodemus menggaruk-garuk kepala tentang ertinya kelahiran baru kerana dia menumpu perhatiannya kepada alam jasmani manakala Yesus bercakap tentang alam rohani. Yesus membezakan apa yang dilahirkan dari daging, adalah daging, dan apa yang dilahirkan dari Roh, adalah Roh (Yoh 3:6). Yehezkiel bernubuat firman Allah kepada umat Israel yang telah berjauhan daripada-Nya: “Kamu akan Kuberikan hati yang baru, dan roh yang baru di dalam batinmu dan Aku akan menjauhkan dari tubuhmu hati yang keras dan Kuberikan kepadamu hati yang taat” (Yeh 36:26).

Allah bercadang menjalankan pembedahan batin yang melibatkan pengeluaran hati lama dan penanaman hati baru. Mengenai pertukaran ini, Paulus berkata siapa yang ada di dalam Kristus, dia adalah ciptaan baru: yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang (2 Kor 5:17). Ini bukan sekadar menukar baju atau rupa. Kita boleh melafazkan doa pendosa, mengamalkan peraturan agama dan mengerjakan yang baik tetapi kalau belum mengalami pembedahan hati, kita masih “orang lama.” Perbuatan lahiriah tidak boleh mengubah batin kita.

Ibarat menyebur baju dengan parfum untuk menutupi bau ketiak tanpa bermandi dahulu. Nampaknya, kita seperti bersih dan baru namun sebenarnya kita masih kotor dan berbau. Hati manusia begitu licik dan terlalu parah penyakitnya seperti yang digambarkan oleh nabi Yeremia (Yer 17:9). Lantaran itu, Paulus mengingatkan bukan kerana perbuatan baik yang telah kita lakukan tetapi rahmat Allah oleh permandian kelahiran kembali dan oleh pembaharuan yang dikerjakan oleh Roh Kudus (Tit 3:5).

Max Lucado menyamakan proses kelahiran semula dengan kelahiran anak bayi. Bayangkan siapa yang “mengerjakan” kelahiran bayi dari rahim ibu? Bukan bayi itu, bukan juga doktor. Segala “kerja” kelahiran ditanggung oleh ibu sendiri dari saat bermulanya kesakitan yang tajam, ibu akan berusaha bersungguh-sungguh menolak bayi keluar dari dunia rahim ke dunia baru. Begitulah hanya Allah sendiri yang telah melepaskan kita dari kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam Kerajaan Anak-Nya yang kekasih (Kol 1:13).

Renungan hari ini: Aku menyerahkan hatiku untuk digantikan Allah dengan hati baru. Terima kasih, Tuhan Yesus kerana Engkau telah menyempurnakan kelahiran baruku oleh Roh-Mu.

10% atau 100%

BACAAN:

Markus 12:41-44

Sebab mereka semua memberi dari kelimpahannya, tetapi janda ini memberi dari kekurangannya, semua yang ada padanya, iaitu seluruh nafkahnya. —Markus 12:44

Pagi itu, puji sembah kebaktian minggu begitu meransang semua orang memuji, melompat-lompat. Suasananya ialah, “kita akan memberi terbaik kepada Tuhan.” Pelayan acara mengucap doa pendek seperti yang telah didoakan beratusan kali dalam kebaktian. Kantung persembahan mula diedarkan di kalangan jemaah yang hadir; ada yang baru tergesa-gesa menggorek-gorek saku, ada yang telah mengambil sampul surat persembahan, ada pula membiarkan beg itu berlalu begitu sahaja.

2000 tahun dahulu, dalam kebaktian lain, ramai orang kaya tampil ke peti persembahan, untuk memasukkan jumlah duitan yang besar-besar. Di syurga Allah perhatikan diam-diam sahaja lalu datanglah seorang janda miskin. Tangannya memegang ketat dua peser (iaitu nilai terkecil mata wang penggunaan zaman itu), mendekati peti persembahan dan melepaskan kepingan wang tembaga itu ke dalamnya. Di takhta-Nya, Allah tersenyum lebar mendengar bunyi “kling” ketika logam syiling terkena peti kayu itu.

Si janda miskin itu telah memberi jumlah wang yang terkecil berbanding dengan orang lain yang lebih berkemampuan namun Tuhan Yesus menghargai pemberian itu lebih daripada mereka yang memberi banyak. Ya, dia telah memberi “semua yang ada padanya.” Sebenarnya janda ini bebas menyimpan 90% untuk diri sendiri bahkan kalau dia tidak memberi apa-apa bukankah dia beralasan munasabah memandangkan kemiskinannya. Bukankah Allah dapat memahami keadaan kewangannya?

Begitulah kita juga tawar-menawar dengan Tuhan bila sampai giliran kita untuk memberi. Sesetengah orang mengeluarkan mata wang yang terkecil nilai sekali daripada saku. Ada pula yang “lupa” menambah pemberian walaupun gaji atau pendapatan sudah naik 10 kali namun jumlah pemberian sama seperti 10 tahun dahulu. Ada pula memberitahu Tuhan, “Sorrylah, bulan ini saya berhutang ya sampai mampu baru memberi... akhir tahun nanti ada bonus!”

Kalau kita sudah biasa begitu, bacalah sekali lagi kisah janda ini dan biarlah kemurahan hati seorang perempuan yang miskin dan berkedudukan rendah dalam masyarakat mengharukan hati kita. Dia sanggup memberi bukan sahaja 10% tetapi 100% nafkah hidupnya. Tuhan melihat hati setiap pemberi. Biarlah kita sedar sebenarnya segala yang kita ada, milik Allah.

Renungan hari ini: Biar apa yang saya berikan kepada Tuhan berpunca daripada hati yang penuh ucapan syukur kerana Dia telah memberi saya yang terbaik dalam Yesus Kristus terlebih dahulu.

Berkat Memberi

BACAAN:
Kejadian 13:6-12

Bukankah seluruh negeri ini terbuka untuk engkau? Baiklah pisahkan dirimu daripadaku; jika engkau ke kiri, maka aku ke kanan, jika engkau ke kanan, maka aku ke kiri. —Kejadian 13:9

Kelompok sel kami mengadakan parti durian pada suatu ketika. Selepas semua sudah kenyang dan puas, masih tertinggal beberapa biji. “Siapa mahu ambil sebiji untuk menikmatinya di rumah?” Itulah masa berlaku sedikit rebutan kerana semua inginkan jenis terharum! Maklumlah makan durian tidak akan pernah puas

Lot, anak saudara Abraham, telah mengikutinya menjelajahi ke negeri asing. Kedua-dua sanak saudara mempunyai banyak ternakan dan harta-benda sendiri sehingga negeri itu tidak cukup luas bagi mereka untuk diam bersama-sama. Perkelahian antara gembala mereka (Kej. 13:6,7) terjadi maka Abraham atas inisiatif sendiri memberi kebebasan kepada Lot untuk memilih tanah penetapannya. Eh, bukankah Abraham yang lebih tua dan sepatutnya berhak memilih dahulu? Orang Cina selalu memberi hak istimewa kepada yang lebih tua atas alasan hormat.

Tambahan pula, perjanjian Allah untuk memberi tanah Kanaan diajukan secara khusus kepada Abraham dan keturunannya bukan kepada Lot. Jelas, Abram yang pemurah sekali sampai tidak menonjolkan status atau hak. Sebaliknya, dia mengundur diri dan menyerahkan haknya semata-mata untuk mengekalkan pendamaian hubungan dengan saudaranya.

Amsal menyatakan kebenaran ajaib ini, yang menyebar hartanya, bertambah kaya, yang menghemat secara luarbiasa selalu berkekurangan. Siapa banyak memberi berkat, diberi kelimpahan, siapa memberi minum, dia sendiri akan diberi minum (Ams. 11:24-25). Begitulah yang terjadi kepada Abraham bila dia membiarkan Lot memilih bahagian tanah di sebelah timur yang kelihatan terbaik di Lembah Yordan yang subur berairan berdekatan Sodom, Tuhan akan memberkatinya lagi.

Nampaknya Abram ditinggalkan sisa tanah barat Kanaan tetapi Tuhan menghormatinya. Allah berjanji kepada Abraham, sejauh mana matanya memandang ke timur, barat, utara dan selatan, sepanjang lebar mana dia menjalani, seluruh negeri itulah diberikan kepadanya dan keturunannya yang tidak terhitung bagi debu tanah untuk selama-lamanya (Kej. 13:15-17). Lot pula terperangkap dalam kejahatan dosa Sodom dan akhirnya kehilangan semua bila Tuhan menghanguskan kota itu dalam api murka-Nya. Betapa tepatnya Rasul Paulus mengingatkan kita tentang firman Tuhan Yesus “Adalah lebih berbahagia memberi daripada menerima” (Kis. 20:35).

Renungan hari ini: Biarlah hatiku sebesar hati Tuhan Yesus yang memberi tanpa had ataupun syarat daripada kasih yang tiada terbatas.

Melepaskan Ishak

BACAAN:

Kejadian 22:11-19

Lalu Dia berfirman, “Jangan bunuh anak itu dan jangan kau apa-apakan dia, sebab telah Ku ketahui sekarang, bahawa engkau takut akan Allah, dan engkau tidak segan-segan untuk menyerahkan anakmu yang tunggal kepada-Ku.”

—Kejadian 22:12

Pasti kita biasa dengan kisah orang kaya muda yang menolak Yesus kerana tidak sanggup berpisah dengan harta miliknya (Mat. 19:16-22). Benda-benda duniawi telah mengaburi matanya kepada harta syurgawi; dia mengira duitnya lebih bernilai daripada hidup kekal.

Semestinya setiap insan akan sampai ke persimpangan hidup yang dihadapi pemuda ini. Bukan sekali tetapi banyak kali persimpangan ini akan muncul dalam hidup kita dan kita akan diuji apakah sebenarnya yang terpenting dalam hidup kita. Sudikah kita menyerahkannya kepada Tuhan?


Ishak merupakan anak perjanjian kurnia daripada Tuhan kepada Abraham (Kej. 17:19, 21) melaluinya Abraham akan menjadi “bapa sejumlah besar bangsa” dan seluruh dunia akan diberkati. Ishaklah pemberian Allah yang tertinggi nilai dan sungguh berharga kepada Abraham. Walaupun Abraham mempunyai seorang anak lain, Ishaklah yang Allah mahukan sebagai pengorbanan daripadanya.

Allah memberkati kita dengan... benda-benda, bakat, impian, perhubungan, kerjaya, keluarga, kesihatan, masa lapang, ...memang setiap pemberian yang baik dan setiap anugerah yang sempurna, datangnya dari atas, diturunkan dari Bapa (Yak. 1:17). Akan tetapi, apa katamu hari ini kalau Allah berkehendaki kamu “mengorbankan” satu bakat atau segalanya kepada-Nya? Mungkinkah hatimu mendakwa Tuhan sebagai buruk siku? Sudah memberi dengan tangan kanan nampaknya merampas balik pula dengan tangan kiri.

Ya, memang Ishak hadiah daripada Tuhan, tetapi yang terpenting masih Tuhan. Abraham mengiktirafkan keunggulan Tuhan lebih daripada kesayangannya terhadap Ishak. Itulah yang memampukannya taat kepada perintah Tuhan. Perjalanan ke tempat pengorbanan mengambil masa sepanjang 3 hari. Tentu Abraham mempunyai banyak waktu untuk berfikir, banyak peluang untuk patah balik atau bertukar arah perjalanan namun Abraham berjalan terus. Pasti hati semestinya tambah tersesak langkah demi langkah tetapi dia tetap taat kepada Tuhan. Ketaatannya jelas tergambar sampai saat terakhir, dengan tangan terangkat serta menggenggam pisau, dia bersedia membunuh cahaya matanya kepada Pemberi yang meminta. Sanggupkah kita seperti Abraham yang memberi seluruhnya? Masihkah kita seperti pemuda kaya yang begitu menyayangi harta milik sehingga sampai hatinya menolak Pemberinya?

Hasil ketaatan Abram kepada Tuhan ketara. Tuhan mengesahkan perjanjian-Nya untuk memberkatinya dengan berlimpah-limpah (Kej. 22:17-18). Sebaliknya, pemuda yang mendewakan kekayaannya meninggalkan hadirat Tuhan dengan hati yang duka.

Renungan hari ini: Abba Bapa, saya bertaubat kerana mengagungkan pemberian atas Pemberi; tolonglah saya melepaskan semua "Ishak" yang menjerat hatiku ini.



*Ambillah Tuhan segala kebebasanku
ingatanku
pemahamanku
kehendakku*

*Engkau telah memberi segala yang aku ada,
Aku menyerah segalanya kepada kehendak ilahi-Mu
Supaya Engkau menyediakan bagiku
Beri aku hanya kasih dan karunia-Mu
Dengan ini aku sudah cukup kaya
Tiada apa lagi yang aku boleh pinta*

– St Ignatius

Air Menjadi Anggur

BACAAN:

Yohanes 2:1-10

Isilah tempayan-tempayan itu penuh dengan air. —Yohanes 2:7

Pesta perkahwinan memanglah sesuatu peristiwa yang riang sekali bukan saja untuk pasangan pengantin baru bahkan untuk semua tetamu undangan. Dalam satu pesta perkahwinan yang berlangsung 2000 tahun dahulu, timbul masalah besar yang tentu merosakkan suasana kalau tidak beres. Minuman anggur biasanya dihidang untuk memeriahkan perkahwinan. Pada zaman sekarang, kita boleh menambahkan pesanan makanan kalau kekurangan makanan. Pada zaman Tuhan Yesus, kekurangan makanan menjejaskan imej pengantin lelaki dan akan menjadi riuh sekampung.

Yohanes menceritakan bahawa bila masalah itu diberitahukan kepada Yesus, Dia mengarahkan pelayan-pelayan untuk memenuhi 6 tempayan dengan air lalu dicedok air dari tempayan itu dan dibawanya kepada pemimpin pesta. Ajaib! Air sudah bertukar menjadi anggur termutu (Yoh. 2:10). Suatu mukjizat dengan senyap-senyap telah berlaku yang hanya diketahui oleh segelintir orang, tetapi dia telah memberkati semua yang hadir beramai-ramai. Menurut kajian penulis kuno, anggur yang terbaik adalah anggur termanis yang kadar gulanya tidak dihancurkan oleh peragian dan dapat diminum dengan banyak tanpa membahayakan atau memabukkan.

Adakah kita sedar Tuhan ingin melakukan mukjizat dalam hidup kita saat kita percaya dan menerima Yesus? Tuhan menukarkan air biasa kepada sesuatu yang baru, berlainan, luarbiasa, dan bagus sekali kualitasnya. Bukankah itu kehendak-Nya untuk setiap orang yang melangkah masuk dalam kerajaan Allah? Ya, saat kita diselamatkan, dosa kita ditebus oleh darah Yesus dan kita dipenuhi air hidup-Nya. Mukjizat hidup bersama Tuhan menantikan saudara-saudari! Adakah airmu telah ditukar menjadi anggur yang terunggul?

Tuhan memberkati. 6 tempayan yang mengandungi kira-kira 450-690 liter air menjadi anggur sehingga bekalannya cukup untuk sekampung. Tuhan tidak kedekut, bila Dia memberkati, Dia mencurahkan dengan berkelimpahan! Yesus berfirman, “Aku datang, supaya mereka mempunyai hidup, dan mempunyainya dalam segala kelimpahan” (Yoh. 10:10). Tuhan ingin memberkati hidup yang berkelimpahan dalam hidupmu.

Ketika anda memeluk kepenuhan Tuhan dalam kehidupanmu, hidup anda mengalir seperti anggur kepada seluruh kampung untuk memberkati mereka.

Renungan hari ini: Biar aku seperti anggur terbaik dituangkan keluar sebagai berkat untuk semua jiran dan sanak saudaraku.

Tidak Sama Seperti Dahulu Lagi

BACAAN:

Yohanes 20:11-18

*Kata malaikat-malaikat itu kepadanya, “Ibu, mengapa engkau menangis?”
Jawab Maria kepada mereka, “Tuhanmu telah diambil orang dan aku tidak tahu
di mana Dia diletakkan.” —Yohanes 20:13*

Kempat-empat Injil merujuk kepada seorang wanita yang begitu menyayangi Tuhan dan Tuannya. Lukas memberitahu kita Yesus telah membebaskannya daripada tujuh roh jahat (Luk. 8:2). Sejak itu, dia bersama-sama dengan 12 murid Tuhan Yesus dan beberapa wanita lain mengiringi Yesus melayani dari kota ke kota dan dari desa ke desa serta memberitakan Injil Kerajaan Allah (Luk. 8:1). Matius juga mengesahkan Maria Magdalena mengikuti Yesus dari Galilea untuk melayani Dia (Mat. 27:55-56).

Maria mengiringi Yesus sampailah ke kayu salib bagi bayangnya (Yoh. 19:25). Pelayanan Maria tidak berhenti dengan kematian Yesus. Markus memberitahu bahwa setelah lewat hari Sabat, dia bersama dengan serombongan perempuan lain membeli rempah-rempah untuk tubuh Yesus (Mar. 16:1). Gambaran dan cerita Yohanes mengenai Maria yang menarik hati sanubari saya.

Pada hari pertama minggu itu, pagi-pagi benar ketika hari masih gelap, Maria sudah pergi ke kubur Yesus. Dua kali dia melafazkan kerinduannya kepada Petrus dan Yohanes dan malaikat-malaikat di kubur kosong. “Tuhan telah diambil orang dari kuburnya dan aku tidak tahu di mana Ia diletakkan” (Yoh. 20:2, 13). Orang lain sudah beredat pulang ke rumah tergamam, Maria berdiri dekat kubur itu dan menangis.

Yesus menjelmakan Diri di belakangnya, Maria menyangka Dia hanya penunggu taman lalu berkata, “Tuan, jikalau tuan yang mengambil Dia, katakanlah kepadaku, di mana tuan meletakkan Dia, supaya aku dapat mengambil-Nya” (Yoh. 20:11-15). Maria baru sedar ketika Yesus memanggil namanya. Dengan itu, Maria menjadi orang pertama yang melihat Tuhan Yesus yang dibangkitkan.

Banyak iklan yang menayangkan gambar “sebelum” dan “selepas” perempuan yang mengalami perubahan radikal biasanya pada rupa. Masalah Maria melampaui muka atau badan kerana batinnya tersiksa. Pasti keadaannya “sebelum Yesus” teruk sekali; tentunya tersiksa diri selalu dikejar dan dikuasai oleh 7 roh jahat. Semestinya Maria tersingkir dari masyarakat, menderita jiwa dan batin. Mukjizat terjadi, keadaannya “selepas” menerima Yesus berbeza. Dia selalu mengikut Tuhan Yesus dan para murid-Nya dalam pelayanan. Bagaimana dengan perubahan kita?

Renungan hari ini: Dahulu aku terbelenggu kuasa gelap, kini aku dibebaskan. Dahulu aku sakit, sekarang aku dipulihkan. Dahulu aku terjerumus dalam kegelapan, sekarang aku disinari terang Tuhan. Dahulu aku dikejar neraka, sekarang aku mengejar syurga!

Jaga Hatimu

BACAAN:

Amsal 4:20-23

Jagalah hatimu dengan segala kewaspadaan, kerana dari situlah terpancar kehidupan. —Amsal 4:23

Rukun tetangga kawasan perumahan saya telah memulakan skema keselamatan dengan menggunakan penjaga peronda dan pengawasan berdasarkan bayaran bulanan. 4 bulan selepas pengamalan skema itu, rumah saya dimasuki pencuri. Kami menggeleng-geleng kepala seraya berkata, “Bagaimana hal ini boleh terjadi, memandangkan pondok pemeriksaan penjaga sekuriti ditempatkan 4 rumah daripada kediamanku?”

Dunia sekarang dilandai ombak ketakutan. Manusia sanggup membelanjakan wang sampai beribu-ribu ringgit memasang siren amaran yang terancang dalam pasaran untuk rumah mereka. Motokar pula boleh dipasang penggera yang berhubung dengan satelit di angkasa lepas. Kita begitu cermat menjaga harta benda kita.

Bagaimana dengan kawalan pintu hati kita? Kita menonton TV dan wayang gambar, membaca bahan-bahan, mendengar muzik, melibatkan diri dalam beraneka aktiviti sosial dengan sewenang-wenangnya untuk “menghibur hati” tanpa berfikir terlebih dahulu adakah ini memudaratkan. Paulus mengingatkan kita, “Segala sesuatu diperbolehkan, tetapi bukan segala sesuatu berguna. Segala sesuatu diperbolehkan, tetapi bukan segala sesuatu membangun” (1 Kor. 10:23).

Dalam ertikata sains, hati kita ialah salah satu organ dalam tubuh. Dalam Alkitab, hati mempunyai erti yang lebih daripada itu. Ia adalah saripati manusia dan pusat intelek, perasaan dan kehendak diri. Seperti air mencerminkan wajah, demikianlah hati manusia mencerminkan manusia itu (Am. 27:19). Alkitab mengingatkan bahawa Allah melihat hati manusia tetapi manusia melihat yang di depan mata (1 Sam. 16:7). Bukankah pentingnya kita menjaga hati ini baik-baik supaya jangan menyeleweng? Kelalaian menjaga hati kita akan mengakibatkan kita menyimpang dari jalan Tuhan dan menjerat kita dalam pembinasan.

Bill Bright, pendiri *Campus Crusade for Christ*, mempraktikkan pernafasan rohani untuk menjaga kebersihan hati. Bila kita berdosa, kita menghembuskan nafas keluar sebagai pengakuan dan pembuangan segala yang tidak berkenan dalam mata Tuhan. Setelah itu, dengan iman kita menarik nafas, menerima kuasa Roh Kudus kembali kerana hanya Roh Kuduslah yang dapat menolong kita menjaga hati agar tetap bersih.

Renungan hari ini: Saya hendak menjaga hatiku ini agar tidak terbuka kepada sesiapa atau apapun yang bukan daripada Tuhan.

Ketaatan Sebelum Persediaan

BACAAN:
Kejadian 22:1-8

Dan Abraham menamai tempat itu: “Tuhan menyediakan” sebab itu sampai sekarang dikatakan orang: “Di atas gunung Tuhan, akan disediakan.” —Kej 22:14

Kita memuji Allah kita sebagai Jehovah Jireh, Tuhan yang menyediakan keperluan kita. Kita yakin Allah akan memenuhi segala keperluan kita menurut kekayaan dan kemuliaan-Nya dalam Kristus Yesus (Fil. 4:19). Adakah ini bermakna Tuhan akan mengabulkan segala permohonannya? Benarkah mulai saat ini kita berdoa dan menantikan duit, rumah, kereta, kerja, berkat dan semua yang baik seperti durian runtuh dari syurga? Pandangan itu bukan sahaja salah tetapi hanya mementingkan diri sendiri. Orang seperti ini akan ditegur oleh Yesus sebagai “bukan memikirkan apa yang difikirkan Allah, melainkan apa yang difikirkan manusia.” (Mat. 16:23).

Abraham taat kepada panggilan Allah untuk mengorbankan nyawa anak tersayang-Nya. Hanya pada saat terakhir bila tangan Abraham sudah nak turun menikam tubuh anaknya itu, barulah malaikat Tuhan menyeru namanya dan menghentikan Abraham, “Jangan bunuh anak itu dan jangan kau apa-apakan dia, sebab telah Kuketahui sekarang, bahwa engkau takut akan Allah, dan engkau tidak segan-segan untuk menyerahkan anakmu yang tunggal kepada-Ku” (Kej. 22:12). Ketika itu Abraham menoleh dan melihat seekor domba jantan di belakangnya, yang tanduknya tersangkut dalam belukar. Lalu diambil dan dikorbankannya sebagai korban bakaran pengganti anaknya (Kej. 22:13).

Bagaimana kalau Abraham menurut jalan sendiri atau pergi ke gunung lain? Bagaimana kalau dia berpendapat jarak gunung Tuhan yang memerlukan 3 hari perjalanan itu terlalu jauh dan dia pergi ke tempat sembahyang berdekatan rumahnya? Mungkinkah dia mempertimbangkan mengambil seekor domba dari kawan sendiri dengan harapan Tuhan akan menukar kehendak-Nya untuk menggantikan Ishak? Ternyata pada waktu itu iman Ishak belum teguh dan dia bertanya di manakah binatang untuk korban bakaran. Abraham menyahut, “Allah yang akan menyediakan anak domba untuk korban bakaran bagi-Nya, anakku” (Kej. 22:8). Memang Allah telah menyediakan apa yang diperlukan di atas gunung itu, dan bukan di tempat lain. Kalau Abraham gagal mentaati dan mengikut suara hati sendiri terlepaslah peluang untuk mengalami mukjizat persediaan Tuhan ini.

Kita suka mengandaikan Tuhan pasti menyediakan kerana nama-Nya memang Tuhan Menyediakan. Hanya di atas gunung Tuhan akan menyediakan dan meneguhkan iman kita.

Renungan hari ini: Jangan lupa membuat persediaan dan menurut kehendak-Nya jika kita ingin diberkati-Nya.

57 Buat Apa?

BACAAN:

Yohanes 14:21-24

Tetapi ibu Yesus berkata kepada pelayan-pelayan, “Apa yang dikatakan kepadamu, buatlah itu!” —Yohanes 2:5

Air bah? Bahtera? Ada dapurkah? Bagaimana pula dengan tandas? Eh, macam mana mengumpulkan sepasang binatang daripada semua jenis? Mungkinkah ini reaksi isteri Nuh bila diberitahu rancangan Allah untuk membinasakan dunia zalim pada zaman mereka? Pembinaan bahtera itu mengambil masa 100 tahun. Betapa teruknya ejekan yang diterima oleh keluarga Nuh sepanjang masa itu.

Bagaimana pula dengan Sarah bila diberitahu mereka kena berpindah rumah entah ke mana? Adakah dia bertanya Abram ke mana mereka akan pergi? Bukan rumah kita ini masih baik, kenapa mahu berpindah? Apa? Engkau tak tahu pun?! Awak pasti ini panggilan Tuhankah? Tidak hairan kalau dia ragu-ragu serta berasa cemas dengan segala aturan ini. Serupa juga bila Tuhan mengarahkan Gideon melakukan apa yang nampaknya perkara tidak masuk akal bahkan menakutkan. Apakah yang dalam hati angkatan tentera seramai 300 orang sewaktu memegang sangkala dan buyung kosong dengan suluh sebagai “senjata”? Bagaimana pula dengan hari itu di kampung Kana, bila anggur kehabisan dalam pesta perkahwinan? Bukankah seorang wanita mengarahkan pelayan “buatlah” saja apa yang Yesus berkata? Mereka mengisikan penuh 6 tempayan dengan air dan air bertukar menjadi anggur terbaik dengan serta merta.

Adakah kamu membaca kisah-kisah ini dalam Alkitab dan menggeleng kepalamu? Mungkin fikiran “waras” mu berteriak gilakah atau sungguhhkah? Bukan mitos? Pernahkah kamu menerima panggilan “gila” daripada Tuhan? Aku pernah mengalaminya beberapa kali.

Yang menjadikan aku berasa bebal sekali sewaktu aku menerima arahan Tuhan (semasa melayani di India) untuk berjalan sambil berdoa mengelilingi suatu pintu gerbang besar di sebuah kota 7 kali sambil menumpang tangan atas temboknya. Pintu gerbang itu merupakan tempat pelancongan masyhur, dikunjungi ramai pelancong dan terdapat pula askar-askar yang bertugas mencegah orang daripada mendekati temboknya. Masa itulah aku betul-betul menyelami perasaan Yosua di hadapan Yerikho! Adakah pintu gerbang di India itu jatuh roboh? Tidak, tetapi selepas saya mengelilinginya 7 kali, hati saya mengalami “perlepasan” bahawa sesuatu telah berlaku dalam alam rohaniah di negara India.

Banyak hal yang disuruh Tuhan mungkin tidak masuk akal dan dengan pengertian kita, kita tidak memahaminya tetapi sesuatu pasti terjadi menurut kehendak-Nya.

Renungan hari ini: Aku bersedia buat apa yang diperintahkan Yesus kerana yang nampaknya gila akan mencetuskan mukjizat!

Sanggupkah Engkau Bangun?

BACAAN:
Ester 4:6-17

*Siapa tahu, mungkin justru untuk saat yang seperti ini engkau
beroleh kedudukan sebagai ratu. —Ester 4:14*

Setiap pagi saya terpaksa membangunkan tiga orang anak-anak dari tidur, sekurang-kurangnya dua kali setiap orang. Entahlah kenapa pemuda kini begitu susah bangun pagi-pagi. Barangkali Tuhan juga ada sedikit masalah dengan umat-Nya yang enggan bangun? Bukan bangun dari tidur tetapi enggan bangun menerima panggilan Tuhan.

Mula-mula, Musa enggan menerima panggilan Tuhan kerana berat lidah dan kurang pintar bercakap (Kel. 4:10). Gideon merasa rendah diri dan menyalahkan latar belakangnya yang termuda dalam keluarganya dan kaumnya yang terkecil antara suku Manasye (Hak. 6:15). Ratu Ester pula tentu mahu menikmati hidup yang selesa sekali di istana raja. Dia lebih senang menyembunyikan rahsianya di sebalik koleksi pakaian sutera, anting-anting emas dan rantai mutiara yang bertimbun-timbun. Musa gentar berdepan Firaun dengan tentera dan kereta kudanya. Gideon begitu takut akan kejayaan musuh Midian sampai bersembunyi mengirik gandum dalam tempat pemerasan anggur. Ester pula cemas kalau-kalau Raja Ahasyweros naik angin lalu memancung kepalanya jika dia masuk menghadap tanpa dipanggilnya.

Semua enggan bangun dan mempunyai alasan tersendiri bila Tuhan memanggil mereka. Perhatikan Musa dan Gideon, Tuhan melakukan mukjizat untuk menguatkan iman mereka. Musa menyaksikan semak berapi, batang tongkatnya menjadi seekor ular hidup dan tangannya kena kusta (Kel 4:3,4,6). Tuhan membakar korban Gideon dan memberi tanda pada guntingan bulu domba seperti yang dipintanya (Hak 6:21,38,40). Ini berbeza dengan Ester, tiada apa mukjizat luarbiasa berlaku di depan matanya tetapi Tangan ilahi tetap bekerja melalui manusia dan keadaan dalam hidup ratu ini.

Panggilan Ester untuk menyelamatkan bangsanya datang daripada Mordekhai, bapa saudaranya. Bila Ester enggan pergi menghadap baginda raja untuk memohon karuniannya serta membela bangsanya, jawapan Mordekhai tajam sekali, “Jangan kira, kerana engkau di dalam istana raja, hanya engkau yang akan terluput dari antara semua orang Yahudi. Sebab sekalipun engkau pada saat ini berdiam diri saja, bagi orang Yahudi akan timbul juga pertolongan dan kelepasan dari pihak lain, dan engkau dengan kaum keluargamu akan binasa. Siapa tahu, mungkin justru untuk saat yang seperti ini engkau beroleh kedudukan sebagai ratu” (Est 4:13-14). Jawapan itulah yang membangkitkan Ester untuk memanggil seluruh kaumnya berpuasa 3 hari tanpa makan dan minum. Jawapan itulah yang memberanikan semangatnya sampai boleh mengatakan, “Aku akan masuk menghadap raja,

sungguhpun berlawanan dengan undang-undang; kalau terpaksa aku mati, biarlah aku mati” (Est 4:16).

Bersemangatkah kita untuk bangkit menerima panggilan-Nya?

Renungan hari ini: Tuhan, ampunilah keberatanku untuk bangkit melayani-Mu kerana ketakutan panggilan-Mu akan mengganggu keselesaan hidupku.



Panggilan Tuhan

*Aku mendengar suara ilahi-Mu
Lembut bak belaian bayu halus
Di celahan hutan ketakutanku...
Aku merasa sentuhan-Mu atas batinku
Menderu bagai ombak bergelombang
Memukul pantai hatiku yang kebal*

*Ampuni daku, ya Tuhan
Aku mengenepikan cinta pertamaku,
Jalan sendiri aku tempuh tanpa kasih karunia-Mu,
Rahmat-Mu tidak aku hargai*

*Engkau mengangkatku...
Engkau memanggil aku anak
Bimbang aku ke gunung itu
Yang tidak mahu aku daki*

*Sampai ke kemuncak gunung itu...
Takjublah aku keindahan
Kini dalam keheningan
Aku menanti di hadirat-Mu*

Kisah Semua Orang

BACAAN:
Yesaya 6:1-9

Lalu aku mendengar suara Tuhan berkata “Siapakah yang akan Kuutus, dan siapakah yang mau pergi untuk Aku?” Maka sahutku, “Ini aku, utuslah aku!”
—Yesaya 6:8

Ada sebuah cerita mengenai 4 rakan bernama Semua Orang, SeOrang, Sesiapa Orang dan Tiada Orang. Mereka menghadapi suatu masalah satu hari. Semua Orang tahu masalah ini boleh diselesaikan oleh Sesiapa Orang; jadi ditunggulah SeOrang untuk mengendalikannya tetapi Tiada Orang yang mahu menguruskannya akibatnya masalah itu mendatangkan kerugian kepada majikan. Mereka dipecat dari tempat kerja.

Mungkinkah cerita ini ditujukan kepada jemaah Tuhan? Kami memuji Tuhan setiap hari kerana sudah memperoleh “tiket” ke syurga, begitu selesa duduk dalam gereja yang indah, bersekutu antara saudara-saudari seiman yang begitu manis dan berseronok menyanyi lagu-lagu merdu. Hati kami begitu tergerak oleh jamaahan Roh Kudus dalam kebaktian atau perhimpunan doa sehingga kita tersungkur menangis dan berguling-guling di depan mezbah. Dalam kata sindiran seorang pendeta, selepas semua itu, kami bangun, mengesat airmata, keluar dan terus menjalankan “perniagaan hidup seperti biasa.”

Kita sedar akan banyak masalah yang jauh lebih mendesak daripada masalah peribadi kita tetapi masalah dunia ini bukan urusan kita, biar orang lain yang namanya pendeta, nabi, guru, pemimpin tampil menanggung dan membereskannya. Bukan kami, kami hanya jemaah yang biasa-biasa saja. Kita sudah tahu Amanat Agung Tuhan diperturunkan Yesus sendiri kepada semua pengikut-Nya. Namun, kita beralasan, itu hanya untuk dia yang bernama Semua Orang, SeOrang, Sesiapa Orang atau Tiada Orang bukan saya.

Bibir nabi Yesaya disentuh serafim dengan bara yang diambil dari api mezbah, melambangkan penghapusan kesalahan dan pengampunan dosanya. Telinganya mendengar soalan Allah dan dia menawarkan diri untuk diutus. Bagaimana dengan kita yang telah dibenarkan oleh darah suci Anak Domba? Adakah telinga kita terbuka mendengar suara Tuhan namun bertanya-tanya, “Siapa lagi?” Bolehkah kita berseru, “Ini aku, utuslah aku!”

Siapa lagi yang sudi membuka mulut memberitakan khabar sukacita kepada orang yang belum pernah mendengar nama Yesus? Siapa lagi yang rela meluangkan masa, duit dan tenaga untuk membuktikan kasih Tuhan kepada umat yang buta, tuli, dan tidak peka secara rohani? Siapa lagi yang mahu menjawab, “Ini aku, utuslah aku?”

Renungan hari ini: Saya tidak akan bersembunyi lagi di belakang tirai penyelamatan diri. Tuhan, ini aku, utuslah aku.

Berdiri Di Pintu

BACAAN:

Yohanes 20:1-10

*Dia menjenguk ke dalam, dan melihat kain kapan terletak di tanah;
akan tetapi Dia tidak masuk ke dalam. —Yohanes 20:5*

Tanpa mengira tua atau muda, kita semua suka memberi dan menerima hadiah. Ada kalanya anak kedua saya begitu tertarik dengan kecantikan perhiasan kotak hadiah yang berlilit ribbon yang berwarna-warni sehingga dia tidak mahu membukanya pula. Kadang-kadang itu juga reaksi orang Kristian terhadap pemberian yang dikurniakan oleh Tuhan. Berdiri di pinggir Tanah Perjanjian, Musa mengingatkan bangsa Israel tentang firman Allah, “Ketahuilah, Aku telah menyerahkan negeri itu kepadamu; masukilah, dudukilah negeri yang dijanjikan Tuhan” (Ul. 1:8). Di bawah pimpinan Yosua, Kanaan ditakluki tetapi bila tatkala masa pembahagian, Yosua mendapati masih ada tujuh suku yang belum mendapat bagian milik pusaka mereka. Dia naik marah dan menegur, “Berapa lama lagi kamu bermalas-malas, sehingga tidak pergi menduduki negeri yang telah diberikan kepadamu oleh Tuhan, Allah nenek moyangmu?” (Yos. 18:3).

Umat Israel hampir-hampir terlepas daripada berkat Allah kerana mereka bersikap malas dan tidak rela merebut hak mereka. Dengan Yohanes pula, bila dia menerima berita bahawa jenazah Yesus sudah hilang pada hari ketiga, dia cepat berlari-lari ke kubur mendahului Petrus. Dialah yang pertama sampai tetapi dia berhenti di situ, menjenguk tanpa memasuki kubur. Petrus pula yang menyusulinya melulu masuk dan berhadapan dengan kubur kosong. Selepas itu barulah Yohanes masuk juga dan dia melihat lalu percaya (Yoh. 20:6-8). Kita tidak tahu kenapa dia tercengang di luar kubur. Dia mungkin ragu-ragu, kebingungan atau ketakutan kehadiran orang jahat yang tersembunyi dalam kubur. Kalau dia tidak masuk dan melihat dengan mata sendiri jenazah yang hilang itu, dia tidak akan mengalami kenyataan mukjizat kebangkitan Yesus.

Mungkin kamu bersangsi dan ragu-ragu, “Adakah Tuhan sungguh mahu memberkati aku?” atau “Sungguhkah Allah melakukan mukjizat dalam hidupku?” Mungkin kamu teragak-agak samada kuasa dan karunia Roh Kudus tersedia untukmu. Anda seperti anak saya, anda mengagumi kotak yang mengandungi hadiah tetapi kalau tidak mahu membuka kotak, macam mana nak mengetahui kecantikan kandungannya? Apa gunanya, kalau kita seperti umat Israel yang tidak mahu bergerak masuk menduduki tanah yang dijanjikan? Seperti Yohanes, kalau kita berdiri di luar menjenguk-jenguk saja, bagaimana kita akan mengalami mukjizat Tuhan?

Renungan hari ini: Saya tidak akan membenarkan kemalasan, ketakutan ataupun keraguan menghalangi saya daripada memiliki dan menikmati segala dijanjikan Tuhan kepada saya.

Penyakit Hilang Ingatan

BACAAN:
Hakim-Hakim 6:6-14

Jawab Gideon kepada-Nya: “Ah, tuanku, jika Tuhan menyertai kami, mengapa semuanya ini menimpa kami? Di manakah segala perbuatan-perbuatan-Nya yang ajaib yang diceritakan oleh nenek moyang kami kepada kami, ketika mereka berkata: Bukankah Tuhan telah menuntun kita keluar dari Mesir? Tetapi sekarang Tuhan membuang kami dan menyerahkan kami ke dalam cengkeraman orang Midian.” —Hakim-Hakim 6:13

Penyakit Alzheimer’s sejenis penyakit otak, orang yang mengidapnya hilang ingatan secara perlahan-lahan. Biasanya penyakit ini akan menyerang pesakit yang meningkat 65 tahun.

Gideon telah membesar mendengar cerita nenek-moyangnya mengenai Allah dahsyat yang melakukan mukjizat luarbiasa. Walau bagaimanapun, sudah tujuh tahun bangsanya melarat kerana tertindas orang Midian. Tanah Perjanjian yang didiami mereka sekarang berukuran hanya 180 batu panjang dan 40 batu lebarnya. Mereka terpaksa bersembunyi dalam gua dan kubu-kubu. Hasil tanah, binatang ternakan dan bahan makanan mereka dirampas dalam serbuan yang bertubi-tubi (Hak. 6:1-6). Bagi Gideon, semua janji Allah untuk memberkati bangsanya bagai buih sabun indah yang telah lenyap dalam udara. Pada hari yang kecewa itu, malaikat yang menemukannya tersembunyi dalam kegelapan tempat pemerasan anggur; Gideon telah kehilangan semua harapan dan kepercayaan kepada Tuhan.

Kita juga begitu rupa bila keadaan hidup tidak setara dengan apa yang pernah kita dengar dan apa yang telah kita baca tentang Allah. Kita berpegangan kepada firman Yesus bahawa Dia telah datang supaya orang percaya memiliki hidup berkelimpahan (Yoh. 10:10). Seperti Gideon, kita sudah biasa membaca tentang mukjizat-mukjizat Tuhan dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. Kita menghafal ayat-ayat daripada Alkitab mengenai janji-janji Allah kepada orang yang percaya. Tahun demi tahun, kita berseru kepada Allah seperti orang-orang pada zaman Gideon; sampai hati tawar dan berputus asa kerana nampaknya Tuhan telah “membuang” kita.

Kita melupakan kebesaran Allah kerana mata kita tertumpu kepada kebesaran masalah hidup semasa. Kita membiarkan penyakit hilang ingatan menjangkiti diri kita dan seperti Gideon kita bersembunyi dalam kegelapan. Ingat, malaikat Tuhan bertemu dengan Gideon lalu bersalam “Tuhan menyertai engkau, pahlawan yang gagah berani” (Hak. 6:12), semuanya bertukaran kerana Roh Tuhan sendiri “membajui” Gideon (Hak. 6:34) serta melengkapinya untuk kemenangan.

Renungan hari ini: Emmanuel, Allah yang menyertai aku selalu, aku tidak perlu tawar hati dan aku akan bersikap gagah berani.

Yang Baik Tidak Bererti Bagus

BACAAN:

Kejadian 12:10-13:4

Tetapi di Kanaan sedang ada kelaparan yang sangat hebat, sehingga Abram pergi lebih jauh lagi ke selatan, ke negeri Mesir untuk tinggal di sana sampai bencana itu lewat. —Kejadian 12:10

Amaran lampu kekurangan minyak telah bernyala. Saya memperlahankan kereta ternampak stesen minyak tetapi kerana bukan minyak yang biasaku gunakan, saya meneruskan perjalanan dengan keyakinan ada stesen lain yang berdekatan. Malangnya, tidak ada stesen minyak lagi di sepanjang jalan itu. Akhirnya, saya terpaksa memusingkan kereta dan memandu 2 km balik ke stesen asal. Setiba di sana, saya terkejut kerana stesen itu sudah kesuntukan minyak. Aduh, menyesalnya aku!

Berikutan panggilan Allah, Abraham telah berangkat ke tanah Kanaan. Bahawasanya Allah telah berjanji “Aku akan memberikan negeri ini kepada keturunanmu.” Sampai di pergunungan di sebelah timur Betel, dia memasang kemahnya lalu mendirikan di situ mezbah bagi Tuhan dan memanggil nama Tuhan (Kej. 12:8). Betel ertinya “rumah Tuhan.”

Bila bencana kelaparan yang hebat tertimpa Kanaan, Abram bertolak ke Mesir dan tinggal di situ sebagai orang asing (Kej. 12:10). Keputusannya untuk pergi ke Mesir tidak datang daripada Tuhan, tetapi keputusannya sendiri. Dia meninggalkan “rumah Tuhan” untuk Mesir, negara yang berlimpah dengan makanan, tanpa menyedari masalah yang lebih teruk akan menimpanya di tempat baru itu. Setiba di Mesir, kecantikan isterinya Sarai menarik perhatian orang-orang Mesir. Abram mengajarnya menipu pula agar dia dapat “menukar” isterinya untuk kekayaan Firaun (Kej. 12:16). Allah membiarkan dosa ini disembunyikan. Maka Allah menimpa tulah atas Firaun dan seisi istananya sehingga terpaksa Abram mengangkat diri sekali lagi pulang ke Betel, “di mana kemahnya mula-mula berdiri, ke tempat mezbah yang dibuatnya dahulu di sana; dan di situlah sekali lagi Abram memanggil nama Tuhan” (Kej. 13:4-5). Abram habis berjalan mengelilingi satu bulatan besar, akhirnya balik ke rumah Tuhan.

Sering kali kita mencari jalan yang nampaknya lebih baik daripada jalan yang telah disediakan oleh Tuhan. Kita tidak menyedari bahawa ada jalan yang disangka lurus tetapi ujungnya menuju maut (Ams. 16:25). Ikhtiar peribadi yang kita anggap begitu pandai hanya menjeratkan kita dalam dosa.

Renungan hari ini: Baik aku berjaga-jaga agar jangan menyimpang keluar daripada rencana Allah, dan aku tidak akan menurut jalan sendiri yang salah.

Penentuan Muktamad

BACAAN:
Keluaran 14:8-16

Berfirmanlah Tuhan kepada Musa: “Mengapakah engkau berseru-seru demikian kepada-Ku? Katakanlah kepada orang Israel, supaya mereka berangkat.” —Keluaran 14:15

Setiap kali keluarga saya bercadang makan di luar, timbulnya masalah; kami tidak dapat bersetuju tempat makanan. Tiga orang anak bermakna tiga cadangan yang berlainan. Saya sendiri pula tiada cadangan langsung, kerana untuk saya, tempat makan tidak penting.

Lain cerita dengan 3 juta manusia yang menghadap laut di depan mata dan musuh yang ganas mengejar di belakang mereka. Sudah 400 tahun bangsa Yahudi hidup sebagai hamba di tanah Mesir. Pada suatu malam, mereka semua dibebaskan oleh kuasa Tuhan yang menundukkan Firaun dengan pelbagai tulah dan kematian anak sulung manusia dan haiwan orang Mesir. Tetapi perjalanan ke Tanah Perjanjian nampaknya telah tersangkut tatkala mereka sampai Laut Teberau. Nampaknya, Firaun berubah hatinya dan terus mengejar mereka dengan semua angkatan tentera perwira Mesir dan 600 kereta kuda pantas.

Alkitab mencatatkan tindak balas tiga pihak apabila masalah ini timbul. Umat Israel begitu ketakutan sehingga mereka menyalahkan pemimpin mereka, Musa dan lebih rela balik menjadi hamba Mesir daripada mati di padang gurun (Kel. 14:12). Musa cuba menenteramkan hati mereka, “Janganlah takut, berdirilah tetap dan lihatlah keselamatan daripada Tuhan” (Kel. 14:13). Tuhan pula mengarahkan mereka semua berangkat (Kel. 14:16). Tiga pihak bererti tiga pilihan.

Sebenarnya banyak keadaan hidup kita memerlukan pertimbangan berat kerana tidak mudah menentukan tindakan yang paling bijak. Kita boleh menggunakan hikmat manusia yang selalu beraksi dalam daging seperti umat Israel yang tidak kisah kembali ke Mesir. Mereka menduga perhambaan lebih selamat dan lebih senang diterima daripada mengharungi cabaran baru. Kita mungkin menerima cadangan daripada penasihat baik seperti Musa yang memanggil mereka berdiri tetap. Bukankah ini tindak balas biasa pendeta atau pemimpin apabila kita meminta bimbingan. “Tenangkan hati dan doalah.” Yang terbaik ialah keputusan merujuk kepada Putera yang telah diberikan untuk kita, yang nama-Nya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang Perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai (Yes. 9:6). Arahan-Nya tetap betul dan membawa kemenangan. Perhatikanlah bagaimana Tuhan membelah air dan mewujudkan jalanraya melalui Laut Teberau apabila umat Yahudi memilih untuk mengikuti perintah-Nya.

Renungan hari ini: Bukan diri sendiri, bukan manusia lain, tetapi hanya kehendak Allah penentuan muktamad saya.



BACAAN:

Keluaran 20:18-21

Adapun bangsa itu berdiri jauh-jauh, tetapi Musa pergi mendekati embun yang kelam di mana Allah ada. —Keluaran 20:21

Bayangkanlah kamu membentangkan tanganmu luas hendak memeluk anak yang baru pulang dari tempat jauh selepas perpisahan lama tetapi dia mengelakkan dakapan awak. Awak rindu betul nak memberitahunya banyak perkara yang terpendam dalam hatimu tetapi dia pula memanggil kawan menjadi perantara kamu berdua.

Itulah tragedi bangsa Israel yang enggan mendekati Allah Bapa mereka. Rencana Allah membebaskan bangsa ini daripada perhambaan di Mesir bukan untuk keseleasan mereka. Dari mula-mula lagi, setiap kali Musa berhadapan Firaun, dia setia mengisytiharkan tujuan Allah: umat Israel telah dibebaskan supaya mereka boleh beribadah kepada-Nya. Sampai di padang gurun, mereka berkhemah di bawah gunung Sinai. Maka Musa ditugaskan Allah untuk memperingatkan mereka bahawa “Aku telah mendukung kamu di atas sayap rajawali dan membawa kamu kepada-Ku” (Kel. 19:4) dan mengumumkan kedatangan Allah di kalangan mereka. Sekalipun bangsa itu menyaksikan guruh mengguntur, kilat sabung-menyabung, sangkakala berbunyi dan gunung berasap, mereka takut dan enggan mendekati gunung Tuhan. Mereka lebih rela Musa “berbicara dengan mereka, dan bukan Allah” (Kel. 20:18-19). Maka mereka berkata, “Mendekatlah engkau dan dengarkanlah segala yang difirmankan Tuhan, Allah kita, dan engkaulah yang mengatakan kepada kami segala yang difirmankan kepadamu oleh Tuhan, Allah kita” (Ul. 5:27). Mereka tidak mahu bertemu dengan Allah secara peribadi dan memilih Musa jadi perantaraan mereka.

Bila Musa mendirikan tempat khas sebagai Kemah Pertemuan untuk membolehkan sesiapa yang ingin mencari Tuhan datang mengadap, tiada orang yang mahu memasukinya. Alkitab mencatatkan apabila Musa pergi ke khemah itu, bangunlah seluruh bangsa itu dan berdirilah mereka, masing-masing di pintu khemahnya, dan mereka mengikuti Musa dengan matanya, sampai dia masuk ke dalam khemah (Kel. 33:7-8). Mereka sendiri tidak mahu melangkah bertemu dengan Tuhan.

Bagaimana dengan kita pada zaman ini? Ramai orang percaya sudah puas mendengar khutbah dalam kebaktian, bahkan ada yang sanggup pergi dari gereja ke gereja “mendengar” daripada Tuhan tetapi semua melalui mulut orang lain. Mereka sendiri tidak rela diam menunggu di hadirat Tuhan. Ramai yang tidak berhenti-henti memohon gembala Tuhan menopang tangan dan berdoa untuk mereka, tetapi mereka tidak sanggup pula masuk ke kamar sendiri, tutup pintu dan berlutut di hadapan Bapa serta mencurahkan isi hati kepada-Nya.

Kalau begitu sikap anak-anak Allah, bukankah sia-sia saja Tuhan Yesus mati atas kayu salib? Padahal ketika Yesus menarik nafas terakhir, tabir Bait Suci terbelah dua dari atas sampai ke bawah (Mat. 27:51) untuk melambangkan kebebasan bagi setiap orang percaya. Kini, kita boleh menampilkan ke hadirat Allah yang Maha Kudus, kerana kematian-Nya telah membuka jalan menjalin persahabatan dengan Tuhan.

Renungan hari ini: Saya diselamatkan kerana Allah ingin membawa diriku dekat kepada-Nya. Saya tidak mahu berdiri dari jauh sebagai pemerhati sahaja.

Adakah Engkau Mengenali?

*Pernakkah hatimu retak
Kehilangan cinta, nyawa diserangi maut
Adakah hari-harimu kosong
hanya bunyi kesunyian menemanimu
mungkinkah tubuhmu kering-kontang
haus untuk sesuatu yang lebih daripada makanan duniawi
tidak nyenyak tidur dilandai kebimbangan
mengenai hari esok
tidakkah kamu nampak kelahiran mukjizat
dalam setiap fajar menyingsing
suatu nyanyian baru kepada Allah
tidakkah kamu mendengar ngauman suara-Nya
dalam ombak samudera
denyutan jantung-Nya dalam penciptaan alam
tidakkah kamu mengecapi
kemanisan-Nya dalam curahan hujan Roh
tidakkah kamu merasai
jamahan-Nya mengangkat jiwa lesumu
ke dalam kedamaian ilahi
Lihatlah, Dia berdiri
Tangan terbuka, menanti dalam kasih sayang
Adakah kamu mengenali
Dia yang mengenalimu?*

Bukan Separuh Tetapi Sepenuhnya

BACAAN:

Markus 12:28-31

Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu dan dengan segenap kekuatanmu. —Markus 12:30

Kadang-kadang saya bertanya diri sendiri sama ada saya memahami pujian yang saya nyanyikan. Sebuah lagu Inggeris dalam penterjemahan kasar berbunyi, “Aku mahu Kamu lebih lagi, Tuhan.” Kita juga asyik berdoa “Tuhan, saya mahu lebih lagi daripada-Mu.” Lebih apa? Lebih kuasa, lebih berkat, lebih Tuhan? Apa ertinya lebih itu? Fikirlah sejurus, hakikatnya bukankah Allah telah pun mengurniakan semua-Nya kepada kita? Adakah Yesus separuh mati sahaja? Adakah hanya tubuh badan-Nya yang disalibkan? Tidak, Tuhan Yesus telah mengorbankan seluruh diri-Nya secara lahiriah dan batiniah atas kayu salib. Orang yang memanggil nama Yesus sudah memiliki-Nya sepenuhnya. Apa lagi yang kita mahu daripada Tuhan tatkala kita sudah mendapatkan semua?

Soalannya bukan berapa banyak kita “mempunyai” Allah, tetapi berapa banyak diri kita dimiliki Allah? Bila diuji ahli Taurat apakah hukum yang paling utama, Yesus mengutip daripada Ulangan 6:5 yang terkenal sebagai “shema” (ertinya “mendengar”) kalimat yang diucapkan setiap hari oleh orang Yahudi yang saleh dalam semua kebaktian mereka. Generasi orang percaya kini pun sama menghafalkan hukum pertama ini. Banyak lagu kepujian berasaskan tema mengasihi Allah dengan segenap hati, jiwa, akal budi dan kekuatan kita. Malah kita berdoa Tuhan, ambillah segenap diriku sebagai persembahan hidup. Betulkah Allah mempunyai kita dengan segenapnya? Genap bererti lengkap, sempurna, selesai, seluruhnya yang ada pada kita.

Kita ingin dipakai, diurapi dan diberkati Allah. Keinginan ini memang wajar namun adakah kita sanggup memberi diri? Yesus mengajar pasti seorang yang ingin membangun sebuah menara akan duduk menghitung dahulu biayanya supaya dia tahu apakah wangnya cukup untuk menyelesaikan menara itu atau tidak (Luk. 14:28). Kesimpulan-Nya, “Demikian pulalah tiap-tiap orang di antara kamu, yang tidak melepaskan dirinya dari segala miliknya, tidak dapat menjadi murid-Ku” (Luk. 14:33).

Kalau kita masih berpegang sedikit, separuh, sebahagian hati, jiwa, akal budi, atau kekuatan diri, Allah belum lagi memiliki kita, walaupun kita sudah mempunyai-Nya. Kalau begitu, Dia hanya Allah tetapi bukan Tuhan kita.

Renungan hari ini: Yesus telah mengorbankan segenap-Nya untuk saya. Aku hanya dapat membalas dengan menyerahkan segenap diriku.

Apa Suhu Kasih Anda?

BACAAN:
Lukas 7:36-48

*Maka teringatlah murid-murid-Nya, bahawa ada tertulis: “Cinta untuk rumah-Mu menghanguskan Aku.” —Yohanes 2:17
Sebab itu Aku berkata kepadamu: “Dosanya yang banyak itu telah diampuni, sebab Dia telah banyak berbuat kasih...” —Lukas 7:47*

Pakar doktor menggunakan termometer untuk menyukat suhu orang yang sakit demam. Bagaimana pula kalau Tuhan ingin menyukat “suhu” kasih seseorang yang percaya? Allah alam semesta tidak memerlukan apa-apa termometer syurgawi untuk mengenal hati yang mengasihi-Nya. Dua peristiwa dari Alkitab menunjukkan bagaimana orang yang mengasihi Tuhan bertindak dan membuktikan kasih mereka.

Perhatikan betapa kasihnya Yesus untuk Allah. Amarah-Nya terhadap mereka yang mencemarkan bait suci begitu panas baran sehingga Dia menggunakan cambuk tali untuk menghalau keluar binatang dan penukar wang dari Bait Suci, menyerakkan duit mereka dan menterbalikkan meja perniagaan mereka (Yoh. 2:15). Inilah kasih yang cepat mengenali dan tegas bertindak menghapuskan dosa yang menodai kesucian Allah. Penukar wang dan peniaga binatang telah menjadikan rumah Allah “tempat perjualan.” Alkitab mensifatkan “cinta” Yesus ibarat api hangat yang “menghanguskan” (ertinya memakan atau menelan dengan habis). Inilah kasih yang menentang segala bentuk godaan dosa. Beranikah kita begitu tegas mengkonfrontasi dosa ataupun kita lebih selesa berdiam diri dan memandang arah lain apabila berdepanan kelakuan dalam hidup jemaah yang percaya kerana semua ini “bukan urusan” kita?

Perhatikan juga bagaimana kasih Allah begitu mengerakkan hati seorang perempuan yang sampai dia melutut membasahi kaki Yesus dengan air matanya, menyekanya dengan rambut sendiri, kemudian mencium kaki-Nya dan meminyaki pula dengan wangian (Luk. 7:37-38). Dia tidak diundang ke jamuan berkenaan, dia hanya seorang perempuan, lebih-lebih lagi dikenali sebagai orang yang berdosa. Rambut wanita yang beradab zaman itu dipakai panjang sebagai tanda penghormatan diri, tidak mungkin diguna sebagai tuala untuk mengering kaki orang lain! Kasih perempuan melebihi semua adat sosial masyarakatnya. Kasih ini dilahirkan daripada kesedaran akan dosanya. Dia menangis, bersujud menyembah dan memuja Yesus, Penyelamat rohnya. Adakah kasih untuk Tuhan “menggilakan” kita sampai kita tidak menghiraukan protokol, pendapat atau pandangan orang tentang kelakuan kasih kita?

Renungan hari ini: Biar kasih saya terhadap Tuhan meluap-luap keluar dari hati serta memberanikan saya untuk menegaskan kebenaran-Nya dan menyembah-Nya dengan segenap penyerahan.

Tidak Payah Menyescal

BACAAN:

2 Korintus 7:9-11

Sebab dukacita menurut kehendak Allah menghasilkan pertaubatan yang membawa keselamatan dan yang tidak akan disesalkan, tetapi dukacita yang dari dunia ini menghasilkan kematian. —2 Korintus 7:10

Cinta bererti awak tidak perlu menyescal merupakan satu kalimat filem terkenal tahun 60an bertajuk “Love Story” yang menceritakan bagaimana seorang lelaki dan perempuan yang dilamun cinta mengharungi pelbagai cabaran hidup. Akhirnya, perempuan itu meninggal dunia akibat penyakit barah. Saat dia menghembus nafas terakhir, kekasihnya mendukung dia sambil melafazkan perkataan-perkataan penuh kasih sayang.

Bandingkan Petrus dan Yudas, kedua-dua orang ini memanggil Yesus Tuhan tetapi sanggup melakukan sesuatu yang keji terhadap-Nya pula. Petrus begitu yakin akan kasihnya terhadap Yesus, dia berani bercakap besar, menegaskan “Sekalipun aku harus mati bersama-sama Engkau, aku takkan menyangkal Engkau” (Mat. 26:35) walaupun Yesus telah meramalkan Petrus akan menafikan-Nya sebanyak 3 kali sebelum ayam berhenti berkokok (Mat. 26:34). Yudas pula terang-terang menjadi pembelot, mengkhianati Yesus dengan satu ciuman kepada imam-imam kepala untuk 30 keping wang perak, (Mat. 26:15) harga seorang hamba pada masa itu.

Kedua-dua mereka telah berdosa. Perhatikan kelakuan mereka selepas berdosa. Apabila ayam berkokok sesudah Petrus menyangkal Yesus 3 kali di hadapan orang ramai, Petrus teringatlah kata-kata-Nya, lalu dia pergi keluar dan menangis dengan sedih (Mat. 26:75). Air matanya menitis kerana dia menyedari dia telah mengkhianati kasih Tuhannya. Inilah air mata tulus yang membasuh keluar semua keangkuhan dan rasa percaya diri. Airmata yang mendatangkan kerendahan hati dan penyesalan sejati. Bagaimana dengan Yudas pula? Kita diberitahu selepas Yudas melihat bahwa Yesus telah dijatuhkan hukuman mati, dia menyesal lalu dia mengembalikan wang itu kepada para imam dan berkata: “Aku telah berdosa kerana menyerahkan darah orang yang tak bersalah” (Mat. 27:3-4). Tetapi mereka menyingkirkannya sebagai urusan sendiri. Akhirnya Yudas memilih jalan pintas dengan mengakhiri hidupnya dengan menggantungkan diri (Mat. 27:5).

Mereka berdua memang menyescal tetapi kesudahan ceritanya berbeza. Dalam kes Yudas penyesalan membawa kematian. Bagi Petrus, penyesalannya membawa pemulihan dan pertaubatan yang tulen. Ini jelas apabila Yesus bertemu dengan Petrus selepas kebangkitan-Nya dan menanyakannya 3 kali “Apakah engkau mengasihi Aku?” dan 3 kali Petrus mengiakkannya (Yoh. 21:15-17).

Renungan hari ini: Tuhan, biarlah penyesalanku membawa pertaubatan yang sungguh-sungguh dan memperbaharui kasihku kepada Engkau.

Siapa Yang Tengok?

BACAAN:
Mazmur 139:1-15

*Ke mana aku dapat pergi menjauhi roh-Mu, ke mana aku dapat lari
dari hadapan-Mu? —Mazmur 139:7*

Seandainya kamu sedang memacu kereta pada pukul 3 pagi dan jalan raya sunyi-sepi, lampu di hadapan merah dan tidak ada polis yang mengawal, adakah kamu akan berhenti? Bagaimana keputusan kamu kalau ada orang lain dalam kereta kamu? Saya berani mengatakan kalau kita tidak melintas pun, kita pernah teruji berbuat begitu. Katakan pula terdapat seorang polis berdiri berdekatan, saya pasti kita tidak berani menyeberangi lampu merah itu. Mengimbas peristiwa politik tanahairku, seorang ahli politik mengaku bahawa dia pernah menjalin perhubungan sulit dengan seorang wanita yang bukan isterinya, “Aku menyesal kerana tertangkap.” Adakah ini bermakna kalau dia tidak tertangkap, perbuatan itu dibiarkan sahaja?

Raja Daud melaung kepada Allah, “Terhadap Engkau, terhadap Engkau sajalah aku telah berdosa dan melakukan apa yang Kau anggap jahat, supaya ternyata Engkau adil dalam putusan-Mu, bersih dalam penghukuman-Mu” (Mazm. 51:4). Hatinya disabitkan oleh nabi Natan yang membongkar dosanya meniduri Batsyeba dan mengatur pembunuhan suaminya Uria (2 Sam. 11). Apabila dia ditegur oleh nabi, barulah dia sedar walaupun dia mungkin dapat menyembunyikan dosanya daripada manusia, tidak mungkin dia melepaskan diri daripada Allah. Begitu juga Adam dan Hawa menduga mereka dapat menyembunyikan diri daripada Allah apabila berdosa memakan buah larangan di Eden (Kej. 3:8).

Petikan Inggeris daripada J.C. Watts berbunyi “Sifat sejati akan mendorong kita melakukan perkara yang benar sekalipun tiada orang yang melihatnya.” Terlalu ramai orang berpendapat kita mempunyai hak untuk melakukan yang memuaskan kehendak sendiri, dan menganggap perkara itu hanya salah kalau kita tertangkap basah. Dosa tetap dosa; tidak boleh diukur betapa dalam ia akan memudaratkan orang lain kerana pada asasnya dosa akan menjejaskan perhubungan kita dengan Allah. Janganlah kita menduga kalau tiada manusia mengetahuinya dan tiada kesan buruk terhadap pihak ketiga, maka dosa itu kita boleh anggap ringan..

Kejahatan Raja Daud berzina, membunuh dan menipu disifatkan nabi sebagai menghina Tuhan (2 Sam. 12:9) yang bermaksud memandang rendah, menganggap Dia tidak penting serta meremehkan kehadiran-Nya. Jadi dengan tindakan-tindakannya, Daud menyatakan bahawa Allah tidak penting, tidak layak dikasihi, disembah mahupun ditaati.

Renungan hari ini: Mata Tuhan melihat saya pada setiap masa dalam semua keadaan. Biarlah aku hidup suci dan memuliakan nama-Nya setiap detik.

Pilihan Dalam Tangan Kita

BACAAN:

Yosua 24:13-22

Tetapi jika kamu anggap tidak baik untuk beribadah kepada Tuhan, pilihlah pada hari ini kepada siapa kamu akan beribadah; allah yang kepadanya nenek moyangmu beribadah di seberang sungai Efrat, atau allah orang Amori yang negerinya kamu diami ini. Tetapi aku dan seisi rumahku, kami akan beribadah kepada Tuhan. —Yosua 24:15

Raja Daud ternampak seorang wanita cantik sedang bermandi. Pandangan bernaftu itu membuahkan keputusan meniduri wanita itu. Akibat dosanya, dia menghamilkan wanita itu (2 Sam. 11:4-5). Tidak puas dengan berzina, dia berkomplot membunuh suami wanita itu. Bandingkan tindak-balas dengan seorang lelaki lain apabila berdepanan dengan wanita yang tidak malu-malu menawarkan diri kepadanya. Yusuf menolak isteri Potifar dan berkata, "...bagaimanakah mungkin aku melakukan kejahatan yang besar ini dan berbuat dosa terhadap Allah?" (Kej. 39:9). Kedua-dua lelaki ini tergoda, satu memilih menyerahkan diri kepada godaan, dan yang satu lagi memilih berlari daripada godaan.

Penulis terkenal Steven Covey menghuraikan prinsip 90/10 sebagai pedoman hidup. 10% dari hidup kita terdiri daripada apa yang terjadi kepada kita. Yang baki 90% daripada hidup kita ditentukan oleh bagaimana kita bertindak-balas kepada 10% itu. Bermakna walaupun kita tidak dapat mengawal apa yang berlaku dalam hidup ini, kita boleh memilih reaksi kita terhadap semua yang berlaku. Jadi walaupun orang percaya tidak terkecuali daripada godaan hidup, kita boleh memutuskan menerima atau menolak godaan itu.

Allah telah memberi kita kebebasan memilih dari mula-mula lagi. Tiada suara melarang Adam dan Hawa daripada memakan buah larangan. Demikian juga, bangsa Israel telah biasa dengan penyembahan tuhan-tuhan selain daripada Allah yang Maha Kuasa. Allah memanggil semua tetapi Dia tidak pernah memaksa sesiapa pun. Sering kali saya mempersoalkan kenapa Allah tidak mencipta manusia supaya mengasihi-Nya begitu sahaja. Alangkah baiknya kalau manusia tidak perlu menimbang antara betul dan salah? Mengapa memberi kebebasan kepada manusia kerana mereka sering menyalahgunakan kebebasan itu serta mendatangkan padah buruk? Allah tetap memberi kuasa kepada kita untuk melaksanakan kebebasan memilih.

Sembilan tahun dahulu saya dipanggil menerima Yesus. Setiap hari selepas penerimaan itu sehingga sekarang dan sepanjang hayatku seterusnya, saya dipanggil memutuskan bagaimana saya hidup sebagai seorang Kristian. Kebebasan memilih dalam tanganku dan tanganmu.

Renungan hari ini: Tuhan, lindungilah aku daripada membuat pilihan yang salah dan yang mendatangkan padah buruk kepada orang lain.

Merdeka, Merdeka, Merdeka!

BACAAN:
Roma 6:18-22

*Jadi apabila Anak itu memerdekakan kamu, kamupun benar-benar merdeka.
—Yohanes 8:36*

Setiap tahun pada 31hb Ogos tepat pukul 12 tengah malam di padang Kelab Diraja Selangor Kuala Lumpur teriakan Merdeka akan bergema 3 kali berturut-turut, memperingati tahun 1957 ketika Malaya diisytiharkan bebas sebagai negara berdaulat. Untuk negara ini, merdeka berertinya rakyatnya bebas daripada cengkaman penjajah dan bertanggungjawab mengorak masa depan sendiri.

Apa erti merdeka untuk setiap individu pula? Dari mata pemuda yang baru meningkat 21 tahun merdeka berertinya dia sudah menginjak alam kedewasaan. Apakah ini bererti dia boleh berbuat apa sahaja kehendak hati tanpa merujuk kepada ibubapa atau sesiapa pun? Orang yang belum percaya kurang memahami kenapa orang Kristian tidak (atau sepatutnya tidak) berjudi, merokok, bersetubuhan sebelum berkahwin, memabukkan diri, berpakaian mendedahkan tubuh, menonton sesetengah jenis wayang gambar atau mendengar muzik tertentu. Adakah orang Kristian ini belum menerima kemerdekaan untuk hidup bebas tanpa larangan?

Pendeta dan penulis Inggeris Charles Kingsley menjelaskan begini, ‘Terdapat dua jenis kebebasan – yang palsu di mana seseorang itu bebas melakukan mengikut kehendaknya; dan yang benar, di mana dia bebas berbuat seperti yang patut dilakukannya.’ Alkitab menegaskan “Tetapi sekarang, setelah kamu dimerdekakan dari dosa dan setelah kamu menjadi hamba Allah, kamu beroleh buah yang membawa kamu kepada pengudusan dan sebagai kesudahannya ialah hidup yang kekal” (Rom. 6:22). Paulus berkata lagi, “Sebab seorang hamba yang dipanggil oleh Tuhan dalam pelayanan-Nya, adalah orang bebas, milik Tuhan. Demikian pula orang bebas yang dipanggil Kristus, adalah hamba-Nya” (1 Kor. 7:22).

Perjanjian Lama mengandungi perintah untuk membebaskan seorang hamba yang sudah melayani tujuh tahun tanpa apa-apa tebusan (Kel. 21:2). Seandainya hamba itu begitu mengasihi tuannya dan tidak mahu keluar sebagai seorang merdeka, tuannya harus membawanya menghadap Allah, lalu membawanya ke pintu atau ke tiang pintu, dan menusuk telinganya dengan penusuk (Kel. 21:6). Maka hamba itu dianggap terus bekerja untuk tuannya seumur hidup iaitu perhambaan dianggap kekal. Begitu juga kemerdekaan yang sebenar dalam Tuhan, Kita sanggup melepaskan kebebasan itu untuk melayani dan menyenangkan hati Penyelamat yang membebaskan kita dari cengkaman maut dan dosa.

Renungan hari ini: Aku benar-benar merdeka dalam Yesus Kristus. Aku tidak akan menganggap ringan terhadap kemerdekaan ini dengan hidup dalam dosa, sebaliknya menyerahkan diriku untuk menyenangkan hati Allah.

Allah Tidak Bersabda...

BACAAN:

1 Korintus 6:19-20

Sebab firman Allah hidup dan kuat dan lebih tajam daripada pedang bermata dua manapun; dia menusuk amat dalam sampai memisahkan jiwa dan roh, sendi-sendi dan sumsum; dia sanggup membezakan pertimbangan dan fikiran hati kita. —Ibrani 4:12

A nak perempuan saya yang kedua berminat sekali mengikuti fesyen kini malah dia mengendalikan “blog” sendiri atas Internet yang mengulas tentang pakaian fesyen terbaru pemuda sekarang. Dia tidak pula teragak-agak menunjuk-nunjuk pakaian terkini bila keluar ke mana-mana termasuk gereja. Banyak kali, saya menegurnya untuk berpakaian lebih senonoh sewaktu masuk ke rumah Tuhan. Setiap kali dia menjeling mata dan mempertahankan pendiriannya bahawa Alkitab tidak berkata kita tidak boleh mengikuti fesyen semasa. Itulah respons para remaja ketika orang dewasa memberi ulasan tentang pakaian mereka.

Orang dewasa pun suka berdebat banyak isu kehidupan kini yang tidak khusus dilarang dalam Alkitab. Soal-soal mengenai pakaian, minuman keras, perjudi, tayangan gambar atau bahan bacaan, ilmu sihir, permainan komputer yang berunsur keganasan adalah antara banyak yang tidak disebut khas dalam Alkitab. Jelas, Alkitab ditulis beberapa abad sebelum kebiasaan semasa wujud. Oleh kerana itu janganlah kita menyanyi lagu “Allah tidak berkata tak boleh” sebagai helah memuaskan nafsu diri.

Ya, Allah tidak berkata “tak boleh pergi ke kelab malam berdansa dan minum alkohol.” Dia tidak pernah berkata kita tidak boleh memakai baju yang mendedahkan bahagian sulit. Soal judi dan merokok tidak dibangkitkan langsung dalam Alkitab. Bagaimana pula kita menjelaskan “Hendaklah kaum wanita menghias dirinya dengan sederhana dan memakai pakaian yang sopan?” (1 Tim. 2:9). Bukankah ini bererti menahan diri daripada berdandan sedemikian rupa sehingga menarik perhatian orang lain kepada tubuh kita? Bukankah ini bererti menjaga batas-batas kesenonohan agar tidak mengghairahkan syahwat?

Bagaimana pula kita menjelaskan, “tubuhmu adalah bait Roh Kudus yang diam di dalam kamu... kerana itu muliakanlah Allah dengan tubuhmu” (1 Kor. 6:19-20). Bukan Alkitab sahaja tetapi pakar-pakar kesihatan juga memberi amaran tentang ketagihan kepada dadah, rokok dan alkohol sebagai racun dalam tubuh manusia. Kesimpulannya walaupun sesuatu itu mungkin tidak disebut secara khusus dalam Alkitab, segala apa yang disebutkan di dalamnya memadai untuk menggariskan prinsip kelakuan yang patut kita amalkan

Renungan hari ini: Tuhan, biarlah gaya pakaianku mahupun gaya hidupku memancarkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai dalam Alkitab.

Bukan Begitu Senang Mati

BACAAN:

1 Raja-Raja 19:4-18

*Di sana masuklah dia ke dalam sebuah gua dan bermalam di situ.
Maka firman Tuhan datang kepadanya, demikian: “Apakah kerjamu di sini,
hai Elia?” —1 Raja-Raja 19:9*

Sudah beberapa tahun aku melayani dalam pengedaran makanan percuma kepada sekumpulan orang yang dianggap sampah masyarakat. Penagih dadah, pemabuk, penjudi, penggemis; kebanyakan mereka tidur di atas kaki lima, berlepak sana-sini, sudah keluar masuk penjara entah berapa kali, ramai yang sakit berjenis-jenis penyakit, bahkan ada yang mengidap HIV yang disingkirkan masyarakat. Pelayanan ini bukan sahaja dihadkan kepada pengedaran makanan dan perkhidmatan perubatan percuma, tetapi melibatkan sesi pujian dan penyampaian firman Allah tetapi sering kali saya perhatikan ramai yang tidak memberi perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap firman-Nya. Maklumlah ramai yang datang hanya untuk mengisi perut lapar. Hatiku sedih, ada kalanya saya berasa pelayanan ini tiada berguna. Mata saya nampak banyaknya keperluan di padang tuaian ini. Betapa kerasnya tanah taburan ini. Walaupun aku tahu kebesaran kuasa Tuhan untuk menyelamatkan, daging yang lemah ini berasa letih juga dan seakan-akan tidak larat meneruskannya.

Elia yang telah putus asa telah dilanda kelelahan, ketakutan dan kesedihan sampai dia berbaring diri di bawah pohon ara dan mengeluh kepada Tuhan, “Cukuplah itu! Sekarang, ya Tuhan, ambillah nyawaku” (1 Raj. 19:4). Tuhan menjawab dengan menghantar malaikat dua kali untuk mengirim makanan dan minuman untuk menyegarkan dan menguatkan nabi-Nya sehingga sanggup berjalan 40 hari dan malam ke gunung Allah (1 Raj. 19:5-8). Walau bagaimanapun batin Elia masih kecewa sehingga dia sampai ke sana, dia memasuki sebuah gua. Allah menampakkan diri-Nya kepada Elia lalu menanyakannya 2 kali mengenai apa yang dibuatnya di situ (1 Raj. 19:9,13). Sebanyak dua kali Elia menceritakan bagaimana pelayanan giatnya tidak berhasil, nampaknya sia-sia sahaja dan hanya dia seorang dirilah yang masih hidup antara nabi-nabi Allah (1 Raj. 19:10,14).

Bukankah banyak kali kita berundur “masuk gua” dan mengasihani diri? Seperti Elia, kita percaya kepada Tuhan tetapi apabila kita menghadapi tekanan hidup dan pelbagai masalah, kita diragut penyakit kasihan diri dan kita “mahu mati.” Puji Tuhan, Dia tidak membenarkan kita mati! Dua kali malaikat Tuhan menyuruh Elia untuk bangun dan makan (1 Raj. 19:5,7). Di atas gunung, Tuhan mengarahkan Elia keluar dari gua, pergi kembali ke jalan melalui padang gurun, (1 Raj. 19:11,15) dan memberikannya tugas baru iaitu mengurapi 3 orang (1 Raj. 19: 15-16) serta memperbetulkan anggapannya yang salah serta memaklumkan Elia bahawa masih ada lagi tujuh ribu orang di Israel yang tidak sujud menyembah Baal (1 Raj. 19:18). Hari ini juga, Tuhan memanggil orang percaya untuk bangkit, teguhkan iman, keluar

terus melayani, terus hidup dalam keyakinan dan menghadapi cabaran di ladang pelayanan!

Renungan hari ini: Aku tidak duduk dalam gua kegelapan dan menyesal akan ancaman kerana Tuhan yang Maha Kuasa menyertai aku.



*Tugas ini telah diberikan kepada aku.
Jadi, ia suatu pemberian. Jadi, ia suatu
kehormatan. Jadi, ia suatu persembahan yang
boleh aku bawa kepada Tuhan. Jadi, ia patut
dilakukan dengan sukacita, kalau dilakukan untuk
Tuhan. Di sini, bukan di tempat lain, aku
mempelajari cara Tuhan. Dalam tugas ini, bukan
dalam tugas lain, kerana Tuhan mencari kesetiaan.*

– Elisabeth Elliot

Allah Mendengar, Melihat dan Memperduli

BACAAN:
Kejadian 16:6-13

Lalu kata Malaikat Tuhan itu kepadanya: “Kembalilah kepada nyonyamu, biarkanlah engkau ditindas di bawah kekuasaannya.” Lagi kata Malaikat Tuhan itu kepadanya: “Aku akan membuat sangat banyak keturunanmu, sehingga tidak dapat dihitung kerana banyaknya.” —Kejadian 16:9-10

Sarai yang tidak sabar-sabar menantikan pengenapan perjanjian Allah untuk menimang bayi yang comel telah mendesak Abram meniduri hambanya Hagar untuk mendapatkan seorang anak. Apabila Hagar berjaya mengandung, dia mulai angkuh. Maka tercetuslah perasaan cemburu dan benci antara kedua perempuan dalam keluarga Abram. Akibatnya, Sarai menindas Hagar sehingga dia melarikan diri meninggalkan rumah ke padang gurun (Kej. 16:6).

Seperti Hagar, kita cepat melarikan diri daripada masalah dan tidak mahu menghadapi kenyataannya. Malaikat Tuhan berjumpa dengannya dekat mata air di padang gurun mengarahkannya supaya dia kembali tunduk di bawah tuan yang menindas lagi. Saya pasti tiada orang yang suka doanya untuk perlepasan dijawab dengan cara begitu. Kasih setia Allah kepada Hagar dimeteraikan dengan janji berkat atasnya dan anak kandungannya akan dinamakan Ishmael bermakna Allah mendengarkan. Maka Hagar menyebutkan nama Tuhan El-Roi bererti Allah melihat dan kembali ke rumah Abram.

Kita perlu memahami bahawa Tuhan mengarahkan Hagar untuk kembali ke tuannya, bukan dengan maksud membenarkan dirinya disiksa oleh ketidakadilan. Pada hakikatnya tanpa merujuk kepada Tuhan, Hagar telah membuat keputusan membawa diri keluar daripada kewibawaan orang-orang yang telah ditentukan oleh Tuhan. Bukankah tangan Tuhan yang kuat menopang kalau sesuatu yang susah melandai hidup kita?

Mungkinkah Tuhan tidak melepaskan kita daripada kesusahan yang menimpa kita? Ini tidak bermakna Dia tidak peduli. Tuhan menenangkan hati Hagar dengan janji berkat yang berkelimpahan hanya kalau dia sanggup menunduk. Hagar melangkah berat sewaktu pulang dan merendahkan diri sekali lagi kepada orang yang membencinya. Suatu perubahan dalam dirinya terjadi selepas pertemuannya dengan Tuhan di padang gurun. Dia meninggalkan perasaan kecewa dan keyakinannya kepada Tuhan yang mendengar, melihat dan mempedulikannya dipulihkan. Di padang gurun penderitaanmu, dengarlah nasihat Tuhan yang penuh dengan hikmat.

Renungan hari ini: Saya akan menunduk diri kepada Tuhan walaupun saya terpaksa mengambil keputusan yang susah.

Mangsa Menjadi Pemenang

BACAAN:

Yohanes 5:1-9

Jawab orang sakit itu kepada-Nya: “Tuhan, tidak ada orang yang menurunkan aku ke dalam kolam itu apabila airnya mulai goncang, dan sementara aku menuju ke kolam itu, orang lain sudah turun mendahului aku.” Kata Yesus kepadanya: “Bangunlah, angkatlah tilammu dan berjalanlah.” —Yohanes 5:7-8

Pernahkah kamu ditolak ke tepi apabila sahaja pintu bank dibuka sekalipun kamu telah lama menunggu bersama orang-orang lain yang berkumpul di hadapan? Pernahkah kakimu diinjak oleh orang yang menolak anda untuk naik ke bas? Tentu anda merasa sungguh frustrasi dan ingin berteriak, “Bersopanlah.”

Bayangkan perasaan terpijak dan pengalaman yang dialami oleh seorang lumpuh yang berbaring selama 38 tahun di tepi kolam dan menantikan kesempatan penyembuhan. Setiap hari, dia berbaring dekat kolam yang airnya dikatakan boleh menyembuhkan segala macam penyakit bila airnya tergoncang oleh malaikat yang turun dari syurga. Lantaran keajaiban itu, ramai orang sakit, buta, tumpang dan lumpuh berkumpul di sana dan tidak memberi dia kesempatan untuk masuk dalam kolam. Bila terjadi goncangan air kolam itu, semua orang berebut-rebut melompat ke dalamnya. Sewaktu dia merangkak-rangkak dan hampir ke kolam itu, orang lain akan menolak dia ke tepi dan turun mendahuluinya (Yoh. 5:7). Kelakuan mementingkan sendiri telah menyebabkan orang yang lumpuh ini tetap terlantar dalam kesakitan di sana.

Tuhan Yesus menyelami perasaan orang lumpuh ini dan ingin menyembuhnya. Dia tidak menjawab pertanyaan Yesus, “Mahukah engkau sembuh?” (Yoh. 5:6). Dia hanya bersungut-sungut bahawa tiada orang yang memberi dia peluang untuk menikmati berkat air penyembuhan. Matanya diwarnai ketidakadilan orang lain terhadapnya dan tidak mendengar pertanyaan Tuhan Yesus yang sebenarnya.

Yesus tidak mengeluarkan apa-apa perkataan simpati kepada si lumpuh. Dia tidak memanggil seorang pun menolongnya. Sebaliknya Dia mengarahkan “Bangunlah, angkatlah tilammu dan berjalanlah” (Yoh. 5:8). Alkitab memberitahu kita pada saat itu juga, sembuhlah orang itu lalu ia mengangkat tilamnya dan berjalan (Yoh 5:9). Mangsa telah menjadi pemenang dengan satu perintah daripada Allah dan segala kelompokan meninggalkan dirinya.

Mungkinkah anda tenggelam dalam kelompokan yang berlainan jenis sehingga anda tidak mendengar suara Penyelamat yang mengarahkan anda untuk bangun dan berjalan? Jangan tenggelam dalam perasaan kasihan akan diri dan tidak dapat berbuat apa-apa.

Renungan hari ini: Aku tidak mahu berbaring dalam kelompokan dan ingin bangun kerana aku sudah disembuh-Nya.

Tak Terhitung Dalam Mata Manusia

BACAAN:
Kolose 3:23-24

Sebab Allah bukan tidak adil, sehingga Dia lupa akan pekerjaanmu dan kasihmu yang kamu tunjukkan terhadap nama-Nya oleh pelayanan kamu kepada orang-orang kudus, yang masih kamu lakukan sampai sekarang. —Ibrani 6:10

Kita terpikat dengan pendeta yang begitu pandai berkhotbah atau pemimpin pujian yang mempunyai suara merdu tetapi mata kita tidak terpandang langsung kepada si dia yang membersihkan lantai tandas selepas kebaktian. Kita tidak sedar pun ada orang yang datang beberapa malam berturut-turut untuk menghiasi gereja bila diadakan acara khas. Kita tidak tahu nama mereka yang tunggu sampai perhimpunan berdoa bersurai untuk mengemaskan tempat selepas bersurai.

Mungkin kamulah orang yang selalu mengerjakan tugas-tugas “kasar” sebegitu, yang tidak pernah diperhatikan atau dihargai orang lain. Mungkin tiada manusia yang tahu nama engkau, atau memperhatikannya tetapi Tuhan tahu. Ingatkah kisah pesta perkahwinan di Kana apabila Yesus menyuruh pelayan-pelayan yang bekerja di situ memenuhi enam tempayan besar dengan air? Mereka hanya pelayan – orang bawahan yang tidak tercatat nama mereka. Mereka ini istimewa kerana kepada merekalah diperlihatkan kuasa Allah menukar air kepada anggur. Merekalah hadirin di pesta yang pertama-tama mengetahui bahawa sesuatu mukjizat telah berlaku (Yoh. 2:9). Alangkah terkagum hati mereka pada saat mereka menyedari siapa Dia yang telah menugaskan mereka! Kerelaan membuat apa yang diminta-Nya, mereka diberkati pengalaman peribadi untuk melihat air bertukaran menjadi arak secara langsung oleh Tuhan yang ajaib.

Rasul Paulus menggalakkan orang beriman agar “berdirilah teguh, jangan goyah, dan giatlah selalu dalam pekerjaan Tuhan! Sebab kamu tahu, bahwa dalam persekutuan dengan Tuhan jerih payahmu tidak sia-sia” (1 Kor. 15:58). Walaupun kerja yang kita lakukan tidak terhitung dalam mata manusia tetapi Tuhan menghargainya dan tidak sia-sia. Kita tidak payah menonjolkan diri agar seluruh dunia tahu kita tengah-tengah berpeluh untuk Tuhan, asalkan Dia tahu sudah menggembirakan hati.

Janganlah kita hanya bekerja untuk pujian duniawi. Paulus mengingatkan lagi, “Apapun juga yang kamu perbuat, perbuatlah dengan segenap hatimu seperti untuk Tuhan dan bukan untuk manusia” (Kol. 3:23). Hakikatnya semua pekerjaan, tidak kira besar kecil adalah suatu pelayanan kepada Tuhan yang merupakan majikan kita. Dengan itu, biar kita tekun kerana kita yakin kelak akan mendapat upah daripada tangan Bapa di syurga.

Renungan hari ini: Tuhan melihat dan memperhitungkan segala pekerjaan yang dikerjakan untuk-Nya sekalipun manusia tidak pernah mengucapkan terima kasih.

Aku Tidak Minta Pun

BACAAN:

Roma 9:14-24

Siapakah kamu, hai manusia, maka kamu membantah Allah? Dapatkah yang dibentuk berkata kepada yang membentuknya: “Mengapakah engkau membentuk aku demikian” —Roma 9:20

Saya pasti pada suatu ketika setiap insan pernah bertanya, “Mengapa aku dilahirkan... kepada orang-orang ini, dalam keadaan begini, di dalam dunia ini?” Sejak kecil lagi, saya memang telah mengetahui bahawa saya seorang anak angkat. Sepasang suami-isteri yang membesarkan saya sebenarnya makcik dan pakcik daripada pihak ibu kandungku. Saya telah “dihadiahkan” kepada mereka sebaik sahaja ibuku meninggal dunia ketika melahirkan aku. Ada kalanya terutama apabila terjadi perselisihan faham, saya merindui keluarga “sebenar” saya walaupun saya tidak berkenalan mereka secara rapat. Apabila hati tersinggung, aku mulai menyoal mengapa aku mendapat ibubapa begini?

Saya rasa Ishmael juga mengutarakan soalan ini banyak kali dalam kehidupannya. Semasa dia dan ibu kandungnya Hagar diusir keluar dari rumah keluarga atas hasutan Sarah, isteri bapanya, Ishmael sekurang-kurangnya sudah berupa anak remaja. Pasti dia tertanya-tanya kenapa mereka dijadikan sasaran kebencian yang begitu mendalam. Bagaimana hati anak muda ini membara bila ibubapa sendiri yang menyuruh mereka keluar dengan hanya roti dan sekirbat air? Apakah perasaannya apabila dia dibuang oleh ibunya ke dalam semak padang gurun kerana air sudah kehabisan? (Kej. 21:15). Apakah yang disuarakan oleh Ishmael pada saat itu sampai Allah mendengar (Kej. 21:17). Adakah dia telah memandang ke langit dan melaung, “Aku tidak minta dilahirkan!”

Mungkin hati anda bergema begitu juga, kerana tertimpa penderitaan yang bukan kesalahan kamu yang diakibatkan angkara orang lain atau keadaan di luar kawalanmu. Mungkin anda telah menafikan kebaikan Tuhan kerana kehidupan ini seakan-akan tidak adil kepadamu. Teguhkanlah hatimu, kawan. Perhatikan Tuhan mendengar suara Ishmael dan berjanji, “Aku akan membuat dia menjadi bangsa yang besar lalu menyediakan sumur air untuk mereka (Kej. 21:18). Alkitab juga menyatakan Allah menyertai Ishmael sehingga dia bertambah besar (Kej 21:20). Ya, Ishmael tidak mendapat warisan bapa Abraham, pada hal itu bukan kepunyaannya untuk diwarisi kerana Tuhan telah menentukan Yakub untuk menurunkan perjanjian-Nya tetapi ini tidak bererti dia kehilangan berkat Tuhan.

Renungan hari ini: Aku sedar Allah berhak memberi berkat-Nya kepada sesiapa apa pun menurut kehendak-Nya sendiri. Aku tidak berhak menyoal-Nya, tetapi aku yakin tidak akan kehilangan berkat-Nya.

Pilihan Kedua

BACAAN:
Kejadian 29:23-35

Mengandung pulalah dia, lalu melahirkan seorang anak laki-laki, maka dia berkata: “Sekali ini aku akan bersyukur kepada Tuhan.” Itulah sebabnya dia menamai anak itu Yehuda. Sesudah itu dia tidak melahirkan lagi. —Kejadian 29:35

Sesiapa yang membaca kisah Lea pasti bersimpati dengan wanita ini. Anak perempuan Laban ini anak sulung dalam keluarga, tetapi kalah bila dibandingkan dengan Rahel, adiknya. Rahel elok sikap dan cantik parasnya manakala Lea tidak berseri matanya (Kej. 29:17). Tambahan lagi akibat daripada tipu muslihat bapa sendiri, dia menjadi isteri kepada lelaki yang tidak berniat melamarnya pun. Betapa pedih hati perempuan ini kerana terpaksa hidup setiap hari dengan pengetahuan bahwa suaminya mencintai adik yang lebih rupawan.

Allah melihat kesengsaraan Lea dan membuka rahimnya manakala Rahel mandul. Seorang isteri yang mandul pada zaman itu terhina sekali. Rahel begitu terdesak menginginkan anak sehingga dia berkata kepada Yakub: “Berikanlah kepadaku anak; kalau tidak, aku akan mati” (Kej. 30:1). Manakala sudah tentu Lea begitu gembira sekali bila dia mengandung, kiranya dengan ini, hati Yakub mungkin berpaling kepadanya. Anak sulungnya Ruben bererti “lihatlah, seorang anak laki-laki” menunjukkan niat memperlihatkan kesuburannya. Lea melahirkan untuk Yakub tiga anak lelaki lagi tetapi nampaknya hati Yakub tidak juga tertawan dengannya.

Seorang saudari seiman di tempat kerja saya pernah memberi kesaksian bagaimana dari kecil sampai besar, ibubapanya selalu pilih kasih. Mereka lebih menyayangi anak yang lebih cantik, lebih cerah kulitnya, lebih pandai dalam pelajaran, lebih sopan tatasusilanya dan lebih cekap bekerja dalam satu perkataan semuanya melebihinya. Dia cuba sedaya upaya dengan pelbagai cara untuk memperolehi kasih dan kelulusan orang tuanya tetapi tidak pernah menambat hati mereka. Hari ini dia merasa terjamin selepas menerima Yesus kerana dia memahami erti kasih sayang yang tidak bersyarat. Sejak hari itu, dia tidak payah lagi bersaing dengan adik atau sesiapa pun untuk memenangi perhatian.

Begitu juga Lea. Apabila dia melahirkan anak lelaki keempat, dia menamakannya Judah bererti “puji”. Dia tidak lagi mengejar-gejar kasih suaminya dengan melahirkan anak, tidak payah lagi merindui cinta manusia. Alkitab mengatakan kali ini dia bersyukur kepada Tuhan. Kesedaran Allah telah memilihnya dan memberkatinya sudah cukup untuk Lea.

Renungan hari ini: Tidak mengapa manusia mengenyepikan saya sebagai pilihan kedua. Allah meninggikan aku ke tempat-Nya yang jauh lebih tinggi.

Ketaatan Sebelum Perlindungan

BACAAN:

Matius 2:13-23

Maka Yusuf pun bangunlah, diambalnya Anak itu serta ibu-Nya malam itu juga, lalu menyingkir ke Mesir. —Matius 2:14

Natal sudah menjelang, kita diingatkan lagi oleh kelahiran mukjizat Tuhan Yesus. Kebanyakan persembahan kisah hari Natal biasanya berakhir dengan kelahiran bayi dan kedatangan orang majus dari Timur. Adakah kita memikirkan sebentar tentang Yusuf, lelaki yang diberi tanggung-jawab menjadi bapa angkat-Nya? Untuk Yusuf, cerita Natal tidak berakhir dengan kelahiran Yesus, bahkan tekanan hidup memuncak selepas itu.

Malaikat datang untuk kali kedua untuk mengarahkan Yusuf membawa sekeluarga ke Mesir dan tinggal di sana serta menunggu firman Allah. Kajian sejarah menjangka bahawa mereka menetap di Mesir beberapa tahun sehingga Tuhan Yesus menjadi budak kecil. Pasti mereka telah biasa dengan hidup di Mesir dan terpaksa menyesuaikan diri dengan kebudayaan di sana.

Allah ada rancangan lain dan malaikat datang kali ketiga kepada Yusuf dengan arahan baru supaya bangun, ambil Anak itu serta ibu-Nya dan berangkat balik ke Israel (Mat. 2:20). Setiba di sana Yusuf menerima arahan terakhir untuk menetap di kota Nazaret di daerah Galilea (Mat. 2:22-23). Nampaknya sejak malaikat melawatinya dengan berita kandungan anak Tuhan, Yusuf terpaksa menjadi pengembara sahaja.

Yusuf diarahkan berulang-alik ke sana ke sini dan pasti dia dan Maria sungguh lelah. Tujuan Tuhan untuk melindungi nyawa Anak-Nya seperti yang difirmankan Tuhan oleh nabi-nabi mengenai Yesus digenapi pada saat-saat itu. Ketaatan Yusuf diperlukan setiap kali untuk menurut suara Tuhan, dia sedang menjadi bejana dalam pengenapan nubuat-nubuat ajaib.

Segala yang berlaku kepada Yusuf bukan kehendaknya. Lelaki mana yang mahu menjadi bapa kepada Anak yang bukan darah dagingnya? Yusuf boleh bertanya kepada malaikat Tuhan “Kenapa memilih saya? Kenapa harus ke Mesir, bukan Allah telah membebaskan bangsa kami daripada kuk Mesir? Kenapa mesti berangkat malam ini juga? Tahukah anda Betlehem jauh dari Mesir, bagaimana nak uruskan isteri dan bayi, apalagi pada malam buta ini, boleh tak kita tunggu hingga besok pagi untuk bermula perjalanan kami?” Banyak “kenapa” dan “bagaimana” Yusuf boleh bertanya tetapi dia mentaati suara Tuhan sahaja. Ketaatan ini menggenapi firman Tuhan dan melindungi keluarga yang disayangnya.

Renungan hari ini: Kalau aku mengingini rancangan Tuhan yang indah digenapi dalam hidupku, biar aku mentaati kepada semua arahan Tuhan.

Di Sebalik Tirai Hujan, Pelangi Menunggu

BACAAN:
2 Korintus 4:16-18

Sebab penderitaan ringan yang sekarang ini, mengerjakan bagi kami kemuliaan kekal yang melebihi segala-galanya, jauh lebih besar daripada penderitaan kami. —2 Korintus 4:17

Saya mulai memakai cermin mata dalam usia 20-an kerana tidak dapat melihat benda-benda jauh dengan jelas. Ketika umur semakin meningkat, masalah penglihatan bertambah rumit bahkan benda-benda dekat pula menjadi kabur dan menyimpang dari fokus mata saya. Jadi terpaksa saya memakai kaca mata khas dwifokus untuk memperbetulkan kedua masalah ini. Tanpa cermin mata untuk penglihatan jauh dan dekat kabur-kabur sahaja. Alangkah berbezanya penglihatan melalui sepasang cermin mata!

Saya takjub membaca tentang manusia ini yang berasal daripada latar belakang keluarga bangsawan berpendidikan tinggi, menerima ajaran agama daripada guru termasyhur pada masanya. Selepas menemui Tuhan Yesus dalam suatu penglihatan luarbiasa, manusia ini sanggup dipenjarakan, kerap kali berada dalam ancaman maut. Lima kali disiksa orang dengan tali cemeti, 39 kali setiap menerima pukulan berjumlah 195 kali. 3 kali didera, sekali dilempari dengan batu, 3 kali mengalami karam kapal, sehari semalam terkatung-katung di tengah laut, sering diancam bahaya banjir, penyamun, di kota, padang gurun, dianiaya bangsa sendiri dan saudara palsu, kerap kali tidak tidur, lapar dan dahaga, kedinginan dan tanpa pakaian (2 Kor. 11:23-27). Dia mengira semua penderitaan ini “ringan” sahaja dan suatu penghargaan dianggap layak menderita untuk Tuhan.

Pernahkah kita mengalami tekanan hidup seteruk Paulus? Apa pula rahsia Paulus yang tahan menderita sehingga tidak pernah bersungut-sungut tetapi sebaliknya memberi galakkan kepada jemaah gereja awal pada masanya? Jawapan terletak pada penglihatan Paulus. Matanya “tidak memperhatikan yang kelihatan, melainkan yang tak kelihatan, kerana yang kelihatan adalah sementara, sedangkan yang tak kelihatan adalah kekal” (2 Kor. 4:18). Itu tidak bermakna dia tidak merasai penderitaan, tetapi dia “nampak” penderitaan dunia ini melalui kaca mata syurgawi. Lebih-lebih lagi dia nampak kemuliaan kelimpahan yang dikurniakan kepada anak-anak Tuhan sebagai warisan tetap dan kekal, padahal Allah telah “memeteraikan tanda milik-Nya atas kita dan memberikan Roh Kudus di dalam hati kita sebagai jaminan dari semua yang telah disediakan untuk kita” (2 Kor. 1:22). Bila ditimpa hujan, Paulus sudah nampak pelangi.

Renungan hari ini: Biar mataku melihat melalui perspektif syurgawi sewaktu mengharungi rintangan, aku tidak akan merasa terjepit malah bersyukur kerana layak menderita bagi Tuhan.

Bersukacita Selalu

BACAAN:

Filipi 4:4-9

Bersukacitalah senantiasa dalam Tuhan! Sekali lagi kukatakan:

Bersukacitalah! —Filipi 4:4


Bolehkah engkau bersukacita dalam penjara? Di situlah Paulus menuliskan kata-katanya yang terakhir kepada jemaah Filipi. Kita tertanya-tanya apa yang ada untuk bersukacita? Rasul ini sedang menunggu hukuman mati bila-bila masa. Puas sudah dia menggembara ke merata tempat memberitakan injil, taat kepada panggilannya sebagai rasul kepada bangsa bukan Yahudi. Inikah ganjaran penat lelahnya? Orang yang baik menerima padah yang buruk macam tidak adil. Pada hakikatnya Tuhan tidak pernah berjanji orang percaya akan selamat daripada keburukan, Yesus secara berterus terang memberitahu, “dalam dunia kamu menderita penganiayaan...” (Yoh. 16:33).

Kebenaran ini susah diterima ramai orang bahkan orang Kristian. Tanyalah Joni Eareckson Tada, pemuda yang mengalami kemalangan ketika dia sedang menyelam pada umur 17 tahun. Kemalangan ini mengakibatkan kelumpuhan seluruh badan dari saat itu. Nick Vujicic yang dilahir tanpa kaki dan tangan, hanya kepala dan dilengkapi bahagian atas badan sebagai tubuh. Tanyalah saudara Yun yang menghadapi penindasan bertahun-tahun dalam penjara, deraan dan pengasingan daripada keluarga kerana memberitakan injil di negara asalnya. Dunia mengenali mereka sebagai inspirasi kerana menempuh hidup dalam keadaan mereka dengan sikap yang positif. Selain dari sikap positif, kesaksian mereka membuktikan rencana Allah yang istimewa sekali mengerjakan segalanya demi kebaikan lebih daripada yang keburukan.

Ramai lagi orang percaya seperti mereka yang hidup di atas bumi ini. Nama mereka tidak dikenali namun kesaksian mereka tetap sama, walaupun keadaan, tempat, bangsa dan butir-butir hidup berlainan. Mereka telah berhenti menanyakan soalan “Kenapa ini berlaku?” dan berpegang kepada firman Allah, “Segala perkara dapat kutanggung di dalam Dia yang memberi kekuatan kepadaku” (Fil. 4:13). Mereka sudah mengetahui bahawa sukacita tidak bergantung pada situasi luar atau peristiwa-peristiwa yang berlaku tetapi berasal daripada Tuhan dalam batin kita.

Bagaimana dengan anda? Adakah kamu hanya boleh bersukacita apabila dompet penuh dengan wang? Jangan-jangan sukacita engkau datang daripada stimulasi TV, arak, rokok, dadah atau judi? Mungkinkah untuk anda, sukacita bererti tidak ada masalah dalam hidup, mengharapkan berkat sahaja yang melimpah-limpah? Yesus mengajar kita bahawa sukacita penuh berasal daripada perhubungan akrab dalam kasih Tuhan (Yoh. 15:10-11). Hanya itulah sumber sukacita orang percaya yang membolehkannya menghadapi hidup walau apapun yang terjadi.

Renungan hari ini: Aku bertenang kerana sukacitaku tidak bergantung kepada apa yang berlaku atau belum berlaku kepada saya.



Bersukacitalah dalam Tuhan.

*Tulangmu akan berkembang bagai daun perisa,
pipimu bermekar dengan kesihatan dan kesegaran.*

*Kebimbangan, ketakutan, ketidakpercayaan,
keberatan, semuanya adalah racun.*

*Sukacita itu salap penyembuhan. Jika engkau
bersukacita, Tuhan akan memberi kuasa.*

– A.B.Simpson

Saya Tidak Mengerti

BACAAN:

Ayub 1:8-22

“Dengan telanjang aku keluar dari kandungan ibuku, dengan telanjang juga aku akan kembali ke dalamnya. Tuhan yang memberi, Tuhan yang mengambil, terpujilah nama Tuhan!... Apakah kita mau menerima yang baik dari Allah, tetapi tidak mau menerima yang buruk?” —Ayub 1:21, 2:10

Banyak cerita sedih telah saya dengar dalam pelayanan saya di kalangan mereka yang merayau-rayau di jalan-jalan kota, tanpa pekerjaan, duit atau tempat teduh. Ramai yang terperangkap dalam tabiat-tabiat buruk tetapi ada juga yang betul-betul inginkan hidup baru. Hati mereka ikhlas menerima dan mempercayai Yesus. Entah kenapa bagaimana mereka cuba pun, tidak boleh keluar daripada bulatan kejam hidup yang sengsara. Contohnya, seorang pemuda bercacat tangan dipecat daripada kerjanya buat kali yang kelima. Bukan kerana dia tidak boleh kerja atau berat tulang. Sebaliknya walaupun tangannya cacat (akibat kemalangan), dia boleh dan cekap memuat barang-barang, menaip, memandu kereta. Kelakuannya sopan, dia tidak pernah melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan buruk. Dia tetap beriman kepada Tuhan Yesus dan melayani-Nya dengan caranya sendiri dan sabar menunggu untuk pintu pekerjaan terbuka lagi.

Seringkali kita tidak mungkin mengerti kejadian-kejadian yang menimpa atas diri kita sepanjang perjalanan hidup kita. Ayub seorang yang saleh, jujur, takut akan Allah dan tidak pernah melakukan kejahatan (Ayub 1:1). Berkatnya melimpah sampai dia menjadi orang yang terkaya di negerinya. Pada suatu hari, dia bukan sahaja hilang segala harta-benda kekayaannya tetapi semua anaknya (Ayub 1:13-19). Tidak puas dengan itu, iblis menimpanya dengan bisul yang busuk dari telapak kakinya sampai ke batu kepalanya (Ayub 2:7). Ayub melaung terus kepada Tuhan dan akhirnya dia sedar dirinya tanpa pengertian tentang hal-hal yang sangat ajaib dan yang tidak dia ketahui telah membuat ulasan tertentu (Ayub 42:3). Bila dia menyesal dan berdoa untuk sahabat-sahabatnya yang keliru, Allah memulihkan keadaannya lalu memberkati Ayub dengan dua kali lipat daripada segala kepunyaannya dahulu (Ayub 42:10).

Selepas membaca 42 fasal dalam buku Ayub, kesimpulannya kita tidak perlu mengerti mengapa pergumulan berlaku dalam hidup kita. Hakikatnya kepercayaan kepada Allah tidak menjamin kebebasan dari kesulitan mahupun mala petaka, demikian juga kesetiaan kepada Allah tidak menjamin kemakmuran dan keberhasilan tetapi Allah tetap baik.

Renungan hari ini: Iman saya tidak akan bergoyah kerana saya yakin kepada keadulatan, keadilan dan kesetiaan Allah dan Dia mengerjakan segala yang terbaik untuk saya.

82 Sekiranya...

BACAAN:

Yohanes 11:20-45

Jawab Yesus: “Bukankah sudah Kukatakan kepadamu: Jikalau engkau percaya, engkau akan melihat kemuliaan Allah?” —Yohanes 11:40

Berapa kali kita mengeluh seandainya ini atau itu, begini atau begitu. Alangkah bagusnya seandainya kita boleh menguncikan perkataan kejam sebelum terkeluar daripada mulut yang menyakiti orang yang dikasihi, memadamkan segala perbuatan salah yang telah kita lakukan dan bermula sekali lagi, memutar balikkan tangan masa. Kita menyesal kerana nampaknya sudah terlambat kerana nasi sudah menjadi bubur.

Pada suatu hari, Lazarus saudara Maria dan Marta yang disayangi Yesus sedang sakit tenat. Walaupun berita itu telah disampaikan kepada-Nya, Dia sengaja tinggal dua hari lagi di tempat yang Dia berada. Nampaknya Dia membiarkan Lazarus mati sebelum berangkat ke kampung mereka. Ketika Marta mendengar bahwa Yesus datang, dia pergi mendapatkan-Nya dan berkata, “Tuhan, sekiranya Engkau ada di sini, saudaraku pasti tidak mati” (Yoh. 11:20-21). Maria menggunakan kata-kata yang sama (Yoh. 11:32) bila menemui Yesus. Pemikiran mereka berdua sama sahaja; kalaulah Yesus hadir sebelum Lazarus mati, pasti Dia dapat menyembuhkan penyakitnya.

Itulah masalah manusia yang meletakkan Allah ke dalam kotak rekaan sendiri. Kita memberi pendapat bagaimana, macam mana dan bila Tuhan ‘patut’ menjawab doa kita, lebih-lebih lagi dalam pergumulan hidup genting yang mungkin mengancam nyawa. Kita lupa bahawa firman Allah pernah bersabda, “betapa besarlah Tuhan kita dan berlimpah kekuatan, kebijaksanaan-Nya tak terhingga” (Mazm. 147:5).

Dari mula-mula lagi ketika Yesus mendengar khabar keadaan Lazarus, Dia telah mengetahui kesudahannya. Dia berkata, “Penyakit itu tidak akan membawa kematian, tetapi akan menyatakan kemuliaan Allah sebab oleh penyakit itu Anak Allah akan dimuliakan” (Yoh. 11:4). Ini menjadi kenyataan apabila Lazarus keluar daripada kubur hidup-hidup disaksikan oleh orang ramai yang mengelilingi Yesus di situ. Sememangnya kematian bukanlah hasil terakhir; kita akan dibangkitkan kelak seperti mukjizat yang terjadi kepada Tuhan Yesus dan Yusuf. Kematian sudah dibinasakan oleh kebangkitan.

Jadi kita tidak payah menyesali segala yang berlaku atau belum berlaku. Allah tidak pernah terlambat menjawab seperti fajar pagi hari yang tidak pernah lambat bersinar.

Renungan hari ini: Engkaulah Tuhan yang memegang kekekalan dalam tangan-Mu dan membuat segala sesuatu indah pada waktunya.

Engkau Sudah Berjanji!

BACAAN:

Ibrani 11:38-40

Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan dan bukti dari segala sesuatu yang tidak kita lihat. —Ibrani 11

Perhatian saya tertarik kepada seorang budak dalam kedai boneka yang menarik tangan bapanya sambil menangis tersedu-sedu, “Tapi, papa, engkau sudah berjanji!” Mulanya papa cuba memujuk, “Lain kalilah nak, papa janji betul-betul.” Bila budak itu tidak berhenti menangis, muka papa bertukar menjadi kemarahan dan suaranya naik, “Papa sudah cakap diam sahaja” lalu dia menyeret anaknya keluar.

Barangkali kita juga pernah melalui pengalaman begitu, samada sebagai anak atau ibubapa. Bila satu janji tidak ditepati, kita merasa hampa, marah dan dikhianati oleh kegagalan pelafaz janji. Kalau kita mengharapkan janji manusia memang kita akan dikecewakan. Bagaimana pula dengan janji Allah? Kita terkagum membaca beribu-ribu janji Allah kepada umat-Nya dalam Alkitab. Iman kita digalakkan bila membaca bagaimana Tuhan bergerak dalam hidup orang-orang kudus serta mengenuhi janji-janji-Nya kepada mereka. Pernahkah kita menanyakan janji-janji yang tidak pernah terjadi? Ibrani 11 menyenaraikan satu daftar panjang perwira iman, yang ternama dan tidak ternama, yang semua “telah mati sebagai orang-orang yang tidak memperoleh apa yang dijanjikan itu, tetapi yang hanya dari jauh melihatnya” (Ibr. 11:13). Namun, “Alangkah besarnya kemenangan yang dicapai oleh semua orang itu kerana iman mereka! Namun mereka tidak menerima apa yang dijanjikan Allah” (Ibr. 11:39).

Bagi orang yang percaya kita hidup dan mati dalam iman. Menantikan penggenapan suatu janji bukan perkara yang mudah, kadang-kadang jiwa tersiksa kerana sudah lama berdoa dan lama menunggu apatah lagi ketika penggenapan janji yang kita tunggu itu tidak kunjung, sanggupkah kita masih meneruskan kalau ada kemungkinan kita mati tanpa melihat janji itu menjadi kenyataan? Adakah kita akan menjadi seperti anak yang tidak mendapat apa yang bapa telah berjanji, kita merajuk, marah, berpaling daripada Tuhan?

Hanya satu yang memampukan kita bertahan dalam penantian – kesetiaan pihak yang berjanji. “Allah bukanlah manusia, sehingga Dia berdusta bukan anak manusia, sehingga Dia menyesal. Masakan Dia berfirman dan tidak melakukannya, atau berbicara dan tidak menepatinya?” (Bil. 23:19).

Renungan hari ini: Aku percaya penuh bahawa Allah yang berjanji tidak mungkin berubah, Dia tetap sama, baik kelmarin, hari ini dan sampai selama-lamanya.

Buat ini Susah, Buat Itu Pun Susah

BACAAN:
Yosua 2:1-13

Ketika kami mendengar itu, tawarlah hati kami dan jatuhlah semangat setiap orang menghadapi kamu, sebab Tuhan, Allahmu, ialah Allah di langit di atas dan di bumi di bawah. —Yoshua 2:11

Nama seorang wanita pelacur dari bangsa Kanaan termasuk dalam senarai perwira-perwira iman dalam silsilah Tuhan Yesus Kristus. Sepintas lalu Rahab tidak mempunyai apa-apa kelayakan yang melayakkannya menerima kehormatan sekian tinggi. Dia berasal daripada bangsa asing, seorang kafir, kariernya dipandang hina; namun dia seorang yang telah dikira dalam nenek moyang Tuhan Yesus. Namanya terukir pada halaman Alkitab suci. Dia dipuji kerana imannya (Ibr. 11: 31) dan perbuatannya menyembunyikan pengintai-pengintai bangsa Yahudi dan menolong mereka melarikan diri melalui jalan lain dibenarkan dalam mata Allah (Yak. 2:25). Apakah yang telah membangkitkan iman perempuan ini sehingga dia berani melakukan perkara yang membahayakan diri sendiri?

Orang-orang Kanaan menyembah berhala. Rahab tidak mengenal Allah yang disembah bangsa Yahudi, dia tiada apa-apa perhubungan peribadi dengan-Nya. Bagaimanapun dia telah mendengar tentang kebesaran kuasa Allah ini yang telah mengeringkan air Laut Tebrau dan menewaskan semua musuh umat-Nya (Yos. 2:10). Pendengaran khabar itu meyakinkannya bahawa Allah bangsa Yahudi telah memberikan negeri Kanaan ke dalam tangan mereka (Yos. 2:9). Saya boleh membayangkan bagaimana hati Rahab serba-salah sewaktu dia menimbangkan pihak mana patut diikutinya.

Dari satu segi, kalau dia memihak Allah ini, jika dia ditangkap menolong musuh bangsa sendiri, pasti dia dihukum mati. Dari segi lain pula, kalau dia berpegang kepada dewa-dewanya, dia juga akan mati tewas dalam pertempuran untuk kota Yerikho.

Apa yang mempengaruhi keputusannya ialah hati sudah “tahu” akan kedahsyatan Allah yang pernah didengarnya. Dia membuka matanya melihat dengan benar akan Dia dan misi-Nya memberi kemenangan kepada orang yang percaya. Bukankah kita merupakan Rahab zaman ini sebelum memutuskan menerima Tuhan Yesus? Hari Rahab mendengar, membuat keputusan tepat dia telah mencetuskan serangkaian peristiwa yang indah dalam kehendak Tuhan walaupun hidupnya hanya bagi sebintik dakwat atas kertas.

Renungan hari ini: Dalam keadaan serba salah, aku berpaling kepada Allah di langit di atas dan bumi di bawah, kerana aku telah mendengar dan aku tahu Dia tetap memberi kemenangan kepada aku.

85 Siapa Bos?

BACAAN:

Efesus 5:21-33

Dan rendahkanlah dirimu seorang kepada yang lain di dalam takut akan Kristus. —Efesus 5:21

Perkahwinan kami akan sempurna kalau kami tidak ada ibu mertua,” keluh seorang wanita. “Hanya Adam satu-satunya lelaki yang paling bertuah di dalam dunia ini kerana dia tidak ada ibu mertua,” seorang lelaki bergurau.

Tidak boleh dinafikan bahawa seringkali keharmonian keluarga sering diganggu oleh ketegangan perhubungan antara anggota-anggota keluarga. Persepsi umum telah menyalahkan pihak mertua sebagai punca masalah, terutamanya ibu mertua, dalam perhubungan suami-isteri. Ini mungkin disebabkan ibu mertua tetap merasa anak lelakinya tetap anak lelakinya sewaktu bujang dan patut mendengar kepadanya.

Kebetulannya kalau manusia memperhatikan struktur keluarga yang Allah telah perturunkan dari mula-mula lagi, retakan perhubungan tidak patut berlaku. Untuk Adam, Allah telah menjadikan perempuan sebagai “penolong yang sepadan dengan dia” (Kej. 2:18). Selepas ciptaan Hawa pula, firman Allah “Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya menjadi satu daging” (Kej. 2:24). Ini bermakna setiap perkahwinan menubuhkan satu unit keluarga baru. Dari masa itu, lelaki mengepalai keluarganya iaitu isteri dan anak-anak sendiri. Mereka tetap menghormati kedua-dua pihak ibu bapa mereka, firman Allah (Kel. 20:12). Perselisihan timbul apabila salah satu pihak gagal memahami dan melangkah keluar daripada garisan kewibawaan yang mengalir daripada perhubungan antara satu sama lain.

Nasihat Paulus dalam Efesus mengenai tanggungjawab suami-isteri jelas sekali. Seorang isteri menunjukkan kasih kepada si suami melalui sikap menunduk bukan dengan paksaan tetapi kerelaan mentaatinya, “seperti kepada Tuhan.” Itulah kegagalan Hawa di Eden; dia bertindak bersendirian. Allah mencipta perempuan “sepadan” dengan lelaki, bukan untuk bertanding dengannya, tetapi untuk memenuhi peranan istimewa sebagai insan yang menolong suami dengan berkesan. Suami pula ditugaskan mengasihi isteri bukan setakat berkata-kata cinta tetapi melindunginya dengan nyawa sendiri. Inilah pola yang ditetapkan dalam keluarga kita.

Dunia ini mengagungkan semangat berdikari, berheboh-heboh tentang hak-hak persendirian. Hakikatnya Allah telah menetapkan satu pola perhubungan yang teratur. Ini bukan soal adakah ibu mertua atau menantu lebih hak bersuara.

Renungan hari ini: Tuhan, aku sedia menunduk kepada suami saya dan menghargainya sebagai pemimpin keluarga kerana aku mengasihinya.

Lembu Dengan Keldai

BACAAN:
2 Korintus 6:14-18

Janganlah kamu merupakan pasangan yang tidak seimbang dengan orang-orang yang tak percaya. Sebab persamaan apakah terdapat antara kebenaran dan kedurhakaan? Atau bagaimanakah terang dapat bersatu dengan gelap? —2 Korintus 6:14

Entah berapa banyak kali baju-baju putih telah kami dicemari oleh baju-baju berwarna kerana warnanya luntur dan dibuang ke dalam mesin pembasuh. Saya sudah menegur anak-anak supaya ingat mengasingkan baju-baju putih dan berwarna entah berapa kali. Kecuaian ini tetap terjadi kerana kita sering terlupa dan berbuat kerja tanpa banyak berfikir.

Begitulah juga Allah sudah banyak kali mengingatkan umat-Nya sebelum dan selepas mereka masuk mendiami tanah Kanaan yang dijanjikan kepada mereka supaya jangan bergaul dan bercampur aduk dengan kebudayaan dan agama bangsa-bangsa di sekeliling mereka. Selepas mereka keluar daripada pengabdian Mesir, Allah telah berfirman “Kuduslah kamu bagi-Ku, sebab Aku ini, Tuhan, kudus dan Aku telah memisahkan kamu dari bangsa-bangsa lain, supaya kamu menjadi milik-Ku” (Im. 20:26). Umat Allah yang lalai dan tidak pernah belajar sungguh-sungguh berkali-kali melanggar perintah Allah. Mereka bercampur-gaul bebas dengan bangsa-bangsa itu, meniru cara-cara orang yang tak mengenal Allah, beribadah kepada berhala-berhala yang menjadi perangkap bagi mereka, menajiskan diri dengan apa yang dilakukan oleh mereka, dan berzina dengan perbuatan-perbuatan mereka (Mazm. 106:34-39).

Petani mana yang akan memasang kuk atas seekor lembu dan keldai bersama-sama untuk membajak tanahnya? Ketara dua binatang ini tidak secocok dipasangkan bersama. Sebagai orang percaya kita mesti berhati-hati sewaktu menjalinkan perhubungan rapat dengan orang yang tidak percaya agar perjalanan kita dalam Kristus tidak terjejas. Walaupun kita juga orang yang berdosa; perbezaan ketara ialah kita sudah menerima pengampunan daripada Tuhan Yesus dan sudah menjalin perhubungan yang akrab. Dari segi kerohanian, perbezaan yang mewujudkan jurang yang besar ialah kasih kita kepada Tuhan Yesus. Sebaliknya, mereka tidak mengasihi Tuhan Yesus bahkan menolak-Nya..

Dari kitab Kejadian ke buku Wahyu, pengasingan umat Allah menjadi persyaratan yang penting. Yesus mengesahkan bahawa mereka yang percaya bukan dari dunia (Yoh. 17:14) kerana mereka sudah mengalami kelahiran roh yang baru. Paulus mengajar “Kita tidak menerima roh dunia, tetapi roh yang berasal dari Allah, supaya kita tahu, apa yang dikaruniakan Allah kepada kita”(1 Kor. 2:12) dan seterusnya “manusia duniawi tidak menerima apa yang berasal dari Roh Allah,

kerana hal itu baginya adalah suatu kebodohan; dan dia tidak dapat memahaminya, sebab hal itu hanya dapat dinilai secara rohani” (1 Kor. 2:14).

Kita hidup dalam negara yang pelbagai ragam, agama dan budaya walaupun kita tidak boleh hidup secara eksklusif namun kita tidak bercampur aduk dan mesti mempunyai pendirian kita yang didasarkan pada firman Tuhan. Kita memang sebahagian daripada dunia ini tetapi kita tidak boleh hidup seperti dunia ini. Kita perlu berjaga-jaga supaya jangan terlibat dalam apa-apa perhubungan atau kegiatan hidup yang akan melemahkan iman atau menjatuhkan iman kita.

Renungan hari ini: Aku ingin berdiri teguh atas firman Tuhan dan tidak terbawa oleh arus-arus agama dan kebudayaan lain.



Aku Kepunyaan-Mu

*Aku berdiri atas gunung rahmat-Mu
Terkagum dalam hadirat-Mu
Engkau yang membentangkan langit
Meletakkan dasar bumi
Ya Tuhan, Engkau adalah selama-lamanya
Tentunya hari-hariku dalam tangan-Mu
Dalam naungan sayap-Mu aku berlindung
Pada batu kesetiaan-Mu aku berpaut
Terangkat oleh angin Roh-Mu ku terbang
Dari benih kasih-Mu ku bermekar...
Walau apapun kejahatan dagingku
Engkau memanggil namaku
Aku ditebus dan disucikan darah-Mu
Setentunya Engkau empunyaku
Aku kepunyaan Engkau.*



87 Lain Cerita

BACAAN:

1 Timotius 4:8-16

Awasilah dirimu sendiri dan awasilah ajaranmu. Bertekunlah dalam semuanya itu, kerana dengan berbuat demikian engkau akan menyelamatkan dirimu dan semua orang yang mendengar engkau. —1 Timotius 4:16

Bilik hotel kami nampaknya selesa, kecil tetapi bersih. Hanya alat hawa dingin sedikit cacat, kerana suis suhunya sudah tidak berfungsi baik. Jadi adakalanya udara dalam bilik itu dingin sekali dan ada kalanya pula terlalu panas, hanya berkisar-kisar sahaja.

Ramai orang Kristian ibarat alat hawa dingin itu: kadangkala dingin, kadangkala panas. Setiap hari Ahad, kita patuh melangkah masuk ke gereja dengan senyuman lebar, hati bersyukur, mulut bersorak pujian dengan hangat... Kita memberi perhatian penuh kepada firman Allah serta berdoa dengan ikhlas. Pada permukaannya, kita memang begitu mengasihi Allah dan saudara.

Seorang pendeta mengamati betapa cepatnya kasih orang percaya boleh terbang melayang apabila mereka melangkah keluar dari gereja ke tempat meletak kereta dan mendapati keretanya dihalang oleh kereta-kereta lain. Sesetengah jemaah pula mengangguk-angguk kepala serta bersetuju bahawa kita mesti menjaga kebersihan tubuh kita sebagai bait suci Roh Kudus, tetapi ramai pula tidak mempedulikan kebersihan tandas gereja selepas penggunaannya. Bolehkah anda bayangkan bagaimana kita hidup dari Isnin hingga Sabtu di luar gereja? Sebagai pekerja, majikan, jiran, kawan, ahli keluarga, kita harus sentiasa anak Tuhan yang sejati. Kita mengasihi sesama manusia bukan hanya pada hari Ahad tetapi setiap hari. Lenyapkah segala kasih kita apabila kita pergi kerja pada hari Isnin dan dimarahi majikan tanpa sebab? Adakah kita hidup seperti orang yang di luar iman ketika badai bergelora dalam hidup kita?

Paulus mendorong orang percaya agar mengawasi diri dan ajaran yang telah diterima serta bertekun dalam perlakuannya. Dalam konteks asal awasi bererti menatap, berpegang kepada implikasinya dengan betul-betul dan jangan melepaskannya. Manakala perkataan tekun bermaksud tinggal, tetap, terus menerus iaitu membawa gagasan tidak berhenti-henti. Ketekunan menjadi kata kunci yang harus dipegang orang percaya.

Renungan hari ini: Pelayananku terhadap Tuhan dan manusia adalah kerja sepenuh masa.

Api Kecil Membakar Sehuman

BACAAN:

Yakub 3:3-12

*Hidup dan mati dikuasai lidah, siapa suka menggemakannya,
akan memakan buahnya. —Amsal 18:21*

Seorang lelaki memberitahu isterinya bahawa mengikut kajian yang dilaporkan dalam suratkhbar kaum lelaki menggunakan 15,000 perkataan setiap hari manakala perempuan menggunakan 30,000 perkataan dalam masa yang sama. Isteri itu pandai-pandai menjawab, “Itu kerana kami perempuan terpaksa mengulangi setiap perkataan yang kami ucapkan dua kali kepada kaum lelaki.”

Ketepatan bilangan perkataan yang diucapkan lelaki atau wanita tidak penting; apa yang penting ialah kandungannya. Lelaki dan perempuan mempunyai satu lidah untuk mengeluarkan perkataan. Rasul Yakobus menyamakan lidah manusia sebagai api yang merupakan suatu dunia kejahatan, yang dapat menodai seluruh tubuh dan menyalakan roda kehidupan kita (Yak. 3:6). Dia menekankan tidak seorang pun yang berkuasa menjinakkan lidah; dia adalah sesuatu yang buas, yang tak terkuasai, dan penuh racun yang mematikan. Dengan lidah kita memuji Tuhan, Bapa kita; dan dengan lidah kita mengutuk manusia yang diciptakan menurut rupa Allah, dari mulut yang satu keluar berkat dan kutuk (Yak. 3:8-10).

Manusia tidak payah dibunuh dengan senjata; perkataan tajam laksana pisau yang menghiris hati sampai luka parah. Berapa kali kita bercakap sesuatu yang menyakiti hati orang apabila kita meradang dalam kemarahan? Kata-kata kasar begitu senang meluncur keluar daripada perbualan biasa. Dengan lidah, kita menyebarkan khabar angin, memfitnah, menghina, menghasut, menipu dan menyesatkan orang lain. Lidah dapat mengubah kawan jadi lawan. Malangnya, kerana lidah tercetusnya perang antara saudara dan negara. Tepat kalimat “Memang lidah tak bertulang, tak terbatas kata-kata.”

Paulus mengingatkan orang percaya, “Hendaklah kata-katamu senantiasa penuh kasih, jangan hambar” (Kol. 4:6). Versi-versi lain menggunakan “ucapan menyenangkan, menarik, perkataan berkat, bicara baik dan bijaksana, percakapan sopan dan masuk akal, selalu ramah-tamah, penuh dengan anugerah, dimasinkan dengan garam.” Ukuran kerohanian adalah kemampuan pengendalian lidah kita. Lidah yang tidak terkawal seperti kereta yang terlepas dari tangan pemandu. Biar kita mengamal nasihat Yakobus agar “cepat untuk mendengar, tetapi lambat untuk berkata-kata, dan juga lambat untuk marah” (Yak. 1:19) dalam perbualan kita.

Renungan hari ini: Aku menyerahkan lidahku untuk dikawal Roh Kudus agar kata-kata yang keluar membawa hidup bukan maut.

Anggur Baru Dalam Kantong Lama?

BACAAN:
Markus 2:19-22

Demikian juga tidak seorangpun mengisikan anggur yang baru ke dalam kantong kulit yang tua, kerana jika demikian anggur itu akan mengoyakkan kantong itu, sehingga anggur itu dan kantongnya dua-duanya terbang. Tetapi anggur yang baru hendaknya disimpan dalam kantong yang baru pula. —Markus 2:22

Hari itu jemaah gereja terperanjat melihat pendeta mereka berpakaian hitam dari kepala ke kaki. Mereka pernah diberitahu dia tidak suka warna hitam. Gayanya selalu berkemeja putih dan berseluar biru gelap. Apa yang membawa angin perubahan ini? Lalu dia bermula berkhotbah, “Topik hari ini mengenai perubahan. Saya sengaja berfesyen warna yang tidak aku sukai sebagai satu ilustrasi tentang perubahan. Kalau kita ingin perubahan, kita mesti membuat sesuatu yang baru walaupun itu sesuatu yang tidak kita ingini atau berkeberatan melakukannya.”

Yesus ditanya kenapa Dia dan murid-murid-Nya tidak berpuasa seperti ahli Farisi dan pengikut Yohanes berpuasa. Yesus menjawab dengan tiga perumpamaan (Mr. 2:19-22) yang bertujuan menonjolkan hidup dalam suasana yang baru kerana kedatangan-Nya. Suasana baru ini berbeza sama sekali dengan yang lama yang hanya menegaskan amalan peraturan agama tanpa perubahan hati.

Kedatangan Yesus semestinya mengubah hidup orang yang percaya, yang ketara dinyatakan dalam semua aspek. Perubahan tidak akan datang seperti “durian runtuh dari syurga” begitu sahaja. Melafazkan doa mengakui dosa hanya langkah pertama dalam perubahan ini. Watchman Nee (penulis, guru dan mubaligh Cina) berkata, “Manusia rohani bukanlah seorang yang telah dilahir kembali. Dialah orang yang telah dilahir kembali dan sedang berjalan sejajar dengan kerajaan Tuhan.”

Transformasi diri adalah kerja Tuhan tetapi memerlukan perubahan bermula dengan pilihan manusia untuk berjalan dalam arah baru. Kalau kita masih berpegang kepada tabiat lama dan enggan membenarkan Roh Kudus memperbaharui akal budi kita, tiada perubahan akan berlansung. Yesus berkata anggur baru tidak boleh dimuatkan dalam kantong lama kerana ragi anggur baru akan mengoyakkan kulit lama yang telah regang dengan pengisian yang berulang kali.

Orang “lama” kita telah “regang” dengan segala yang bukan daripada Tuhan. Untuk menerima yang baru daripada-Nya, kita perlu berubah menjadi “bekas” baru. Perubahan tidak senang kerana ia mungkin menyusahkan diri, menyebabkan kita tidak selesa, malah mendatangkan kerugian.

Renungan hari ini: Tuhan, aku rela membuang kantong yang lama dan memeluk yang baru untuk diisi anggur ilahi.

Sedia Matikah Demi Untuk Hidup?

BACAAN:

Yohanes 12:23-25

Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya jikalau biji gandum tidak jatuh ke dalam tanah dan mati, ia tetap satu biji saja; tetapi jika ia mati, ia akan menghasilkan banyak buah. —Yohanes 12:24

Satu-satunya paradoks Kristian yang bertentangan sekali dengan pendapat umum ialah hidup dan mati. Dunia menganggap kematian itu tidak baik; manusia mahu hidup, tidak mahu mati. Sebaliknya, orang percaya dikehendaki mati, dan bukan mati sekali, tetapi mati berulang-kali. Dalam kata Rasul Paulus, “tiap-tiap hari aku berhadapan dengan maut” (1 Kor. 15:31). Yesus memberi perumpamaan sebiji gandum perlu mati sebelum dapat berbuah lagi.

Manusia biasa inginkan “hidup yang baik” dalam ertikata kesenangan, kepuasan dan kejayaan peribadi, kerana pada dasarnya kita makhluk yang mementingkan diri. Kepercayaan tidak menghilangkan sifat lama itu. Paulus menegur jemaah di Korintus sebagai masih manusia duniawi yang belum dewasa dalam Kristus (1 Kor. 3:1) walaupun mereka mempunyai karunia Tuhan.

Jangan kita menipu diri, daging tidak boleh dikawal. Tanyalah kaki judi, penagih dadah, perokok atau penagih arak yang berusaha “menjadi baik” namun jatuh kembali dalam perangkap dagingnya. Seringkali kita menjadi panas baran walaupun kita mahu mengawalinya. Allah tahu akan kelemahan kita. Paulus berkata, “Sebab, jika kamu hidup menurut daging, kamu akan mati; tetapi jika oleh Roh kamu mematikan perbuatan-perbuatan tubuhmu, kamu akan hidup” (Rom. 8:13). Kematian perlu sebelum kuasa kebangkitan Kristus boleh menguasai kita.

Bukan usaha sendiri tetapi senjata Allah – Roh Kudus-Nya – yang dapat membunuh segala pekerjaan daging. Paulus berkat, “Hiduplah oleh Roh, maka kamu tidak akan menuruti keinginan daging” (Gal. 5:16).

*Allahku, apakah dosa akan tetap berkuasa
Dan hidup memberontak dalam jiwaku
Pengampunan-Mu sahaja tidak cukup
Salib harus ditinggikan dan keakuan dimatikan.*

*Ya Allah kasih, kuasa-Mu dinyatakan,
Tidak cukup jika hanya Kristus yang bangkit
Aku juga harus mencari langit yang cerah
Serta bangkit dari kematian seperti Kristus sudah bangkit (Nyanyian Yunani)*

Renungan hari ini: Biar dagingku dan keakuanku mati setiap saat di salib Kristus agar Kristus ditinggikan.

Rotan Kasih

BACAAN:
Ibrani 12:5-13

Dan janganlah melupakan nasihat Allah ini, yang diberikan kepadamu sebagai anak-anak-Nya: “Anak-Ku, perhatikanlah baik-baik ajaran Tuhan, dan janganlah berkecil hati kalau Dia memarahimu kerana Tuhan menghajar orang yang dikasihi-Nya, dan Dia menyesah orang yang diakui-Nya sebagai anak.” —Ibrani 12:5-6

Terdapat teori-teori pendidikan kanak-kanak zaman ini yang mengesyorkan ibubapa jangan menggunakan rotan sewaktu mengajar anak. Saya masih ingat masa-masa kecil apabila saya nakal, emak akan memukul saya dengan rotan yang panjang nipis. Rotan yang panjang nipis ini kelihatan kecil tetapi sakitnya luarbiasa. Sewaktu kecil, kita tentu tidak melihatnya sebagai rotan kasih tetapi rotan ketakutan!

Dalam Kitab Mazmur, seringkali Raja Daud menulis tentang kebaikan gembala yang setia menjaga dan melindungi domba kawanannya. Banyak lukisan indah menggambarkan Yesus sebagai seorang gembala memikul anak domba atas bahu-Nya. Tahukah anda adakalanya gembala sengaja mematahkan kaki anak domba yang selalu sesat? Tabiat domba yang degil dan tidak terkawal boleh membahayakan diri. Kecenderongan domba merayau ke sana sini menyebabkan gembala terpaksa mematahkan kakinya. Hanya demikian gembala dapat membawa domba “nakal” ini balik ke dalam keselamatan kawanannya. Gembala yang berbuat demikian bukan berhajat menghukum, sebaliknya dia akan memikul domba itu di mana sahaja dia menggembalakan kawanannya pergi. Sewaktu berada pada bahu gembalanyalah domba itu menjadi biasa dengan suara tuan dan belajar mendengar suara gembalanya. Dari tangannyalah domba itu disuap makan setiap hari sampailah kakinya sembuh. Waktu ini kerapatan ini domba mengenali dan mengalami kebaikan tuan gembalanya.

Begitu juga kadang-kadang Tuhan Gembala kita “membelasah” agar kita dibawa lebih dekat kepada-Nya. Dalam Mazmur 23:2 versi Bahasa Inggeris, “membaringkan” bererti membuat atau menyebabkan baring iaitu Tuhan seolah-olah kena memaksa kita membaring tenang kerana kadangkala kita sendiri tidak sedar apa yang baik dan tidak baik untuk kita. Kita berkeliaran seperti domba bodoh kerana ingin tahu adakah rumput di padang sebelah lebih hijau dan buta-buta terjatuh dalam lubang gelap. Raja Daud mengungkapkan perhatian dan pemeliharaan Tuhan yang tekun berasaskan kasih sayang-Nya kepada orang percaya dalam Mazmur 23:4 bahawa “Engkau besertaku; gada-Mu dan tongkat-Mu, itulah yang menghibur aku.”

Gada (tongkat pendek) digunakan gembala sebagai senjata pertahanan atau disiplin. Tongkat gembala yang ramping panjang yang berhujung melengkung

dipakai untuk mencangkuk domba-domba agar dekat dengannya, menuntunnya pada jalan yang benar atau menyelamatkannya dari kesulitan. Kedua-duanya perlu untuk melindungi domba.

Renungan hari ini: Saya menerima disiplin Gembala Agung yang mengasihi aku walaupun ia menyakitkan.



*Anggaplah didikan sebagai kereta kuda Tuhan
yang dihantar untuk membawa rohmu
ke tempat tinggi pencapaian rohani.*

– Hannah Whitall Smith

Kepada Siapa Engkau Pergi?

BACAAN:

2 Raja-Raja 4:18-37

Sesudah itu dia memanggil suaminya serta berkata: “Suruh kepadaku salah seorang bujang dengan membawa seekor keledai betina; aku mahu pergi dengan segera kepada abdi Allah itu dan akan terus pulang.” —2 Raja-Raja 4:22

Suatu kecemasan berlaku dalam rumah seorang perempuan. Anak tunggal kesayangannya tiba-tiba sakit dan mati dalam pangkuannya. Kalaulah kamu perempuan itu, kepada siapa engkau akan mengadu hal ini terlebih dahulu? Sudah tentu suami bukan? Perempuan Sunem yang menghadapi krisis ini tahu siapa yang dapat menolongnya, nabi Tuhan yang berkuasa.

Dia membaringkan mayat anak pada katil dalam bilik yang pernah diperuntukkan untuk nabi Elisa. Lepas itu baru dia memanggil suaminya tanpa memberitahu tentang kematian anak mereka. Dia hanya meminta suaminya menyediakan bujang dan keledai kerana dia ingin keluar mencari nabi Allah. Malah bila suaminya bertanya kenapa, dia menjawab “Jangan khuatir” (2 Raj. 4:23). Ibu ini begitu tenang kerana dia tahu Allah pasti menolongnya. Dia tidak menghebohkan hal ini atau berkabung dengan berteriak-teriak tetapi dengan sikap tenang dia keluar mencari orang yang berada di atas gunung! Apabila bujang nabi bertanya adakah semua dalam keluarganya selamat, dia menjawab, “Selamat” (2 Raj 4:26). Ibu ini merasa tidak payah menjelaskan kematian anaknya.

Da melutut berpegang kuat kaki Elisa di atas gunung walaupun diusir oleh bujangnya. Bila menyedari keadaan, Elisa memberi tongkatnya kepada bujang dan mengarah dia pergi serta-merta untuk meletakkan tongkat ini atas mayat anak itu. Kalau saya, sudahlah, aku akan cepat-cepat mengikuti bujang nabi ini balik rumah. Ibu ini tidak puas juga dan berkata kepada Elisa, “Demi Tuhan yang hidup dan demi hidupmu sendiri, sesungguhnya aku tidak akan meninggalkan engkau” (2 Raj. 4:29-30).

Perempuan ini begitu menekad bersandar harapannya kepada nabi Tuhan. Keyakinan iman dan pengakuan mulutnya telah meniadakan kenyataan maut. Dia tidak mencari orang lain, tidak pula menerima bantuan daripada wakil lain, berasa cemas dan berkabung sehingga dia depresi dan tidak tahu apa yang harus dibuatnya. Dia mengadu tangisan hatinya terus kepada nabi Allah dan tidak meninggalkannya. Alkitab memberitahu kita. “Lalu bangunlah Elisa dan berjalan mengikuti perempuan itu” (2 Raj 4:30). Kebetulananya bujang yang telah mendahului Elisa gagal menghidupkan anaknya. Mukjizat kebangkitan hanya berlaku bila Elisa sendiri bertindak.

Renungan hari ini: Aku akan cepat memanjat gunung doa, berdepan dengan Allah dan tidak melepaskan-Nya sewaktu mengalami krisis hidup.

Pil Menghilangkan Khuatir

BACAAN:

Lukas 12:22-34

Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Kerana itu Aku berkata kepadamu: Janganlah khuatir akan hidupmu, akan apa yang hendak kamu makan, dan janganlah khuatir pula akan tubuhmu, akan apa yang hendak kamu pakai.”
—Lukas 12:22

Saya kagum dengan pelbagai jenis pil yang dijual di farmasi berhampiran rumah saya. Sejenis pil vitamin kononnya dapat menguatkan kekebalan tubuh, satu lagi akan menghilangkan bermacam jenis sakit – kepala, kerongkong, sendi dan otot badan – pil tertentu menyimbangkan hormon, pil mengurangkan lemak. Sebut saja penyakit anda, pasti ada pil untuk menolong awak. Saya nampak beberapa wanita membeli beberapa bungkusan pil beraneka warna untuk ditelan, harap-harap dapat menjadi sihat walafiat.

Namun, belum ada seorang pakar sains yang pernah berjaya mencipta pil yang boleh menghilangkan khuatir. Kajian perubatan memaklumkan kesan-kesan buruk yang diakibatkan kekhuatiran atas batin dan jasmani manusia. “Penyakit” ini boleh menjejaskan hidup harian seseorang sampai dia kehilangan selera, arik tidur, tidak dapat menumpu perhatian pada kerja, malah merosakkan perhubungan sosial kerana kekurangan tidur membuat kita mudah jengkel.

Kita mengkhuatiri perkara yang besar atau kecil, uban kita, keluarga, masa depan pekerjaan, kecukupan kewangan, perhubungan sosial, keadaan politik dalam negara, ketidakadilan di dunia dan senarai tidak berkesudahan malahan bertambah panjang setiap hari. Satu kajian menganggarkan 90% perkara yang dikhuatiri manusia tidak pernah terjadi pun. Pepatah Inggeris berbunyi “Kekhuatiran seperti sebuah kerusi goyang. Ia membolehkan kamu bergoyang dalamnya tetapi tidak membawa kamu ke mana mana.”

Berulang kali Alkitab menjelaskan Allah melarang orang percaya dilandai kekhuatiran. Yesus mengarahkan mata kita kepada Allah Bapa yang memelihara burung dan bunga bakung juga memelihara kita. Dia mengenali kita dengan begitu terperinci sehingga setiap utas rambut dihitung-Nya. Dia telah berjanji, “Aku sekali-kali tidak akan membiarkan engkau dan Aku sekali-kali tidak akan meninggalkan engkau” (Ibr. 13:5).

Paulus menasihatkan orang percaya, “Janganlah hendaknya kamu kuatir tentang apapun juga, tetapi nyatakanlah dalam segala hal keinginanmu kepada Allah dalam doa dan permohonan dengan ucapan syukur. Damai sejahtera Allah, yang melampaui segala akal, akan memelihara hati dan pikiranmu dalam Kristus Yesus” (Fil. 4:6-7).

Renungan hari ini: Aku tidak khuatir akan hari esok kerana Bapa Syurgawi selalu memelihara aku.

Jangan Takut

BACAAN:
Mazmur 27:1-6

Sebab Roh yang Allah berikan kepada kita, bukanlah Roh yang membuat kita menjadi penakut. Sebaliknya Roh Allah itu membuat kita menjadi kuat, penuh dengan kasih dan dapat menahan diri. —2 Timotius 1:7

“**M**ak, saya takut naik tangga gelap ke bilik atas,” kata anak bongsuku ketika berumur 10 tahun. Sewaktu kecil, kawanku enggan pandang cermin kerana takut hantu tiba-tiba muncul disampingnya. Gadis lain takut akan lipas, tikus, cacing dan kelawar. Ramai orang yang takut memanjat tempat tinggi. Sesetengah orang takut masuk tempat tertutup seperti lif atau kapal terbang. Sepanjang dua tahun suami saya melawan penyakit barahnya, saya diselubungi ketakutan suatu pagi saya akan bangun dan mendapati dia tidak bernafas lagi. Manusia takut akan benda-benda bernyawa, tidak bernyawa, keadaan, suasana, peristiwa, ini dan itu.

Usah takut. Apa guna takut akan hal yang tidak kita tahu mahupun kawal? Walaupun apa yang kita takutkan mungkin tidak masuk akal, kenyataannya kita masih rasa takut. Ketakutan ialah satu kelemahan manusia yang menjadi pintu terbuka kepada si iblis untuk mencero bohi hidup orang percaya seraya merampas damai sejahtera kita. Ketakutan melumpuhkan kita dan menyebabkan kita hilang keyakinan kepada Allah yang mengasihi kita. Lama kelamaan roh ketidakpercayaan mematikan iman kita kerana akibat ketakutan sungguh dahsyat.

Kepada seorang bapa yang diberitahu anaknya telah mati, Yesus bersabda, “Jangan takut, percaya saja, dan anakmu akan selamat” (Luk. 8:50). Itulah perisai ilahi yang dapat menentang dan menahan panah ketakutan – iman kita kepada Tuhan Yesus. Reinhard Bonke mubaligh Jerman terkemuka berkata, “Iman menggerunkan syaitan, ketakutan menatapi apa manusia lihat, iman menatapi apa yang Allah lihat dan bertindak atasnya.”

Mengikut prinsip sains, ion udara negatif dineutrasasikan oleh ion positif untuk mempertahankan keseimbangan alam. Begitulah ketakutan yang negatif boleh dihilangkan dengan berkesan melalui iman positif dalam Tuhan. Raja Daud bersajak, “Tuhan adalah terangu dan keselamatanku, kepada siapakah aku harus takut? Tuhan adalah benteng hidupku, terhadap siapakah aku harus gementar?” (Mazm. 27:1). Terang mengenyahkan kegelapan. Keselamatan dalam Yesus Kristus melindungi kita daripada segala ancaman dan kejahatan si iblis. Benteng menggambarkan pertahanan kukuh terhadap serangan semua musuh. Panahkan segala ketakutan dengan imanmu.

Renungan hari ini: Tiada apa yang perlu aku takutkan kerana aku percaya Tuhan telah mengaruniakan iman yang dapat menewaskan ketakutan.

Murung Pagi Isnin

BACAAN:

Kejadian 9:18-23

Setelah dia minum anggur mabuklah dia dan dia telanjang dalam khemahnya.

—Kejadian 9:21

Apa yang telah mempengaruhi nabi Nuh untuk minum sehingga mabuk dan tertidur telanjang? Bukankah ini nabi yang dipanggil, “seorang yang benar dan tidak bercela di antara orang-orang sezamannya dan hidup bergaul dengan Allah?” (Kej. 6:9). Selepas dia keluar dari bahtera selamat dari air bah dahsyat yang memusnahkan seluruh dunia, Tuhan telah memberkati dan membuat perjanjian dengannya sebagai wakil makhluk yang hidup di bumi (Kej. 9:1-17). Bagaimana pula boleh terjadi peristiwa kemabukan yang begitu memalukan selepas semua ini?

Hari ini Isnin, anda sudah lewat bangun oleh itu tidak ada masa membaca firman Allah seperti yang dirancang. Dengan tergopoh-gapah, anda menyediakan sarapan untuk keluarga, anda terlanggar anak dan cawan susu jatuh berkecaian atas lantai. Kamu naik angin pula menyalahkan anak selalu cuai. Suami bermasam muka menegur lagi dan tercetuslah pergaduhan keluarga. Sewaktu anda keluar, tayar kereta kamu pancit. Macam mana seribu perkara boleh terjadi pada satu hari? Keburukan apakah yang belum menimpa lagi? Melayang terbang sudah niat-niat murni dan doa kesetiaan yang kamu naikkan kepada Tuhan pada Ahad kelmarin. Pagi Isnin penuh kemurungan sahaja, musibah lepas musibah.

Ya, kita berniat dan merancang yang baik dan kudus tetapi banyak kali kita terjatuh juga, ibarat tergelincir atas lantai yang dilap berkilat-kilat. Janganlah hampa. Selepas Nuh sedar dan mendapati anak bongsunya Ham telah berdosa terhadapnya dalam kemabukannya, dia melakukan apa yang patut dan Alkitab memberitahu, “Nuh masih hidup tiga ratus lima puluh tahun sesudah air bah, mencapai umur sembilan ratus lima puluh tahun, lalu dia mati” (Kej. 9:28-29). Jangan lupa kembali ke mezbah keluarga, berdoa dan meminta pertolongan Tuhan untuk memulai hari yang baru.

Perjalanan hidup akan terus berputar sekalipun kita terjatuh di pertengahannya atau tersilap langkah. Saya teringat waktu kecil, bapa saya membeli sejenis patung plastik yang boleh melantun tegak apabila dipukul. Berapa kali, betapa kuat pun dihentamnya, patung itu akan melonjak naik semula seperti ada “spring” tersembunyi. Sebenarnya apa yang mengisikan “bop bag” ini adalah sedikit air yang dimasukkan di dasar bawah dan udara yang ditiupkan ke dalamnya. Biarlah orang percaya juga cepat bangun dan teruskan perjalanan dengan diisi kuasa Roh Kudus yang memampukan. Yang penting, kita terus belajar dari setiap kegagalan dan bertumbuh dalam kerohanian kita.

Renungan hari ini: Aku tidak akan rebah di pertengahan jalan, aku ingin bertumbuh dan meningkat dalam kerohanianku.

Yang Patut Dilepaskan

BACAAN:
Lukas 9:22-26

...marilah kita menanggalkan semua beban dan dosa yang begitu merintangi kita, dan berlumba dengan tekun dalam perlumbaan yang diwajibkan bagi kita. —Ibrani 12:1

Pikullah kuk yang Kupasang dan belajarlah pada-Ku, kerana Aku lemah lembut dan rendah hati dan jiwamu akan mendapat ketenangan. Sebab kuk yang Kupasang itu enak dan beban-Ku pun ringan. —Matius 11:29-30

Orang kampung menggunakan cara yang menarik untuk menangkap kera. Lubang sekecil tangan kera dikorek atas permukaan biji kelapa kosong dan dimasukkan makanan ke dalamnya. Kera akan tertangkap kerana tidak mahu melepaskan makanan dalam genggam tangan yang telah dimasukkannya ke dalam biji kelapa itu. Banyak kali manusia juga terperangkap dalam genggam maut kerana tidak mahu melepaskan beban-beban hidup yang sebenarnya tidak patut kita tanggung.

Penulis Ibrani menggambarkan perjuangan kita sebagai suatu perlumbaan. Orang yang berlumba tidak akan menang kalau mereka memikul beban atau barang berat dalam bahunya apabila berlumba. Erti beban dalam perkataan asal merujuk kepada sesuatu jisim yang terlalu besar dan menggambarkan rintangan yang melambatkan kemajuan. Kita sudah tahu banyak beban boleh menjejaskan pertumbuhan kita sebagai orang saleh. Nafsu liar yang tidak terkawal boleh menjadikan kita ketagihan, emosi negatif yang menekan dan menyiksa diri sahaja, semuanya ini tidak baik. Kita kurang sedar ada yang kelihatan baik itu pun boleh menjadi beban serta penghalang jalan hidup kita. Seperti kera yang tidak mahu melepaskan makanan yang sedap, manusia pula “tercengkam” oleh kuasa, kebendaan, perhubungan dan kejayaan duniawi. Tumpuan hidup sudah menyeleweng daripada jalan yang ditetapkan oleh Tuhan untuk kita.

Allah mewajibkan kayu salib bagi Anak Tunggal-Nya. Begitu juga Yesus berfirman, “Setiap orang yang mahu mengikut Aku, ia harus menyangkal dirinya, memikul salibnya setiap hari dan mengikut Aku” (Luk. 9:23). Berterus-teranglah saja, manusia mana yang mahu memikul kayu salib? Allah jelas memanggil kita untuk memikul kuk salib Yesus dan bukan beban lain (Mat. 11:29-30). Kuk itu perkakas yang diletakkan atas leher sepasang binatang, lazimnya kerbau, untuk membajak tanah, melambangkan kewajipan-kewajipan hidup seorang percaya. Manakala beban ialah muatan atau tanggungan menggambarkan peraturan undang-undang yang diperturunkan kepada bangsa Yahudi melalui hukum Taurat mereka. Beban keagamaan tidak menyelamatkan melainkan terus mengikat mereka dalam beban berat.

Perhatikan janji Tuhan – kuk enak, beban ringan, dan jiwamu mendapat ketenangan kerana Tuhan Yesus yang memasangnya. Itulah rahsia yang kita mesti belajar. Beban yang diletakkan oleh diri kita sendiri ataupun orang lain hanya akan memperlambatkan perlumbaan kita untuk Tuhan Yesus.

Renungan hari ini: Ajarlah aku, Yesus. Banyak kali aku terkeliru apakah beban yang patut dilepaskan dan apa yang patut dipikul dalam hidupku. Jangan biar aku berlumba sambil memikul beban yang tidak penting.



*Injil dipanggil beban dan kuk,
supaya kita tidak membuat anggapan salah,
namun kuknya ringan dan enak,
supaya kita tidak akan berputus asa.*

– Euthymius

.....

*Kita tidak berhak berdoa Kerajaan-Mu datanglah,
sehingga kita telah berdoa kerajaan aku pergilah.*

– Tommy Tenney



Potongan Indah

BACAAN:
Yohanes 15:1-8

Setiap ranting pada-Ku yang tidak berbuah, dipotong-Nya dan setiap ranting yang berbuah, dibersihkan-Nya, supaya ia lebih banyak berbuah. —Yohanes 15:2

Suami saya menghadiahkan sebetuk cincin berlian ketika kita bertunang. Itulah satu-satunya berlian istimewa yang saya miliki pada jari hingga kini. Selepas 25 tahun, batu berlian itu masih berkilau-kilauan. Tahukah anda batu berlian asal yang digali keluar daripada lombong kelihatan seperti batu biasa-biasa yang dibawa ombak ke atas pantai? Berlian yang begitu cantik telah dibentuk sekurang-kurangnya 50 batu di bawah permukaan bumi, daripada atom karbon yang dimampatkan di bawah tekanan dan suhu terlampau. Proses mengujudkan batu kasar kepada berlian yang berkilat-kilat pula melibatkan titik peluh para pakar untuk menanda, memotong dan mengilapnya. Bahan kasar mesti dikikiskan dan dibuang agar menghasilkan berlian yang tulen dan murni.

Yesus mengibaratkan orang percaya kepada ranting yang terbahagi kepada 2 jenis; satu yang berbuah dan satu lagi tidak berbuah manakala Dialah pokok anggur yang benar dan Allah Bapa, pengusaha dalam kebun (Yoh. 15:1). Keberhasilan sesebatang ranting, tergantung pada ketelitian pengusaha kebun dalam tugasnya. Kerja pembersihan melibatkan pekebun memangkas ranting yang berbuah untuk memastikan penghasilan maxima buah yang seimbang, sihat dan bermutu dari musim ke musim. Gunting dan gergaji digunakan untuk memangkas tumbuhan yang berlebihan serta mengawal perkembangan ranting.

Begitu juga potensi penuh anak Tuhan hanya boleh mencapai kesempurnaan apabila dia melalui “pemangkasan” oleh gunting dan gergaji disiplin Tuhan. Buah-buah berkualiti boleh bertumbuh dalam kehidupan rohani kerana yang tidak baik sudah dipangkas. Jangan kita lupa bahawa ranting berbuah bukan daripada usaha diri, tetapi daripada pohon anggur yang merupakan sumber hidupnya (Yoh. 15:4). Yesus menjelaskan, “di luar Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa” (Yoh. 15:5).

Jangan pula kita sekali-kali merupakan ranting yang tidak berbuah atau berlian yang tidak terpotong oleh pakar. Yohanes Pembaptis memberi amaran padahnya, “kapak sudah tersedia pada akar pohon dan setiap pohon yang tidak menghasilkan buah yang baik, pasti ditebang dan dibuang ke dalam api” (Mat. 3:10).

Renungan hari ini: Aku berpaut sungguh kepada Yesus, pohon anggurku, dan sujud kepada pemangkasan daripada tangan Allah agar dapat menghasilkan buah-buah dalam hidupku.

Pembersihan Rumah

BACAAN:

Mazmur 119:9-18

Semoga Allah damai sejahtera menguduskan kamu seluruhnya dan semoga roh, jiwa dan tubuhmu terpelihara sempurna dengan tak bercacat pada kedatangan Yesus Kristus, Tuhan kita. —1 Tesalonika 5:23

Sudah beberapa tahun, aku berazam mengemaskan satu bilik tetapi masih gagal mengerjakannya. Itulah bilik setor yang bertimbun-timbun dengan alat-alat lama dan yang tidak terpakai lagi. Setiap kali aku membuka pintu setor itu, cepat-cepat aku menutup kembali kerana benda-bendanya berselerakan. Aku sedar begitu banyak yang patut aku keluarkan untuk dibuang tetapi aku tiada berdaya melihatnya. Tahun lepas tahun, aku menunda tugas ini dengan dalih, “tidak mengapalah, biar pintu itu tetap tutup sahaja, tiada orang akan tahu.”

Seorang penulis telah mengibaratkan hati manusia sebagai rumah yang dibahagikan kepada beberapa bilik. Bilik tidur ialah tempat di mana kita boleh berehat. Dapur ibarat tempat kita masuki setiap hari untuk menampung hidup kita. Ruangan tamu suatu tempat menyenangkan hati seketika dengan keluarga dan teman. Kita boleh tekun membersihkan semua bilik ini sebagaimana dan bila ia diperlukan. Ibaratlah sebagai orang yang percaya, kita begitu gembira pergi kebaktian setiap minggu untuk berehat dan bersukacita dalam hadirat Tuhan. Kita tiada masalah menyerahkan kerjaya dan perhubungan kita kepada-Nya.

Bilik setor dalam hati kita mengandungi barang-barang yang terabai bertahun-tahun. Segala yang telah kita biarkan itu hanya mengutip habuk dan mengotori sahaja. Bahkan entah apa binatang perosak jijik – tikus, lipas, nyamuk, cicak, labah-labah yang tersembunyi mudah bersarang dalamnya. Siapa tahu seekor ular bertandang sebagai tamu! Apakah yang terkandung dalam bilik setor rohani kita? Segala pengalaman lepas yang merosakkan fikiran, gaya hidup dan sikap duniawi mesti dilemparkan keluar. Beban-beban yang tidak patut disimpan seperti kepahitan, dan dendam terhadap orang lain. Habuk yang melekat ialah dosa yang belum kita akui. Agen-agen merbahaya dalam pelbagai godaan yang memikat nafsu daging kita mesti dihalau dan dihapuskan supaya tidak berpeluang menetas kenajisan.

Soalnya adakah kita sudi membuka pintu setor hati kita kepada Tuhan untuk memeriksa dan menyucikan?

Renungan hari ini: Saya menyerahkan kunci setiap bilik hati saya kepada Roh Tuhan supaya Dia boleh masuk dan menguduskan aku setiap hari.

Tetapi Tidak Boleh Saya Lupakan...

BACAAN:
Matius 18:21-35

Tetapi jikalau kamu tidak mengampuni orang, Bapamu juga tidak akan mengampuni kesalahanmu. —Matius 6:15

Corrie Ten Boom terkenal sebagai perempuan Belanda yang berani menyembunyikan orang-orang pelarian Yahudi yang diburu oleh tentera Jerman semasa perang dunia kedua. Akibat tindakannya, dia bersama-sama keluarganya tertangkap dan dipenjarakan dalam kem pengasingan di mana bapa dan kakaknya dibunuh. Bertahun-tahun kemudian dalam suatu kebaktian gereja selepas berkhotbah, dia terserempak dengan seorang pengawas yang menjaga bilik mandi di mana Corrie pernah dipenjarakan. Dengan serta-merta Corrie teringat segala deraan dan penghinaan masa lampau. Orang itu mendekatinya, mukanya berseri sambil menunduk kepadanya, dia berkata, “Saya bersyukur untuk khutbahmu, Cik. Dia telah membersihkan dosa saya.” Askar itu segera menghulurkan tangannya kepada Corrie tetapi Corrie tidak sampai hati berjabat tangan musuhnya Namun dia berdoa “Tuhan Yesus, ampuniku dan tolong aku mengampuninya.”

Corrie cuba bersenyum dan cuba sedaya upaya mengangkat tangannya tetapi ia sungguh membeku. Kasih atau belas kasihan kering kontang pada saat itu. Jadi sekali lagi dia berdoa dalam hati, “Yesus, aku tidak boleh mengampuninya. Berikanku pengampunan-Mu.” Dalam kata Corrie sendiri, “Apabila aku mengambil tangannya, sesuatu yang hebat sekali berlaku. Dari bahu menerusi tanganku terasa macam arus melalui daripadaku kepadanya, dan dalam hatiku muncul kasih untuk orang ini yang begitu mengharukan diriku. Ketika itu, aku sedar penyembuhan dunia ini tidak bergantung kepada pengampunan atau kebaikan kita, tetapi bersumber daripada Yang di Atas. Apabila Dia menyuruh kita mengasihi musuh kita, Dia akan mengurniakan bersama perintah-Nya, kasih itu.”

Memang kita tahu firman Tuhan menwajibkan kita mengampuni, tidak kira siapa yang betul atau siapa yang salah tetapi seringkali hati yang telah disakiti susah sangat untuk menurut. Seperti Corrie, kita tercengkam kenangan pahit di tangan manusia yang bersalah terhadap kita. Kita menganggap mengampuni seorang jahat begitu tidak adil sekali. Hai manusia, kebenarannya kita juga yang tidak patut diampuni Allah, tetapi sewaktu kita masih musuh-Nya, Dia sudah mengampuni kita (Rom. 5:8).

Renungan hari ini: Aku akan mengampuni kerana aku sudah diampuni-Nya, aku mampu mengampuni melalui kasih-Nya.

Dari Benih Ke Buah

BACAAN:

Markus 4:26-32

Dan biarkanlah ketekunan itu memperoleh buah yang matang, supaya kamu menjadi sempurna dan utuh dan tak kekurangan suatu apapun. —Yakobus 1:4

Berfirmanlah Allah: “Hendaklah tanah menumbuhkan tunas-tunas muda, tumbuh-tumbuhan yang berbiji, segala jenis pohon buah-buahan yang menghasilkan buah yang berbiji, supaya ada tumbuh-tumbuhan di bumi.” Dan jadilah demikian... (Kej.1:11) durian. Aaah, durian yang dikenali raja buah, yang begitu istimewa bau dan rasanya, sama ada engkau suka atau benci. Tahukah anda buah durian dihasilkan hanya selepas kurang-kurang 4 atau 5 tahun? Cara penuaiannya tidak mudah, kita mesti menunggu sampai buah itu sendiri jatuh daripada pohon.

Kematangan anak-anak Tuhan pun memerlukan masa. Pada zaman moden, dunia seakan-akan bersaing dalam perlumbaan terpantas dan sering kita bersikap tidak sabar. Pertukaran teknologi juga beredar cepat, jadi kita juga mengharap manusia boleh berubah menjadi yang diinginkan dalam sekelip mata. Kita mengharap buah-buah matang daripada orang lain seperti membancuh pek kopi 3 dalam 1.

Walau bagaimana pun sesetengah perkara masih tidak boleh dipercepatkan. Seorang bayi manusia perlu tinggal 9 bulan dalam rahim ibu untuk bertumbuh sempurna dan genap anggota badannya sebelum dilahirkan. Bayi pula tidak mungkin serta-merta membesar menjadi dewasa. Sebagai ibu, kita perlu sabar dengan pembentukan watak anak kita dan mendoakan pertumbuhan mereka. Kita boleh menyediakan suasana untuk pertumbuhan tetapi musim berbuahnya tidak boleh dipaksakan.

Tokoh-tokoh dalam Alkitab juga melalui proses pembentukan daripada Tuhan sebelum mereka digunakan oleh Tuhan dengan hebat. Musa bertindak terburu-buru membunuh orang Mesir dan terpaksa menghabiskan 40 tahun di padang gurun bercakap dengan domba-domba sebelum Tuhan bercakap dengannya. Yusuf berlagak di hadapan abang-abangnya, dijual sebagai hamba dan dilemparkan dalam penjara akibat fitnah seorang perempuan. Tiga belas tahun sudah berlalu sebelum Tuhan menaikkan pangkatnya menjadi Perdana Menteri Mesir. Dia melalui proses pembentukan dan menjadi seorang adik yang sabar dan penuh kasih sayang. Daud diurapi raja semasa dia masih seorang budak gembala domba bapanya, tetapi dia hanya menjadi raja selepas 17 tahun sebagai orang buruan. Buah-buah kematangan semua perwira ini terjadi setelah bertahun-tahun dibentuk oleh tangan Tuhan dengan tekun.

Renungan hari ini: Saya akan merintangi semua musim pertumbuhan hidup saya dengan ketabahan dan ketekunan hati agar buah-buah dapat dihasilkan.

Bercerai Dan Bertukar?

BACAAN:
Filipi 2:1-5

Perhatikanlah kepentingan orang lain; jangan hanya kepentingan diri sendiri, tetapi kepentingan orang lain juga. —Filipi 2:4

Tumit kasut baru kawan saya terputus padahal dia hanya memakainya sehari. Dia mengembalikannya kepada kedai itu dan minta agar digantikan yang baru kerana kasut itu mahal dan sepatutnya bermutu. Bos kedai itu bersetuju lalu menggantikan kasut yang baru dan memberi dia stoking baru sebagai tanda meminta maaf. Kawan saya keluar dari kedai itu dengan gembira dan mengatakan dia akan membeli kasut lain dari sana. Yang cacat sudah dibuang dan digantikan yang baru.

Senang sahaja kita menggantikan sesuatu barang yang rosak. Tetapi bagaimana pula kalau satu pasangan hidup “sudah menjadi bosan” selepas berkahwin bertahun-tahun dan lupa memupuk cinta mereka, kerana kesulitan masalah perhubungan yang mungkin timbul seperti anak yang memberontak, ibu mertua yang mencucuk belakang di hadapan suami, majikan yang tidak munasabah atau pihak atasan yang kurang adil? Banyak cabaran hidup telah menyebabkan perhubungan mereka renggang dan tidak semanis sewaktu berbulan madu.

Patutkah mereka mengambil jalan senang? Penceraian sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat moden ini. Kalau tidak suka antara suka lagi, cara terbaik ialah berpisahlah, cari pasangan hidup baru, seolah-olah menukar baju baru setiap hari. Kalau mereka tidak tertahan leteran mertua, mereka boleh menggunakannya sebagai isu bercerai. Tidak suka lagi nada isteri, tukar wanita. Cepatnya kita “menghapuskan” pasangan kalau masalah timbul seperti membuang, mengenyepikan atau menukar barang-barang usang. Sedihnya banyak kali tanpa disedari, kita menganggap manusia sebagai barang. Sikap ini berakar dalam sikap menganggap kesukaan, keselesaan, kemahuan, kebebasan atau kehendak diri lebih utama.

Sebenarnya soalnya bukan siapa yang salah atau betul. Yesus betul tetapi Dia tetap rela mati atas kayu salib bagi pendosa. Isunya sudikah kita menyerahkan kepentingan sendiri dan mengasihi pasangan kita sehingga kita rela berkorban untuknya seperti Tuhan Yesus.

Wanita, kasihi suamimu dengan hati sepenuhnya dan biar anda mengatasi semua masalah hanya dengan kasih yang sudi berkorban.

Renungan hari ini: Biarlah setiap isteri dan suami mengasihi sesama seperti Kristus yang telah meletakkan nyawa bagi kita dan sanggup berkorban.

Jangan Ikut Naluri Sendiri

BACAAN:

Bilangan 20:2-12

Tetapi Tuhan berfirman kepada Musa dan Harun, “Kerana kamu tidak percaya kepada-Ku dan tidak menghormati kekudusan-Ku di depan mata orang Israel, itulah sebabnya kamu tidak akan membawa jemaah ini masuk ke negeri yang akan Kuberikan kepada mereka.” —Bilangan 20:12

Musa tidak tertahan lagi oleh perangai orang-orang Israel di bawah pimpinannya, yang bertindak bagai kacang lupakan kulit. Mereka tidak mengenang budi orang yang telah memimpin mereka keluar dari perhambaan di Mesir. Hari lepas hari mereka bersungut-sungut sepanjang perjalanan melalui padang gurun ke Tanah Perjanjian. Sungutan mereka menyebabkan Musa memukul batu dua kali dan mengeluarkan air dari batu (Bil. 20:11) padahal Tuhan telah memanggilnya mengangkat tongkat dan berucap kepada batu itu.


Musa mendatangkan akibat yang parah kepada dirinya dan Harun. Allah tidak berkenan terhadap perbuatan ini dan menjatuhkan hukuman berat ke atas kedua-dua pemimpin terpilih-Nya. Mereka tidak jadi masuk ke dalam Tanah Perjanjian bersama-sama dengan orang yang dipimpin oleh mereka. Harun mati atas puncak gunung Hor (Bil. 20:28) dan Musa berdiri di pinggir Tanah Perjanjian, mata memandang tetapi kakinya tidak sempat memijak atasnya, mati di sebelah tanah Moab (Ul. 34:5).

Kasihani sekali, masalah ini ditimbulkan oleh umat Tuhan yang bersifat degil dan tegar tengkuk tetapi Musa dan Harun yang tanggung hukuman teruk. Mungkinkah kita berpendapat Tuhan tidak adil, terlalu keras padahal apa salahnya memukul batu daripada berucap kepadanya? Batu tidak bernyawa seperti manusia, tambahan pula umat Tuhan telah membuatnya marah.

Apakah dosa Musa? Dalam kata Allah, dia “tidak percaya” dan “tidak menghormati” kekudusan Tuhan. Kita mungkin berpendapat cara sendiri lebih baik, lebih pantas, lebih berkesan, lebih pandai, lebih berlagak, bahkan lebih “kudus” daripada cara Tuhan. Kalau kita menggantikan cara Tuhan dengan cara daging sendiri ini bererti kita seolah-olah mencabar Dia yang bernama Yang Maha kudus. Kita berbahas, “Bukankah cara Musa juga menghasilkan air dan masih banyak air lagi daripada batu itu? (Bil. 20:11). Hasil positif sesebuah perbuatan tidak semestinya pengesahan kelakuan itu betul melainkan betapa besarnya kasih karunia Allah terhadap orang yang telah berdosa. Allah boleh mengambil nyawa Musa ketika itu juga tetapi dalam rahmat-Nya Dia hanya mengambil balik berkat menikmati kebahagiaan memasuki tanah perjanjian. Tuhan tidak menanggalkan jawatan kepimpinan daripada Musa bahkan tangan Tuhan sendiri yang menguburkan Musa di tempat rahsia (Ul 34:6). Tuhan tetap mengasihi dia hingga akhir hidupnya.

Awas-awaslah bagaimana kita melayani Tuhan. Jangan kita bersandar kepada pengertian sendiri ataupun perasaan sendiri tanpa bimbingan Tuhan (Ams 3:5). Jalan tertentu disangka orang lurus tetapi ujungnya menuju maut (Ams 14:12).

Renungan hari ini: Pimpinlah aku sehingga aku tidak menurut hikmat sendiri dalam pelayanan.



*Dalam kegelapan yang kelam sekali,
manusia belajar memegang erat Tangan yang
tersembunyi dan melihat apa yang tak ternampak,
dan mengetahui jalan yang perlu ditempuh,
sekalipun jalan itu berbelit-belit
namun itu jalan betul.*

– A.T Pierson

Terbukti Boleh Diharap

BACAAN:

Lukas 19:12-27

Katanya kepada orang itu: Baik sekali perbuatanmu itu, hai hamba yang baik; engkau telah setia dalam perkara kecil, kerana itu terimalah kekuasaan atas sepuluh kota. —Lukas 19:17

Kepala saya pening setiap kali aku terpaksa mengingatkan anak-anak saya membuat tugas rumahtangga. Satu senarai tugas yang membahagikan tanggungjawab kami setiap hari sudah aku sediakan. Berkali-kali mereka mengabaikan apa yang patut dilakukan mereka. Kerja semudah mencuci tandas atau menyapu lantai dibuat sembarangan sahaja dengan tidak bersungguh-sungguh. Saya tidak mengharapkan kesempurnaan, hanya sekadar berpatutan, jadi ibu ini meleteri kerja ini dan itu yang gagal dilakukan oleh mereka.

Yesus menggunakan perumpamaan wang mina untuk mengajar kita tentang kesetiaan dalam melaksanakan tugas (Luk. 19: 11-27). Jumlah mina yang diberi kepada semua hamba dalam perumpamaan itu sama tetapi hasil yang dikerjakan oleh mereka berbeza. Berdasarkan hasil, ganjaran yang diberikan kepada tuan mereka akhirnya berbeza. Hamba yang berjaya melipat gandakan 1 minanya kepada 10 mina menerima kepujian yang tertinggi daripada tuannya, “Baik sekali perbuatanmu itu, hai hamba yang baik – dan dihadiahkan kepadanya kuasa atas 10 kota.” Hasil peruntungan dagang hamba yang kedua sebanyak 5 mina juga mengakibatkan ganjaran 5 kota untuknya. Yang sedih sekali hamba ketiga kerana dia tidak berdagang langsung, mina yang tersimpan dalam sapu tangannya dirampas dan dipertambahkan kepada hamba pertama, dan dia digelar hamba jahat.

Perumpamaan ini tidak ada kena-mengena dengan keselamatan kita tetapi semata-mata mengenai pelayanan kita untuk Raja Yesus. Di mana sahaja kita ditempatkan dalam dunia ini, Dia telah memberi kita “mina” untuk dilaburkan dengan sebaik mungkin. Apa yang kita buat dengan mina itu akan menentukan samada kita dipanggil hamba baik atau hamba jahat.

Di dunia ini juga, majikan akan memberi bonus lebih kepada pekerja yang berusaha lebih gigih bahkan pekerja inilah yang mempunyai peluang pertama dinaikkan pangkat, diberi tanggungjawab yang lebih tinggi lagi dalam kerjayanya. Pekerja yang malas, tidak berdisiplin atau tidak produktif ditegur atau dipecat langsung.

Tanyalah sendiri, seandainya kita tidak dapat melaksanakan sedikit yang dipercayakan kepada kita, bagaimanakah kita dapat melakukan pekerjaan yang jauh lebih besar? Kalau cuci tandas pun tidak boleh, apatah lagi hendak menguasai kota?

Renungan hari ini: Biar saya melaksanakan tugas kecil yang dipertanggungjawabkan kepada saya dengan sedaya upaya.

101 Bagaimana Pula Dengan Dia?

BACAAN:

Yohanes 21:15-21

Jawab Yesus: “Jikalau Aku menghendaki, supaya dia tinggal hidup sampai Aku datang, itu bukan urusanmu. Tetapi engkau: ikutlah Aku.” —Yohanes 21:22

Banyak perkara yang terjadi telah mengoncangkan jiwa pengikut-pengikut Yesus sewaktu Tuhan Yesus disalibkan. Emosi mereka begitu terganggu sekali. Dari kekecewaan menyaksikan penyaliban Guru yang tersayang, kepada ketakutan untuk keselamatan diri sendiri, diikuti pula oleh kekaguman atas kebangkitan-Nya dan keraguan mengenai masa depan mereka. Hati Petrus masih menyesal atas penyangkalannya terhadap Tuhan Yesus, dia berkeputusan balik kampung, kembali kepada pekerjaan dan hidup lamanya sebagai nelayan (Yoh. 21:3).

Begitu besar kasih karunia Yesus untuk para murid-Nya yang sekarang sesat tanpa Kepala mereka. Tuhan Yesus bukan sahaja mengujudkan tangkapan yang berkelimpahan sewaktu menolong mereka menangkap ikan tetapi juga menyediakan sarapan sekali untuk mereka di atas pantai (Yoh. 21:9). Lebih-lebih lagi Dia menyembuhkan hati Petrus dengan memberikannya panggilan baru sebagai penjala manusia (Yoh. 21:15-17). Dalam wahyu tambahan, Petrus juga diberitahu bagaimana dia akan menemui ajalnya. Bukan sesuatu yang menyenangkan sama sekali (Yoh. 21:18). Kalau kamu diberitahu, “Jika engkau sudah menjadi tua, orang lain akan mengikat engkau dan membawa engkau ke tempat yang tidak kaukehendaki.” Bagaimana perasaan kamu? Gelisah bukan? Tetapi Yesus meyakinkan semula iman Petrus. “Ikutlah Aku” (Yoh. 21:19). Apabila ternampak Yohanes, ia bertanya Yesus pula, “Tuhan, apakah yang akan terjadi dengan dia (iaitu Yohanes) ini?” (Yoh. 21:21).

Teguran Yesus kepada Petrus tertuju kepada semua orang yang percaya. Mungkin saudara seiman kita nampaknya diberi pelayanan yang lebih senang, pekerjaan yang lebih baik atau berkat yang lebih banyak. Kita tidak perlu bertanya kenapa dia diberikan bahagian yang ringan? Petrus dipanggil sebagai gembala umat Tuhan dan mati syahid dengan disalibkan terbalik. Yohanes hidup sampai umur 90-an; ketinggalan seorang diri dalam pembuangan dan menghasilkan Kitab Wahyu.

Jangan banding pelayanan dengan orang lain. Pelayanan masing-masing membawa kesan berbeza, jalan yang perlu ditempuhi masing-masing juga berbeza.

Tugas kita mengikuti Yesus dan setia melakukan pekerjaan yang diberikan-Nya kepada kita. Memang hak-Nya untuk menyusun rencana khusus bagi setiap orang yang percaya menurut hikmat-Nya.

Renungan hari ini: Aku tidak akan membanding-banding pelayanan dan ukuran beban yang ditanggung orang lain. Aku hanya setia mengikut-Nya dan taat kepada panggilan saya.

Dari Sehelai Benang

BACAAN:

Efesus 1:3-12

Sebab Aku ini mengetahui rancangan-rancangan apa yang ada pada-Ku mengenai kamu, demikianlah firman Tuhan, iaitu rancangan damai sejahtera dan bukan rancangan kecelakaan, untuk memberikan kepadamu hari depan yang penuh harapan. —Yeremia 29:11

Pertunjukan fesyen malam itu mempamerkan selendang buatan tangan dari India dan Kashmir. Model-model semua memakai beraneka warna selendang yang cantik sekali sambil mengayun-ayunkan tubuh atas pentas. Pengacara memberi ringkasan tentang proses tenunan selendang yang melibatkan kerja tangan beratusan jam. Bulu dipungut daripada domba atau kambing sebagai bahan mentah lalu dipintal atas akik tangan menjadi benang, sebelum ditenun menghasilkan kain selendang. Selendang Pashmina yang terkenal buatan Nepal menggunakan bulu khas daripada kambing yang berasal di gunung-gunung setinggi 12,000-14,000 kaki atas dasar laut, di mana suhu musim sejuk boleh jatuh sampai -40 darjah Celsius. Sehelai selendang memerlukan kira-kira 24 auns bulu, iaitu pemungutan daripada 4 ekor kambing gunung setahun.

Dalam tangan penenun, bulu menjadi benang; dari sehelai benang menjadi kain. Kain itu pula diregang ketat, ditarik, dicucuk, dicelup, direndam dan dicuci beberapa kali dan dikeringkan sebelum hasil akhirnya terlihat sebagai selendang yang cantik sekali. Lebih cantik selendang itu, lebih banyak memakan masa pembuatannya.

Proses ini menggambarkan hidup seorang percaya. Abba Bapa telah begitu bersusah-payah “memungut” kita keluar daripada “gunung-gunung” tinggi yang menjauhkan kita daripada-Nya, sampai sanggup mengorbankan nyawa Anak-Nya sendiri. Itu hanya langkah permulaan sahaja; kita masih “bahan mentah” yang belum terbentuk lagi. Sebagai dewangga dalam tangan-Nya, kita “ditenun” sedikit demi sedikit sehingga akhirnya baru ternampak corak keseluruhannya. Memang menjadi niat Tuhan untuk mewujudkan suatu karya yang cukup indah atas dewangga hidup kita. Nabi Yesaya mengibaratkan kita sebagai tanah liat dan Tuhan penjunan yang membentuk kita dalam tangan-Nya (Yes. 64:8). Proses menghasilkan bekas yang cantik memerlukan kerja tangan yang halus dan teliti. Bahan mentah tanah liat juga mesti melalui beberapa peringkat bentuk membentuk sehingga mulus-mulus.

Corak yang indah dan unik dalam diri anda berada dalam proses pembentukan, walaupun proses ini memakan masa dan melibatkan banyak pengujian iman.

Renungan hari ini: Saya membentangkan hidupku sebagai kain untuk diregang ketat dan dicelup oleh Tuhan agar menghasilkan yang indah.

Hanya Seekor Keldai

BACAAN:
Lukas 19:28-38

*Dan jika ada orang bertanya kepadamu: “Mengapa kamu melepaskannya?”
Jawablah begini: “Tuhan memerlukannya.” —Lukas 19:31*

Eeeyore, jemunya hidupku ini. Hari berganti hari aku tetap tertambat di hadapan rumah tuan sahaja. Makan, kerja, tidur, makan, kerja, tidur...” keluh seekor keldai dengan senyap-senyap. Tiba-tiba dua orang asing menghampiri dan melepaskan ikatannya. Keldai itu tidak begitu memahami percakapan manusia; hatinya mulai gelisah kerana tuannya tidak membantah dia dibawa oleh orang-orang asing itu. Mungkinkah dia akan dijual atau teruk lagi disembelih? Mereka membawa keldai itu naik bukit dan menjumpai seorang manusia lagi yang sedang menunggunya. Dialaskan pula keldai itu dengan kain pakaian, lalu manusia itu pun menaikinya.

“Eh, istimewa sangat Manusia ini, saya boleh rasa dia lain daripada yang lain, mata-Nya macam lopak yang dipenuhi kasih cecair, tangan-Nya membelai-belai seolah-olah ada kuasa yang memancar keluar. Dia menggenderaiku turun bukit melalui jalan masuk kota Yerusalem. Nampaknya Manusia ini terkenal kerana ramai orang menghamparkan pakaian atas jalan laluan dan mengalu-alukan kedatangan-Nya dengan sorak-sorai, meriahnya seluruh kota. Dengar mereka kata, “Diberkatilah Dia yang datang sebagai Raja dalam nama Tuhan, damai sejahtera di syurga dan kemuliaan di tempat yang Maha Tinggi!” (Luk. 19:38) “Raja! Wah, aku telah dipilih membawa Raja, bukan main hebatnya!” seru keldai itu dengan gembira.

Kalaulah keldai yang ditunggang Yesus 2000 tahun dahulu boleh bercakap tentu cetusan kegembiraannya turut dapat kita rasai! Seekor keldai biasa tidak pernah ditunggangi orang tetapi dikhaskan untuk tujuan istimewa buat masa yang bersejarah sekali. Hanya seekor keldai, tetapi ia diperlukan untuk menggenapi nubuat nabi yang telah difirmankan 400 tahun dahulu tentang kedatangan Mesias (Za. 9:9). Bukan seekor kuda jantan yang dihiasi piala emas, bukan apa-apa binatang lain yang lebih besar atau lebih berlagak telah dinaik oleh Tuhan Yesus. Keldai, ya memang keldai bukan unta!

Mungkinkah kamu berasa hidupmu tidak bertuju ke mana-mana pun dan pelayanamu pun biasa-biasa sahaja. Mungkin engkau menganggap diri sebagai orang yang tidak berbakat. Pertimbangkanlah hakikat ini – Yesus memerlukan seekor keldai untuk menjayakan rencana Tuhan yang telah ditetapkan 400 tahun sebelum kelahiran binatang itu. Allah memang ada rancangan untuk setiap orang dan setiap pelayanan dianggap berharga.

Renungan hari ini: Cukuplah kalau aku dijadikan sebagai keldai bagi Tuhan demi kemuliaan-Nya.

Tuhan Tidak Memerlukan Pertolongan Manusia

BACAAN:

Kejadian 16:1-4

Berkatalah Sarai kepada Abram: “Engkau tahu, Tuhan tidak memberi aku melahirkan anak. Kerana itu baiklah hampiri hambaku itu; mungkin oleh dialah aku dapat memperoleh seorang anak.” Dan Abram mendengarkan perkataan Sarai. —Kejadian 16:2

Saya teringat masa anak kecil saya selalu ingin menolong saya membakar biskuit. Dia begitu suka menimbang gula, tepung dan lain-lain bahan yang diperlukan di atas meja dapur. Tangan kecilnya menekan adunan dengan kuat sekali sampai dia berpeluh-peluh. Dia suka sekali memegang alat pemicit untuk membentuk corak-corak biskut, dan begitu bangga apabila biskut siap dibakar dan dikeluarkan daripada ketuhar.

Allah telah mengikat perjanjian dengan Abram bahawa anak kandungnya sendiri yang akan menjadi ahli warisnya, walaupun pada masa itu, Abram tiada keturunan kerana isterinya Sarai mandul (Kej. 15). Maka Sarai telah menetap suatu rancangan untuk “menolong” Allah mengenapi perjanjian-Nya. Dia mengesyorkan Abram meniduri hamba perempuannya dari Mesir yang bernama Hagar.

Sebenarnya Tuhan tidak memerlukan “pertolongan” sesiapa pun. Masakan Allah semesta alam yang menetapkan perjanjian-Nya memerlukan pertolongan ciptaan-Nya! Kita mungkin berfikir kita mesti menolong Allah memenuhi rancangan-Nya. Anak saya menduga menolong saya membakar biskut nampaknya sesuatu yang baik, patut dipuji dan digalakkan oleh ibunya. Sebenarnya usahanya hanya melambatkan kerja saya. Kadang-kadang terjadi pula kesilapan dalam penimbangan atau pembentukan biskut sehingga biskutnya menjadi tidak begitu elok. Kalau saya dibiarkan melakukan kerja sendiri, pasti saya lebih cepat menyelesaikannya dan menghasilkan biskuit yang lebih sempurna.

Begitulah usaha manusia dalam skema besar Allah yang tidak berasal daripada Roh dan Tuhan sendiri tidak mendatangkan kesan mendalam. Hasil pertolongan Sarai, Ishmael yang diperanakkan bukan menurut masa Tuhan menimbulkan padah tertentu. Biar Allah mengambil alih diri kita sepenuhnya dalam pelayanan yang kita lakukan. Akibat “pertolongan” Sarai, perselisihan yang terjadi dalam keluarga mereka telah melahirkan permusuhan dan persengketaan pahit dalam generasi bakanya.

Betapa pentingnya kita belajar menunggu Allah bergerak dan mengarahkan pelayanan kita walaupun betapa terdesak mahupun pentingnya. Kebenarannya yang perlu kita sedari ialah Allah memerlukan kestiaan dan kerjasama kita untuk menurut cara-Nya.

Renungan hari ini: Tuhan, aku tidak mahu melangkah tanpa bimbingan dan pimpinan-Mu.

Dua Puluh Empat Jam Tidak Cukup

BACAAN:
Efesus 5:14-17

Itulah sebabnya dikatakan: “Bangunlah, hai kamu yang tidur dan bangkitlah dari antara orang mati dan Kristus akan bercahaya atas kamu.” Kerana itu, perhatikanlah dengan saksama, bagaimana kamu hidup, janganlah seperti orang bebal, tetapi seperti orang arif, dan pergunakanlah waktu yang ada, kerana hari-hari ini adalah jahat. —Efesus 5:14-16

Kita mengenal John dan Charles Wesley sebagai pengasas gereja Methodis. Emak mereka, Susanna Wesley, tidak pernah berkhotbah dan tidak menubuhkan apa-apa gereja tetapi dikenali sebagai Ibu Methodism. Yang bongsu dalam keluarga seramai 25 anak, dia telah berkahwin dan melahirkan sendiri 19 orang anak-anak. 10 daripada mereka mati masa kecil-kecil lagi. Rumah keluarganya pernah dibakar dua kali. Akibat pertelingkahan, suaminya meninggalkan keluarga untuk setahun lebih dan pernah dipenjarakan dua kali kerana masalah kewangan. Melalui segala rintangan hebat ini, Susanna memberi perhatian persendirian selama sejam sehari dalam seminggu untuk setiap anaknya. Dalam kesibukan menjaga keluarga yang begitu besar, dia tetap berdoa 2 jam sehari. Kalau dia tidak dapat mengundurkan diri ke dalam biliknya, dia cuma melambung apronnya menutup kepala dan berdoa begitu sahaja. Anak-anaknya telah tahu pun apabila melihat ibu mereka dalam keadaan itu, dia berada dalam “almari doanya.”

Berapa kali kita mengeluh kesuntukan waktu untuk tugas kita. Alangkah baiknya kalau masa setiap hari boleh diperpanjangkan dan melebihi 24 jam. Betulkah? Kalau Tuhan menambahkan lagi 12 jam, adakah kita akan berhenti keluhan bahawa kita kesuntukan waktu?

Anak perempuan saya selalu membantah “kesuntukan waktu” bila diingatkan tentang kerja-kerja rumah yang belum beres tetapi dia mempunyai banyak masa keluar membeli-belah atau lepak-lepak di kedai mamak. Begitu juga anak lelaki saya boleh duduk melekat atas kerusi di hadapan komputer selama jam tetapi tiada masa 15 minit untuk menolong saya menjemur baju.

Allah dalam segala hikmat-Nya menetapkan 24 jam sehari untuk manusia. Kita perlu pandai-pandai mengatur waktu. Kalau kita mengambil contoh seorang yang biasa menghabiskan 16 jam tetap untuk tidur dan bekerja bakinya 8 jam yang “bebas” untuk aktiviti-aktiviti lain. Tanyalah sendiri berapa jam bebas boleh kita gunakan dalam pekerjaan dan pelayanan Tuhan?

Musa berdoa, “ajarlah kami menghitung hari-hari kami sedemikian, hingga kami beroleh hati yang bijaksana” (Mazm. 90:12). Paulus menasihati kita agar jangan seperti orang bebal yang meluangkan masa hidupnya tidur dalam kegelapan kerana kita anak-anak terang. Orang percaya sepatutnya tahu memakai masa dengan berkesan seperti anak Tuhan di dunia yang penuh kejahatan. Bak kata Martin Luther

King “Masa selalu tepat untuk melakukan apa yang betul.” Kalau kita tidak berhati-hati, senang sahaja kita kehilangan masa yang berharga sekali.

Renungan hari ini: Biar aku berhati-hati hidup setiap saat supaya jangan kehilangan masa yang berharga sekali.



*Masa bekerja tidak berbeza dengan masa berdoa
untuk saya.*

*Dalam segala kebisingan dan kekecohan di dapur saya,
apabila orang-orang tengah memanggil-manggil
untuk bermacam-macam hal,
aku mempunyai Tuhan dalam ketenteraman hebat
seperti aku sedang melutut di hadirat-Nya.*

– Brother Lawrence

Ke Pesta Atau Hospital?

BACAAN:
Yohanes 5:1-9

Sesudah itu ada hari raya orang Yahudi, dan Yesus berangkat ke Yerusalem. Di Yerusalem dekat Pintu Gerbang Domba ada sebuah kolam, yang dalam bahasa Ibrani disebut Betesda; ada lima serambinya dan di serambi-serambi itu berbaring sejumlah besar orang sakit: orang-orang buta, orang-orang timpang dan orang-orang lumpuh, yang menantikan guncangan air kolam itu. —Yohanes 5:1-2

Hari Raya membawa kenangan yang riang sekali, terutamanya semasa saya masih kecil. Itulah hari sekali dalam setahun saya mendapat memakai baju baru dan mendapat duit raya. Cuba bayangkan suasana di Yerusalem pada hari raya orang Yahudi. Semestinya kota itu dipenuhi ramai orang yang berpesta, lebih-lebih lagi hari itu hari Sabat, hari kudus.

Yesus tidak pergi menyertai perayaan di kota. Dia tidak pula pergi ke bait Allah. Tempat pertama yang dikunjungi-Nya ialah Betesda yang terletak di pinggir kota dekat Pintu Gerbang (iaitu pintu laluan masuk ke Yerusalem). Betesda bererti “rumah rahmat” (terjemahan setengah versi “air mengalir”). Suasana tempat ini berlainan daripada kemeriahan di kota. Di sini tidak ada perayaan sebaliknya lebih menyerupai hospital kerana terlantar sejumlah besar orang yang buta, yang lumpuh dan pelbagai pesakit. Mereka mengharapkan penyembuhan dari malaikat yang dikatakan akan turun mengoncang air kolam di situ.

Apa yang kita buat selepas kita diberkati penyelamatan oleh Yesus Kristus? Kita pergi ke pesta atau hospital? Kalaupun mata kita terbuka, kita pasti mendapati banyak “hospital Betesda” di sekitar kita, di mana sejumlah besar orang buta yang sesat berada dalam kegelapan hidup. Mereka menderita secara lahiriah dan batiniah tanpa Yesus. Mereka seperti pesakit-pesakit di Betesda yang sedang menunggu kedatangan malaikat. Ramai di kalangan mereka memerlukan seseorang untuk mengoncang mereka agar mereka dapat mengenali Jehovah Rapha, Penyembuh Syurgawi.

Pihak Farisi dan Saduki menganggap Yesus sebagai pengacau dan perosak rancangan kerana melanggar peraturan Sabat. Orang-orang Yahudi berusaha menganiaya Yesus kerana Dia melakukan penyembuhan pada hari Sabat, suatu tindakan yang dianggap melanggar hukum Taurat (Yoh. 5:16). Yesus berbeza dengan mereka yang hanya mementingkan upacara perayaan tetapi tidak mengambil berat akan manusia. Mungkinkah engkau hanya menikmati aktiviti-aktiviti di gereja tanpa mengjangkau manusia yang memerlukan sentuhan kasih Tuhan?

Renungan hari ini: Aku hanya mengikut firman dan teladan Yesus yang berkata, “...apa yang dikerjakan Bapa, itu juga yang dikerjakan Anak” (Yoh. 5:19).

110 Terasing

BACAAN:

Yohanes 17:9-19

...Mereka bukan dari dunia, sama seperti Aku bukan dari dunia. —Yohanes 17:16

*...Sama seperti Engkau telah mengutus Aku ke dalam dunia, demikian pula
Aku telah mengutus mereka ke dalam dunia. —Yohanes 17:18*

Bayangkan pizza bulat yang dipotong-potong kepada beberapa kepingan kecil, setiap kepingan istimewa sekali kerana mengandungi isian yang berlainan. Setiap bahagian dalam kehidupan orang Kristian merupakan kepingan sedap daripada keseluruhan pizza itu. Untuk menikmati kepenuhan rasanya, kita perlu merasakan setiap kepingan. Panggilan kita untuk mengikut Tuhan Yesus tidak menjadikan kita “kepingan pizza” yang terasing dan tidak ada kaitan dengan dunia ini.

Penyelamatan dalam Tuhan Yesus sepatutnya mengubah corak hidup kita sekarang. Henri Nouwen seorang paderi dan penulis Belanda berkata kehidupan rohani tidak bererti penyingkiran dari dunia ini tetapi sebaliknya kemasukan ke dalamnya dengan lebih mendalam lagi kerana kita penyambung misi Yesus untuk jiwa-jiwa lain. Itulah sebabnya wujudnya gereja iaitu komuniti yang telah dipercayakan oleh Allah berita pendamaian sebagai utusan-utusan Kristus.

Seorang utusan menjabat tugas sebagai duta atau wakil orang yang mengutusya.

Yesus berkata orang percaya telah diutus ke dalam dunia sama seperti Dia telah diutus oleh Bapa. Kalau kita asyik mengasingkan diri daripada saudara seiman di gereja, bagaimanakah berita pendamaian akan diperdengarkan di dunia luar gereja? Kalau kita enggan melibatkan diri dalam hidup orang yang belum percaya, macam mana mereka akan mengenali Tuhan kita? Itulah perbezaan Yesus dengan orang Farisi dan ahli Taurat. Mereka menganggap Yesus “seorang pelahap dan peminum, sahabat pemungut cukai dan orang berdosa” (Luk. 7:34) sedangkan mereka sengaja hidup sebagai golongan yang terasing daripada orang “biasa.”

Yesus pula sengaja melayani orang biasa di sekeliling-Nya. Ciri terpenting dalam pergaulan-Nya dengan masyarakat umum ketara. Dia tidak dipengaruhi oleh mereka, sebaliknya Dia mempengaruhi mereka. Dia memasuki dunia sebagai anak manusia, menjadi sebahagiannya tetapi terasing daripada dunia sebagai Anak Tuhan yang kudus dan penuh dengan keilahian Allah.

Mother Teresa berkata, “Saya dilahirkan seorang Albania tetapi dalam kewarganegaraan, saya seorang India. Dalam iman, saya seorang rahib Katolik. Dalam panggilan, saya kepunyaan dunia. Dalam hati, saya kepunyaan Yesus.” Dia sanggup menjadi sebahagian daripada komuniti yang dia melayani.

Renungan hari ini: Biar aku melayani di dunia ini seperti Tuhan Yesus dan bukan seperti orang Farisi.

Awak Bukan Kawan Saya

BACAAN:
Roma 10:13-15

Tetapi bagaimana mereka dapat berseru kepada-Nya, jika mereka tidak percaya kepada Dia? Bagaimana mereka dapat percaya kepada Dia, jika mereka tidak mendengar tentang Dia. Bagaimana mereka mendengar tentang Dia, jika tidak ada yang memberitakan-Nya? —Roma 10:14

Seorang wanita bermimpi menerima surat yang ditulis oleh kawannya dari neraka. Surat itu berbunyi demikian:

Kawan, saya berdiri sekarang dalam penghakiman dan merasa engkau yang patut disalahkan. Di bumi, saya berjalan denganmu setiap hari, tetapi tidak sekalipun kamu menunjukkanku jalan benar. Kamu mengenal Tuhan dalam kebenaran dan segala kemuliaan-Nya tetapi kamu tidak pernah menceritakan kepadaku. Pengetahuan saya masa itu begitu kabur. Kamu satu-satunya orang yang boleh memimpinku dengan selamat kepada-Nya. Walaupun kami hidup bersama atas bumi, kamu tidak pernah memberitahuku tentang kelahiran kembali. Hari ini saya berdiri terhukum kerana kamu gagal menyebut tentang-Nya. Kamu telah mengajarku banyak perkara yang lain. Saya memanggilmu “kawan” dan percayakan kamu tetapi sekarang sudah terlambat dan saya sungguh menyesal.

Kamu ada kesempatan mengelakkan aku daripada nasib ini. Kami berjalan pada siang hari, kau bercakap-cakap dengan aku pada waktu malam. Kamu tidak juga menunjukkan kepadaku Terang Dunia. Kamu membiarkan aku hidup, mengasihi dan mati tanpa mengetahui tentang kehidupan kekal. Ya, aku memanggil kamu “kawan” di bumi, mempercayaimu dalam keriang dan perjuangan hidup. Sekarang saya menemui akhiratku, saya tidak boleh lagi memanggil kamu “kawan saya.”

Surat itu ditandatangani oleh kawannya. Bila wanita itu terjaga dari mimpi ngeri ini, dia berazam mengajak kawannya ke gereja besok. Keesokan hari apabila dia menelefon kawan itu, suami kawannya memberitahu bahawa dia telah mati dalam kemalangan kereta semalam. Rasul Paulus menegaskan “kerana jika aku memberitakan Injil, aku tidak mempunyai alasan untuk memegahkan diri. Sebab itu adalah keharusan bagiku. Celakalah aku, jika aku tidak memberitakan Injil” (1 Kor. 9:16).

*Kini aku serahkan raga dan jiwa
Serta giat bekerja
Malam segera tibalah
Kesempatan habislah (Charles C. Luther)*

Renungan hari ini: Janganlah sampai kawan kita mengirim surat daripada neraka dan sudah terlambat.

Menari Bersama Tuhan

BACAAN:

Kejadian 18:20-32

Kerana kami adalah kawan sekerja Allah; kamu adalah ladang Allah, bangunan Allah. —1 Korintus 3:9

Saya suka menari. Malangnya mendiang suami saya tidak terlalu menyukainya. Sewaktu saya menariknya ke lantai tarian, gerak-gerinya tidak serentak muzik dan tidak seiring gerakan saya. Lucu sekali; kami berdua menari seperti ayam dengan itik. Lebih-lebih susah lagi kalau iramanya muzik klasik macam waltz tradisional yang memerlukan lelaki memimpin pasangannya mendahului langkah-langkah tertentu, kaki saya selalu terpijaknya.

Tuhan menganggap kita sebagai kawan sekerja-Nya dalam pengertian kita dianggap teman yang turut mengambil bahagian dalam pekerjaan-Nya. “Eh, tetapi bukankah kita hanya hamba Allah?” tanya anda. Janganlah kita keliru antara konsep hamba dan kawan sekerja. Nampaknya satu paradoks tetapi sebenarnya tidak. Orang percaya dianggap hamba Allah kerana karunia-Nya menyelamatkan kita dan menjadikan kita milik-Nya. Kita pula dianggap kawan sekerja-Nya sebab keajaiban anugerah.

Seorang hamba pada zaman purba kepunyaan tuannya dan menjadi seperti harta milik tuannya yang boleh digunakan untuk tugas yang ditentukan oleh mereka. Kadangkala mereka boleh mengadakan perniagaan tetapi ini diuruskan di bawah autoriti tuannya. Berbanding pula dengan kawan sekerja biasanya mereka mempunyai kedudukan penting dan dihormati dalam perusahaan bersama. Pemimpin-pemimpin umat Tuhan seperti Abraham, Musa dan Gideon “berurusan” dengan Allah sebagai kawan.

Allah bertemu dengan Abraham sewaktu memberi panggilan kepadanya. Allah memberitahu Abraham tentang rancangan pemusnahan kota Sodom dan Gomorra seperti seorang rakan. Abraham merayu kepada sifat keadilan-Nya supaya menahan penghakiman kalau terdapat 50 orang benar dalam kota itu. 5 kali Abraham merayu mengurangkan jumlah daripada 50 hingga 10 orang (Kej. 18:23-32). Allah tidak memarahinya, sebaliknya, Dia bersetuju menukar rancangan-Nya kalau terdapat bilangan itu. Musa juga berdiri sebagai pengantara beberapa kali, merayu dan berdoa untuk kaumnya yang telah berdosa, dan Allah mendengar. Gideon berani pula menguji Allah dengan guntingan bulu sewaktu membuat keputusan (Hak. 6:37-40).

Allah kita bukan pemerintah berkuku besi yang hanya berminat memaksa umat-Nya melakukan kehendak-Nya. Dia terlebih dahulu mengasihi kita dan berniat semata-mata untuk menjadikan hidup kita satu tarian bersama-Nya. Kita boleh melayani dengan sukacita bersama Allah sebagai rakan sekerja-Nya.

Renungan hari ini: Aku mahu menari dengan Tuhan, Rakan Sekerjaku!

Mukjizat Pasti Terjadi

BACAAN:
Yohanes 21:3-14

Kata Simon Petrus kepada mereka: “Aku pergi menangkap ikan.” Kata mereka kepadanya, “Kami pergi juga dengan engkau.” Mereka berangkat lalu naik ke perahu, tetapi malam itu mereka tidak menangkap apa-apa. —Yohanes 21:3

Sepanjang lebih kurang sebulan semasa pertandingan bolasepak Piala Dunia 2010 berlangsung saya terdengar sorakan dan teriakan daripada jiran-jiran sebelah rumah. Jelas mereka peminat bolasepak. Saya bukan peminat tetapi satu-satunya yang saya tahu ialah ketidakpastian keputusan sesuatu permainan. Permainan membosankan dalam 45 minit pusingan pertama kerana tiada jaringan satu gol pun boleh bertukar rentak menjadi persaingan hebat 45 minit pada pusingan yang selanjutnya.

Begitu juga hidup manusia, adakalanya jalan hadapan nampak seperti lebuhraya lurus dengan pemandangan yang sama sahaja dan tiada yang menyegarkan sepanjangnya. Kita bertanya-tanya, “Ada apa lagi?” Mungkinkah itu pertanyaan murid-murid Yesus selepas menyaksikan kebangkitan-Nya? Yohanes memberitahu kita bahawa Petrus dan beberapa orang murid lain telah kembali ke daerah Galilea selepas Tuhan Yesus memperlihatkan diri-Nya kepada mereka. Kita tidak tahu berapa lama masa telah berlalu, tetapi jelas Petrus telah tidak sabar lagi, kerana dia mengumumkan hasratnya menyambung semula pekerjaan lamanya untuk menangkap ikan.


Itulah cara manusia. Apabila tiada apa yang berlaku, kita begitu pantas kembali ke corak hidup atau tabiat yang lama. Selepas baru sahaja menerima Yesus, kita begitu bersemangat melayani Tuhan dengan aktif dalam semua kegiatan gereja. Lama kelamaan bila tiada apa-apa yang berlaku dalam penyembahan, doa atau pelayanan, kehangatan hati sudah mulai reda dan kita mula mengheret kaki. Kita tidak sebegitu tekun berdoa atau membaca firman, kita kurang hadir dalam kebaktian kerana ada kepentingan lain. Seperti murid-murid Yesus yang kembali menjadi nelayan, kita juga kembali mengamalkan cara hidup yang lama.

Langkah ini jelas tidak mendatangkan apa-apa keuntungan. Alkitab memberitahu kita walaupun beberapa murid-Nya memancing sepanjang malam, mereka tidak menangkap apa-apa. Saat itu Yesus menjelmakan diri-Nya pada siang hari dan menyuruh mereka menebar jala di sebelah kanan perahu, hasil tangkapan mereka begitu banyak sehingga mereka tidak dapat menariknya (Yoh. 21:6). Malam telah terbazir tetapi siang membawa berkat baru. Apa yang nampaknya kekosongan menjadi kelimpahan bila mereka mentaati perintah untuk menukar arah. Apabila Petrus menurut suara Tuhan dan menebar jala lagi sekali, hasilnya mengejutkan. Kali pertama apabila Yesus memerintah Petrus supaya menebar jala di tempat yang dalam, dia agak keberatan (Luk. 5:4-5). Semestinya bila dia mendengar perintah

sebegini pada kali kedua, Petrus sepatutnya teringat akan keajaiban kuasa Tuhan Yesus masa yang lalu dan segera menebar jalanya.

Biar kita tekun melayani kerana kita akan menuai dengan gembira.

Renungan hari ini: Aku akan setia menurut segala perintah Tuhan kerana mukjizat pasti terjadi.



Berapa Lama, Tuhan?

BACAAN:
Mazmur 13:1-6

Berapa lama lagi, Tuhan, Kau lupa kan aku terus-menerus? Berapa lama lagi Kau sembunyikan wajah-Mu terhadap aku? Berapa lama lagi aku harus menaruh kekuatiran dalam diriku, dan bersedih hati sepanjang hari? Berapa lama lagi musuhku meninggikan diri atasku? —Mazmur 13:1-2

Ratapan batin Daud begitu pilu sekali. Itu juga ratapan hatiku apabila melalui saat tergelap dalam hidupku, semasa suamiku menderita penyakit barah selama 2 tahun dan selepas dia meninggal dunia manusia. Setiap hari airmata menitis dan bergelintangan pipiku. Hatiku berdukacita ketika mengenangi cinta kekasih yang berada di sampingku melalui pahit manis hidup ini selama 17 tahun. Memang semua orang pernah atau akan mengalami saat ketika kita akan mengeluh, “Berapa lama lagi, Tuhan?” Duka lara bagai sembilu yang membuat kita tidak tertahan lagi.

Daud telah diurapi Raja sebagai pemuda belasan tahun tetapi dia terpaksa menunggu 17 tahun sebelum dapat menaik takhta Israel. Yusuf bermula dengan sebuah mimpi yang besar sekali tetapi 10 tahun akan berlalu sebelum mimpi itu menjadi kenyataan. Abraham mendukung bayi yang dijanjikan Allah kepadanya hanya selepas 27 tahun. Bagaimana dengan Kaleb yang mewarisi milik pusaka baninya pada umur 80 tahun selepas meronda-ronda 40 tahun di padang gurun kerana sesuatu yang bukan kesalahannya langsung?

Hai, saudara, saat-saat penantian sering terjadi dalam kehidupan kita. Kita tidak sedar berapa kerapnya kita perlu menunggu; dari perkara-perkara yang penting sampailah ke isu-isu yang terkecil. Di dunia kita mengalami pelbagai perkara yang sedih tetapi kita menunggu saat bersama dengan Tuhan kita. Kita menantikan perjanjian Allah digenapi dalam hidup bagai sebuah mimpi menjadi kenyataan. Kita menantikan penamatan kesengsaraan, perlepasan daripada situasi yang menganiayakan kita. Waktu menunggu itulah yang paling sukar sekali. Dalam kata penulis Oswald Chambers, “Satu-satunya ketegangan hidup yang paling hebat sekali adalah ketegangan menunggu untuk Tuhan.”

Raja Daud selepas mengeluh dengan penuh kesengsaraan menyedari kebenaran terpenting dalam hidup sehingga dia bermazmur, “Tetapi aku, kepada kasih setia-Mu aku percaya, hatiku bersorak-sorak kerana penyelamatan-Mu” (Mazm. 13:5). Sedarilah kita ada seorang Penyelamat yang akan datang lagi. Kerana itu, Paulus boleh yakin, “penderitaan zaman sekarang ini tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita” (Rom. 8:18).

Renungan hari ini: Puji Tuhan, saat indah akan menggantikan kesengsaraan yang aku alami dalam dunia ini.

115 Allah Yang Mendadak

BACAAN:

Kisah Para Rasul 16:19-34

Tiba-tiba terjadi gempa bumi yang hebat sekali, sampai landasan penjara itu pun turut bergoncang. Semua pintu penjara terbuka dan rantai-rantai yang membelenggu semua orang tahanan pun terlepas. —Kisah Para Rasul 16:26

Gempa bumi suatu kejadian alam semula jadi yang menggegarkan. Sekian maju pengetahuan sains dan teknologi pun tidak boleh meramal bila dan mana gempa bumi akan tercetus. Kuasa gempa bumi pula begitu hebat kesannya yang tergambar pada retakan tanah, reruntuhan bangunan dan infrastruktur, perebakan api dan perkembangan tsunami. Sebenarnya gempa bumi tidak mematikan manusia; kesan gegaran yang membawa maut yang boleh tersebar jauh dari tempat asal kejadian. Tsunami Asean yang berlaku dalam tahun 2004 akibat suatu gempa bumi yang terjadi di bawah Lautan Samudra India mengakibatkan kematian seramai 230 ribu orang merentasi 14 buah negara, dari Indonesia, Thailand, Sri Lanka sampai ke India.

Suatu gempa bumi ajaib berlaku lebih 2 ribu tahun dahulu. Ajaib kerana dia terjadi ketika dua orang berdoa dan menyanyi pujian dalam penjara. Ajaib kerana kesan-kesannya tidak mematikan manusia sebaliknya membawa pembebasan kepada sekumpulan banduan penjara dan semua ahli keluarga kepala penjara itu. Tuhan dengan ajaib bertindak secara mendadak, bercampur tangan dalam dunia manusia. Malaikat dengan tiba-tiba menjelma diri kepada Petrus yang ditahan dalam penjara dan memimpinnya ke kebebasan, berjalan lewat dua tempat pengawal dan satu pintu gerbang besi (Kis. 12:7-11). Alkitab memberitahukan ini berikutan jemaah Tuhan berdoa dengan tekun untuk mereka (Kis. 12:5).

Tiba-tiba... sekonyol-konyol Allah bertindak. Kalau kita meneliti peristiwa ini, kita boleh mendapati corak yang sama dalam ketika Allah melakukan sesuatu yang mendadak. Allah akan bergerak apabila umat-Nya berdoa dan menunggu. Paulus dan Silas mendapat jawapan serta-merta. Curahan kuasa Roh Kudus berlaku selepas 10 hari semua orang percaya berkumpul bersama-sama di satu tempat. Petrus dimasukkan penjara semasa hari raya Roti Tidak Beragi yang berlanjutan 7 hari. Kita tidak boleh beragak bila Tuhan akan bertindak tetapi kita boleh yakin Dia akan bertindak apabila kita mengetuk pintu syurga dalam doa kita.

Renungan hari ini: Aku menabahkan hati dengan keyakinan dan menantikan Tuhan bertindak untuk aku.

Salah Tempat, Salah Masa

BACAAN:
Kejadian 24:10-20

Tetapi Tomas, seorang dari kedua belas murid itu, yang disebut Didimus, tidak ada bersama-sama mereka, ketika Yesus datang ke situ. —Yohanes 20:24

Saya tidak dapat melupakan masa saya berjanji bertemu dengan suamiku di sebuah gedung serbaneka terkenal selepas kerja. Saya pergi ke gedung itu tepat pada jam yang dipersetujui tetapi tidak menemuinya. Selepas setengah jam menunggu, saya sudah tidak sabar lagi lalu menelefonnya. Dia pula menanyakan saya kenapa begitu lambat kerana dia sudah berada di gedung itu empat puluh minit. Barulah saya sedar kami berdua masing-masing telah menunggu di cabang yang berlainan.

Betapa pentingnya kita berada di tempat betul pada masa betul supaya kita tidak terlepas berkat yang disediakan oleh Tuhan untuk kita. Janganlah seperti Tomas yang terpisah daripada kumpulan murid Yesus pada hari yang bersejarah itu apabila Yesus menampakkan diri hidup-hidup di depan mata mereka. Dia mungkin menyibuk diri dengan urusan lain yang diduganya lebih penting daripada menunggu di belakang pintu terkunci. Mungkin dia lebih berani daripada semua murid yang lain. Dia mungkin berehat di tempat yang lebih selesa. Akibatnya dia perlu menunggu selama lapan hari lagi sebelum Yesus menjelmakan diri sekali lagi, semata-mata untuk meyakinkan hatinya yang ragu-ragu. Selama lapan hari, Tomas mungkin menyesal dan mengetuk kepala kerana tidak berada di tempat yang sepatutnya. Alangkah sedih, dia terlepas peluang menyaksikan kebangkitan Yesus dengan mata sendiri.

Bandingkan dengan Ribka yang telah turun ke perigi untuk menimba air pada waktu petang mengikut kebiasaan perempuan-perempuan zaman itu. Di sana, dia bertemu dengan hamba Abraham yang diutus mencari isteri untuk Ishak. Kita tahu kesudahan kisah Ribka (Kej. 24:18-51). Wanita ini berada di tempat betul tepat pada masa yang betul. Lebih-lebih lagi, dia melakukan sesuatu yang tepat. Dia meletakkan diri dalam keadaan yang sedia untuk menerima berkat Tuhan dan melangkah ke tahap yang lebih tinggi. Tanpa disedarinya, kelakuannya terhadap seorang hamba telah mengesahkan pilihannya sebagai isteri Ishak. Dia bukan sahaja menerima segala berkat kebendaan seperti perhiasan emas, perak dan pakaian kebesaran tetapi juga dia dimasukkan ke dalam silsilah Tuhan Yesus melalui suaminya.

Renungan hari ini: Aku perlu menempatkan diri di tempat yang betul pada masa yang tepat untuk menerima berkat Tuhan.

Sejam Pun Tidak Rela

BACAAN:

Matius 26:36-46

Setelah itu Dia kembali kepada murid-murid-Nya itu dan mendapati mereka sedang tidur. Dan Dia berkata kepada Petrus: “Tidakkah kamu sanggup berjaga-jaga satu jam dengan Aku?” —Matius 26:40

Saya hairan dengan tabiat tidur anak-anak muda kini. Malam seperti siang dan siang seolah-olah malam, mereka bagai kelawar yang tiba-tiba berterbangan menjelang malam. Sepatutnya masa tidur, mereka terjaga-jaga bak burung hantu, mereka asyik di hadapan komputer atau masih keluar melepak-lepak di kedai mamak. Matahari sudah panas terik waktu tengah hari, mereka masih tidur nyenyak dalam katil.


Pada malam terakhir, Yesus makan Paskah dengan para murid-Nya. Dia sudah memberitahu mereka apa yang akan terjadi berkenaan pengkhianatan, kematian dan kebangkitan-Nya (Mr. 14:18, Mat 26:31-32). Selepas itu, Yesus membawa tiga orang menemani-Nya di taman Getsemani. Petrus, Yohanes dan Yakub merupakan murid-murid yang paling intim dengan-Nya. Inilah masa yang tergenting bagi Yesus. Pergumulan batin-Nya begitu hebat sekali. Lukas memberitahu kita bahawa peluh-Nya menjadi seperti titik-titik darah yang bertitisan ke tanah (Luk. 22:44). Berbagai emosi melanda jiwa Anak Manusia, kegentaran bercampur aduk ketakutan dan rasa seakan-akan tidak mahu mati.

Ironinya, tidak jauh dari tempat di mana Yesus bergumul atas berlutut ketika nasib seluruh isi dunia berada dalam Tanganimbangan-Nya. Ketiga-tiga murid yang sepatutnya “berjaga-jaga” dengan-Nya tertidur nyenyak. Bukan sekali sahaja tetapi mereka ditegur dua kali namun mereka tetap gagal berjaga-jaga bersama-Nya dalam doa. Hanya sejam sahaja yang diminta Tuhan Yesus daripada mereka. Saya tertanya-tanya bagaimana mereka boleh tidur dalam masa yang begitu kritikal memandangkan mereka sudah mengetahui apa yang akan berlaku? Tidakkah mereka memahami betapa penting saat itu? Tidakkah seorang pun berasa terbeban untuk berdoa? Tidakkah telinga mereka mendengar keluhan Yesus “rasa mau mati?” Mungkin mereka telah terlalu banyak makan sampai tidak dapat berfikir waras lagi?

Seringkali badan kita hadir dalam persekutuan doa tetapi roh kita sudah melayang entah ke mana. Kalau sejam pun kita tidak sanggup mengkhusukan untuk berdoa bagaimanakah kita boleh menyenangkan hati Tuhan? Bagaimanakah kita mendokong para misionari yang melayani di negara yang sulit dan sering menganiaya orang Kristian kalau tidak berdisiplin?

*Waktu senja tiba saat kau berdoa
Mahukah kau ingatku?
Tiap hari kuperlu pertolongan-Nya
Mahukah kau ingatku?
Ingatlah doa akan daku
Aku perlu cinta kasih-Nya
Ingatlah doakan daku
Mahukah kau bisikkan namaku
(Audrey Mieir)*

Renungan hari ini: Ampuni aku Tuhan kerana gagal meluangkan sejam pun dalam doa.



118

Tanggungjawab Ibubapa

BACAAN:

Ulangan 6:6-9

Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun dia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu. —Amsal 22:6

Sejak kematian suami, saya telah memulakan mezbah keluarga sekurang-kurangnya dua kali seminggu, kalau boleh tiga kali. Mereka bersungut-sungut, memberi alasan cukuplah kena hadir kebaktian dan kelompok sel setiap minggu. Tetapi saya sedar dan saya mahu mereka sedar mendengar khutbah dalam kebaktian dan bermesra dalam sel sekali seminggu tidak mencukupi untuk memperkembangkan hidup rohani mereka. Mereka merayu keletihan, ada kerja atau rancangan lain. Maklumlah orang muda.

Tetapi saya tetap tidak berganjak, kerana saya tahu hanya firman Allah yang akan melindungi, menguatkan dan memampukan mereka berdiri tegak apabila aku tiada lagi. Jadi aku serius menyiapkan diri untuk sesi-sesi keluarga ini dengan membaca banyak buku-buku Kristian serta membuat catatan sendiri, supaya dapat saya mengajar mereka tafsiran Alkitab yang lebih mendalam. Susahkah segala kerja ini? Memang susah, kerana ini memakan masa dan perhatian saya tetapi saya terus berusaha kerana saya tahu masa untuk saya “menanam” ke dalam hidup anak-anak saya terhad sahaja. Apabila mereka dewasa kelak dan menubuhkan keluarga mereka sendiri, saya tidak akan berpeluang lagi.

Allah sendiri telah memerintahkan “haruslah engkau mengajarkannya berulang-ulang kepada anak-anakmu dan membicarakannya apabila engkau duduk di rumahmu, apabila engkau sedang dalam perjalanan, apabila engkau berbaring dan apabila engkau bangun. Haruslah juga engkau mengikatkannya sebagai tanda pada tanganmu dan haruslah itu menjadi lambang di dahimu, dan haruslah engkau menuliskannya pada tiang pintu rumahmu dan pada pintu gerbangmu” (Ul. 6:7-9). Jelas sekali Tuhan meletakkan tanggung-jawab pembinaan rohani anak-anak ke atas ibubapa dalam keluarga. Pengarahan rohani anak-anak kita merupakan suatu keutamaan yang harus berpusat di rumah dan melibatkan bapa dan ibu, bukan didelegasikan kepada pastor gereja kanak-kanak.

Anak adalah berkat daripada Allah. Mereka boleh diibaratkan sebagai biji benih yang perlukan tanah subur, sinaran matahari, air dan oksigen untuk bertumbuh. Suasana rumahtangga dan teladan ibubapa dalam keluarga merupakan asas pembinaan watak mereka.

Renungan hari ini: Tatkala aku masih berkesempatan dan berkebolehan, aku mendidik anak dengan tekun memberikan pendidikan yang didasari Alkitab.

Dialog Lawan Monolog

BACAAN:
Lukas 9:28-35

Maka terdengarlah suara dari dalam awan itu, yang berkata: “Inilah Anak-Ku yang Kupilih, dengarkanlah Dia.” —Lukas 9:35

Ibu Teresa biarawati terkenal yang melayani di India ditemuramah tentang apakah yang dibuatnya ketika dia berdoa. Dia menjawab, “Aku bercakap kepada Tuhan, dan Tuhan mendengar.” Dia ditanya lagi, “Apakah yang dibuat oleh Tuhan?” Jawabnya, “Dia bercakap, dan aku dengar.”

Yesus membawa Petrus, Yohanes dan Yakobus naik ke atas gunung untuk berdoa tetapi mereka telah tertidur pula. Nampaknya untuk murid-murid Yesus, perjumpaan doa kerap kali dijadikan parti tidur. Bila mereka terbangun, mereka melihat Yesus dalam segala kemuliaan-Nya bersama dengan Musa dan Elia. Ketika kedua orang itu hendak meninggalkan Yesus, Petrus berkata kepada-Nya: “Guru, betapa bahagianya kami berada di tempat ini. Baiklah kami dirikan sekarang tiga kemah, satu untuk Engkau, satu untuk Musa dan satu untuk Elia” (Luk. 9:28-33).

Tetapi Alkitab memberitahu kita bahawa Petrus tidak tahu apa yang dikatakannya itu; dia telah membuka mulut dengan sembarangan macam melepaskan tembakan senapang tanpa mempedulikan sasaran. Seringkali orang percaya yang berdoa juga “tembak sahaja” kerana kita diajar firman Tuhan untuk meminta maka akan diberikan; cari, maka akan mendapat; ketuk, maka pintu akan dibukakan (Mat. 7:7). Kita sudah biasa meminta, meminta dan meminta sahaja macam kanak-kanak sebelum hari Natal sibuk memohon bermacam-macam hadiah daripada ibubapa mereka. Kita juga asyik “tembak” Tuhan dengan doa-doa untuk ini dan itu, setiap hari kita tidak berhenti-henti meminta sesuatu.

Tetapi adakah kita terlalu mengejar berkat sehingga kita sudah lupa mengejar Tuhan? Ingat lagi waktu pertama dilamun cinta? Kalau tidak mendengar suara orang yang dicintai, awak tidak dapat lena. Adakah seperti kekasih, kita rindu mendengar daripada Tuhan, ataupun kita sudah lupa macam mana bercinta dengan Tuhan? Kita bercakap kepada Tuhan berjam-jam sampai Tuhan tiada dapat seminit pun untuk bercakap dengan kita. Sedarkah ada perbezaan antara “kepada” dan “dengan?” “Kepada” ditujukan daripada satu pihak kepada pihak yang lain. “Dengan” membawa erti bersama-sama, iaitu komunikasi antara dua pihak; percakapannya tidak hanya sehalu atau berat sebelah sahaja.

Patutlah Allah Bapa di syurga menegur Petrus – “dengarlah.” Untuk mendengar, kita perlu berhenti bercakap dan mencari ketenangan jiwa sehingga Tuhan boleh bersabda.

Renungan hari ini: Pada masa tertentu aku patut menutup mulut dan membuka telinga kepada Tuhan.

120 Doa Yang Mengoncang Bumi

BACAAN:

Kisah Para Rasul 4:23-31

Dan ketika mereka sedang berdoa, goyanglah tempat mereka berkumpul itu dan mereka semua penuh dengan Roh Kudus, lalu mereka memberitakan firman Allah dengan berani. —Kisah Para Rasul 4:31

Wanita, berkatilah rumahtangga anda dengan doa yang lantang setiap hari sehingga anda melihat perubahan-perubahan dan sentuhan ilahi.

Penginjil terkenal Reinhard Bonke berkata, “Injil adalah bahan letupan, doa adalah alat peledak.” Pencurahan Roh Kudus pada hari Pentakosta mencetuskan perkembangan gereja awal. Seperti api yang tidak terkawal, pemberitaan Injil telah dibawa oleh rasul-rasul pertama di Yerusalem sekalipun terdapat tentangan hebat daripada anasir-anasir yang tidak percaya. Selepas Petrus dan Yohanes dibebaskan dari penjara, mereka telah kembali ke tempat perhimpunan umat seiman. Kumpulan ini telah menaikkan doa kepada Allah bukan secara senyap-senyap dalam hati tetapi mereka berseru. Sebaliknya Alkitab berkata mereka “berseru bersama” yang membawa erti berteriak dengan suara bising atau gemuruh. Akibat teriakan doa itu, tempat bergoyang dan Roh Kudus tercurah mengurapi mereka, menjadikan mereka berani memberitakan khabar sukacita (Kis. 4:24-31).

Kalau kita menyelidiki doa-doa umat Tuhan dalam Alkitab, kita dapati banyak yang lantang dan terbuka sekali. Ia bukan doa-doa yang senyap-senyap dalam hati, tidak bersuara dalam almari doa. Kita dapat mempelajari sesuatu mengenai doa yang mendesak, berterusan, dan gigih yang begitu berkuasa sehingga bumi bergoncang.

Ingat Hannah yang berdoa daripada hati yang cemas dan sakit sampai nabi Eli menyangkanya mabuk (1 Sam. 1:14-16). Bagaimana dengan Ezra yang bersujud di depan rumah Allah, berdoa mengaku dosa umat Israel? Alkitab memberitahu dia bersama-sama jemaah menangis keras, (Ezr. 10:1) membawa erti dengan riuh rendah, suara nyaring, meratap. Daniel pula tidak segan-segan berdoa di dalam kamar 3 kali sehari dengan tingkap terbuka sehingga orang luar dapat tahu tabiatnya (Dan. 10:1).

Setiap tahun pada Hari Doa Sedunia seluruh dunia Kristian bergabung dalam satu suara di negara-negara mereka sendiri untuk berdoa. Di bulan Mei 2010 saya berdiri bersama-sama 8,500 orang percaya dari pelbagai kaum dan bangsa Malaysia di dalam sebuah stadium memanjatkan doa syafaat untuk negara ini. Suara anak-anak Allah menggegar naik ke syurga dalam pelbagai bahasa, semua tercantum sebagai sebuah lagu daripada hati-hati yang rindu melihat kuasa Tuhan mengoncang bumi sekali lagi.

Renungan hari ini: Tuhan akan menyatakan Diri-Nya dan kemuliaan-Nya dalam segala urusan di kalangan wanita yang sanggup berdoa untuk perubahan.

Tidak Terkira Kesan Sebiju Batu Kerikil

BACAAN:

Yakobus 5:13-18

Tidak ada telinga yang mendengar, dan tidak ada mata yang melihat seorang Allah yang bertindak bagi orang yang menanti-nantikan dia; hanya Engkau yang berbuat demikian. —Yesaya 64:4

Pernahkah engkau membaling sebiju batu kerikil ke dalam air tenang? Batu itu tenggelam mewujudkan riak-riak kecil bermula dari pusat yang tidak ternampak, bertimbun keluar sebagai bulatan yang semakin membesar atas permukaan air. Bak kata suatu pepatah Inggeris seperti sebiju batu kerikil dalam air mendatangkan kesan riak, setiap tindakan dalam dunia ini membawa padahnya.

150 tahun dahulu, dalam tahun 1857, di kota New York, Amerika Syarikat, seorang lelaki biasa bernama Jeremiah Lamphier memulakan perhimpunan doa pada masa makan tengah hari setiap hari Rabu di gereja kecilnya yang terletak di Fulton Street. Pada Rabu pertama, untuk setengah jam, dia berdoa bersendirian. Selepas sejam, sudah 6 orang masuk menyertainya. Begitulah permulaan pergerakan kebangkitan rohani bergelar “Kebangunan Rohani di Fulton Street” yang merebak bukan sahaja ke kota-kota lain merentasi Amerika Syarikat tetapi ‘melompat’ menyeberangi ke negara-negara lain, antaranya Kanada, Ireland, Britain, Jamaica, Afrika Selatan dan India. Semua ini bermula kerana seorang manusia biasa yang sanggup berdoa. Sempailah ke hari ini, perjumpaan doa tengah hari masih berterusan. Banyak lagi kisah-kisah kebangkitan rohani yang direkodkan dalam sejarah lampau yang boleh dikesan dari tindakan satu orang atau sekumpulan kecil yang rela melutut memanjatkan doa kepada Allah Bapa.

Siapa yang boleh mengagak sebiju batu kerikil kecil dapat mengakibatkan kesan yang begitu berleluasa? Siapa yang boleh mengagak setiap doa yang dinaikkan dengan hati tulus ke takhta Allah yang mendengar? Bagaimana saya tahu Allah mendengar? Kerana firman-Nya mengatakan seluruh syurga diam sunyi senyap, kira-kira setengah jam lamanya, menantikan doa orang kudus. Doa kita di bumi bergabung dengan doa orang kudus di syurga sebagai persembahan dengan kemenyan dan api mezbah dalam pendupaan emas ke hadapan Allah (Wahy. 8:1-4). Bukan mainnya penelitian Allah terhadap doa kita.

Wanita, jangan memandang hina batu kerikil itu. Jangan bosan dengan doa. Wanita yang melayani sebagai suri rumahtangga, wanita yang tua dan tidak boleh bergerak langsung, gunakan satu senjata yang ada pada tanganmu – doa. Gunakannya setiap hari untuk mendatangkan kebangunan rohani.

Renungan hari ini: Apabila seorang Kristian yang paling lemah, melutut dan berdoa, iblis akan bergementaran kerana sesuatu mukjizat akan terjadi.

122

Helo, Helo...

BACAAN:

1 Petrus 3:12

Berserulah kepada-Ku, maka Aku akan menjawab engkau dan akan memberitahukan kepadamu hal-hal yang besar dan yang tidak terpahami, yakni hal-hal yang tidak kau ketahui. —Yeremia 33:3

Kring, kring, kring... ini kali keempat kamu menelefon nombor yang telah diberikan. Selepas 15 minit, terdengar suara merdu... selamat sejahtera, kamu telah berjaya menghubungi syurga. Minta maaf, semua talian sibuk sekarang. Sila dail 1 untuk meninggalkan pesan, 2 untuk bercakap dengan malaikat yang bertugas, 3 untuk memilih permintaan doa, 4 untuk mendengar pujian, 5 untuk bersungut, 6 untuk mendengar firman Allah, dan 7 untuk kembali ke pilihan sekali lagi...

Bagaimana perasaan kamu andaikata syurga beroperasi seperti pusat panggilan begitu? Memang inilah yang sering kita temui di dunia zaman sekarang. Semua panggilan dijawab oleh rakaman mesin. Kerap kali kita geram kerana kita kena lama tunggu namun gagal bercakap dengan manusia di hujung pertalian telefon. Maklumlah, kita tidak mahu dan tidak puas dilayani oleh mesin yang tidak ada setitik kemesraan pun.

Mungkin ada di antara kita yang merasai “panggilan” kita kepada Tuhan tidak pernah dijawab-Nya, seolah-olah kita dibiarkan memegang gagang telefon dalam tangan, mendengar muzik atau rakaman suara mesin berulang-ulang. Kita mula ragu-ragu adakah Tuhan terlalu sibuk mengambil panggilan kita? Mungkin Dia lebih pedulikan hal-hal dunia yang berat seperti gempa bumi di Cina, atau banjir di Pakistan atau peperangan di Iran... mungkin kotak masuk “komputer”-Nya sudah terlalu penuh dengan permohonan doa beribu-juta manusia. Mungkin Tuhan sudah bosan atau letih dan telah turun dari takhta-Nya pergi bercuti?

Pemimpin-pemimpin dunia atau orang-orang penting seperti Presiden Amerika Syarikat mempunyai “hotline” talian “hangat” yang dapat kita terus hubungi kepada mereka serta-merta bila didailkan nombor khas. Apa pula nombor “hotline” kepada Tuhan di syurga? Terdapat dalam fasal 33, ayat 3, buku Yeremia, diringkaskan dalam siri nombor 333. Baca dan renungkanlah janji Allah kepada semua yang memanggil-Nya.

Firman-Nya “Aku akan menjawab engkau.” Bukan malaikat-Nya, bukan sebuah mesin, Tetapi Dia – Pencipta langit dan bumi, Penebus dan Penyelamat roh kita, Allah dan Tuhan kita – Dia sendiri akan menjawab. John Wesley berkata, “Tuhan tidak melakukan yang lain selain mendengar doa anda.” Dia meluangkan dua jam setiap hari dalam doa walaupun banyak pelayanan.

Renungan hari ini: Sungguh mengagumkan, Allah menjawab panggilanmu setiap masa, Dia tidak terlalu sibuk.

Sang Jelita Dengan Haiwan Buas

BACAAN:

1 Samuel 25:2-38

Nama orang itu Nabal dan nama isterinya Abigail. Perempuan itu bijak dan cantik, tetapi laki-laki itu kasar dan jahat kelakuannya. —1 Samuel 25:3

Cerita dongeng Sang Jelita yang berkahwin dengan haiwan hodoh yang di bawah kutukan ilmu sihir begitu memikat hati. Akhirnya ciuman daripada Sang Jelita melepaskan haiwan itu serta menukarkannya dia menjadi putera segak. Sebaliknya dalam kenyataan dunia manusia, berapa wanita yang berkahwin tetapi selepas berbulan madu, putera mereka bertukar menjadi haiwan buas?!

Sebelum bernikah, dia begitu mengambil berat akan diri kami; tak habis-habis mahu menyertai dalam segala aktiviti bersama-sama tanpa rasa bosan. Selepas bernikah, kami dibiarkan seorang diri menguruskan hal rumahtangga. Putera yang menawan hati sudah hilang entah ke mana; setiap malam tidak kelihatan bayang pun, kerana dia keluar berpoya-poya! Mungkin sekarang baru engkau sedar dia kaki botol, kaki judi, atau mata keranjang.

Alkitab menceritakan tentang pasangan suami isteri yang tidak secocok. Kasihan Abigail mempunyai suami bebal yang persis seperti namanya Nabal. Pengertian bebal dalam Alkitab lebih luas daripada kurang bijaksana, dan mensifatkan orang bebal sebagai orang yang berlaku jahat baik terhadap Allah mahupun terhadap manusia. Begitu besar keangkuhan Nabal; dia mencabar dan menolak permohonan Daud untuk sedikit penghasilannya yang berpatutan pada hari perayaan, memandangkan tentera Daud yang melindungi kawanan dombanya (1 Sam.25:4-11). Daud bersedia menyerang dengan niat membunuh Nabal dan seisi rumahnya tetapi Abigail yang bijaksana bergerak begitu pantas sekali. Dia membawa diri dengan persembahan damai yang lumayan, bersujud di kaki Daud dengan mukanya ke tanah, memohon rahmat (1 Sam. 25:18, 23-31). Isteri ini sanggup menanggung kesalahan suami yang tidak tahu memikir. Kata-katanya lembut tetapi tepat pada sasaran hati Daud telah menahannya daripada melakukan dosa (1 Sam. 25:33).

Hikmat Abigail ketara sekali apabila dia balik dengan selamat selepas pertemuan dengan Daud. Dia mendapati suaminya dalam keadaan mabuk, dia tidak meleter, bersungut, memarahi atau meninggalkannya. Abigail diam sahaja menunggu sampai hari keesokan sebelum menceritakan segala perkara yang berlaku (1 Sam. 25:36-37).

Mungkin suamimu seperti Nabal? Belajarlah daripada Abigail yang bijak. Bawalah persembahan tangisanmu kepada Allah, bersujud dan memohonlah rahmat-Nya agar suamimu disentuh Tuhan.

Renungan hari ini: Aku sedar aku tidak boleh menukar perangai suamiku tetapi aku boleh berdoa bagi dan untuknya.

121 Luka Yang Menusuk Hati

BACAAN:

Lukas 2:21-35

Tetapi Maria menyimpan segala perkara itu di dalam hatinya dan merenungkannya. —Lukas 2:19

Dan suatu pedang akan menembus jiwamu sendiri, supaya menjadi nyata fikiran hati banyak orang. —Lukas 2:35

Suntingan dalam tayangan gambar “Passion of Christ” menangkap muka Maria, ibu Yesus, begitu tersiksa sekali ketika Yesus terjatuh kerana memikul kayu salib dalam perjalanan-Nya ke Kalvari. Tertayang adegan masa lampau melintasi kenangan Maria sewaktu Yesus terjatuh sebagai anak kecil, dan tangan Maria cepat-cepat terhulur menangkap Anaknya. Ibu mana yang dapat menahan tangisan air mata kalau terpaksa menyaksikan kematian anak kandung sendiri seperti Maria melutut di bawah kaki Yesus waktu Dia disalibkan?

Tiga puluh tiga tahun dahulu, Maria hanya seorang gadis perawan yang sedang menunggu hari perkahwinannya dengan hati yang riang. Malaikat Gabriel yang mengumumkan bahawa dia dipilih untuk mengandung dan melahirkan Anak Allah, terkagum mendengar segala nubuat istimewa yang akan dilimpahkan atas Anak istimewa ini (Luk.1:30-33). Sungguh segala keturunan akan menyebut dia berbahagia (Luk. 1:48). Maria sudah menduga penderitaan yang menunggunya sebagai ibu kepada Anak Tuhan kerana pernah diramalkan dengan tepat sekali oleh Simeon masa Yesus disunatkan (Luk.2:35).

Sebagai ibu, kita semua mengharapkan masa depan yang cerah untuk anak-anak kita. Kita boleh menerima hakikat kematian orang yang uzur, orang yang sudah berusia lanjut; tetapi kematian anak lain daripada yang lain. Begitulah kawan saya yang keguguran anak kedua selepas 7 bulan mengandung. Sampai hari ini, dia tidak dapat “memaafkan” Tuhan. Sejak hari itu, dia memaling muka daripada Tuhan Yesus walaupun sudah diberkati dua orang anak lain. Dia tidak memahami bagaimana dan kenapa Tuhan yang Pengasih sanggup “merampas” nyawa bayi yang tidak berdosa. Ayub tidak faham jua. Bukan seorang tetapi kesemua 7 anak lelaki dan 3 anak perempuannya mati dalam angin ribut yang melandai rumah mereka. Dalam satu hari, dia kehilangan keluarga dan segala harta-benda kepunyaannya. Tetapi Ayub memeluk kebenarannya “Tuhan yang memberi, Tuhan yang mengambil” (Ayub 1:21). Semua nyawa dalam tangan Tuhan Penciptanya.

Pasti hati Maria terharu sekali melihat kekejaman yang terjadi atas diri anaknya Yesus. Apa agaknya yang menguatkan Maria bila hatinya tertikam pisau yang begitu tajam? Lukas 2:17 merekodkan 33 tahun sebelum ini, gembala-gembala yang datang melawati bayi Yesus dalam palungan pada hari kelahiran-Nya membawa pesanan bahawa Anak inilah Juruselamat, iaitu Kristus, Tuhan (Luk.2:11,17). Alkitab

memberitahu Maria menyimpan dan merenungkan segala itu. Mungkin kebenaran itulah yang menabahkan hatinya mengharungi detik-detik kesengsaraan Yesus.

Sesetengah soalan tiada jawapan dalam kehidupan ini tetapi satu hal yang boleh kita yakini ialah Tuhan tidak akan mengabaikan perhatian-Nya walaupun pada saat-saat terakhir. Yesus mengaturkan supaya Maria, ibu kandung-Nya, terus menikmati kasih seorang anak manusia dengan menyerahkannya kepada Yohanes (Yoh.19:26-27).

Renungan hari ini: Apabila saya tidak dapat memahami kehilangan dan kerugian dalam hidupku, aku akan merenungi kebenaran Yesuslah Tuhan dan Dia akan mengatur segala perjalanan hidupku.

Keriang dan Kedukaan

Apakah malam yang gelap

Tanpa subuh yang tercerah

Apakah bebayang tanpa cahaya, lelaki tanpa wanita

Padahal di tengah mata badai bergelora

Terletak ketenangan yang sempurna

Pernahkah tangisan penuh duka sehari

Dan pada esoknya ketawa riang gembira

Apabila penderitaan melanda, kelegaan menanti

Apabila kesakitan menembusi, penyembuhan sedia membaluti

Jika kita tidak mengenal sengsara

Bagaimana kita tahu keghairahan

Bahawasanya setiap kematian

Diperolokkan oleh mukjizat kehidupan

Dalam dunia yang terbelah bahagi kebencian

Cinta tercurah dari syurgawi


Kerana rahmat Ilahi, jikalau aku tidak sesat,

Bagaimana aku boleh ditemui?

Kerana hanya bila aku teretak dalam kedukaan

Baharu aku disempurnakan dalam keriang

Kasih karunia Allah



125 Masih Berguna

BACAAN:

Lukas 2:36-38

...dan sekarang dia janda dan berumur delapan puluh empat tahun. Dia tidak pernah meninggalkan Bait Allah dan siang malam beribadah dengan berpuasa dan berdoa. Dan pada ketika itu juga datanglah dia ke situ dan mengucapkan syukur kepada Allah dan berbicara tentang Anak itu kepada semua orang yang menantikan kelepasan untuk Yerusalem. —Lukas 2:37-38

Burung kakak tua, hinggap di jendela, Nenek sudah tua, giginya tinggal dua... Begitu bunyi puisi kanak-kanak yang digemari. Bagaimana nenek tua menghabiskan tahun-tahun senjanya? Pada zaman moden ini, ramai yang dihantar menginap di rumah orang tua-tua sahaja, kerana dianggap sudah tiada “berguna” lagi, walhal badan sudah lemah atau kesihatan kurang baik.

Hana sudah menjadi balu selepas 7 tahun bersuami. Andaikata dia telah dinikahkan pada usia belasan tahun mengikut adat kelaziman bangsanya pada zaman itu, bererti dia berada dalam lingkungan umur 20-an sahaja. Masih muda, dan sudah tentunya masih lagi banyak kesempatan untuk berkahwin semula tetapi dia tidak berbuat demikian. Sebaliknya, dia tidak pernah meninggalkan Bait Allah dan siang malam beribadah dengan berpuasa dan berdoa. Alkitab memberitahu kita bahawa dia sudah sangat lanjut umurnya (Luk.2:36) dan tafsirannya mungkin dia berumur 84 tahun, ataupun sudah menjadi balu selama 84 tahun. Kedudukan balu dan anak yatim piatu susah sekali dalam masyarakat zaman dahulu kerana mereka kehilangan sokongan orang utama (iaitu suami/ibubapa) dalam keluarga. Hana boleh membazirkan masa dengan tidak berbuat apa-apa atau bersungut-sungut tentang kemalangan hidupnya.

Indahnya, dia mengamalkan cara hidup rohani yang saleh dan berdisiplin. Mata lahiriahnya mungkin sudah kabur tetapi mata hatinya asyik tertumpu kepada Tuhan. Rasul Yakub menggalakkan kita “Mendekatlah kepada Allah, dan Dia akan mendekat kepadamu” (Yak. 4:8). Hana sudah begitu peka kepada hadirat Ilahi, dia dapat mengecamkan bayi Maria sebagai Kristus yang dinanti-nantikan oleh umat Israel. Dengan itu Hana dikira antara mubaligh pertama yang memberi kesaksian dan mengesahkan nubuat nabi tentang identiti Yesus.

Puji Tuhan makna hidup wanita yang percaya tidak bergantung hanya kepada pertalian keluarga. Kehilangan suami atau usia lanjut kami tidak mengurangkan nilai kita sedikit pun dalam mata Allah. Bekas Presiden Amerika pernah berkata, “Pada akhirnya, bukan bilangan tahun dalam hidupmu yang dikira, tetapi gaya hidup anda pada tahun-tahunmu.”

Renungan hari ini: Aku mengingati janji Allah bahawa Dialah “Bapa bagi anak yatim dan Pelindung bagi para janda.”

Hati Peramah

BACAAN:

Kisah Para Rasul 16:13-15

Sesudah dia dibaptis bersama-sama dengan seisi rumahnya, dia mengajak kami, katanya: “Jika kamu berpendapat, bahawa aku sungguh-sungguh percaya kepada Tuhan, marilah menumpang di rumahku.” Dia mendesak sampai kami menerimanya. —Kisah Para Rasul 16:15

Rasul Paulus dan Silas telah berhenti di Misia kerana dihalang oleh Roh Kudus daripada meneruskan perjalanan mubaligh ke daerah Bitinia (Kis.16:6). Ketika bermalam di kota Troas, tampaklah oleh Paulus suatu penglihatan: ada seorang Makedonia berdiri di situ dan berseru kepadanya, katanya: “Menyeberanglah ke mari dan tolonglah kami!” Maka menyeberangilah mereka dan singgah di kota Filipi, kota pertama di bagian Makedonia, suatu kota perantauan orang Roma di negeri Yunani (Kis. 16:10-12).

Pada hari Sabat, mereka telah ke luar pintu gerbang kota dan menemukan beberapa orang perempuan yang berkumpul berdoa di tepi sungai. Seorang penjual ungu bernama Lidia turut di sana. Pada zaman itu, ungu adalah warna pencelup yang termahal. Ini bermakna keadaan hidup Lidia agak selesa. Alkitab memberitahu kita bahawa Lidia “beribadah kepada Allah.” Kebanyakan kajian menyimpulkan bahawa Lidia bukan seorang Yahudi, tetapi dia percaya kepada Allah Yang Maha Esa. Memang kita boleh mengesan tangan Ilahi mengatur setiap langkah Paulus ke Makedonia untuk bertemukan perempuan ini supaya Tuhan “membuka hati-nya sehingga ia memperhatikan apa yang dikatakan oleh Paulus” (Kis. 16:14). Begitu sedia dia menerima perbicaraan Paulus sehingga dia dibaptis bersama seisi keluarga dengan serta-merta, menjadi perempuan pertama yang percaya di negeri Europa.

Lanjutan daripada penyelamatannya, dia “mendesak” rasul-rasul Allah menumpang di rumahnya. Inilah semangat orang yang percaya, dibuktikan melalui pelayanan yang nyata. Antara gadis dalam kumpulan perempuan di tepi sungai, hanya Lidia yang sanggup berdiri menawarkan pelayanannya dan tidak payah menunggu dipanggil untuk melayani. Tiada orang yang mencadangkan bagaimana dia dapat melayani. Lidia membuka hati, membuka mulut dan seterusnya membuka rumahnya. Bukan juga setakat hangat-hangat tahi ayam sahaja, kerana Alkitab merekodkan bahawa tempat pertama Paulus dan Silas melawati selepas pembebasan mereka dari penjara ialah rumah Lidia juga di mana mereka bertemu dengan saudara seiman (Kis. 16:40). Dalam ertikata lain, rumahnya digunakan sebagai pusat kelompok sel untuk orang yang percaya. Perempuan ini menjadi saluran berkat kepada hamba-hamba Tuhan khususnya rasul Paulus.

Renungan hari ini: Biar ketaatanku kepada Yesus dinyatakan melalui pelayananku kepada saudara-saudara seiman.

Dari Generasi Ke Generasi

BACAAN:

Mazmur 78:1-7

Sebab aku teringat akan imanmu yang tulus ikhlas, iaitu iman yang pertama-tama hidup di dalam nenekmu Lois dan di dalam ibumu Eunike dan yang aku yakin hidup juga di dalam dirimu. —2 Timotius 1:5

Bagaimanakah anda mahu diingati selepas meninggalkan dunia ini? Apakah anak-anakmu akan berucap sebagai madah di upacara perkebumian anda? Adakah anda cuma mahu disanjung sebagai ibubapa yang kaya-raya dan telah mewasiatkan rumah, hartanah, wang simpanan, kereta atau barang-barang kemas kepada anak-anak? Saya pula mengingatkan anak-anak saya bahawa tiada apa-apa harta-benda dalam dunia ini yang dapat aku wariskan kepada mereka kecuali ajaran Firman-Nya dan kesaksian hidupku sebagai orang percaya. Saya menegaskan itulah pusaka paling ternilai yang aku perturunkan kepada mereka dalam harapan akan bersemadi dalam hidup mereka dan generasi anak mereka pula.

Paulus memperingati dua orang perempuan dalam hidup Timotius apabila menggalakkan pemuda ini bertekun dalam pelayanannya. Ketulusan iman Timotius bertumbuh daripada nenek dan ibunya. Mereka telah setia menurut perintah Allah yang diperturunkan sejak dari dahulukala melalui nabi Musa kepada umat supaya tidak melupakan hal-hal yang dilihat oleh mata sendiri dan memberitahukan segalanya kepada anak-anak dan kepada cucu cicit mereka (Ul. 4:9). Malah Musa memperincikan bagaimana tua-tua patut mengajarkan perintah Tuhan kepada anak-anak dengan membicarakannya, samada di dalam atau di luar rumah, pada semua ketika, haruslah dituliskan pada tiang pintu rumah dan pintu gerbang (Ul. 11:19-21).

Lois dan Eunice setia menanam ke dalam hidup Timotius biji-biji kerohanian sejak dari kecil lagi, satu keluarga menghasilkan buah yang merentasi tiga generasi berturut-turut. Penyanyi Mazmur Asaf mengenang kembali apa yang telah didengar dan diketahui bangsanya; segala yang diceritakan kepada mereka oleh nenek moyang mereka. Dia berazam tidak menyembunyikannya tetapi akan menceritakan kepada angkatan berikut tentang segala puji-pujian Tuhan, kekuatan-Nya dan perbuatan-perbuatan ajaib yang telah dilakukan-Nya. (Mazm. 78:4-7). Nasihat Amsal 22:6 untuk mendidik orang muda menurut jalan yang patut bukan suatu pilihan tetapi merupakan perintah kepada kita untuk mengajar anak-anak supaya mengenal, mempercayai dan mentaati Allah, agar mereka tidak akan menyimpang dari pada jalan itu. Warisan kerohanian ini patut mengalir daripada angkatan orang saleh terdahulu, sekarang dan yang akan datang kemudian.

Renungan hari ini: Harta pusaka terbaik yang boleh aku tinggalkan untuk anak-anakku adalah kekayaan dalam Yesus Kristus.

Iman Yang Hidup

BACAAN:
Hakim-Hakim 2:10-13

Setelah seluruh angkatan itu dikumpulkan kepada nenek moyangnya, bangkitlah sesudah mereka itu angkatan yang lain, yang tidak mengenal Tuhan ataupun perbuatan yang dilakukan-Nya bagi orang Israel. —Hakim-Hakim 2:10

Dr Bruce H. Wilkinson, pengasas dan presiden “Walk Thru the Bible Ministries”, menggunakan kiasan tiga kerusi dari cerita kanak-kanak Goldiloks dan Tiga Beruang untuk melukiskan gambaran iman yang boleh disesatkan turun-temurun dalam sesuatu keluarga yang percaya. Kerusi pertama yang teguh sekali diduduki oleh nenek moyang yang diselamatkan melalui suatu pengalaman persendirian dengan Allah, lanjutan daripada perhubungan yang beriman dan berpaut kuat kepada-Nya. Kerusi kedua diduduki oleh generasi yang membesar selepas itu yang melihat teladan dan mendengar kesaksian ibubapa mereka tetapi tidak pernah menjalinkan perhubungan sendiri dengan Allah. Iman generasi ini hanya iman ikut-ikut ibu bapa sahaja. Generasi terkemudian duduk dalam kerusi iman yang lemah sekali. Anak-anak ini tidak mengenal iman nenek moyang generasi pertama, dan tidak pula mendapat keyakinan teguh daripada generasi kedua. Bila terbuka dan terpengaruh oleh dunia ini, mereka menolak langsung Tuhan sebagai tidak mungkin benar dan tidak boleh dipercayai.

Itulah yang telah terjadi kepada bangsa Israel selepas penaklukan Tanah Perjanjian oleh Yosua. Selama Yosua dan para tua-tua generasinya hidup, umat Israel beribadah kepada Tuhan. Tetapi selepas kematian mereka, generasi baru menyeleweng jauh daripada jalan nenek moyang zaman lepas. Kemerosotan rohani mereka mengakibatkan kemurtadan umum apabila generasi seterusnya menyimpang dari komitmen ibubapa mereka dan meninggalkan hubungan peribadi dengan Tuhan sehingga mereka menyembah berhala-berhala Baal dan Asyoret sambil menyesuaikan diri dengan gaya hidup dan nilai-nilai kebudayaan sekitar (Hak. 2:11-13). Iman generasi pertama telah lenyap habis bila sampai generasi ketiga. Alangkah sedihnya!

Abang saya merupakan anggota keluarga pertama yang diselamatkan oleh Kristus sewaktu berusia belasan tahunnya. Dia tidak pernah berkata apa-apa, tetapi saya yakin doanya selama 30 tahun telah menggerakkan hati Tuhan mencurahkan rahmat-Nya kepada saya. Dalam keluarga saya sendiri, anak-anakku merupakan generasi yang menduduki kerusi kedua, padahal mereka percaya akibat kepercayaan saya. Saya sedar saya tidak boleh “memindahkan” iman saya kepada mereka dan mereka memerlukan perhubungan intim dengan Tuhan. Ya, saya boleh mengajar, mendidik, bersaksi dengan hidup dan teladan saya tetapi akhirnya anak-anakku mesti percaya atas iman mereka sendiri, iaitu berdasarkan perhubungan mereka dengan Yesus, bukan perhubungan dengan saya. Hanya itu sahaja yang boleh

menempatkan mereka atas kerusi pertama serta memeluk iman yang tahan uji (2 Kor. 13:5). Berdoalah agar anak-anak anda akan menjalin perhubungan peribadi dengan Tuhan.

Renungan hari ini: Tuhan Yesus, nyatakanlah Diri dan kuasa-Mu dalam kehidupan generasi berikut setiap hari agar mereka menjalin perhubungan peribadi dengan-Mu.



*Iman melihat apa yang tidak kelihatan,
mempercayai apa yang di luar kepercayaan,
dan menerima yang mustahil*

– Corrie Ten Boom

.....

*Iman mempercayai apa yang
kita tidak boleh lihat,
dan ganjaran iman adalah melihat
apa yang kita percayai.*

– Augustine



129 Doa Yang Salah

BACAAN:
Matius 20:20-28

Kata Yesus: “Apa yang kaukehendaki?” Jawabnya: “Berilah perintah, supaya kedua anakku ini boleh duduk kelak di dalam Kerajaan-Mu, yang seorang di sebelah kanan-Mu dan yang seorang lagi di sebelah kiri-Mu.” —Matius 20:21

Orang percaya telah diajar bahawa Tuhan akan mengabulkan segala doa kita. Anggapan ini nampaknya benar kerana boleh didukung oleh beberapa petikan ayat-ayat dalam Alkitab. Tetapi hakikatnya anggapan itu hanya setengah masak. Tuhan memang mengabulkan segala doa tetapi bukan mengikut kehendak kami.

Yesus baru sahaja habis memberitakan kepada murid-murid-Nya tentang penderitaan yang akan dialami-Nya di Yerusalem (Mat. 22:18-19). Ini sudah kali ketiga Yesus memberitahukan peristiwa-peristiwa yang akan menimpa-Nya tetapi murid-murid-Nya tidak mengerti langsung. Pada masa sebelum krisis terbesar dalam hidup Yesus, mereka semua sedang berkelahi tentang kedudukan masing-masing dalam kerajaan Tuhan (Mat. 20:24).

Ibu Yohanes dan Yakobus, anak-anak Zebedeus memohon tempat tertinggi untuk mereka dalam kerajaan Tuhan. Yesus menegur, “Kamu tidak tahu apa yang kamu minta” (Mat. 20:22). Naluri semulajadi seorang ibu pasti menuntut yang terbaik untuk anak-anaknya. Yang kita fahamkan dengan “terbagus” mungkin bercanggah sekali dengan apa yang berkenan dalam mata Tuhan.

Bandingkan dengan doa Daud dalam Mazmur 144:12 yang memohon “Semoga anak-anak lelaki kita seperti tanam-tanaman yang tumbuh menjadi besar pada waktu mudanya; dan anak-anak perempuan kita seperti tiang-tiang penjuru, yang dipahat untuk bangunan istana.” Daud ingin melihat keturunannya matang berbuah dan berguna. Dia mengharapkan anak lelaki bertumbuh besar seperti tanaman subur dan cergas, tidak layu atau terbantut perkembangan biar dari segi lahiriah atau batiniah mereka.

Yesus sendiri makin bertambah besar dan bertambah hikmat-Nya dan besar-Nya, dan makin dikasihi oleh Allah dan manusia (Luk. 2:52). Anak perempuan Daud diibaratkan bagai tiang penjuru yang terukir cantik sekali menghiasi istana. Mereka ini yang indah dalam roh, bertakwa dalam cara hidup, mempunyai hikmat dan budi bicara, memainkan peranan menjalinkan kesatuan dalam keluarga.

Manusia memburu kuasa supaya dilayani; Tuhan Yesus mengosongkan diri-Nya untuk melayani. Sebagai ibu, sedarilah doa paling bagus yang kita boleh panjatkan untuk anak-anak kita bukan untuk kuasa tetapi untuk kematangan dalam Yesus Kristus.

Renungan hari ini: Bukan kehendakku, tetapi kehendak-Mu untuk anak-anak saya disempurnakan dalam hidup mereka.

130 Apabila Sudah Tidak Dapat Berdoa Lagi

BACAAN:

Roma 8:24-28

Demikian juga Roh membantu kita dalam kelemahan kita; sebab kita tidak tahu, bagaimana sebenarnya harus berdoa; tetapi Roh sendiri berdoa untuk kita kepada Allah dengan keluhan-keluhan yang tidak terucapkan. —Roma 8:26

Imam Eli memerhatikan perempuan yang sujud menangis tersedu-sedu dalam Bait Allah. Bibirnya bergerak-gerak tetapi suaranya tidak kedengaran. Eli menduga perempuan ini mabuk, lalu menegurnya. Tetapi Hana menjawab: “Bukan, tuanku, aku seorang perempuan yang sangat bersusah hati; anggur ataupun minuman yang memabukkan tidak kuminum, melainkan aku mencurahkan isi hatiku di hadapan Tuhan (1 Sam. 1:13-15). Pernahkah anda mabuk dalam doa?

Seorang perempuan dalam kepedihan hatinya bergumul sehingga dia disangka mabuk. Air mata Raja Daud “membanjiri tempat tidurnya”, dia “lesu kerana mengeluh”, “Kasihailah aku, Tuhan, sebab aku merana; sembuhkanlah aku, Tuhan, sebab tulang-tulangku gemetar, dan jiwakupun sangat terkejut; tetapi Engkau, Tuhan, berapa lama lagi?” (Mazm. 6:6, 2-3). Suara Yesus bergema dengan pilu sekali dari kayu salib, mengulangi ratapan Raja Daud” Allahku, Allahku, mengapa Engkau meninggalkan aku?” (Mazm. 22:1).

Sudah berapa kali engkau berdoa, tetapi nampaknya Allah tetap jauh juga dan tidak menghulurkan tangan untuk menolong? Adakah jiwamu tertekan, gundah gulana? Pernahkah engkau berdoa sehingga hanya tinggal air mata yang mengalir sahaja kerana bibir sudah tidak mampu meluahkan perkataan lagi? Itulah pergelutan jiwaku menghadapi kesakitan dan kematian suamiku yang aku sayangi. Kadang-kadang rasa seperti ada batu yang berat sekali menekan hati sampai boleh berkecaian.

Waktu itu, biarlah kita tabahkan hati dengan mengingat perkataan pemazmur “Berharaplah kepada Allah! Sebab aku akan bersyukur lagi kepada-Nya, Penolongku dan Allahku.” Dalam tekanan batin yang terseksa, Pemazmur haus kepada Allah yang hidup seperti rusa rindukan sungai yang berair (Mazm. 42:1-2, 5). Saya terhibur mengetahui “Sengsaraku Engkaulah yang menghitung-hitung, air mataku Kautaruh ke dalam kirbat-Mu. Bukankah semuanya telah Kaudaftarkan?” (Mazm. 56:8).

Walaupun sudah tidak berdaya berucap sepatah pun, Roh Kudus sendiri menolong kita dalam kelemahan kita dengan keluhan batin yang Allah memahami. Ya, Allah melihat, mengetahui, dan mencatat semua kesulitan, kesesakan, dan penderitaan kita. Meskipun Dia tidak langsung meluputkan kita dari masalah hidup ini bukan berarti Allah tidak peduli.

Renungan hari ini: Biar segala kerumitan membawa aku lebih dekat lagi kepada Allahku.

Sudah Pun Dijawab

BACAAN:
Daniel 10:2-14

Lalu katanya kepadaku: “Janganlah takut, Daniel, sebab telah didengarkan perkataanmu sejak hari pertama engkau berniat untuk mendapat pengertian dan untuk merendahkan dirimu di hadapan Allahmu, dan aku datang oleh kerana perkataanmu itu.” —Daniel 10:12

Seorang percaya yang mendoakan keselamatan dari banjir yang telah melanda kampungnya akibat hujan lebat. Pada hari pertama, bila air mulai naik, sebuah kereta polis berhenti di hadapan rumah orang ini dan mengesanya naik supaya dia boleh dibawa ke tempat yang lebih tinggi. Dia enggan menerima tawaran polis dan memberitahu mereka bahawa dia tengah menunggu jawapan doanya daripada Tuhan.

Air semakin naik sampai memaksa orang itu ke atas bumbung. Datang pula sebuah perahu yang mempunyai tempat untuknya menumpang tetapi dia enggan naik juga, dengan memberi alasan bahawa dia sedang menantikan Tuhan sendiri menyelamatkannya. Apabila paras air sudah melambung tinggi, dia memanjat pokok kelapa yang berhampiran. Sebuah helikopter muncul di hadapannya tetapi dia masih menolak menaik. Maka orang ini mati lemas akibat kebodohnya. Sampai ke syurga dia bertanya Tuhan, “Kenapa Engkau tidak menjawab doa saya untuk menyelamatkanku?” Maka Tuhan menjawab, “Bukankah Aku telah menghantar kereta, perahu dan helikopter untuk engkau? Tetapi engkau sendiri yang tidak mahu diselamatkan.”

Daniel sudah berkabung dan berpuasa 21 hari, lama menggumuli dalam doa kerana terbeban hati untuk nasib bangsanya, umat Tuhan. Pada hari ke-24, Daniel dilawati malaikat Tuhan yang memberitahunya sejak hari pertama, doanya telah diperdengarkan di syurga, dan Tuhan memang telah mengutus malaikat itu datang tetapi terhalang oleh kuasa-kuasa di alam kerohanian (Dan. 10:13). Yang penting, kita perhatikan jawapan kepada doa Daniel telah disempurnakan pada hari pertama dia mencari Tuhan dengan segenap hatinya.

Kadangkala kita tidak sedar pun Tuhan telah menjawab doa. Kita bertindak seperti orang dalam cerita di atas, membiarkan jawapan berlalu begitu sahaja kerana tidak mengerti cara Tuhan menjawab doa, pada hal mungkin di luar jangkaan atau tidak mengikut kehendak kita. Bak makanan yang dihulurkan kepada orang lapar yang melihat sahaja tetapi tidak menikmatinya kerana dia enggan menerima pinggan daripada tangan manusia, dengan alasan dia menunggu tangan Tuhan untuk memberi kepadanya.

Renungan hari ini: Saya tidak mahu hanya berpegang kepada janji-janji Allah, tetapi hendak menerimanya dengan sukacita.

Apa Yang Difikirkan Orang?

BACAAN:

Lukas 1:26-38

Kata Maria: “Sesungguhnya aku ini adalah hamba Tuhan; jadilah padaku menurut perkataanmu itu.” —Lukas 1:38

Apa? Engkau mengandung? Macam mana ini boleh terjadi? Habis keluarga kami, Adi mana bapak akan menyembunyikan mukanya? Ibunya hanya menangis tersedu-sedu. Gadis remaja itu berdiri diam sahaja. Bagaimanakah dia mungkin menerangkan apa yang telah terjadi kepadanya memang mukjizat Tuhan, yang diberitakan oleh malaikat dari syurga? Hatinya tertanya-tanya lagi, “Bagaimana pula dengan Yusuf, tunangku?” Kebetulannya Yusuf memang mempertimbangkan untuk menceraikannya secara diam-diam. Hanya bila dilawati malaikat dalam mimpi, baru dia memahami bahawa kandungan dalam rahim Maria dari Roh Kudus dan bermaksud untuk menggenapi firman Tuhan seperti yang dinubuat oleh nabi: “Sesungguhnya, anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak laki-laki, dan mereka akan menamakan Dia Imanuel” (Mat. 1:19-23).

Kehamilan seorang gadis pada zaman ini mungkin dianggap biasa tetapi pada zaman Maria, hal ini suatu aib besar yang dihukum dengan hukuman mati. Kajian sejarah menganggar Maria masih dalam belasan tahunnya bila hal ini terjadi. Reputasi Maria semestinya dipersoalkan apabila perutnya semakin membuncing. Bayangkan desas-desus bahkan celaan setiap kali orang umum melewatinya? Siapa yang akan percaya bahawa seorang perawan menjadi hamil akibat karya Roh Kudus? Pasti ramai berkata, “Perempuan sundal, pandai berbohong!” Rasa malu tidak sahaja menimpa dirinya tetapi pasti menjejaskan nama baik keluarga dan tunangnya juga. Betapa besarnya “harga” Maria terpaksa menanggung untuk menjadi alat Tuhan.

Saya terkagum dengan tindakbalas Maria, tiada bantahan tetapi kalimat kepatuhan yang terkeluar daripada bibirnya ketika diberitahu hal ini. Ini bukti hatinya terserah penuh kepada Allah, terbuka kepada kehendak Ilahi kerana keinsafan dirinya sebagai hamba Tuhan. Dalam nyanyian pujiannya, Maria mengagungkan kemuliaan Tuhan Maha Kuasa yang “telah melakukan perbuatan-perbuatan besar kepadanya” (Luk. 1:49).

Wanita, jangan hanya rela melayani jikalau pelayanan itu mempamerkan kekuatan atau kuasa diri atau mengakibatkan ganjaran yang menguntungkan seperti kemasyhuran nama gereja atau denominasi. Tetapi bagaimana andaikata Tuhan memanggil kita ke suatu pelayanan yang tidak terlalu harum dan tidak diperhatikan oleh manusia?

Renungan hari ini: Tuhan, tolong berikan aku hati yang terserah dan terbuka kepada kehendak-Mu dalam kehidupanku.

Duri Yang Tertajam

BACAAN:
Ulangan 31:6-8

Kerana Allah telah berfirman: “Aku sekali-kali tidak akan membiarkan engkau dan Aku sekali-kali tidak akan meninggalkan engkau.” —Ibrani 13:5

Pertama kali Lina mengesyaki sesuatu terjadi apabila dia menjawab telefon bimbit suaminya tetapi yang menyambutnya suara seorang perempuan. Sebelum sempat menanyakan siapa, suaminya mencabut telefon dari tangannya dan berjalan keluar rumah untuk bercakap. Lina mulai memperhatikan tindak laku suaminya dengan lebih teliti. Dia mendapati kebelakangan ini, Yohan kerap tiada di rumah, selalunya ada alasan kerja lebih masa. “Mungkinkah Yohan mempunyai perempuan simpanan di luar, tidak mungkin,” kata Lina kepada diri sendiri.

“Oh Tuhan, benar! Yohan ada perhubungan sulit,” kata Lina dengan cemas sewaktu menatap sekeping foto seorang perempuan yang sedang memeluk Johan ketika dia mengeluarkannya dari seluar Johan.

“Sampai hati dia melakukan kecurangan setelah 15 tahun bersama aku,” bisik Lina, airmatanya mengalir dari pipinya. “Apa kekurangan dengan diriku?” Perempuan dalam foto nampaknya lebih gendut, tidak bersolek; kalau dibandingkan, dia tidak secantiknya pun. Dia menyelidiki hatinya; mungkinkah dia telah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai isteri kepada Yohan kerana sibuk mengasuh tiga anak mereka? Hati Lina pedih sekali, rasa macam tertikam oleh pedang tajam. Bagaimana orang yang tersayang boleh mengkhianati kasihnya? Sampai hati.

Nabi Musa mengeluh persendirian. Selama 40 tahun, dia telah bertungkus-lumus memimpin bangsa Israel sebanyak setengah juta orang di padang gurun. Dengan kuasa Allah, dia menentang Raja Mesir Firaun untuk melepaskan mereka dari hidup dalam perhambaan. Banyak yang dialami oleh mereka sewaktu menempuh perjalanan keluar dari Mesir. Tiada sepatah terima kasih pun pernah dihulurkan kepadanya. Sebaliknya umat Israel berulang kali menyakiti hatinya. Mereka bersungut-sungut tentang ini dan itu, mereka kerap melanggar perintah Allah. Memang ini bangsa yang tegar tengkok. Tetapi yang mengecewakan sekali adalah ahli keluarganya sendiri. Harun pembantunya selaku imam tertinggi menyesatkan umat Israel dengan membuat anak lembu tuangan emas untuk mereka menyembah (Kel. 32:1-8). Kakaknya Miryam dan Harun memberontak menyoal kewibawaannya sebagai nabi (Bil. 12:1-2). Apa yang dibuat oleh Musa? Dia berdoa syafaat untuk bangsa dan keluarga yang menyakitinya.

Sebenarnya orang yang terdekat dengan kita juga berpotensi mengecewakan kita dengan mendalam sekali. Bukankah Petrus seorang termasuk dalam bulatan yang menjalin persahabatan intim sekali dengan Yesus namun dia menyangkal Tuan-nya tiga kali? Bukankah Yudas murid Yesus sendiri namun dia mengkhianati-

Nya? Janganlah hairan bila orang yang kita sayangi menolak kasih dan budi baik kita, bertindak jahat atau berlaku tidak adil terhadap kita.

Renungan hari ini: Sekalipun aku dilukai oleh orang yang terdekat dengan aku, Tuhan Yesus tetap sahabataku yang setia.

Ratapan Hati

*Bagaimanakah aku menghentikan
airmata yang mengalir tanpa amaran
melentik daripada duka lara
yang tidak pernah tinggalkanku
terpendam dalam hati yang begitu lemah*

*kekuatanku gagal pada saat begini
rohku meluang memanggil Dia yang telah berjanji
menyelamatkanku dari air dalam
tanganku keluar mengenggam
Dia yang mengangkat daku daripada kubur dagingku
kepada siapa boleh aku berlari – hanyalah kepada Dia
yang mengasihi aku lebih daripada yang lain
dalam siapa dapat aku berihat – hanyalah dalam Dia
Damai Sejahtera dan Penghiburku
Tuhan dan Allahku*

*Siapa yang aku miliki di syurga kecuali Engkau?
Biar tiada apa yang aku ingini di bumi kecuali Engkau
Kerana apabila segala-galanya gagal
Yesus tidak pernah gagal untuk aku.*

Seisi Keluarga

BACAAN:
Yosua 2:12-21

Sesungguhnya, apabila kami memasuki negeri ini, haruslah tali dari benang kirmizi ini kau ikatkan pada jendela tempat engkau menurunkan kami, dan ayahmu serta ibumu, saudara-saudaramu serta seluruh kaum keluargamu kaukumpulkan di rumahmu. —Yosua 2:18

Anak yang tak berguna, buat apa di sini? Sudah tak cukup duit beli racun ke? Dapat saja dari kawan-kawanmulah.” Saya terdengar suara jiran saya lantang mengecam anak lelakinya. Memang anak bongsu mereka kambing hitam dalam keluarga kerana ketagihan dadah. Kasihani budak ini kerana dia disingkirkan keluarga sendiri.

Mungkinkah Rahab seorang perempuan sundal juga tersingkir oleh keluarganya juga? Ya, pekerjaannya memang memalukan, tetapi kita tidak nampak hatinya yang penuh kasih sayang sehingga dia sanggup menggadai nyawa sendiri demi keselamatan seisi keluarganya. Selepas menyembunyikan pengintai Yosua yang telah diutus menyiasat kota Yerikho; Rahab memohon rahmat daripada mereka. Dia berkata, “kerana aku telah berlaku ramah terhadapmu, kamu juga akan berlaku ramah terhadap kaum keluargaku; dan ... kamu akan membiarkan hidup ayah dan ibuku, saudara-saudaraku yang laki-laki dan yang perempuan dan semua orang-orang mereka dan bahwa kamu akan menyelamatkan nyawa kami dari maut” (Yos. 2:12-13). Maka mereka berjanji keselamatan seisi keluarga Rahab dengan syarat mereka berkumpul dalam rumah Rahab yang ditandakan tali kirmizi.

Bagaimanakah Rahab meyakinkan saudara-maranya meninggalkan tempat sendiri untuk menginap dengannya di “rumah sundalnya?” Bayangkan bantahan yang diterima oleh Rahab apabila dia memanggil perjumpaan tergepma keluarganya untuk memberitahu mereka bahawa Yerikho akan dimusnahkan dan mereka mesti berhimpit dalam rumahnya kalau ingin terselamat. Bukan setakat itu, bagaimanakah Rahab menahan mereka tinggal selama 7 hari berturut-turut, setiap hari memerhatikan gerakan “tentera” yang pelik sekali membawa sebuah tabut mengelilingi kota lalu meniup sangkalala! Berapakah kata-kata sindiran dilontarkan kepada Rahab sepanjang minggu itu? Tetapi akhirnya selepas Yerikho tertumpas, Alkitab merekodkan: “Demikianlah Rahab, perempuan sundal itu dan keluarganya serta semua orang yang bersama-sama dengan dia dibiarkan hidup oleh Yosua” (Yos. 6:25).

Setakat mana kita sanggup berbuat demikian untuk membawa ahli keluarga kita yang masih tidak percaya kepada keselamatan dalam Yesus? Adakah anda berusaha berdoa dan meyakinkan mereka tentang kasih Tuhan?

Renungan hari ini: Aku berazam melakukan apa sahaja yang perlu untuk meyakinkan keluargaku yang belum mengenal Yesus.

Segala Sesuatu Mungkin

BACAAN:

Kisah Para Rasul 16:27-34

Jawab mereka: “Percayalah kepada Tuhan Yesus Kristus dan engkau akan selamat, engkau dan seisi rumahmu.” —Kisah Para Rasul 16:31

Awak sudah gilakah? Itulah teguran suami apabila saya memberitahunya Yesus tidak seperti tuhan lain. Selama 40 tahun, aku telah menurut amalan agama nenek moyang, ibubapa dan suami. Sebenarnya selama itu, saya tidak berasa apa-apa keperluan untuk Tuhan dalam hidup saya kerana semua berjalan dengan baik. Semuanya berubah apabila suamiku dijangkiti penyakit barah. Peristiwa itu menggoncang dan meruntuhkan dunia sempurna saya. Buat kali pertama dalam hidupku, saya tidak berdaya berbuat apa-apa. Buat kali pertama, saya berdoa bersungguh-sungguh. Setiap hari saya memohon nyawa suamiku diselamatkan tetapi hatiku masih gelisah dan tidak tenteram. Pada suatu hari ketika saya sedang berdiri di depan mezbah berhala saya, dua perkataan iaitu Yesus Kristus muncul dalam bernaik fikiran saya. Tiada orang yang pernah memberitahukan aku tentang Yesus Kristus; yang saya tahu Dia Tuhan orang Kristian. Hari itu, buat pertama kali saya melangkah masuk ke gereja berjumpa pastor, dan melangkah keluar dengan hati yang tenteram, kerana saya telah mengenal Raja Damai.

Di luar sangkaan saya, bantahan keras daripada suami saya terhadap penganutan baru saya akan timbul. Dengan tegas dia melarang saya berbicara apa-apapun mengenai Yesus, walaupun dia membenarkan aku ke gereja setiap hari minggu. Hatiku begitu terbeban sekali. Untuk 2 tahun, aku berdoa secara diam-diam atas dirinya selepas dia lelap tidur. Kalaulah pada masa itu ada orang yang memberitahu saya, suatu hari nanti suamiku akan menjadi Kristian, saya pasti berkata mustahil. Tetapi bagi Allah, segala sesuatu tidak mustahil (Mat. 19:26). Barah racun merebak memakan badan suami saya sehingga suatu hari dia tidak tertahan lagi. Berbaring atas katil hospital, tiba-tiba dia melafazkan mahu mengaku dosanya. Hari itu suami saya memanggil nama Yesus, dia berkata, “Sekarang saya faham.”

Mustahil? Tiada yang mustahil bagi Allahku. Seorang kepala penjara dalam ketakutan bertanya, “Apakah yang harus aku perbuat, supaya aku selamat?” Akibatnya dia dan seisi keluarga menjadi percaya kepada Allah (Kis. 16:34). Seorang suami yang begitu degil, keras kepala dan keras hati mengakui keperluannya untuk bertaubat dan menerima pengampunan daripada Allah memang keajaiban. Bukan sahaja suami tetapi ketiga-tiga anak-saya, seorang demi seorang, dengan sendiri menerima Yesus sebagai Penebus dan Penyelamat mereka.

Renungan hari ini: Allah setia; Dia telah berjanji dan Dia akan menunaikan perjanjian-Nya.

Dia Yang DiPilih Allah

BACAAN:
1 Korintus 1:1-29

Tetapi apa yang bodoh bagi dunia, dipilih Allah untuk memalukan orang-orang yang ber hikmat, dan apa yang lemah bagi dunia, dipilih Allah untuk memalukan apa yang kuat dan apa yang tidak terpandang dan yang hina bagi dunia, dipilih Allah, bahkan apa yang tidak bererti, dipilih Allah untuk meniadakan apa yang berarti supaya jangan ada seorang manusiapun yang memegahkan diri di hadapan Allah. —1 Korintus 1:27-29

Semua nampaknya telah berakhir. Yesus sendiri telah melafazkan “Sudah selesai” sebelum menghembuskan nafas terakhir atas kayu salib. Mayat-Nya telah diturunkan dan diletakkan ke dalam kubur tertutup. Keempat-empat Injil Matius, Markus, Lukas dan Yohanes mengesahkan mukjizat yang berlaku pada hari ketiga selepas penyaliban Yesus. Walaupun berbeza dalam butir-butir penjelasan, fakta sama dilaporkan oleh mereka semua. Mereka menjelaskan dalam kesunyian dan kegelapan pagi hari itu, sekurang-kurangnya seorang atau sekumpulan perempuan yang pertama hadir di kubur Yesus (Mat. 28:1-2, Mr.16:1, Luk. 24:10, Yoh. 20:1).

Alkitab merekodkan pelayanan kaum wanita kepada Tuhan Yesus sepanjang hidup-Nya. Bermula daripada ibu yang mengandung dan melahirkan-Nya di Betlehem kepada mereka yang mengikuti Yesus dalam perantauan-Nya di Galilea. Wanita telah membekalkan makanan, layanan baik, wang, dan sumber-sumber yang diperlukan oleh Yesus dan rombongan murid-murid-Nya (Luk. 8:1-3). Begitu besar kasih seorang wanita kepada Yesus, dia membasahi kaki-Nya dengan airmata, menyekanya dengan rambut, dan meminyaki-Nya dengan minyak wangi yang berharga sekali (Luk. 7:38). Para wanita yang mengiringi Yesus ke Yerusalem, sampailah ke kayu salib (Mat. 27:55). Ada di kalangan mereka telah dinamakan namun ramai yang tidak dinamakan langsung.

Sebenarnya peranan wanita merupakan yang terendah dalam masyarakat Yahudi. Mereka dianggap kaum yang lebih lemah dan diletak di bawah autoriti kaum lelaki dalam segala perhubungan dan urusan hidup tetapi Tuhan memberikan kehormatan yang tertinggi kepada kaum wanita sehingga mereka menjadi saksi pertama kebangkitan-Nya. Kenapa? Seseengah sarjana Alkitab berpendapat bahawa layanan dan kasih yang teragung dicurahkan mereka telah menyebabkan Tuhan mengaruniakan kepada mereka peluang teristimewa ini. Bagi saya, penerangan yang lebih masuk akal dan tepat adalah kerana Tuhan sempat memakai siapa sahaja untuk memuliakan nama-Nya sendiri, tidak kira seseorang itu berasal dari apapun kedudukan, kaum, bangsa, umur atau jantina asal mereka setia kepada Tuhan.

Renungan hari ini: Tuhan boleh memakai saya sebagai saksi tentang kematian dan kebangkitan-Nya!

137

Dasar Perkahwinan

BACAAN:

Efesus 5:21-33

Sebab itu laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya itu menjadi satu daging. —Efesus 5:31

Anak perempuan sulung saya giat memperjuangkan hak-hak manusia, terutamanya kaum wanita. Pendiriannya yang keras mempertahankan kedudukan wanita selalu bercanggah pendapat dengan saya. Maklumlah pada zaman moden ini terutamanya di kota-kota besar, pihak wanita telah mencapai satu tahap hidup yang berbeza daripada dahulu kala. Sekarang ramai wanita berpelajaran tinggi dan meraih sukses dalam pelbagai kerjaya. Mereka dikatakan setanding, malah mencapai prestasi yang lebih tinggi daripada kaum lelaki. Nilai dan pegangan hidup wanita moden telah banyak dipengaruhi oleh kemajuan alam sekitar. Tetapi hakikatnya walau bagaimanapun dunia bertukar, walaupun mungkin kita tidak suka atau tidak bersetuju, firman Allah tetap dan tidak boleh ditukar.

Satu-satunya konsep yang sukar untuk isteri moden menerima ialah penundukan kepada suami (Ef. 5:22). Sebenarnya kalau kita memahami asas perintah penundukan, tiada yang sukar sangat untuk dipatuhi. Sebagai manusia ciptaan Allah, kedua jantina setara dan sedarjat dalam mata-Nya. Namun, secara fungsi, lelaki dan perempuan berbeza dari segi peranan masing-masing dalam perhubungan perkahwinan yang ditetapkan mengikut rencana Allah tersendiri. Sebelum para isteri begitu cepat membantah, renungi perkataan Paulus dalam Efesus 5:21, “Rendahkanlah dirimu seorang kepada yang lain di dalam takut akan Kristus.” Versi lain menggunakan perkataan takluk atau tunduk antara satu sama lain, yang membawa erti saling menghormati dan melayani sesama. Berikutan daripada itu, barulah Paulus memberi perintah khas tertuju kepada isteri supaya “tunduk kepada suaminya.”

Penerangan Paulus yang selanjutnya ketara sekali isteri perlu menunduk, mengakui suami sebagai kepala, sama seperti jemaat menunduk kepada Kristus sebagai ketua tubuh Kristus, bukan kerana adat-istiadat atau secara paksaan. Penundukan kepada suami yang warak adalah bukti kehormatan yang diberikan koleh isterinya kepadanya. Jangan kita lupa pula bahawa suami dipertanggungjawabkan untuk mengasihi isteri dan ini tanggungjawab yang lebih berat. Tiga kali Paulus menekankan bahawa kasih suami bukan setakat menjaga atau memenuhi keperluan isteri dan keluarga, tetapi seperti kasih Kristus kepada jemaah, sampai mengorbankan diri. Itulah kasih yang tertinggi sekali, kesanggupan untuk mati bagi yang dikasihi (Ef. 5:25, 28, 33).

Renungan hari ini: Penundukan menjadi bererti dan bermakna kalau ia timbul daripada kasih terhadap suami.

Jangan Menoleh Ke Belakang

BACAAN:
Kejadian 19:12-26

Ingatlah akan isteri Lot —Lukas 17:32

Semua barang telah pun dimuatkan ke atas lori untuk pemindahan hari itu. Aku memandang sekeliling rumah yang telah menjadi kediaman keluarga kami selama lebih lapan tahun dengan hati yang sayu untuk kali terakhir. Ketiga-tiga anak saya telah dibesarkan di tempat ini, banyak kenangan manis tersimpan dalam setiap bilik. Susah aku melepaskannya; semasa aku memandu keluar sambil aku menoleh ke belakang sekali lagi... airmataku bergelinciran dalam kolam mataku.

Kita semua akan melalui saat-saat begini apabila berhadapan dengan pertukaran keadaan dalam hidup kita. Ingat lagi masa pertama engkau meninggalkan orang tua dan kampung halaman untuk menuju ke kota besar melanjutkan pelajaran? Segala makanan sedap yang disediakan ibu kini digantikan dengan makanan kantin di universiti. Bagaimana rasa malam sebelum hari perkahwinan, anda mengetahui pada keesokanya engkau akan tidur di tempat baru? Manusia yang sentimental selalu memegang ketat kepada kenangan manis apalagi tempat di mana kita pernah bermekar.

Begitulah dengan Lot dan keluarganya yang diberi amaran untuk meninggalkan kota Sodom kerana malaikat Tuhan telah diutus memusnahkan kota yang sudah keterlaluan kedurjanaannya. Kedua-dua bakal menantunya tidak mahu mendengar pun sekalipun amaran diberikan dengan jelas. Lot sendiri melengah-lengahkan masa sampai malaikat Tuhan mendesaknya untuk memegang tangan isteri dan kedua-dua anaknya untuk menuntun mereka semua keluar kota itu. Lot masih enggan mentaati perintah malaikat Tuhan untuk berlari ke pergunungan dan sebaliknya minta perlindungan di kota kecil yang berdekatan. Setibanya di situlah isteri Lot menoleh belakang ke arah Sodom dan serta-merta ditukar menjadi tiang garam (Kej. 19:15-26).

Adakah hati kita seperti isteri Lot yang masih tertarik kepada “Sodom”, dunia lama kita? Mungkin kita menyesal sedikit terpaksa meninggalkan cara hidup yang nampaknya lebih bebas? Kita mungkin keberatan meninggalkan keselesaan dan kesenangan yang sudah menjadi kebiasaan hidup itu? Seperti Lot, adakah kita enggan dan lenggang-lengguh mematuhi perintah Allah supaya jangan mengasihi dunia dan apa yang ada di dalamnya? (1 Yoh. 2:15).

Berikut 3 perumpamaan tentang orang-orang yang melafazkan keinginan mengikuti-Nya tetapi berdolak-dalih pula, Yesus berfirman, “Setiap orang yang siap untuk membajak tetapi menoleh ke belakang, tidak layak untuk Kerajaan Allah” (Luk. 9:62). Seorang petani mesti menumpukan perhatian penuh ke arah hadapan bila dia mengenakan tenggala untuk membajak tanah. Kalau dia sering menoleh ke belakang, galur tanah tidak akan teratur rapi dalam barisan lurus. Paulus

mengingatkan fikirkanlah perkara yang di atas, bukan yang di bumi (Kol. 3:2). Ikutlah Tuhan dengan sepenuh hati dan jangan selalu menoleh ke belakang.

Renungan hari ini: Biar mataku tertumpu kepada Yesus dan berlari-lari dengan garis yang lurus.



*Adakah dunia ini begitu baik sehingga kamu
harus menyesal meninggalkannya?
Terdapat yang lebih bagus menantikan kita
di hadapan yang melebihi apa yang kita
tinggalkan di belakang.*

– C.S.Lewis

Aku Tidak Malu

BACAAN:

1 Petrus 3:15-16

Setiap orang yang mengakui Aku di depan manusia, Aku juga akan mengakuinya di depan Bapa-Ku yang di syurga. Tetapi barangsiapa menyangkal Aku di depan manusia, Aku juga akan menyangkalnya di depan Bapa-Ku yang di syurga. —Matius 10:32-33

Ahli kelompok sel saya pernah melawati negara Norway dalam rangka kerja selama beberapa hari. Dia menceritakan mula-mulanya dia berasa malu bila ternampak seorang wanita muda berdiri di persimpangan jalan; tangannya mengangkat papan tanda yang tertulis ungkapan perkataan ini: Bertaubatlah, Kerajaan Allah mendekati. Dia berpendapat pendekatan penginjilan ini sudah keterlaluan tetapi dia menyedari dia malu bukan kerana tindakan wanita itu tetapi kerana dia tidak berani menginjili begitu.

Memang membangkitkan hal-hal keagamaan boleh menjadikan sesetengah orang gelisah. Mereka lebih selesa bercakap tentang cuaca hari ini, tayangan gambar yang terkini, politik negara, atau kenakalan anak. Lebih senang kita bergurau-senda tentang yang tidak serius daripada menyentuh isu-isu sensitif seperti agama yang dianggap perkara peribadi. Kalaupun orang lain bercakap tentang-Nya kita tidak berani memberi ulasan.

Seperti Abraham yang cuba menyembunyikan taraf isterinya Sarah, kita cuba menyembunyikan Tuhan kita dalam gereja dan rumah kita sendiri. Bukan hanya sekali tetapi sudah dua kali, Abraham menipu raja asing dengan mengatakan Sarah ialah adiknya (Kej. 12:12, 20:2). Walaupun Sarah memang saudaranya, sesetengah kebenaran masih bersifat fitnah dalam mata Tuhan. Abraham berbuat begitu kerana takut kehilangan nyawa sendiri dan mahukan orang memperlakukannya dengan baik (Kej. 12:13).

Adakah kita berasa malu bercakap tentang Yesus dengan rakan sekerja yang makan tengah hari dengan kita setiap hari di tempat kerja? Beranikah kita menghulurkan trakta kepada orang yang kita tidak kenali di perhentian bas? Adakah kita membuka mulut menjemput jiran sebelah yang bukan Kristian ke gereja? Ataupun kita takut nanti jatuh air muka. Akhirnya, engkau berkesimpulan: cukuplah diri aku sudah selamat.

Perintah Yesus kepada murid-murid-Nya khusus, “Pergilah dan beritakanlah: Kerajaan Sorga sudah dekat” (Mat. 10:7). Ini bukan soal iman, tetapi soal ketaatan. Rasul Paulus menegaskan, “Usahakanlah supaya engkau layak di hadapan Allah sebagai seorang pekerja yang tidak usah malu, yang berterus terang memberitakan perkataan kebenaran itu” (2 Tim. 2:15).

Renungan hari ini: Aku tidak malu meniup sangkakala dan mengakui Tuhan Yesus yang hidup dan berkuasa dalam diriku...

Buat Apa Memandang ke Langit?

BACAAN:

Kisah Para Rasul 1:6-14

*“Hai orang-orang Galilea, mengapakah kamu berdiri melihat ke langit?”
—Kisah Para Rasul 1:11*

Entah kenapa jalan begitu sesak! Kereta yang berderet-deret bergerak perlahan-lahan bagai siput. Akhirnya sampai suatu selekoh baru jelas punca kesesakan itu kerana banyak pemandu yang memberhentikan kereta mereka, menyibuk-yibuk tentang kemalangan yang melibatkan dua motosikal yang telah dialihkan ke tepi jalan. Ramai orang telah turun mengelilingi kawasan kemalangan tersebut walaupun penunggang motosikal sudah tidak berada di situ.

Memang manusia berpanjang leher. Sekumpulan orang berdiri di atas bukit dengan mulut ternganga apabila Yesus terangkat ke syurga di depan mata mereka. Awan telah menutup-Nya dari pandangan mereka, tetapi mereka masih menatap ke langit (Kis. 1:9). Kalau malaikat tidak menjelmakan diri kepada mereka, entah berapa lama mereka tetap berdiri memandang ke atas.

Begitulah hidup sesetengah orang percaya tersangkut “memandang ke langit” sahaja. Kita boleh begitu terbawa oleh penyelamatan kita sehingga melupakan tujuan penyelamatan itu. Bukankah Yesus telah berfirman kepada pengikut-pengikut-Nya sebelum diangkat ke syurga, “Tetapi kamu harus tinggal di dalam kota ini sampai kamu diperlengkapi dengan kekuasaan dari tempat tinggi” (Luk. 24:49).

Walau bagaimanapun tumpuan mereka telah terganggu oleh mukjizat pengangkatan Yesus, fokus sudah berpindah dari Yerusalem ke “tempat tinggi.” Kadang-kadang kita pun sibuk mengejar mukjizat, kita lupa kita diberi kuasa oleh Tuhan. Hanya bila kita dikejutkan oleh malaikat yang menegur mereka dengan sindiran, barulah murid-murid bangkit mengalih perhatian sekali lagi kepada apa yang perlu dilakukan. Maka kembalilah rasul-rasul itu ke Yerusalem dari bukit. Di kota itulah mereka menanti, di ruang atas tempat mereka menumpang, semua bertekun dengan sehati dalam doa (Kis. 1:12-14). Sepuluh hari kemudian, tercurahlah kuasa Roh Kudus dengan hebatnya ke atas sehingga 120 orang yang berkumpul di situ. Sia-sia sahaja kalau mereka masih asyik berdiri memandang ke langit di atas bukit atau berusaha merumuskan apa yang telah terjadi.

Judson Cornwall pendeta terkenal berpendapat hidup orang percaya adalah praktikal sekali dan jemaah Kristus sepatutnya berfungsi dengan minda di syurga tetapi kaki berpijak kukuh atas bumi. Firman Tuhan mengesahkan walaupun kita yang menantikan Tuhan memperkuatkan kita sebagai rajawali untuk terbang tinggi namun kita dijangka berlari dan berjalan juga (Yes. 40:31).

Renungan hari ini: Jangan biarkan aku menjadi orang yang sudah terlalu bersifat syurgawi sehingga tiada berguna lagi di bumi.

Apa Engkau Buat Dengan Kunci Dalam Tanganmu?

BACAAN:
Lukas 9:1-2

Kerana kita ini buatan Allah, diciptakan dalam Kristus Yesus untuk melakukan pekerjaan baik, yang dipersiapkan Allah sebelumnya. Dia mau, supaya kita hidup di dalamnya. —Efesus 2:10

Seorang saudara saya sungguh menggilakan motosikal besar dan telah membeli sebuah motosikal jenama Harley Davidson yang mahal sekali. Suatu hari apabila saya mengunjunginya dengan senyap-senyap, aku terkejut melihat motosikal itu terletak betul-betul di tengah-tengah ruangan tamu. Berkilat-kilat cantik motorsikal itu, jelas dia menjaganya dengan penuh perhatian. Kunci motosikal itu terbiar atas meja. Saya menanyakan berapa kali dia akan menunggang motosikal? Dia berkata jarang sekali; dia lebih suka sahaja duduk mengaguminya dalam rumah.

Aneh, bukan? Buat apa menghamburkan begitu banyak wang membeli tetapi tidak menggunakannya? Sayang, itulah gambaran hidup sesetengah orang Kristian. Kita mengagumi keindahan persahabatan kita dengan Yesus dan berkumandang lagu-lagu indah. Kita “menyimpan-Nya dalam bilik kita, dalam gereja kita, dalam hati kita dan jarang mengeluarkan-Nya dalam masyarakat.

Di mana sahaja Yesus pergi, orang ramai berasak-asak mengerumuni-Nya, menyaksikan mukjizat yang dikerjakan-Nya – bagaimana Allah mengurapi Dia dengan Roh Kudus dan kuasa. Dia berjalan berkeliling sambil berbuat baik dan menyembuhkan semua yang dikuasai Iblis (Kis.10:38). Di tengah-tengah kesesakan orang, Yesus “merasa ada kuasa keluar dari diri-Ku” (Luk 8:46) kerana seorang perempuan yang sakit pendarahan telah menjamah jubah-Nya. Bayangkan kalau Yesus tetap tinggal di kampung ibubapa-Nya di Nazareth, bekerja sebagai tukang kayu di sisi Yusuf. Bagaimana kalau Yesus hanya “menyimpan” segala kuasa yang Dia dikurniakan Allah Bapa dalam Diri-Nya?

Dua belas murid-Nya diberikan tenaga dan kuasa untuk menguasai syaitan, menyembuhkan penyakit-penyakit dan memberitakan Kerajaan Allah (Luk.9:1-2). 70 orang murid yang lain diutus mendahului Yesus ke setiap kota dan tempat yang hendak dikunjungi-Nya, dan mereka kembali dengan gembira melaporkan “Tuhan, juga syaitan-syaitan takluk kepada kami demi nama-Mu” (Luk.10:1,17). Kita yang percaya telah diberikan kunci Kerajaan Syurga bersama dengan janji kewibawaan penuh bahawa “apa yang kau ikat di dunia ini akan terikat di syurga dan apa yang kau lepaskan di dunia ini akan terlepas di syurga” (Mat.16:19).

Soalannya adakah kita menggunakan kunci kita?

Renungan hari ini: Beranikan saya, Tuhan, untuk membuka kunci Nama-Mu supaya kuasa-Mu dinyatakan melalui diriku.

142

Sumber Kuasa

BACAAN:

Kisah Para Rasul 2:1-12

Tetapi kamu akan menerima kuasa, kalau Roh Kudus turun ke atas kamu. —Kisah Para Rasul 1:8

Anak sulung saya bertungkus-lumus suntuk hari di dapur menyediakan bahan-bahan membuat kek hari jadi untuk teman lelakinya. Dia berhati-hati mengikut setiap langkah yang diperincikan dalam buku resipi; memastikan segala sukatan tepat dan membancuh adunan dengan baik sekali. Tiba masa membakar dalam ketuhar, malangnya, didapati kuasa elektrik terputus! Saya memanggil pejabat Tenaga Nasional dan diberitahu memang ada gangguan elektrik di sekitar tempat perumahan kami selama beberapa jam. Habis rancangan anak saya untuk menyaji kek istimewa bagi yang tercinta.

Kita boleh merancang yang terbaik untuk melayani Tuhan yang kita sayangi. Dalam “kehangatan” keinginan ini, kita bertekun memperengkapi diri dengan pelbagai kemahiran. Kita menghadiri kelas ini dan kelas itu, mempelajari “teknik” memberitakan Injil dan berdoa untuk domba-domba. Kita membaca buku-buku untuk meluaskan pengetahuan mengenai nubuat, penyembuhan dan mukjizat. Kita mahu bersungguh-sungguh melayani Tuhan. Semua ini baik dan patut disambut dengan baik.


Namun, kita perlu menyedari bahawa Tuhan telah menyediakan sesuatu yang tidak dapat dipelajari daripada sesiapaupun atau buku mana pun. Ini adalah kurnia daripada Allah sendiri. Alkitab memberitahu kita dalam masa empat puluh hari selepas kebangkitan-Nya, Yesus berada di bumi, berbicara kepada para murid-Nya dan melarang mereka meninggalkan Yerusalem, menyuruh mereka tinggal di situ menantikan janji Bapa iaitu baptisan Roh Kudus (Kis.1:3-5). Perkataan asal “kuasa” dalam bahasa Yunanis adalah

“Dunamis” yang menghasilkan perkataan Inggeris “dynamite” iaitu bahan peledak yang membawa erti sesuatu yang boleh meletupkan. Inilah Roh yang membangkitkan Yesus daripada antara orang mati (Rom. 8:11). Fikirlah sebentar, betapa kuatnya kuasa ini yang mengalir dalam diri engkau untuk kehidupan dan pelayanan engkau.

Hasil pelayanan murid-murid Yesus selepas menerima pencurahan Roh pada hari Pentakosta mengagumkan sekali. Dalam khutbahnya yang pertama, Petrus membawa tiga ribu jiwa ke dalam kerajaan Allah (Kis. 2:41). Bayangannya boleh menyembuhkan orang sakit (Kis. 5:15) Bagaimanakah seorang nelayan yang tiada berpelajaran boleh melayani dengan begitu berkesan? Kita tidak dapat menyangkal kenyataan bahawa kuasa Roh Kudus mengalir dalam dirinya dan mendatangkan keajaiban.

Hal ini seperti anak saya sudah menyediakan bahan-bahan yang diperlukannya untuk mengujudkan kek, tetapi tanpa kuasa letrik, segala-galanya hanya tinggal bahan-bahan mentah sahaja. Begitu juga dengan pelayanan kita. Tanpa kuasa Roh Kudus, pelayanan kita hanya terhad kerana semua merupakan usaha daging manusia.

Renungan hari ini: Tiada yang mustahil dikerjakan oleh Roh Kudus, dan tiada apa yang ajaib boleh dikerjakan tanpa Roh Kudus.



*O Roh Kudus, banjirilah hatiku.
Terangilah sudut-sudut gelap dalam kediaman ini
yang telah diabaikan
dan taburkan atasnya sinaran ceria-Mu.*

– Augustine

113

Tujuan Kuasa

BACAAN:

Lukas 24:46-49

Tetapi kamu akan menerima kuasa, kalau Roh Kudus turun ke atas kamu, dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai ke ujung bumi. —Kisah Para Rasul 1:8

Setiap anak ada perwira kegemaran mereka, sama ada Superman, Batman, Spiderman, Ironman atau Cicakman yang merupakan watak rekaan filem atau watak komik terkenal. Bukan sahaja kanak-kanak yang tertarik dengannya tetapi orang dewasa juga tertarik dengan kuasa ajaib watak-watak ini yang digunakan untuk menewaskan segala rupa musuh termasuk yang terjahat. Akhirnya watak itu yang dipuji dan diagungkan kerana kebaikan dan kekuatannya. Kita tahu semua ini hanya rekaan imaginasi manusia untuk menghibur kita.

Untuk umat Allah, kita tahu kewujudan kuasa yang boleh mengerjakan mukjizat dan tanda-tanda ajaib yang bukan rekaan manusia tetapi kenyataan daripada Tuhan yang Maha Kuasa. Yang sungguh menghairankan lagi ialah kuasa itu bersemadi sebagai Roh Kudus dalam setiap orang yang telah menerima dan mengakui Yesus Kristus sebagai Tuhan. Dengan kuasa itu, seorang biasa boleh mengusir roh jahat, menyembuh orang sakit, bahkan membangkitkan orang mati.

Jangan silap kita tidak boleh menganggap kita berkuasa kerana kuasa Roh Kudus. Kuasa-Nya bukan untuk kita memegahkan diri dengan tanda-tanda ajaib. Yesus memberi perintah yang jelas sekali bila menjanjikan pencurahan Roh Kudus kepada murid-murid-Nya, "...dan kamu akan menjadi saksi-Ku..." Itulah tujuan kuasa Roh Kudus dikurniakan kepada kita, tiada tujuan selain daripada bersaksi. Kita hanya saksinya dan saluran Roh Kudus. Seorang saksi dalam prosiding mahkamah hanya diperlukan memberi pengakuan sendiri tentang hal yang dipertikaikan. Dia bukan penghakim, penuduh atau pembela. Kita juga tidak diperintahkan bersaksi tentang banyak perkara, hanya tentang Yesus. Hasil kesaksian adalah untuk menginsafkan orang akan kekejian dosa, kebenaran, dan penghakiman (Yoh.16:8) dan supaya Kristus dikenal, diterima, dikasihi, dipuji, dan dijadikan Tuhan.

Jangan kita terbawa oleh kuasa yang diberikan kepada kita dan menjadi angkuh sampai melupakan diri. Biar kita selalu mengingat segala mukjizat dan tanda-tanda ajaib yang dikerjakan bukan oleh kita tetapi oleh Roh Kudus. Seperti papan tanda yang terletak sepanjang jalan raya menunjukkan arah, begitulah semua mukjizat adalah petunjuk kepada Yesus bukan mengarahkan kepada diri kita sendiri, "Saya sangat diurapi."

Renungan hari ini: Kuasa Roh Kudus datang daripada-Nya untuk meyakinkan dunia akan kasih Tuhan Yesus.

Di Mana Roh Kudus?

BACAAN:

Kisah Para Rasul 8:4-24

Tetapi Petrus berkata kepadanya: “Binasalah kiranya wangmu itu bersama dengan engkau, kerana engkau menyangka, bahwa engkau dapat membeli karunia Allah dengan wang.” —Kisah Para Rasul 8:20

Satu siri lukisan kartun menggambarkan seorang tua sedang meraba-raba mencari kaca matanya. Dia mengeledah biliknya, mengorek bakul sampah dan menjolok-jolok pokok bunga dalam tamannya. Akhirnya anak cucunya berkata, “Tuk, kaca mata ada di kepala awaklah!” Mereka ketawa berdekah-dekah kerana datuk ini sudah lelah mencari-carinya.

Penduduk di sebuah kota Samaria bersukacita ketika mendengar pemberitaan Kristus oleh Filipus dan melihat tanda-tanda ajaib. Banyak orang yang kerasukan roh jahat mendapat pembebasan dan yang timpang disembuhkan. Seorang ahli sihir bernama Simon juga menjadi percaya, dan sesudah dibaptis, dia senantiasa bersama-sama dengan Filipus, dan takjub ketika dia melihat tanda-tanda dan mukjizat-mukjizat besar yang terjadi. Lanjutan Petrus dan Yohanes diutus ke kota itu, lalu mereka menumpangkan tangan di atas mereka yang percaya supaya menerima Roh Kudus (Kis. 8:6-7, 13,17). Ketika Simon melihat bahawa pemberian Roh Kudus terjadi oleh kerana rasul-rasul itu menumpangkan tangan, dia menawarkan wang kepada mereka, serta berkata: “Berikanlah juga kepadaku kuasa itu, supaya jika aku menumpangkan tanganku di atas seseorang, dia boleh menerima Roh Kudus” (Kis. 8:19).

Mungkinkah kita sudah lama percaya namun kita masih mempersoalkan dan tidak yakin sama ada kita sudah menerima Roh Kudus? Adakah anda masih “mencari-cari” Roh Kudus di gereja yang terbesar atau yang tercantik? Masihkah anda mengejar-gejar pendeta termasyhur untuk menumpangkan tangan atas anda dalam harapan dapat “menangkap” urapan Roh? Sebenarnya kita tidak payah pergi ke mana-mana atau kepada manusia untuk mendapatkan urapan Roh Kudus. Roh Kudus tercurah ke atas Kornelius dan semua yang hadir mendengar pemberitaan Petrus tanpa apa-apa penumpangkan tangan atau doa (Kis. 10:44).

Yesus berfirman, “Jadi jika kamu yang jahat tahu memberi pemberian yang baik kepada anak-anakmu, apalagi Bapamu yang di syurga! Dia akan memberikan Roh Kudus kepada mereka yang meminta kepada-Nya” (Luk.11:13). Petrus menerangkan Roh Kudus adalah karunia Allah dan telah dijanjikan kepada kita, anak-anak kita dan sesiapa yang akan dipanggil oleh Tuhan Allah kita (Kis.2:38-39).

Renungan hari ini: Aku hanya perlu meminta dan menerima Roh Kudus dengan iman kerana Allah telah menjanjikan-Nya kepada setiap yang percaya.

Lebuhraya Kudus

BACAAN:

1 Petrus 1:13-19

Tetapi hendaklah kamu menjadi kudus di dalam seluruh hidupmu sama seperti Dia yang kudus, yang telah memanggil kamu, sebab ada tertulis: Kuduslah kamu, sebab Aku kudus. —1 Petrus 1:15-16

Saya masih teringat sebelum Lebuhraya Utara-Selatan siap dibina, kalau kami ingin balik kampung ke Pulau Pinang, kami terpaksa menggunakan jalan lama yang sempit dan melalui banyak pekan-pekan yang terletak di sepanjang jalan itu. Banyak kenderaan berat seperti lori dan bas melambatkan perjalanan sampai perjalanan berlarutan berjam-jam. Sekarang Lebuhraya Utara-Selatan mempercepatkan perjalanan kerana melancong secara terus menerus sepanjang jalan tetapi kami perlu membayar harga tol yang memang tidak murah.

Perjalanan hidup orang yang percaya boleh diibaratkan serupa lebuhraya. Yesaya mendapat penglihatan jalanraya yang disebutkan Jalan Kudus yang dikhaskan untuk segolongan orang (Yes. 35:8-9). Jalan ini ibarat Lebuhraya utama yang memberi laluan terus menerus tanpa sebarang halangan untuk membolehkan orang mencapai Allah Bapa di syurga. Tol untuk Jalan ini telah dibayar oleh Yesus Kristus bukan dengan wang, emas atau perak, tetapi dengan nyawa-Nya sendiri.

Satu ciri khas Jalan ini adalah bukan semua orang boleh melaluinya; yang tidak tahir tidak akan melintasinya. Pak Pandir tidak akan mengembara di atasnya. Jalan ini dinamakan Jalan Kudus. Paulus mengingatkan kita yang percaya, “Kerana inilah kehendak Allah ialah pengudusanmu... Allah memanggil kita bukan untuk melakukan apa yang cemar, melainkan yang kudus. Kerana itu siapa yang menolak ini bukanlah menolak manusia, melainkan menolak Allah yang telah memberikan juga Roh-Nya yang kudus kepada kamu” (1 Tes. 4:3, 7-8).

Kehidupan yang kudus memanglah pimpinan Roh Kudus bagi setiap anak Allah. Nama Roh Allah ialah Roh Kudus oleh kerana itu kekudusan mewarnai sifat-Nya. Sering kali umat Allah silap menumpukan perhatian hanya pada kuasa Roh Kudus dalam pelayanan. Memang Roh Kudus memampukan kita melayani tetapi Allah tidak tertarik dengan betapa hebatnya pelayanan kita. Setelah memimpin bani Israel keluar daripada jalan perhambaan di Mesir, Tuhan menyuruh nabi Musa, “Berbicaralah kepada segenap jemaah Israel dan katakan kepada mereka: Kuduslah kamu, sebab Aku, Tuhan, Allahmu, kudus” (Im.19:2). Jalan dan penguasaan Roh Kudus ialah kehidupan kudus dalam semua selok belok kehidupan.

Hari ini lebuhraya yang perlu ditempuh oleh kita yang tertebus bukan hanya kuasa dalam pelayanan tetapi kekudusan hidup.

Renungan hari ini: Tuhan yang Maha Kudus, aku ingin berjalan intim dengan Engkau di lebuhraya kudus-Mu.

Menyerahkan Cota

BACAAN:
Yohanes 14:10-14

Aku berkata kepadamu: “Sesungguhnya barangsiapa percaya kepada-Ku, dia akan melakukan juga pekerjaan-pekerjaan yang Aku lakukan, bahkan pekerjaan-pekerjaan yang lebih besar dari pada itu.” —Yohanes 14:12

Saya bergiat dalam olahraga semasa di bangku sekolah. Acara kegemaran saya ialah berlari berganti-ganti yang melibatkan 4 pelari dalam sepasukan yang di tempatkan berjauhan antara satu sama lain atas trek padang. Pelari pertama memegang sebatang cota dan perlu menghabiskan satu pusingan sebelum dia menyerahkan cota dalam tangannya kepada pelari kedua dan seterusnya sampailah pelari terakhir. Kalau cota itu terjatuh dari pegangannya, pasukan itu dikira tidak layak lagi dalam perlumbaan itu.

Paulus mengibaratkan hidup manusia sebagai suatu pertandingan di mana ada garis akhir yang perlu dicapai (2 Tim. 4:7). Untuk manusia pertama, taman Eden adalah garisan permulaan pertandingan itu. Allah telah mengaruniakan kudrat kuasa kepada Adam dan Hawa untuk diserahkan kepada generasi seterusnya supaya manusia menjalani hidup dengan kemenangan sampai ke garisan akhir. Malangnya, kudrat itu terlepas dari tangan manusia pertama dan dirampas oleh si iblis. Tetapi setelah genap waktunya, Allah mengutus Anak-Nya, Yesus Kristus, yang dibangkitkan daripada kematian menjadi kepala semua pemerintah dan penguasa (Kol. 2:10). Dia telah melucuti pemerintah-pemerintah dan penguasa-penguasa dan menjadikan mereka tontonan umum dalam kemenangan-Nya atas mereka (Kol. 2:15). Untuk inilah Anak Allah menyatakan diri-Nya, iaitu supaya Dia membinasakan perbuatan-perbuatan iblis itu (1 Yoh. 3:8).

Kudrat kuasa kita telah diragut kembali daripada si iblis dan diberikan sekali lagi kepada manusia yang menjadi anak Allah oleh kepercayaan dalam Kristus. Allah bukan sahaja memampukan anak-anak-Nya melakukan seperti yang dilakukan Tuhan Yesus tetapi memperluaskan lagi jangkaun kuasa injil selepas pengangkatan Yesus ke syurga melalui pencurahan Roh Kudus ke atas mereka yang percaya. Kerja-kerja rasul-rasul Allah meliputi bukan sahaja mukjizat-mukjizat tetapi penginjilan sedunia dalam Kisah Para Rasul. Kudrat kuasa ilahi telah diterima baik oleh jemaah awal.

Hari ini kudrat itu telah diserahkan kepada generasi kita yang percaya kepada-Nya. Zaman telah berubah, tetapi dalam alam kerohanian, pertandingan masih sama. Kata Yesus sekali lagi, “Sama seperti Bapa mengutus Aku, demikian juga sekarang Aku mengutus kamu” (Yoh. 20:21).

Renungan hari ini: Saya memegang kudrat ini dengan baik-baik hingga ke garis akhir pelarianku serta menyerahkannya kepada generasi seterusnya.

Mendalami Sungai Hidup

BACAAN:

Yehezkiel 47:1-12

Dan pada hari terakhir, iaitu pada puncak perayaan itu, Yesus berdiri dan berseru: “Barangsiapa haus, baiklah dia datang kepada-Ku dan minum! Barangsiapa percaya kepada-Ku, seperti yang dikatakan oleh Kitab Suci: Dari dalam hatinya akan mengalir aliran-aliran air hidup.” Yang dimaksudkan-Nya ialah Roh yang akan diterima oleh mereka yang percaya kepada-Nya. —Yohanes 7:37-39

Simon telah bekerja keras bersama rakan nelayannya sepanjang malam untuk menangkap ikan namun ikan bilis pun tidak ada. Yesus yang berada di dalam perahunya berkata “Bertolaklah ke tempat yang dalam dan tebarkanlah jalamu untuk menangkap ikan.” Simon ragu-ragu tetapi mematuhi-Nya. Ajaib, jumlah tangkapan ikan begitu besar sehingga jala mereka mulai koyak (Luk. 5:4-6). Nabi Yehezkiel pula diberi penglihatan sebuah sungai yang mengalir dari Bait Suci. Seorang malaikat menyuruhnya masuk ke dalam sungai itu 4 kali berturut-turut dan setiap kali, paras air meninggi dari mulanya di pergelangan kaki, meningkat ke lutut sampai ke pinggang dan akhirnya menjadi sungai yang tidak dapat diseberangi lagi.

Simon disuruh menebarkan jala di tempat air dalam. Yehezkiel disuruh masuk sungai yang semakin dalam airnya. Saat kita menerima Yesus hanya titik permulaan hidup baru. Tuhan mahukan kita tampil masuk lebih dalam lagi untuk menikmati kepenuhan hidup itu, dalam kata Yesus, hidup berkelimpahan (Yoh. 10:10).

Kalau kita hanya menebarkan jala di air cetek pasti hasil tangkapan tidak lumayan. Kalau kita hanya berdiri di tebing sungai, hanya pergelangan kaki kita basah, ikan-ikan besar tidak akan datang. Kalau kita tidak menerima kuasa Roh Kudus, hidup kita sekadar biasa-biasa sahaja tidak ada yang luarbiasa. Hidup seorang yang percaya sepatutnya luarbiasa, padahal Yesus berfirman, air hidup akan mengalir dari dalam hati sesiapa yang percaya kepada-Nya (Yoh. 7:38). Sifat luarbiasa aliran air itu dijelaskan oleh Yehezkiel dalam penglihatannya (Yehez. 47:1-12) bahawa di mana sahaja sungai itu mengalir, ia memberi hidup dan kesuburan pada segala sesuatu yang tersentuh oleh airnya bahkan Laut Mati pun menghilangkan kematiannya

Saya masih teringat pengalaman saya sewaktu duduk di bawah air terjun semasa kem gereja. Berbanding dengan tempat air tenang yang terdapat di dalam kolam, kuasa pancuran dan hempasan air terjun yang tercurah ke atas bahagian belakangku kuat sekali membuat aku tercungap-cungap nafas. Bagaimana kalau kuasa Roh Kudus tercurah ke dalam hidup kita? Semestinya hebat lagi.

Renungan hari ini: Aku mahu melangkah lebih dalam lagi agar air sungai membual dalam diriku.

118 Dalam Domba Ada Singa

BACAAN:
Daniel 6:7-28

Lalu kata Daniel kepada raja: “Ya raja, kekallah hidupmu! Allahku telah mengutus malaikat-Nya untuk mengatupkan mulut singa-singa itu, sehingga mereka tidak mengapa-apakan aku...” —Daniel 6:21

Sebuah cerita menarik dijadikan filem yang berjudul Raja Singa mengisahkan tentang dua ekor singa yang merebut-rebut untuk menjadi Raja kawasan hutan mereka. Takhta pemerintahan telah dirampas oleh singa yang jahat dengan tipu muslihat namun kesudahannya gembira. Singa yang baik berjaya mengambil alih takhtanya yang memang kepunyaan-Nya.

Kekuatan dan keganasan singa melayakkannya digelar Raja Binatang. Berat seekor singa jantan yang dewasa boleh melebihi 550 paun. Sekawanan singa memburu dengan mengelip dan mengepong sekeliling buruannya sebelum menyerang dengan pantas. Begitu tepatnya gambaran Rasul Petrus yang memberi amaran kepada orang percaya, “Sedarlah dan berjaga-jagalah! Lawanmu, si Iblis, berjalan keliling sama seperti singa yang mengaum-aum dan mencari orang yang dapat ditelannya” (1 Pet.5:8).

Walaupun iblis disifatkan sebagai singa yang merbahaya, Alkitab menceritakan tentang seekor singa lagi yang lebih kuat iaitu “singa daripada suku Yehuda, tunas Daud, yang telah menang” (Wahy.5:5). Tiada siapa di syurga, di bumi atau di bawah bumi yang dapat membuka gulungan kitab dan 7 meterainya kecuali Singa ini iaitu Kristus yang berasal dari suku Yehuda dan keturunan keluarga Daud. Memang inilah Mesias yang telah diramalkan akan memerintah segenap bumi, yang berkemenangan sebagai Raja kekal. (Kej. 49:9-10, Yes. 11:1,10). Dialah yang telah membeli kita dari pada tiap-tiap suku dan bangsa, membuat kita menjadi suatu kerajaan, menjadi imam-imam bagi Allah yang akan memerintah sebagai Raja di bumi (Wahy.5:9-10).

Pada masa yang sama, Singa ini merupakan Anak Domba yang disembelih, layak menerima kuasa, kekayaan, hikmat, kekuatan, hormat, kemuliaan dan puji-pujian (Wahy.5:6,12). Inilah Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia, sebagaimana yang diiktirafkan nabi Yohanes apabila Yesus datang kepadanya (Yoh. 1:29).

Dalam Kristus Anak Domba dan Singa Yehuda adalah satu dan sama. Orang percaya sering diibaratkan sebagai domba yang daif tetapi jangan kita lupa di dalam setiap ekor domba hidup Singa yang telah mengalahkan singa-singa dunia ini. Walaupun kita dilemparkan ke dalam gua singa, kita menghadapi kebusaan iblis dan dunia manusia terhadap kita namun Singa Yehuda memberi kita keberanian seperti keberanian Daniel.

Renungan hari ini: Allah telah mengatup mulut singa-singa dunia yang mengancam saya kerana Singa Yehuda Maha Kuasa.

Masa Yang Tepat

BACAAN:

Pengkhotbah 3:1-11

Dia membuat segala sesuatu indah pada waktunya. —Pengkhotbah 3:11

Eesh, esh, ikan lagi, mak? Sudah 2 kali kami makan ikan minggu ini. Tiada masakan lainkah?” sungut anakku. Begitu juga bangsa Israel bersungut-sungut kepada Musa dalam perjalanan mereka di padang gurun, “sekarang kita kurus kering, tidak ada sesuatu apapun, kecuali manna ini saja yang kita lihat” (Bil. 11:6). Selama 40 tahun, Tuhan menghujani manna sebagai makanan sehari-hari bangsa Israel namun mereka tidak mengenang budi. Mereka ingin menjejak kaki ke tanah Kanaan dengan segera dan tidak mahu menempuh padang belantara.

Bandingkan keadaan mereka dengan nabi Elia; Tuhan memerintahkan burung gagak membawa kepadanya roti dan daging dua kali sehari selama tiga tahun semasa musim kemarau (1 Raj. 17:1-9). Tentu sekali Elia sudah muak dengan makanan itu tetapi dia tidak bersungut, tidak sepetah perkataan pun keluar dari mulutnya. Elia disuruh berangkat ke rumah janda Sarfat apabila sungai Kerit menjadi kering selepas tiga tahun. Nabi Elia pula dipergunakan Allah untuk melakukan mukjizat dalam hidup seorang janda miskin. Tuhan mengetahui masa yang tepat untuk membawa kita keluar daripada sesuatu keadaan ke dalam pengalaman baru.

Manusia begitu mudah menjadi bosan dan seringkali tidak sabar-sabar dengan rancangan Tuhan. Namun, kita tidak dapat mempercepatkan masa pelajaran yang telah direncanakan oleh Tuhan untuk kita. Tuhan menghentikan manna selepas 40 tahun sehingga habis mati segenap angkatan yang telah berbuat jahat di mata Tuhan dan setiba generasi selepas mereka di perbatasan tanah Kanaan (Kel. 16:35, Bil. 32:13, Josua 5:12).

Detik-detik khusus ini menandakan pengakhiran sesuatu yang lama dan permulaan sesuatu yang baru; rancangan Tuhan tergenap dalam jangka waktu Tuhan sendiri. Bangsa Israel bersedia untuk memasuki Tanah Perjanjian. Masa hidup kita ini ada dalam perhitungan-Nya kerana Dialah Tuhan yang mengatur “segala sesuatu” dan Dia menjadikan segala indah bagi kita. Semua mesti mengikut jam ilahi yang bijak.

Kamu mungkin merasa keadaan hidupmu sekian lama begitu susah dan nampaknya berterusan tanpa secercah terang dalam terowong. Mungkin sudah tiada apa-apa yang merangsangkan lagi pelayananmu. Adakah engkau berada di tengah-tengah padang gurun? Engkau berada pada musim kering dan kehausan air hidupkah?

Tabahkan hatilah. Rendahkan dirimu di bawah tangan Tuhan yang kuat, supaya kamu ditinggikan-Nya pada waktunya (1 Pet. 5:6). Tepat pada masa-Nya, Tuhan

akan bertindak dan mengubah keadaanmu. Jangan bersungut-sungut dan meragukan kebaikan Tuhan.

Renungan hari ini: Aku bersabar menantikan masa Tuhan yang tidak pernah terlambat untuk mengujudkan sesuatu yang baru dalam hidupku.



Kau Mengangkat Aku

*Saat aku terjatuh dan tak berdaya
Kesesakan menghimpit jiwa aku
Namun aku tetap menantikan Yesus
Sampai Dia menjamah dan memulihkan aku
Engkau mengangkat aku di atas gunung batu
Engkau mengangkat aku melewati badai
Aku jadi kuat kerana Kau menopang aku
Lebih daripada yang dapat aku perbuat*

(Lagu ciptaan Rolf Lovland/Brendan Graham)



Dengan Cincin Ini, Aku Mempertunangkan Engkau...

BACAAN:

2 Korintus 1:21-22

Di dalam Dia kamu juga – kerana kamu telah mendengar firman kebenaran, iaitu Injil keselamatanmu – di dalam Dia kamu juga, ketika kamu percaya, dimeteraikan dengan Roh Kudus, yang dijanjikan-Nya itu. Dan Roh Kudus itu adalah jaminan bagian kita sampai kita memperoleh seluruhnya, yaitu penebusan yang menjadikan kita milik Allah, untuk memuji kemuliaan-Nya. —Efesus 1:13-14

Saat indah suami aku menyarung cincin emas ke jariku menjadi kenangan manis sepanjang perkahwinanku. Cincin itu bukan mahal sangat, harganya kurang daripada RM100 kerana pada masa itu, dia baru bekerja. Rekabentuk sederhana sahaja. Selepas beberapa tahun baru dia mampu membeli sebungkus cincin berlian untuk saya tetapi bagi saya, cincin emas itulah yang tiada tolak banding. Sampai hari ini, ia masih aku pakai walaupun suami sudah lama meninggal dunia.

Cincin pertunangan satu lambang meterainya perhubungan khas antara sepasangan suami isteri. Bentuk bulatnya adalah pengumuman bahawa lelaki dan perempuan ini telah berkeputusan membuat satu komitmen antara satu sama lain untuk “menyatukan” diri mereka bersama-sama. Persekutuan bulat yang indah ini tidak akan terputus dan dimeterai selama-lamanya.

Paulus mengatakan kepada para jemaah di Korintus, “aku telah mempertunangkan kamu kepada satu laki-laki untuk membawa kamu sebagai perawan suci kepada Kristus (2 Kor. 11:2). Yesaya menggambarkan perhubungan orang yang percaya dengan Kristus sebagai suatu perkahwinan, “sebab yang menjadi suamimu ialah Dia yang menjadikan engkau, Tuhan semesta alam nama-Nya.” (Yes.54:5).

Begitu akrabnya perhubungan yang mahu dijalinan oleh Yesus dengan orang yang mempercayai-Nya. Kasih Mempelai ini suci dan berlainan daripada mereka yang mengadakan apa yang digelar “perhubungan satu malam” ataupun hanya untuk bercumbuan tanpa komitmen. Yesus menantikan pengantin di mezbah dan telah menyediakan cincin bukan daripada berlian atau emas yang terunggul tetapi dengan Roh-Nya sendiri dan persekutuan kekal termeterai..

Sebagaimana cincin pertunangan melambangkan perhubungan khas antara sepasangan suami isteri, begitulah Allah memeteraikan kita sebagai milik-Nya melalui pencurahan Roh Kudus (2 Kor.1:22). Roh Kudus adalah “jaminan” berkat-berkat yang akan datang kepada orang-orang percaya, iaitu cengkeram dari warisan kita sebagai anak Allah (2 Kor.5:5). Demikianlah, kita mempunyai bukti bahwa kita adalah anak Allah dan bahawa penebusan kita itu nyata jikalau Roh Kudus ada dalam hidup kita (Ef 1:5), dan mengubah serta memperbaharui kita.

Renungan hari ini: Bersyukurlah kerana aku milik Allah selama-lamanya.

Dari Yang Tertinggi Kepada Yang Terendah

BACAAN:
Filipi 2:1-11

Kerana itu sempurnakanlah sukacitaku dengan ini: hendaklah kamu sehati sefikir, dalam satu kasih, satu jiwa, satu tujuan, dengan tidak mencari kepentingan sendiri atau puji-pujian yang sia-sia. Sebaliknya hendaklah dengan rendah hati yang seorang menganggap yang lain lebih utama daripada dirinya sendiri. —Filipi 2:2-3

Akhir tahun adalah masa yang tertekan untuk saya kerana sebagai seorang pengetua, saya terpaksa membuat penilaian tahunan untuk kakitangan di bawah pengurusan saya. Hampir setiap mereka menerangkan dengan panjang lebar kenapa mereka sepatutnya mendapat gred yang lebih tinggi daripada apa yang saya nilaikan.

Ada pula seorang yang berpelajaran tinggi mempunyai cerita yang berlainan. Sementara orang perlu “membeli” kewarganegaraan Rom, dia mempunyai hak itu selaku kelahirannya (Kis. 22:3, 28). Setelah pertemuan mukjizat dengan Tuhan Yesus dalam perjalanannya ke Damsyik, suatu transformasi telah berlaku (Kis. 9:1-20). Orang saleh ini dipakai Tuhan dengan begitu hebat sekali sebagai “rasul kepada bangsa-bangsa bukan Yahudi” (Rom. 11:13). Dia merentasi kawasan Asia sampai ke Yunani dalam 3 pengembaraan mubaligh yang, menurut suatu kajian berjumlah lebih kurang 10,000 batu. Daripada 27 buku dalam Perjanjian Baru, sebanyak 13 surat dikatakan penulisan Paul. Sudah tentu sesiapa yang mempunyai rekod hidup begini boleh bermegah.

Perhatikan bagaimana dia merujuk kepada diri sendiri. Sering kali dalam penulisannya, dia menggelar diri sebagai hamba, bahkan seorang hukuman, orang yang dipenjarakan atau telah ditangkap oleh Yesus Kristus. Malah dia memanggil diri sebagai “yang paling hina di antara segala orang kudus” (Ef. 3:8) dan “orang yang paling berdosa” (1 Tim. 1:16). Lebih lama dia melayani sebagai rasul Tuhan, lebih rendah lagi hatinya.

Bagaimanakah dia memelihara pandangan diri sebegitu? Kita boleh dapat petunjuk daripada surat Filipi yang dituliskan semasa Paulus berada dalam penjara. Jelas sekali dia mengambil teladan daripada Tuhan Yesus Kristus, yang “walaupun dalam rupa Allah tidak menganggap kesetaraan dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia dan dalam keadaan sebagai manusia, Dia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati, bahkan sampai mati di kayu salib” (Fil. 2:6-8).

Lazimnya tabiat manusia mengagungkan dan menonjolkan diri sebaliknya Tuhan kita mengosongkan dan mengorbankan diri.

Renungan hari ini: Ampuni aku, ya Tuhan kerana hatiku yang angkuh dan berlagak. Jadikan aku sebagai hamba-Mu.

Sunyi Tetapi Tidak Sendiri

BACAAN:

Yohanes 16:27-33

Lihat, saatnya datang, bahkan sudah datang, bahwa kamu diceraiberaikan masing-masing ke tempatnya sendiri dan kamu meninggalkan Aku seorang diri. Namun Aku tidak seorang diri, sebab Bapa menyertai Aku. —Yohanes 16:32

Saat-saat yang tersunyi bagi saya adalah malam selepas upacara pengembumian suami saya. Semua orang telah beredar balik. Anak-anak saya yang penat pun tertidur. Saya duduk seorang diri di bilik tamu, enggan masuk ke bilik tidur mengadap katil yang kosong sebelah. Memang sejak berkahwin saya sudah biasa dengan kehadiran suami sampai susah tidur kalau dia tiada di sisiku. Seorang adik seiman dari gereja saya telah menawarkan diri secara sukarela untuk menemani saya buat malam itu. Namun hatiku tetap terbeban. Pada tengah-tengah malam, aku terjaga dan tidak dapat menahan lagi airmata yang mengalir. Waktu itu, adik yang berbaring di sampingku tidak berkata apa-apa, hanya memelukku. Sampai hari ini, saya masih menangis ketika teringat peristiwa itu.

Kebelakangan ini, saya mengalami kesunyian yang berpunca kerana anak-anak sudah besar. Nampaknya rumah semakin sepi kerana satu persatu ada rancangan tersendiri di luar. Makanan bertimbun dalam peti sejuk sebab tiada makna aku memasak untuk seorang diri sahaja. Pakar-pakar jiwa menggelar keadaan ini sebagai sindrom “anak burung meninggalkan sarang.” Kesunyian diri begitu menyiksa tetapi ia merupakan perjalanan yang mesti diharungi oleh setiap insan. Kerap kali kesunyian diakibatkan oleh kehilangan. Elisabeth Elliot, balu mubaligh Jim Elliot yang mati syahid dibunuh oleh kaum orang asli Waudani berkata, “Kesunyian adalah suatu belantara, tetapi kalau kita menerimanya daripada tangan Tuhan, dan menyerahkan kembali kepada-Nya dengan kesyukuran, ia menjadi jalan membawa kita kepada Tuhan sendiri.” Dia bertambah lagi, “Tukarkan kesunyianmu kepada kesepian, dan kesepian itu kepada doa.”

Memang ada perbezaan antara kesunyian dan kesepian. Yesus ditinggalkan dalam kesunyian oleh semua murid-Nya apabila menghadapi krisis terbesar hidup-Nya. Walau bagaimanapun, Dia tidak bersendirian. Dia mengetahui Bapa yang telah mengutus-Nya menyertai dan tidak membiarkan-Nya sendiri (Yoh. 8:29). Inilah Allah yang telah berjanji bukan sahaja kepada umat Israel melalui nabi Musa tetapi kepada setiap orang percaya, “Dia sendiri akan berjalan di depanmu, Dia sendiri akan menyertai engkau, Dia tidak akan membiarkan engkau dan tidak akan meninggalkan engkau; janganlah takut dan janganlah patah hati” (Ul. 31:8).

Renungan hari ini: Terima kasih Bapa, aku mungkin kesunyian tetapi aku tidak pernah bersendirian.

Apa Perbezaan Engkau?

BACAAN:

Kisah Para Rasul 4:1-13

Ketika sidang itu melihat keberanian Petrus dan Yohanes dan mengetahui, bahawa keduanya orang biasa yang tidak terpelajar, hairanlah mereka; dan mereka mengenal keduanya sebagai pengikut Yesus. —Kisah Para Rasul 4:13

Kalau kamu nampak sekumpulan orang berpakaian kemeja Manchester United, melambai panji-panji Manchester United, menyanyi lagu tema Manchester United, sudah tentu kesimpulannya kumpulan orang ini peminat pasukan sepak bola Manchester United. Begitu juga kalau kamu nampak seorang sami dengan kepala bercukur dan berpakaian jubah kuning, kamu akan menduga orang ini beragama Buddha.

Bagaimana pula dengan seorang Kristian? Apakah rupa seorang pengikut Yesus? Tiada apa-apa pakaian yang unik dipakai oleh orang Kristian. Seorang yang memakai aksesori kayu salib atas lehernya tidak semestinya orang yang percaya. Begitu juga bukan setiap orang yang hadir dalam gereja duduk mendengar khutbah pengikut Yesus yang ikhlas.

Ramai yang mengerumuni Yesus masa pelayanan-Nya di bumi; mereka mendengar, mereka melihat anak Tuhan dalam segala kemanusiaan dan keilahian-Nya. Ada yang hanya sekadar penonton saja, ada pula yang memerhati untuk “cari pasal” mengkritik-Nya. Ramai yang boleh percaya tetapi siapakah pengikut benar?

Selepas penyaliban Yesus, pengikut-Nya menyembunyikan diri di belakang pintu terkunci dalam ketakutan. Ajaib, sesuatu telah berlaku selepas 10 hari kebangkitan dan pengangkatan Tuhan Yesus ke syurga; kuasa Roh Kudus dicurahkan ke atas 120 orang yang berkumpul di satu tempat (Kis. 2:1-4). Pada lahiriahnya, mereka masih manusia yang kelihatan sama tetapi dalam batiniah mereka telah diubah.

Kisah Para Rasul menceritakan kesan pelayanan yang luar biasa sekali daripada jemaah pertama. Memang mereka orang biasa. Orang yang pertama dipanggil Yesus adalah hanya nelayan yang tidak berpelajaran tinggi tetapi wujud sesuatu yang membezakan mereka daripada orang lain, yang mengesahkan mereka sebagai pengikut Yesus. Alkitab memberitahu “rasul-rasul itu mengadakan banyak mujizat dan tanda” (Kis. 2:43). Ini adalah penganapan firman Yesus bahawa tanda-tanda ajaib akan menyertai orang yang percaya (Mr. 16:17-18). Tanda ini bukan karunia khusus untuk beberapa orang tertentu saja, tetapi diberikan kepada semua orang percaya yang sanggup bersaksi tentang Yesus dalam kuasa Roh Kudus.

Bagaimana dengan engkau? Adakah orang boleh mengenal kamu sebagai pengikut Yesus?

Renungan hari ini: Janganlah kita hanya jadi orang yang percaya tetapi menjadi orang yang berbeza dalam kehidupan dan pelayanan kita.

Bejana Mesti Pecah

BACAAN:

Lukas 8:40-48

Tetapi Yesus berkata: “Ada seorang yang menjamah Aku, sebab Aku merasa ada kuasa keluar dari diri-Ku.” —Lukas 8:46

Pernahkah kamu mendengar kisah dua bejana air? Satu bejana baru dan berkilat-kilat, manakala yang satu lagi sudah berkarat dan berlubang permukaannya. Setiap hari tuan mereka yang tinggal atas bukit perlu memenuhi kedua-dua bejana ini dengan air sungai yang mengalir di lembah lalu memikulnya atas bahunya sewaktu kembali. Setibanya di kemuncak bukit itu, bejana lama telah kehilangan hampir semua daripada airnya kerana kebocorannya. Bejana baru pula masih berisi penuh dan dalam keangkuhannya mengejek bejana lama, “Awak memang tak berguna bagi tuan!”

Mengapa engkau tidak menampal lubang-lubangku supaya tidak terbocor air isianya?” tanya bejana lama kepada tuannya.

Tuan punya itu membawa bejana itu ke luar rumah untuk memandang dari atas kemuncak bukit itu. Barulah bejana itu perhatikan kedua bahagian tepi jalan atas mana mereka melalui setiap hari berlainan sekali. Di bahagian atas mana air telah sering tertumpah daripada bejana yang terbocor itu bermekar bunga-bunga yang cantik dan segar sekali. Manakala bahagian tepi bertentangan tiada bunga yang harum yang menghiasinya.

Seorang perempuan yang berpenyakit darah selama 12 tahun berani menjamah jubah Tuhan Yesus di kalangan orang ramai. Dengan serta-merta, Dia telah mengetahui kerana terasa kuasa terkeluar daripada diri-Nya. Kuasa ini bukan sahaja menghentikan pengaliran darah perempuan itu tetapi seterusnya membangkitkan seorang anak muda daripada kematian (Luk. 8:40-56). Kuasa itu dimaksudkan untuk keluar, mengakibatkan sesuatu yang menakjubkan manusia dan memuliakan Allah. Seperti firman Yesus, “Barangsiapa percaya kepada-Ku, seperti yang dikatakan oleh Kitab Suci dari dalam hatinya akan mengalir aliran-aliran air hidup” (Yoh. 7:38).

Setiap orang yang percaya telah dikurniakan kuasa Roh Kudus. Tanyalah diri, adakah kuasa itu “mengalir keluar” daripada kamu? Kalau tidak, kenapa? Adakah kerana “bejana” kami tidak dipecahkan, kuasa itu tersimpan? Masihkah kamu ingat perempuan yang sanggup memecahkan buli-buli pualam berisi minyak narwastu murni yang termahal untuk mengurapi Yesus? (Mr.14:3). Kita juga perlu “memecah” dan menghancurkan segala halangan supaya kuasa yang terpendam boleh mengalir berkat.

Renungan hari ini: Tuhan, aku rela dipecahkan dari segala halangan dan kelemahanku supaya berkat ilahi dapat mengalir kepada orang lain.

Kekudusan Sebelum Kuasa

BACAAN:

2 Timotius 2:20-26

Korban sembelihan kepada Allah ialah jiwa yang hancur; hati yang patah dan remuk tidak akan Kau pandang hina, ya Allah. —Mazmur 51:17

Keluarga kami diundang ke jamuan perkahwinan anak seorang kawan yang diadakan di satu hotel terkemuka. Mengikut amalan jamuan makan Cina yang bersiri lapan jenis hidangan, semua pinggan mangkuk para tamu akan ditukar selepas setiap hidangan habis dimakan. Itulah tahap pelayanan yang terbaik. Mungkin kita fikir kenapa begitu susah payah, gunakanlah satu pinggan yang sama sepanjang jamuan itu bukan itu lebih cepat dan lebih menjimatkan kerja mencuci nanti! Fikirlah sebentar, adakah kita akan menghidangkan makanan enak ke atas pinggan yang sudah kotor?

Tuhan telah menjanjikan kepada setiap anak-Nya kuasa Roh Kudus untuk hidup dalam kemenangan di bumi ini. Penerapan janji itu bergantung kepada kesediaan diri kita untuk menerima daripada-Nya. Paulus menggambarkan 2 jenis perabot dalam sebuah rumah yang berlainan fungsi. Satu layak dipakai untuk maksud yang mulia dan satu lagi untuk yang kurang mulia (2 Tim. 2:20). Yang pertama diibaratkanbagai emas dan perak manakala yang terakhir hanya kayu dan tanah sahaja.

Begitu juga komposisi gereja; jemaah terdiri daripada semua orang percaya tetapi tidak semua dipakai sama oleh Tuhan. Paulus berkata, “Jika seorang menyucikan dirinya dari hal-hal yang jahat, ia akan menjadi perabot rumah untuk maksud yang mulia, dia dikuduskan, dipandang layak untuk dipakai tuannya dan disediakan untuk setiap pekerjaan yang mulia” (2 Tim. 2:21). Mutu pelayanan kita – samada kita emas atau kayu dalam mata Tuhan bergantung kepada betapa sedianya kita sanggup “menyucikan diri”.

Mungkinkah kita hendak melayani tetapi tidak mahu melepaskan tabiat-tabiat atau sikap buruk dalam hidup sendiri? Sungguhkah kita setia kepada kebenaran firman Allah? Tuhan tidak berkenan menggunakan hidup yang kotor untuk menunjukkan kemuliaan-Nya. Raja Daud menegaskan hanya “orang yang bersih tangannya dan murni hatinya, yang tidak menyerahkan dirinya kepada penipuan, dan yang tidak bersumpah palsu boleh naik ke atas gunung Tuhan, berdiri di tempat-Nya yang kudus dan menerima berkat dan keadilan dari Allah yang menyelamatkan dia” (Mazm. 24:3-5).

Renungan hari ini: Biar tanganku dibersihkan dari tindakan dosa dan hatiku mengacu kepada kekudusan batin supaya kuasa-Mu dipermuliakan dalam hidupku.

Keluarga Biasa?

BACAAN:

Roma 8:28-30

Kita tahu sekarang, bahwa Allah turut bekerja dalam segala sesuatu untuk mendatangkan kebaikan bagi mereka yang mengasihi Dia, iaitu bagi mereka yang terpanggil sesuai dengan rencana Allah. —Roma 8:28

Dia tidak pernah mengenali ibunya; kadang-kadang dia bertanya dirinya samada dia anak haram. Orang pernah berbisik-bisik bahawa nenek moyangnya seorang perempuan sundal. Bapanya pula tidak mempedulikannya dan berpendapat dia hanya berguna untuk menggembalakan kambing domba di padang. Abang-abangnya menghina sebagai anak bongsu. Tiga belas tahun kemudian, dia sendiri telah berumahtangga. Kadang-kadang dia telah lupa berapa perempuan dia telah memperisteri – mungkin 8 atau 9 agaknya. Yang memikat hatinya sekali sebenarnya isteri seorang anak buahnya dalam tentera diraja. Dia ternampak perempuan itu bermandi atas sotoh suatu petang. Mereka telah berzina semasa suami itu berjuang di medan peperangan, mengakibatkan perempuan itu hamil. Untuk menyembunyikan hal ini dan membolehkan dirinya memperisterinya, dia telah memberi perintah menghantar suami perempuan itu ke barisan depan pertempuran dan membiarkan dia dibunuh oleh pihak musuh. Kini, dalam tahun-tahun senjanya, hatinya sakit mengingati perpecahan keluarganya. Anaknyanya berkomplot membunuhnya untuk merampas kuasa kedudukannya. Seorang anak lain memperkosa adik perempuan sendiri, mengakibatkan pembunuhan antara adik-beradik.


Inilah ringkasan kisah keluarga seorang raja yang bernama raja Daud yang penuh dengan konflik dan masalah perhubungan sesama sendiri. Yang menariknya dia bukan sebarangan orang biasa. Diurapi nabi semasa muda, pahlawan yang mengalahkan orang gergasi, menaiki takhta sebagai Raja seluruh Israel, dia juga digelar seorang yang berkenan di hati Allah (Kis. 13:22), namun keluarganya begitu berporak-peranda sekali dilanda kematian dan keganasan. Walau bagaimanapun Tuhan dalam rahmat-Nya telah menetapkan keturunan orang ini untuk menghasilkan Mesias, Penyelamat dunia.

Kalau kita memperhatikan kisah orang-orang saleh yang tercatat dalam Alkitab, memang watak, hidup dan keluarga mereka tidak sempurna. Abraham seorang pendusta, Yakub penipu, Rahel pilih kasih, Salomo penuh berahi, Petrus seorang pengecut, Tomas selalu meragu-ragu, Paulus pembunuh sebelum dia mengenal Tuhan dan senarainya begitu panjang. Alkitab tidak menyembunyikan kecacatan atau dosa orang yang diceritakannya. Itu memberi kita harapan kerana hakikatnya cerita kita pun menyerupai cerita mereka jauh dari kesempurnaan. Apa yang berlaku dalam keluarga mereka juga berlaku dalam keluarga kita. Pengalaman yang dialami oleh mereka, pun kita alami walaupun dalam cara yang berlainan.

Satu yang ketara – Allah mengerjakan segala sesuatu sesuai menurut keputusan kehendak-Nya demi kemuliaan-Nya (Ef.1:11).

Renungan hari ini: Puji Tuhan, kemanusiaan saya mahupun kelemahan saya bukan penghalang kepada Allah.

Resipi Untuk Rumahtangga Bahagia



*Ambil cinta dan kesetiaan, campur betul-betul dengan iman,
bancuh dengan kelembutan, kemurahan hati dan pemahaman.
Tambah persahabatan dan pengharapan, taburkan banyak gelak tawa.
Bakarnya dengan sinaran matahari.
Sajikan dengan murah hati setiap hari.*

(Dipetik dari "Resipi Hidup" di <http://members.cox.net/maltshop/recipesforlife.htm>)

Dari Kekosongan Ke Kelimpahan

BACAAN:

1 Raja-Raja 17:7-176

Kerana barangsiapa mahu menyelamatkan nyawanya, dia akan kehilangan nyawanya; tetapi barangsiapa kehilangan nyawanya kerana Aku, dia akan memperolehnya. —Matius 16:25

Hati janda itu berat sekali. Sewaktu dia mengumpulkan kayu api di pintu gerbang kota, dia memikirkan anaknya yang lapar. Tiba-tiba suara orang asing menyela pemikirannya, “Cubalah ambil bagiku sedikit air dalam kendi, supaya aku minum.” Orang itu berseru, “Cuba ambil juga bagiku sepotong roti.” Maka tidak tertahan lagi air mata si janda lalu diberitahunya keadaannya, “Demi Tuhan, Allahmu, yang hidup, sesungguhnya tidak ada roti padaku sedikitpun, kecuali segenggam tepung dalam tempayan dan sedikit minyak dalam buli-buli. Dan sekarang aku sedang mengumpulkan dua tiga potong kayu api, kemudian aku mau pulang dan mengolahnya bagiku dan bagi anakku, dan setelah kami memakannya, maka kami akan mati.” Sahut orang itu, “Janganlah takut, pulanglah, buatlah seperti yang kaukatakan, tetapi buatlah lebih dahulu bagiku sepotong roti bundar kecil dari padanya, dan bawalah kepadaku, kemudian barulah kaubuat bagimu dan bagi anakmu. Sebab beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Tepung dalam tempayan itu tidak akan habis dan minyak dalam buli-buli itupun tidak akan berkurang sampai pada waktu Tuhan memberi hujan ke atas muka bumi” (1 Raj. 17:10-14).

Si janda merenung muka orang yang bercakap dengannya lalu terlintas dalam fikirannya, bukankah kemarau ini begitu teruk berlanjutan, dia berangan-angan meramalkan hujan lagi? Sekarang hanya tinggal cukup tepung dan minyak untuk satu hidangan terakhir bagi kami berdua. Kalau saya memasak untuknya, tiada apa yang tinggal lagi untuk aku dan anakku. “Masakan tepung dan minyak boleh berganda sendiri? Bukankah dia nampak begitu yakin sekali ketika menyebut tentang Tuhannya, Allah Israel. Biar aku buat seperti yang dia katakan; mungkin benar Allahnya itu akan melakukan mukjizat...” janda itu mungkin berfikir dalam hatinya. Akibat kesudian mengosongkan tangannya dan mengambil risiko, walaupun janda di Sarfat tidak mengenal Elia, dia telah menerima berkat kelimpahan dari tangan Tuhan.

Sedarkah kita tepung yang dimasak menjadi roti dan minyak yang tiada berhenti merupakan roti hidup yang dilipat gandakan oleh Tuhan? Sudikah kita memberi segalanya kepada Tuhan supaya menikmati berkat-Nya yang tidak berhenti mengalir?

Renungan hari ini: Berkat menantikan mereka yang sanggup menyerahkan jiwa raga dan harta milik kepada Tuhan.

Dunia Kenyataan

BACAAN:
Yohanes 14:1-4

Di rumah Bapa-Ku banyak tempat tinggal. Jika tidak demikian, tentu Aku mengatakannya kepadamu. Sebab Aku pergi ke situ untuk menyediakan tempat bagimu. —Yohanes 14:1

Satu tayangan gambar yang menarik sekali menceritakan tentang kebolehan manusia pakar untuk “menanam” mimpi dalam akal seseorang sehingga dia “masuk hidup” dalam mimpi itu seperti sudah menjadi kenyataan. Begitu rumit sekali proses penghidupan ini sampai tidak kita dapat lagi membezakan dunia yang sebenarnya dengan dunia impian.

Mungkinkah umat manusia pun berada dalam bahaya kekeliruan begitu? Manusia senang menganggap dunia fana sebagai tempat tetap kita, manakala syurga untuk kebanyakan orang hanya suatu pengharapan dalam hati yang tidak pasti wujud. Ketidakpastian ini telah menyebabkan manusia hidup seperti tiada hari esok di bumi ini, macam orang kaya yang bodoh dalam perumpamaan Yesus yang hanya tahu beristirahat, makan, minum dan bersenang lenang (Luk. 12:19). Begitu juga di zaman Nuh dan Lot, manusia terus makan, minum, berkahwin, membeli, menjual, menanam dan membangun, semua hidup “seperti biasa” (Luk 17:27-28).

Alkitab mengingatkan orang percaya bahawa kewargaan kita berada dalam syurga (Fil. 3:20) dan kita hanya “pendatang dan perantau” di bumi ini (1 Pet. 2:11). Pernah dikatakan bahawa rumah kita di bumi ini sebenarnya hotel persinggahan sementara waktu. Suatu hari nanti kita akan “check-out” dan “balik kampung” menetap selama-lamanya dalam pangkuan Abba Bapa yang menunggu menyambut kita.

Jadi jangan biar kaki kita “bertumbuh akar” dalam tanah bumi ini sehingga terlupa kenyataan bahawa sebenarnya yang kekal dan kerajaan Allah sungguh nyata dan penting. Abraham mengikut perintah Allah berangkat keluar dan berdiam di tempat yang ditunjukkan, “seolah-olah di suatu tanah asing... sebab dia menantikan kota yang mempunyai dasar, yang direncanakan dan dibangun oleh Allah” (Ibr. 11:8-10), sesuatu yang lebih baik daripada tanah impian di bumi. Justru kenyataan inilah, Paulus mengeluh merindukan kediaman syurgawi di atas kediaman bumi yang sekarang ini (2 Kor. 5:2).

Yohanes melukis gambar kediaman itu sebagai tempat di mana Allah berdiam bersama-sama manusia. “Dan Dia akan menghapus segala air mata dari mata mereka dan maut tidak akan ada lagi; tidak akan ada lagi perkabungan, atau ratap tangis, atau dukacita, sebab segala sesuatu yang lama itu telah berlalu” (Wahy. 21:3-4). Itulah dunia kenyataan sebenarnya dan bukan dunia impian.

Renungan hari ini: Dunia ini bukan rumah tetapku, hanya syurga adalah kenyataan yang tetap.

Jangan Tinggi Hati

BACAAN:

Roma 12:1-4

Berdasarkan kasih karunia yang dianugerahkan kepadaku, aku berkata kepada setiap orang di antara kamu: Janganlah kamu memikirkan hal-hal yang lebih tinggi daripada yang patut kamu pikirkan, tetapi hendaklah kamu berfikir begitu rupa, sehingga kamu menguasai diri menurut ukuran iman, yang dikaruniakan Allah kepada kamu masing-masing. —Roma 12:3

Sekilas pandang, kita menganggap dosa Adam dan Hawa semata-mata pelanggaran perintah Tuhan kerana memakan buah larangan. Tidak dapat disangkal, itu memang suatu pemberontakan. Kalau kita mengkaji motivasi di sebalik pemberontakan ini, kita menyedari wujud dosa yang lebih serius iaitu pemujaan diri yang diciptakan lebih daripada Penciptanya. Hawa mempercayai dusta iblis bahawa dengan memakan buah itu akan menjadikannya “seperti Allah” (Kej. 3:5).

Ejekan Yesaya mengenai Raja Babel yang dikatakan “hendak naik mengatasi ketinggian awan-awan, hendak menyamai Yang Maha Tinggi” (Yes. 14:14). Bukankah yang terselubung di sebalik keinginan ini ialah cita-cita si iblis dari permulaan masa hingga ke Raja Babel sampai kini untuk memberontak terhadap Tuhan? Keinginan “menjadi seperti Allah” yang terpendam dalam iblis dan manusia mengakibatkan iblis diusir dari syurga dan manusia dari taman Eden. Terselit dalam dosa ini ialah keangkuhan dan pemujaan diri.

Bandingkan percobaan Adam dan Hawa di taman Eden dengan percobaan Yesus di padang gurun. Iblis menggunakan cara yang sama mencabar Yesus membuktikan kuasa keilahian-Nya supaya menukar batu menjadi roti dan menjatuhkan diri dari bumbung bait Allah (Mat. 4:3-7). Bukankah wajar bagi Dia memuaskan kelaparan badan-Nya dan mempertahankan kedudukan-Nya? Semestinya Yesus boleh melakukan kerana Dia memang Anak Allah tetapi Yesus enggan melakukannya kerana Dia tidak perlu membuktikan apa-apa kepada si iblis.

Bagaimana dengan kita? Adakah kita selalu menonjolkan kebolehan kita dalam pelayanan? Sebenarnya kita tiada apa-apa yang boleh dimegahkan sedikit pun kerana segala yang kita miliki daripada Allah yang penuh kemurahan. Penulis Amsal memberi amaran kepada kita bahawa mata yang congkak dan hati yang sombong, yang menjadi pelita orang fasik, adalah dosa (Ams. 21:4). Dalam senarai 7 kesalahan besar keangkuhan adalah dianggap sebagai yang serius sekali kerana daripada dosa inilah berpunca segala kesalahan lain. Biar kita selalu ingat Tuhan membenci orang yang tinggi hati, tetapi memberkati orang yang rendah hati (Ams. 3:34).

Renungan hari ini: Berikan aku hati seorang hamba yang selalu menunduk kepada Engkau, Bapa.

Semua Diberi

BACAAN:
Yohanes 15:12-17

Aku tidak menyebut kamu lagi hamba, sebab hamba tidak tahu, apa yang diperbuat oleh tuannya, tetapi Aku menyebut kamu sahabat, kerana Aku telah memberitahukan kepada kamu segala sesuatu yang telah-Ku dengar dari Bapa-Ku. —Yohanes 15:15

Biasanya seorang guru kungfu tidak akan mengajar semua teknik kemahirannya kepada murid yang diajarinya kerana dia takut muridnya menjadi lebih cekap dan merampas kuasa daripadanya pula. Begitu juga sesetengah pakar tukang masak menyembunyikan ramuan atau teknik memasak hidangan pengenalnya supaya tiada orang yang dapat “mencuri” resepi rahsia itu dan menjadi lebih terkenal daripadanya.

Sifat ketamakan yang memegahkan diri memang resmi dalam manusia. Sebaliknya, Abba Bapa kita bukanlah Tuhan kedekut yang hanya mementingkan Diri dan tidak mahu “berkongsi” dengan kita. Dia begitu murah hati. Pada kali pertama Yesus mengutuskan kedua belas murid-Nya keluar mewakili-Nya, Lukas memberitahu kita bahawa Dia memberikan tenaga dan kuasa kepada mereka untuk menguasai setan-setan dan untuk menyembuhkan penyakit-penyakit (Luk. 9:1) sebagaimana yang Dia sendiri telah melakukan. Kumpulan kecil ini terdiri daripada manusia biasa-biasa sahaja yang tidak mungkin boleh berbuat demikian. Tuhan Yesus telah memberi “tenaga dan kuasa” yakni kemampuan dan hak untuk memakainya. Selepas itu, apabila Yesus mengutus 70 orang murid mendahului-Nya ke setiap kota dan tempat yang hendak dikunjungi-Nya, Dia memberikan kuasa untuk menginjak ular dan kalajengking dan kuasa untuk menahan kekuatan musuh, sehingga tidak ada yang akan membahayakan mereka (Luk.10:19). Ular dan kalajengking melambangkan kekuatan yang paling berbahaya dari kejahatan rohani. Firman Yesus kepada Petrus, “Kepadamu akan Ku berikan kunci Kerajaan Syurga. Apa yang kau ikat di dunia ini akan terikat di syurga dan apa yang kau lepaskan di dunia ini akan terlepas di syurga” (Mat.16:19). Kita yang percaya juga diberi kunci sama.

Sesungguhnya segalanya dikurniakan kepada kita yang mengikut Yesus sebagai Jalan, Kebenaran dan Kehidupan. Dia sudi mengambil kita bukan sebagai hamba yang diperlakukan sebagai alat untuk memperoleh hasil tetapi sebagai sahabat. Perkataan sahabat dipakai dalam konteks sahabat mempelai laki-laki yang mewakilinya dalam urusan pernikahan. Inilah perhubungan mesra yang diamanahkan sebagai pertanggung-jawapan kepada orang yang mengenalinya.

Renungan hari ini: Allah tidak menyorok kuasa-Nya mahupun rahsia hikmat-Nya tetapi memberikan segala sesuatu kepada saya.

Kisah Dua Kerajaan

BACAAN:

2 Korintus 6:11-18

Janganlah kamu merupakan pasangan yang tidak seimbang dengan orang-orang yang tak percaya. —2 Korintus 6:14


Anna sungguh tidak memahami kenapa ibubapanya begitu berkeras hati menghalangi rancangan perkahwinannya dengan teman lelakiinya. Mereka tahu dia pemuda yang ikhlas terhadapnya, bersopan-santun, datang daripada keluarga baik, cerdik dan bertanggungjawab. Amir tidak bertabiat buruk pun; tidak merokok, minum, atau berjudi. Hanya satu bantahan sahaja, dia bukan seorang Kristian. Anna telah menangis tersedu-sedu apabila ibunya menasihatinya supaya membatalkan rancangan perkahwinan mereka. Hatinya hampa dan marah terhadap pendirian orang tuanya yang menurutnya kolot sekali. Anna berpendapat larangan Alkitab yang dipegang ibubapanya itu hanya terpakai dalam zaman penulisannya, dan bukan pada masa sekarang. Suatu hari ibunya memanggil Anna dan menceritakan kepadanya kisah dua kerajaan bertentangan yang terdapat dalam Alkitab...

Pada mulanya, bumi belum berbentuk dan kosong; gelap gelita menutupi samudera raya (Kej. 1:2). Allah berfirman, “Jadilah terang” (Kej.1:3). Maka kegelapan diatasi oleh terang yang terjelma; tertunduk kepada kehendak-Nya. Apabila terang datang, kegelapan mesti pergi. Ketika kita melangkah masuk ke dalam sebuah bilik yang gelap dan menekan suis untuk menghidupkan lampu, nyalaan terang semestinya menghilangkan segala kekelaman tempat itu. Terang tidak mungkin dapat bersatu dengan gelap. Kerajaan terang bertentangan kerajaan gelap.

Satu-satunya ciri kerajaan ialah pemerintahan oleh seseorang raja atau pihak yang berkuasa. Seterusnya di mana ada raja mesti ada rakyat atau warganegara yang ditaklukinya. Dalam penciptaan bumi, Allah telah memisahkan terang dari gelap (Kej. 1:4). Begitu juga rakyat kerajaan terang dan rakyat kerajaan gelap wujud terpisah dan tidak mungkin bercampuran antara satu sama lain. Mereka saling menurut perintah raja yang menakluki mereka tersendiri. Seorang rakyat dari kerajaan gelap tidak boleh menjadi rakyat kerajaan terang dalam masa yang sama atau sebaliknya. Apabila kita menerima Yesus, “Dia telah melepaskan kita dari kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam Kerajaan Anak-Nya yang kekasih” (Kol. 1:13). Pindahan ini terus mengangkat kita keluar dari satu kerajaan (gelap) ke dalam kerajaan bertentangan (terang).

“Tetapi, mak, saya mencintainya dan dia juga mencintai Anna. Bukankah ibu dapat melihat dia orang baik?” Ibunya mengeluh, “Ini bukan soal perasaan hati atau kebaikan orangnya, nak. Itu memang tidak dinafikan. Tetapi Tuhan telah memberi amaran hubungan yang tidak seimbang yang dapat menjejaskan pula hubungan kita dengan-Nya.”

Renungan hari ini: Aku tidak akan menjalin perhubungan yang tidak berkenan dalam mata Tuhan kerana perhubunganku dengan-Nya lebih penting.



Keindahan Tergantung Atas Kayu Salib

BACAAN:

Yesaya 53:1-12

Sebagai taruk dia tumbuh di hadapan Tuhan dan sebagai tunas dari tanah kering. Dia tidak tampan dan semaraknyapun tidak ada sehingga kita memandang dia, dan rupapun tidak, sehingga kita menginginkannya. Dia dihina dan dihindari orang, seorang yang penuh kesengsaraan dan yang biasa menderita kesakitan; dia sangat dihina, sehingga orang menutup mukanya terhadap dia dan bagi kita pun dia tidak masuk hitungan. —Yesaya 53:2-3

Sewaktu remaja, saya pernah melalui satu fasa ketika saya tergila-gila selebriti seperti penyanyi dan pelakon lelaki. Saya mendengar kaset-kaset lagu mereka sepanjang hari, menonton filem lakonan mereka berulang-kali, membeli majalah-majalah gosip yang menceritakan kehidupan dan berita berjus-jus mereka. Di atas dinding bilik tidur saya menampal poster-poster besar muka idola semasa. Fasa keremajaan itu berlalu tetapi saya mesti mengaku daya tawan seorang lelaki tampan masih boleh menangkap mata tua ini sejourus seketika.

Sering kali saya cuba membayangkan pula rupa Yesus yang tidak pernah saya tengok. Adakah orang-Nya tinggi? Bagaimana rambut-Nya? Apa warna mata-Nya? Pelakon-pelakon yang memainkan peranan Yesus dalam filem Kristian semuanya tampan-tampan belaka. Alkitab tidak memberitahu kita tentang keindahan wajah Yesus. Mesias yang datang untuk menyelamatkan dunia tidak memiliki kemuliaan duniawi atau apa-apa kegagahan fizik yang memikat hati. Orang tidak memandang atau mengingini-Nya, sebaliknya Dia sangat dihina, sampai orang memaling muka terhadap-Nya. Raja atas segala raja tidak menunggang kuda putih tetapi seekor keldai. Kematian-Nya hodoh sekali; badan berlumuran darah dalam keadaan hampir telanjang tergantung atas 2 batang kayu kasar yang diikat dalam bentuk salib.

Kenapa pula saya boleh jatuh cinta kepada Tuhan Yesus? Sembilan tahun dahulu, saya berbisik nama-Nya dan sejak masa itu hati saya sudah dalam lamunan kasih yang tiada dapat terhurai dalam perkataan manusia. Setiap hari cinta saya terhadap-Nya lebih mendalam lagi kerana saya sedar keindahan-Nya tidak terletak pada wajah lahiriah-Nya tetapi dalam kasih-Nya yang terbukti atas kayu salib. Pada saat-saat yang begitu hodoh sekali apabila tangan-Nya dipaku terbentang luas, terukir gambaran Kasih yang terindah sekali. Apakah yang engkau nampak dalam Yesus?

Renungan hari ini: Tidak kisah sama ada Dia tampan atau tidak, tidak payah aku melihat rupa-Nya, aku tetap mengasihi Yesus, yang terlebih dahulu mengasihi aku.

163 Tersenaraikah Namamu?

BACAAN:
Yohanes 10:17-20

Barangsiapa menang, dia akan dikenakan pakaian putih yang demikian; Aku tidak akan menghapus namanya dari kitab kehidupan, melainkan Aku akan mengukurnya di hadapan Bapa-Ku dan di hadapan para malaikat-Nya. —Wahyu 3:5

Allah menganggap nama seseorang itu begitu penting. Dia pernah memberi nama baru kepada sesetengah umat-Nya untuk merekodkan saat-saat bersejarah dalam pengalaman mereka dengan-Nya. Allah menyediakan nama istimewa dan bermakna sekali untuk Anak Tunggal-Nya sebelum kelahiran-Nya dalam dunia manusia. Allah sendiri pula dikenali dengan pelbagai nama yang membawa pengertian cantik sekali.

Semua manusia mempunyai identifikasi melalui nama mereka yang tersendiri dan unik. Waktu seorang bayi dilahirkan dalam dunia, suatu nama dipilih dan diberikan kepadanya. Nama itulah yang akan dipakai seumur hidupnya. Nama itulah yang diperturunkan ke atas semua bentuk pendaftaran rasmi, dari masa dia memulakan dan menghabiskan pelajarannya, mendapatkan kad pendaftaran, paspot, sijil perkahwinan dan akhirnya sijil kematian. Justeru itu, pilihan nama anak dilakukan dengan teliti sekali supaya menjadi sebagai suatu petanda yang baik, membawa berkat ke atas anak yang dinamakan. Orang Cina juga menegaskan nama baik keluarga. Sepintas lalu nama keluarga seorang Cina akan menunjukkan keturunan nenek-moyang dan asal-usulnya.

Di dunia ini saat seseorang itu mati, itulah kali terakhir namanya akan direkodkan. Sebaliknya, namanya dalam rekod Tuhan di syurga bukanlah akhir cerita melainkan cerita baru bermula. Yohanes memberitahu kita pada waktu penghakiman, kitab-kitab yang tersimpan di syurga yang merekodkan nama dan perbuatan setiap manusia akan dibuka untuk pemeriksaan (Wahy. 20:12). Alat rekod itu dikenali sebagai kitab kehidupan di mana rekod nama semua umat manusia tercatat. Nama yang tinggal atas senarai itu terselamat daripada penghakiman terakhir nanti (Wahy. 20:15, Dan. 12:1). Tercatatnya nama kita dalam kitab ini adalah bukti bahawa kita diterima sebagai anak Allah yang dilayakkan hanya oleh kepercayaan, pengakuan dan penerimaan Yesus Kristus sebagai Juru Selamat kita.

Awas, Alkitab juga memberi amaran bahawa nama seseorang itu mungkin terhapus dari kitab hidup (Mazm. 69:28, Wahy. 20:15). Tidak kira sama ada ini merujuk kepada jemaah atau orang yang tidak percaya, kemungkinan ini patut membuat kita berhati-hati tentang bagaimana kita mengendalikan hidup kita di bumi ini.

Renungan hari ini: Saya bersukacita kerana namaku terdaftar dalam kitab kehidupan Allah dan saya ingin hidup berkenan kepada-Nya.

Bersedia Berangkat

BACAAN:

Matius 25:1-13

Kerana itu, berjaga-jagalah, sebab kamu tidak tahu akan hari mahupun akan saatnya. —Matius 25:13

Saya tidak dapat menjelaskan perasaan cemas saya ketika saya pertama kali mengandung. Sebelum tarikh anggaran kelahiran bayi, saya sudah menyiapkan sebuah beg berisi baju, selimut, dan segala kelengkapan dandanan diri dan bersiap sedia untuk masuk hospital. Beg besar ini saya letakkan di tepi pintu besar rumah supaya boleh diangkat serta-merta oleh sesiapaapun. Dalam bulan keempat kehamilan saya, saya sudah mendesak suami saya menyertai saya membeli segala barang keperluan untuk menyambut kedatangan anak kami seperti buaian, botol susu, pakaian dan permainan khas untuk bayi. Bilik bayi pun dihias awal-awal lagi. Saya asyik membaca buku dan majalah untuk ibu-ibu kerana saya ingin belajar topik-topik bertemakan bayi dan ibu. Saya bersedia mantap untuk menyambut jiwa baru yang akan datang. Lain cerita pula apabila aku mengandung anak-anakku yang kedua dan ketiga kerana saya sudah melalui pengalaman dengan anak pertama. Saya tidak lagi begitu cemas dengan persiapan-persiapan sebelum kelahiran yang seterusnya.

Kadangkala umat Kristian pun terjerat dalam perangkap kebiasaan. Walaupun kita tahu Tuhan Yesus akan kembali lagi melalui para rasul yang tidak berhenti-henti memberi amaran kepada jemaah tentang kedatangan-Nya lagi namun kita terlena. Sudah berapa kali pendeta kita mengingatkan kita dalam khutbahnya. Memang sepatutnya kita selalu bersiap sedia. Mungkin pada pertama kali kita mendengar atau membaca firman Allah tentang kedatangan Yesus yang kedua, kita masih hangat menyambut-Nya dan berazam bersiap sedia seperti lima orang gadis bijaksana yang bersedia dengan pelita dan minyak untuk menyongsong mempelai lelaki (Mat. 25:1-13).

Bukankah selepas sepuluh tahun, dua puluh, tiga puluh tahun, roda hidup berputar seperti biasa sahaja? Keghairan kita untuk Yesus yang meluap-luap sudah reda menjadi suatu penerimaan dalam akal budi sahaja dan tidak lagi berkorbar-korbar dalam hati. Sedarkah kita kejahatan yang semakin hebat dan semakin merebak di sekeliling dunia ini petanda kedatangan Yesus semakin mendekat? Kita menyingkir tanda-tanda dan menganggapnya sebagai pusingan hidup kemanusiaan yang telah berlaku berkali-kali dalam sejarah pengalaman manusia. Kita berpendapat tidak usah menyiapkan diri lagi kerana kedatangan-Nya tidak akan terjadi kepada kita pada generasi ini.

Renungan hari ini: Saya tidak mahu terlena seperti lima orang gadis bodoh dan ditolak oleh Mempelai apabila Dia datang untuk pengantin-Nya.

Panggilan Terakhir

BACAAN:
2 Petrus 3:7-15

Kerana semuanya itu akan dihancurkan dengan cara yang demikian, bagaimanakah seharusnya kalian hidup? Kalian harus hidup suci dan khusus untuk Allah, iaitu kamu yang menantikan dan mempercepat kedatangan hari Allah. —2 Petrus 3:11-12

Sudah tiga kali aku memanggil anak bongsu saya. Pada kali ketiga, suara saya sudah menengking, baru dia menjawab tetapi bersungut-sungut bahawa saya tidak patut berteriak begitu kuat. Saya menahan perasaan panas baran saya dan menjelaskan bahawa saya terpaksa berteriak kerana sudah tiga kali saya memanggilnya. Saya tahu kali pertama saya memanggilnya, dia hanya berpura-pura tidak mendengar, kali kedua, dia sengaja menutup telinga sahaja. Ketiga-tiga anak saya mengamalkan gaya pendengaran memilih apa dan bila mereka mahu mendengar kerana mereka tahu apabila emak memanggil ini bererti mesti ringan tulang.

Bukankah kadangkala kita juga bersikap begitu dengan Allah Bapa? Kita sengaja lalai mendengar dan menjawab suara-Nya yang memanggil-manggil kita. Saya mengaku saya pernah mengabaikan panggilan-Nya untuk hidup saya. Saya enggan bangkit menerima tanggungjawab baru dalam pelayanan yang diletakkan-Nya kerana saya sudah puas hati melayani sebagai Penolong Ketua Tadika gereja, menolong orang-orang terbiar di kaki lima sekali seminggu dan mengerjakan penulisan buku renungan ini. Pada pendapat saya, segala ini memadailah untuk Tuhan. Justeru itu saya tidak mahu mendengar apabila Tuhan berbisik rencana-Nya memperluaskan daerahku melalui nubuat seorang pendeta yang berdoa untuk saya di kem gereja. Dua bulan selepas itu, Tuhan memanggil lagi, memberi saya peluang untuk naik pangkat tetapi saya enggan menerimanya. Tuhan mengutus beberapa orang yang beriman untuk berucap kepada saya, memberi pengesahan kepada saya sampailah saya sudah tidak boleh menolak-Nya lagi. Tiga bulan selepas itu, Dia membuka satu pintu lagi, mengenapi nubuat yang telah dibuat-Nya atas kehidupanku.

Saya masih tidak mahu mempedulikan panggilan-Nya namun Dia menegur, “Masa engkau pendek sahaja.” Suara itu menusuk hati saya kuat sekali dan mengingatkan saya tentang kata-kata Paulus menjelang kematiannya, “...darahku sudah mulai dicurahkan sebagai persembahan, korban kepada Allah” (2 Tim. 4:6). Barulah saya menyedari bahawa saya patut “kuasai diri dalam segala hal, sabar menderita, lakukan pekerjaan pemberita Injil dan tunaikan tugas pelayanan” (2 Tim. 4:5) yang Tuhan sajikan atas piring hidup kita.

Renungan hari ini: Kuatkanlah semangatku, ya Tuhan, supaya jangan mengira kos melayani-Mu, kerana Engkau tidak pernah mengira pengorbanan-Mu untukku.

Jangan Merumitkan Perkara Mudah

BACAAN:

Mikha 6:6-8

Hai manusia, telah diberitahukan kepadamu apa yang baik. Dan apakah yang dituntut Tuhan daripadamu: selain berlaku adil, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu? —Mikha 6:8

Ini adalah kesaksian dua saudari seiman ketika kereta mereka terhimpit oleh kereta-kereta lain di hadapan dan di sisinya. Mereka baru lepas mengunjungi seorang pesakit di hospital, memberitakan injil dan berdoa untuknya. Mereka berdua mengeluh dalam keletihan, “Entah berapa lama kita kena tunggu sampailah tuan punya kereta datang memandu kereta mereka.”

Hanya ada satu jalan mengalihkan kereta mereka iaitu mengundurkannya ke belakang melewati ruangan kecil. Kereta mereka sebuah Kancil kecil. Jadi kedua-dua wanita ini bersama-sama menolaknya dengan sedaya upaya. Setengah jam mereka berpeluhan menolak namun kereta itu tidak bergerak seinci pun. “Biar saya mencari pertolongan,” kata salah seorang saudari. Puas dia mengelilingi persekitaran tempat letak kereta itu tetapi tidak terjumpa sesiapa pun. Apabila dia kembali ke tempat asalnya, didapati kereta mereka telah dialihkan ke belakang. Dia terkejut lalu menanyakan kawannya, “Benarkah doa kita telah menghasilkan mukjizat?” Kawannya tersenyum lalu menjawab, “Tidak payah apa-apa mukjizatlah, lepaskan berek tangan sebelum menolaklah. Senang aja.”

Sebenarnya banyak perkara dalam kehidupan kita memang “senang aja”. Manusia yang merumitkan yang mudah menjadi berbelit-belit. Rasul Paulus memutuskan” untuk tidak mengetahui apa-apa selain Yesus Kristus, iaitu Dia yang disalibkan” (1 Kor. 2:2). Rasul Yohanes menegaskan lagi, “Sebab inilah kasih kepada Allah, iaitu, bahawa kita menuruti perintah-perintah-Nya dan perintah-perintah-Nya itu tidak berat” (1 Yoh. 5:3-4).

Nabi Mikha menyampaikan teguran Allah kepada umat Israel yang telah jatuh dalam pengamalan agama ritualistik yang kosong dengan korban bakaran anak lembu, ribuan domba jantan, persembahan puluhan ribu curahan minyak bahkan seperti pengikut agama-agama kafir seperti pengorbanan anak-anak sulung mereka. Manusia mungkin menganggar nilai persembahan seperti itu begitu tinggi, tetapi hanya tiga hal sahaja yang Allah berkehendaki daripada umat-Nya, iaitu berlaku adil, mencintai kemurahan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allah (Mi. 6:1-8). Kebajikan ilahi inilah persembahan yang berkenan kepada-Nya. Jangan keliru dengan pementingan perkara kecil dan abaikan yang besar. Yang jelas dan mudah di depan mata kita diabaikan apalagi yang rumit.

Renungan hari ini: Biar pandangan hidupku tertumpu kepada tuntutan Tuhan yang jelas dan terbentang di depan mataku.

Siapakah Saya Menurut Anda?

BACAAN:
Markus 8:27-29

Tetapi sekalipun kami atau seorang malaikat dari syurga yang memberitakan kepada kamu suatu injil yang berbeda dengan Injil yang telah kami beritakan kepadamu, terkutuklah dia. —Galatia 1:8

Anak perempuan saya tampak begitu bergaya dengan beg baru yang berjenama Gucci pada kulitnya. Dia mendapatinya di kawasan beli-belah Jalan Petaling, KL, tiada orang menyedari beg itu tiruan dan bukannya produk asli Perancis dari Paris. Sepintas lalu semua kelihatan sama seperti yang asli dan hanya pemeriksaan yang teliti dapat membezakan ketulenannya.

Terkejutkah anda kalau saya berkata bukan sahaja barang-barang lahiriah tetapi benda-benda keilahan pun ada imitasi. Dua kali berturut-turut, Rasul Paulus tegas memberi amaran kepada jemaah di Galatia agar jangan tertipu mengikuti sesuatu injil yang lain yang sebenarnya bukan Injil. Nampaknya ada orang yang mengacaukan dan bermaksud memutarbalikkan Injil Kristus dan menyesatkan mereka (Gal. 1:6-7).

Isi Injil pada pokoknya menceritakan Anak Allah, Yesus Kristus namun kekeliruan mengenai identiti Yesus sudah wujud sejak dari dahulu kala apabila Dia mulai pelayanan-Nya. Murid-murid-Nya ditanya soalan, “Kata orang, siapakah Aku ini?” menjawab, “Ada yang mengatakan: Yohanes Pembaptis, ada juga yang mengatakan: Elia, ada pula yang mengatakan: seorang daripada para nabi.” Apabila Yesus mengajukan soalan sama kepada mereka pula, “Tetapi apa katamu, siapakah Aku ini?” Maka jawab Petrus: “Engkau adalah Mesias!” (Mr. 8:27-29).

Keadaan kini seperti dahulukala, banyak spekulasi tentang Yesus dikemukakan. Seseengah manusia berpendapat Dia salah seorang nabi yang diutuskan sementara yang lain mempercayai Dia hanya seorang manusia yang terbaik. Beberapa orang berpendapat Dia seorang ahli sihir yang berkuasa. Banyak lagi teori mengenai kebangkitan-Nya daripada kematian, satu-satunya hal yang menjadi asas kepercayaan pengikut-pengikut Yesus selain kelahiran, ajaran dan kematian-Nya yang istimewa.

Sebenarnya hal-hal keilahan tidak boleh dibuktikan melalui perbahasan antara manusia. Hanya satu Injil yang sejati iaitu yang menegakkan Yesus Kristus sebagai Dia yang diutus Allah ke dunia manusia untuk tujuan menyelamatkan semua orang yang berdosa dengan kematian atas kayu salib sebagai karya penebusan untuk dosa kita. Seterusnya kebangkitan-Nya dari kematian adalah bukti Dia-lah Tuhan yang hidup.

Renungan hari ini: Aku tidak akan bergoyah kerana tersemadi dalam hati dan akal budiku Injil sejati.

Pelepasan Mendahului Penyembahan

BACAAN:

1 Samuel 1:9-28

Tetapi Hana tidak ikut pergi, sebab katanya kepada suaminya: “Nanti apabila anak itu cerai susu, aku akan mengantarkan dia, maka dia akan menghadap ke hadirat Tuhan dan tinggal di sana seumur hidupnya. —1 Samuel 1:28

Kisah Hana mengajar kita bahawa Tuhan memperhatikan dan mengabulkan doa yang disampaikan bersungguh-sungguh tetapi saya lebih tertarik dengan apa yang dilakukan oleh Hana selepas Tuhan memberkatinya dengan anak Samuel. Setelah Tuhan mengabulkan doa kita adakah kita menerimanya dan melupakan permohonan kita.

Alkitab memberitahu kita apabila sampai masanya untuk seisi keluarga Hana pergi mempersembahkan korban sembelihan tahunan dan korban nazar kepada Tuhan, dia tidak ikut kerana masih menyusukan bayinya. Ibu-ibu Yahudi biasanya menyusui anak selama tiga tahun. Anak ini merupakan putra yang dikurniakan Allah kepada Hana selepas dia begitu terdesak bergumul dalam doa sampai dianggap mabuk oleh imam Tuhan. Bayangkan sukacita seorang ibu apabila mendukung dan memeluk anak kesayangannya setelah lama berdoa untuk berkat ini. Bukankah anak berusia 2-3 tahun comel sekali?

Saya bertanya-tanya bagaimana sampai hati Hana sanggup “menceraikan” diri daripada biji matanya? Lebih-lebih lagi dia bukan sahaja menghantar Samuel menghadap ke hadirat Tuhan tetapi meninggalkan anak kecil itu di sana seumur hidupnya. Ini bukan setakat lawatan sambilan sekali-sekala tetapi merupakan pemisahan dengan anaknya. Bukankah Hana telah berdoa untuk diberkati seorang anak? Kenapa pula dia menyerahkan kembali apa yang telah diperolehi dengan begitu susah payah daripada Tuhan?

Mungkin jawapannya terletak pada hatinya yang sungguh-sungguh mengabdikan kepada Tuhan dan mengenali bahawa segala sesuatu adalah daripada-Nya dan patutlah dikembalikan kepada-Nya. Sikap pengabdian ketara kelihatan dari mula-mula lagi sebelum dia diberkati dengan anak pun, dia telah bernazar kepada Tuhan dan berjanji menyerahkan berkat itu untuk melayani Tuhan (1 Sam. 1:11). Inilah hati seorang yang menyedari bahawa dia mesti melepaskan semua ikatan jiwa dengan manusia yang tersayang sebelum dia datang mempersembahkan korbannya di hadapan Allah kerana kasih kepada Tuhan tiada persaingan daripada pihak lain.

Kerelaan Hana untuk menceraikan Samuel yang ternilai baginya dan melepaskannya kepada Tuhan memampukan Samuel dipakai Tuhan dengan begitu hebat sekali sebagai imam, hakim dan nabi bangsa Yahudi.

Renungan hari ini: Ya Tuhan, aku rela menyerahkan yang paling berharga bagi diriku kepada Engkau demi pelayanan-Mu dan kemuliaan-Mu.

Masa Itu Emas

BACAAN:
Yakobus 4:13-17

*Ajarlah kami menghitung hari-hari kami sedemikian, hingga kami
beroleh hati yang bijaksana. —Mazmur 90:12*

Dalam cerita dongeng Cinderella, gaunnya yang cantik telah bertukar menjadi pakaian compang camping, roda menjadi tikus dan keretanya menjadi labu kuning setelah lewat pukul 12 seperti yang dikatakan ibu perinya. Cinderella mesti berlari-lari daripada putera itu dan tidak boleh terlambat seminit pun. Sebuah filem lagi mengisahkan semakin masa lalu semakin orang menjadi muda. Segala pengalaman hidupnya dilupakan peringkat demi peringkat, sehingga dia menjadi bayi semula dan terpaksa dijaga oleh orang lain. Masa itu begitu berharga kerana tercatat dalamnya seluruh pengalaman hidup manusia. Perpatah Bahasa Inggeris berbunyi: Masa dan air pasang tidak menunggu manusia, masa tetap berlalu. Perpatah Bahasa Mandarin berkata satu inci waktu, satu inci emas, waktu lebih sukar dibeli daripada emas.

Saya hairan betapa panjang hidup manusia dalam zaman Perjanjian Lama. Manusia pertama Adam hidup sehingga 930 tahun manakala orang yang tertua sekali ialah Methuselah yang hidup 969 tahun. Anggaran jangka hayat Malaysia setakat 2009 adalah 70.56 tahun untuk kaum lelaki dan 76.21 tahun untuk kaum wanita. Nampaknya angka 70-80 tahun yang diperturunkan dalam firman Allah suatu norma (Mazm. 90:10). Semasa muda 70 tahun itu seakan-akan panjang masanya...

Sebenarnya 70 tahun itu berlalu sekelip mata sahaja. Apakah 70 tahun berbanding dengan kekekalan? Dalam mata Tuhan, "satu hari sama seperti seribu tahun dan seribu tahun sama seperti satu hari" (2 Pet. 3:8). Nabi Musa mengibaratkan manusia "seperti rumput yang bertumbuh pada waktu pagi berkembang dan bertumbuh, pada waktu petang lisu dan layu" (Mazm. 90:6). Yakub bertanya, "Apakah erti hidupmu?" dan menjawab sendiri, "Hidupmu itu sama seperti wap yang sebentar saja kelihatan lalu lenyap" (Yak. 4:14). Raja Daud dalam pertaubatan berseru kepada Tuhan, "Beritahukanlah kepadaku ajalku, dan apa batas umurku, supaya aku mengetahui betapa fananya aku!" (Mazm. 39:5).

Memang tiada manusia yang boleh mengawal masa tetapi semua manusia ada pilihan bagaimana hidup setiap hari di dunia ini. Anak-anak Allah patut lebih-lebih lagi menginsaf "kerana hari Tuhan akan menyatakannya, sebab ia akan nampak dengan api dan bagaimana pekerjaan masing-masing orang akan diuji oleh api itu" (1 Kor. 3:13).

Renungan hari ini: Biarlah setiap saat nyawa yang diberikan kepada aku ini digunakan untuk melayani Tuhan.

Justru Dalam Kelemahan Saya Kuat

BACAAN:

2 Korintus 12:7-10

Tetapi jawab Tuhan kepadaku: “Cukuplah kasih karunia-Ku bagimu, sebab justru dalam kelemahanlah kuasa-Ku menjadi sempurna.” Sebab itu terlebih suka aku bermegah atas kelemahanku, supaya kuasa Kristus turun menaungi aku. —2 Korintus 12:9

Hati saya berasa seperti hendak meletup, nafas saya sesak sekali, badan basah kuyup, dan kaki saya pula melangkah berat macam besi. Mata saya memandang ke atas. Aduh, nampaknya tinggi lagi dan banyak lagi langkah-langkah yang kena aku panjat sampai ke penghabisan jalan yang mengelilingi bukit ini. Saya memang tidak bersedia untuk perjalanan 10 km, lebih-lebih lagi jalan 10 km yang melibatkan pendakian beratus-ratus langkah! Memanjat tangga rumah yang bertingkat dua pun sudah melelahkan saya apatah lagi hendak mencapai kemuncak Bukit Barat, tempat pelancongan Kunming yang terkenal. Beberapa kali aku hampir-hampir menyerah dan berhenti sahaja tetapi saya mengingatkan diri saya tidak boleh meninggalkan Kunming tanpa melihat apakah yang begitu terkenal mengenai bukit ini. Jadi saya menarik nafas panjang dan menumpukan perhatian saya terhadap setiap langkah kaki sahaja tanpa mempedulikan atau mengira berapa lagi langkah yang perlu di panjat di hadapan. Lagipun saya berasa sedikit malu, kerana atas jalan itu terdapat orang-orang yang lebih tua daripada saya, ada yang menggunakan tongkat tetapi tekun memanjat.

Dalam masa dua jam itulah dengan tiba-tiba Tuhan mengingatkan saya tiada yang mustahil untuk-Nya. Beberapa bulan sebelum ini, saya telah menerima nubuat atas hidup saya tetapi saya sungguh enggan taat. Sering kali saya telah bersungut-sungut dalam doa, memberitahu Tuhan bahawa saya tidak boleh melakukan kehendak-Nya. Hari saya memanjat bukit di Kunming, Dia telah menjawab dan menunjukkan kepada saya kebenaran yang disedari Paulus bahawa kasih karunia-Nya cukup bagi saya. Semakin tinggi aku panjat, semakin kuat aku berusaha, lebih indah lagi pemandangan yang terbentang di depan mata. Selepas 2 jam dan beribu langkah naik turun, ganjaran usaha saya cukup cantik sekali – pemandangan hebat sekeliling kota Kunming sejauh mana mata boleh memandang ke semua arah.

Paulus menemukan hakikat kasih karunia Allah apabila doanya untuk menghilangkan duri dalam dagingnya tidak dikabulkan. Saya insaf apabila saya mendaki bukit di negara asing. Kita tidak usah menunggu sampai kita sihat, kuat, kaya, berkebolehan atau sempurna untuk melayani. Kalau Dia memanggil, Dia yang akan memampukan kita walaupun perjalanannya mungkin melelahkan. Penyertaan Tuhan dan kasih karunia cukup untuk setiap pemanjat.


Renungan hari ini: Hanya satu yang menghalangi saya daripada melayani – diri sendiri yang tidak tekun.

Aku Perlukan Engkau

*Engkau memanggil nama aku
Aku menggenggam tangan-Mu
Berjalan dalam iman, berpaut kepada Engkau
Kerana aku perlukan Engkau
Menopang aku apabila aku tersungkur*

*Aku perlukan Engkau
Menangkap aku dalam kasih karunia-Mu
Apabila aku jatuh dalam kemanusiaanku
Kerana aku tidak mampu
Dengan sendiri aku ini tiada apa-apa
Tanpa Engkau*

*Aku perlukan Engkau
Setiap masa, sepanjang jalan
Bagai angin di bawah sayapku
Biar aku melambung tinggi mencapai hadirat-Mu
Mencari wajah-Mu
Di hujung pelangi-Mu
Janji kekekalan abadi-Mu*



Manusia Memuji, Allah Menggempakan Bumi

BACAAN:

Kisah Para Rasul 16:19-33

Tetapi kira-kira tengah malam Paulus dan Silas berdoa dan menyanyikan puji-pujian kepada Allah dan orang-orang hukuman lain mendengarkan mereka. —Kisah Para Rasul 16:25

Saat gelap sekali, suatu waktu yang tidak dapat dielakkan oleh insan yang bersemuka dengan detik itu. Saat ini bagai tangan jam yang berjalan dan tidak dapat dihentikan, hidup kita pasti juga akan melalui masa yang gelap gelita dalam batin kita. Kedinginan penjara jiwa memberatkan setiap aktiviti, pergi ke pasar membeli belah pun seperti tugas berat pada waktu ini.

Paulus dan Silas memberi kita tunjuk ajar bagaimana orang percaya harus mengharungi saat begini. Akibat tindakan Paulus mengusir roh tenung daripada hamba perempuan yang merupakan sumber rezeki tuannya, mereka berdua telah diseret mengadap penguasa kota Filipi. Selepas didera berkali-kali dan dikoyakkan pakaian daripada tubuh, mereka dilemparkan ke dalam ruang penjara dengan kaki dibelenggu dalam pasungan yang kuat (Kis. 16:18-24). Walaupun badan mereka dalam kesakitan, Paulus dan Silas membuka mulut memuji dan berdoa. Tiada pancaragam yang mengiringi suara serak mereka, tempat persembahan mereka bukan atas pentas bangunan besar berhawa dingin tetapi Allah mendengar dari takhta syurga. Suara mereka begitu berkenan kepada Allah sehingga Dia menepuk tangan dan menghentak kaki-Nya lalu mencetuskan gempa bumi yang begitu hebat sehingga sendi-sendi penjara itu bergoyah, dan seketika itu juga terbukalah semua pintu dan terlepaslah belenggu semua orang tahanan (Kis. 16:26).

Akibat daripada kejadian itu, semua ahli keluarga ketua penjara mendengar khabar sukacita, percaya dan dibaptis pada malam itu. Ajaib, tidak dapat diduga apa yang boleh berlaku bila manusia memuji Tuhan! Dalam kekelaman yang paling gelap, cahaya memancar paling terang dalam suasana kita.

Penganiayaan tidak dapat melenyapkan damai dan sukacita orang percaya. Penjara gelap tidak dapat menawan hati yang tahu menyembah dan memuji. Belenggu tidak dapat mengikat roh yang bebas dalam Kristus. Keadaan buruk sekali tidak dapat menghancurkan iman dan kasih orang percaya terhadap Allah. Pada hal Roh Allah Tuhan mengaruniakan “perhiasan kepala ganti abu, minyak untuk pesta ganti kain kabung, nyanyian puji-pujian ganti semangat yang pudar” (Yes. 61:3). Petrus menggalakkan kita, “Tetapi sekalipun kamu harus menderita juga kerana kebenaran, kamu akan berbahagia” (1 Pet. 3:14).

Renungan hari ini: Aku membuka mulut menaikkan pujian dan doa kepada Allah Maha Kuasa di tengah-tengah kegelapan jiwa dan menunggu Dia menggempakan bumi untuk aku.

172

Curahan Baru

BACAAN:
1 Yohanes 2:20-27

Tetapi Kau tinggikan tandukku seperti tanduk banteng, aku dituangi dengan minyak baru. —Mazmur 92:10

Seorang kawan mengajar saya supaya menyimpan roti lama dalam penyejuk beku di peti sejuk untuk mengelakkan daripada berulat dan busuk selepas beberapa hari. Maklumlah peti sejuk merupakan satu daripada alat kemudahan zaman moden yang begitu berguna untuk memelihara kesegaran makanan yang mudah rosak.

Bagaimana pula di padang gurun yang tidak ada peti sejuk? Tuhan pula tidak membubuh apa-apa bahan pengawet ke dalam roti syurga yang dibekalkan-Nya kepada jemaah Israel sepanjang perjalanan mereka menuju ke Tanah Perjanjian. Mereka diperintahkan keluar dan memungut tiap-tiap hari sebanyak yang diperlukan sehari (Kel. 16:4), tiap-tiap orang mengumpulkan menurut keperluannya.

Kisah itu mengajar kita bahawa kita boleh bergantung kepada kesetiaan Allah untuk mencukupi keperluan hidup setiap hari. Jadi, dahulukala di alam fizikal, manna syurga dihujani untuk bangsa Israel setiap hari, begitu juga di alam rohani, Roh Kudus dicurahkan untuk para jemaah secara baru setiap kali. Kita tidak payah takut akan kehabisan urapan-Nya yang memberi kita kekuatan rohani.

Dalam Perjanjian Lama, minyak khas digunakan untuk mengurapi para imam dan benda-benda dalam Bait Suci Allah, juga ke atas raja-raja dan nabi-nabi yang bertujuan mengasingkan mereka sebagai yang terkudus. Yesus diberi gelaran Kristus (dalam Yunani) dan Mesias (dalam Ibrani) bererti “Yang Diurapi.” Yohanes menerangkan orang yang percayakan-Nya juga “telah beroleh pengurapan dari Yang Kudus, (iaitu Roh Kudus) dan dengan demikian semua mengetahuinya” dan “hendaklah kita tetap tinggal dalam Dia” (1 Yoh. 2:20, 27).

Paulus pula mengajar supaya “janganlah kamu mabuk oleh anggur, kerana anggur menimbulkan hawa nafsu, tetapi hendaklah kamu penuh dengan Roh” (Ef. 5:18). Perkataan “hendaklah ... penuh” dalam bahasa Yunani mengandungi erti “dipenuhi berkali-kali.” Anak-anak Allah harus senantiasa mengalami pembaharuan dengan berkali-kali dipenuhi Roh Kudus. Ibarat sebuah kereta mesti berulang-kali diisi dengan minyak untuk bergerak, kita memerlukan urapan baru Roh Kudus setiap kali untuk menyembah, melayani, dan bersaksi; pendek kata untuk menjayakan hidup ini sebagai orang beriman dalam kuasa Tuhan. Jangan kita salah anggap bahawa upacara pembaptisan sudah mencukupi. Itu hanyalah tanda permulaan jalan hidup kita sebagai anak Allah. Kemampuan meneruskan perjalanan itu memerlukan pengurapan kuasa seharian yang baru dari Roh Kudus dan firman Allah.

Renungan hari ini: Hujanilah aku, Roh Kudus, dengan kesegaran baru setiap hari seperti Tuhan menghujani manna setiap hari untuk umat Israel.

Biar Mata Memandang Tepat

BACAAN:

Kolose 3:1-10

Kerana itu, kalau kamu dibangkitkan bersama dengan Kristus, carilah perkara yang di atas, di mana Kristus ada, duduk di sebelah kanan Allah. Fikirkanlah perkara yang di atas, bukan yang di bumi. —Kolose 3:1-2
Sebab kami tidak memperhatikan yang kelihatan, melainkan yang tak kelihatan, kerana yang kelihatan adalah sementara, sedangkan yang tak kelihatan adalah kekal. —2 Korintus 4:18

Pada suatu kali saya melayani di negara India dengan misi gereja, kumpulan kami terpaksa menaiki keretapi selama 21 jam untuk menyeberangi sempadan dua negeri. Dari masa ke semasa, aku melihat pemandangan di luar tingkap, “Amboi, indahny padang-padang yang bertumbuh penuh dengan bunga matahari. Tinggi juga bunga-bunga ini bertumbuh, (nampaknya setinggi manusia), berdiri tegak dengan ‘muka’ yang berbulat-bulat besar berwarna berjenis corak kuning,” bisik saya. Saya memerhatikan ada yang layu sahaja tetapi bebunga cantik sekali mengacukan kepala bunga ke arah mentari bersinar bagai senyuman luas terlukis di bumi menghala ke syurga. Hati saya tertanya bagaimana bunga-bunga ini tahu menghala ke cahaya sang suria? Pakar sains menerangkan kepala bunga ini “mengikut” hala terbitan matahari dari timur ke barat melalui suatu proses semula jadi yang dipanggil heliotropisme yang membawa makna putaran matahari.

Anak Tuhan pula memandang kepada dan mengikuti Yesus Kristus sebagai “Sang Suria” kebenaran yang menyinari terang-Nya ke dalam hidup manusia. Mungkin kita kehilangan pandangan kekekalan dan syurga kerana terlalu terpicat atau terperangkap oleh hal-hal duniawi. Benarkah “bunga hati” kita sudah layu dalam kekelaman atau bermekar setia memandang kepada Dia yang digelar Terang Dunia? (Yoh. 8:12).

Rasul Paulus mendorong orang percaya untuk memikirkan perkara yang di atas dan membiarkan sikap kita ditentukan oleh Kristus. Kita harus menilai, mempertimbangkan, dan memikirkan segala sesuatu dari perspektif syurgawi. Yang terutama dalam hidup di bumi haruslah pencarian hal-hal rohani. Kalau kita menumpukan dan berpegang kepada pandangan ini, mengikut Paulus, “Kami tidak tawar hati tetapi meskipun manusia lahiriah kami semakin merosot, namun manusia batiniah kami dibaharui dari sehari ke sehari.” Dengan itu seperti Paulus sendiri, kita boleh menahan segala rupa penderitaan sebagai ringan sahaja kerana harapan “kemuliaan kekal yang melebihi segala-galanya, jauh lebih besar daripada penderitaan kami” (2 Kor. 4:17).

Renungan hari ini: Aku mengarahkan mata rohani saya kepada Yesus dan disegarkan lagi oleh kasih-Nya.

Kepercayaan, Bukan Penglihatan

BACAAN:
Ibrani 11:1-40

Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan dan bukti dari segala sesuatu yang tidak kita lihat. —Ibrani 11:1

Dua pesakit berbaring bersemuka muka di atas katil rumah sakit. Katil pesakit pertama bertepikan tingkap. Pesakit yang lain tidak boleh bergerak kerana kakinya terputus. Setiap hari, dia perhatikan bagaimana orang di hadapannya selalu menjenguk keluar tingkap dan tersenyum sendiri. Pesakit ini terlalu bosan dan ingin tahu, dia bertanya pesakit itu, “Abang, boleh kamu ceritakan apa pemandangan di luar tingkap kamu itu; mesti menarik sekali kerana kamu selalu sahaja senyum?” Maka jawablah pesakit itu, “Memang cantik pemandangannya; ada suatu kebun kecil, begitu hijau rumputnya dan begitu cantik bunga-bunga yang tertumbuh dalam barisan-barisan beraneka warna macam pelangi.” Mendengar ini, pesakit yang bertanya mengeluh panjang, “Sayangnya aku tak boleh lihat dari tempat saya. Sebelah sini dinding kosong sahaja.” Suntuk beberapa hari, pesakit pertama meninggal dunia, dan dengan tergesa-gesa, orang itu pun meminta ditukar tempat tidurnya ke katil yang di tepi tingkap. Selepas dialihkan tempat, terperanjatnya apabila dia memandang ke luar tingkap kecil itu kerana tiada apa-apa pun kecuali ruangan simen yang kosong belaka.

Viktor E. Frankl seorang doktor Yahudi yang dipenjarakan dalam kem dera oleh tentera Nazi masa Perang Dunia Kedua berkata, “Kebebasan terakhir manusia adalah kemampuan memilih sikapnya dalam keadaan apapun yang ditetapkan. Apabila kami tidak lagi boleh menukar sesuatu keadaan, kami dicabar menukarkan diri.”

Yang bersifat sinis mungkin berpendapat pesakit yang membayangkan kebun cantik di luar tingkapnya hanya berangan-angan kosong. Sia-sia sahaja kerana pada akhirnya dia mati juga. Namun, sikap yang memampukan orang percaya melihat sesuatu yang tidak kelihatan mata lahiriah sebagai harapan yang pasti memang iman yang berkenan dalam mata Allah. Orang-orang kudus Perjanjian Lama yang disenaraikan sebagai saksi iman dalam Ibrani 11 semuanya mati tanpa memperoleh apa yang dijanjikan; akan tetapi memang mereka “melihat” dan rindukan tanahair syurgawi yang telah dijanjikan Allah (Ibr. 11:13-16).

Iman orang percaya adalah kenyataan dan kepastian dari apa yang belum kita alami, berdasarkan janji Allah sendiri bahawa Dia telah menyediakan yang lebih baik walaupun penganapan janji itu mungkin tidak tergenap dalam hidup ini.

Renungan hari ini: Biar iman mengukir senyuman pada bibir dan dalam hati sepanjang hayatku.

175 Penonton atau Peserta?

BACAAN:

Efesus 2:4-10

Kerana kita ini buatan Allah, diciptakan dalam Kristus Yesus untuk melakukan pekerjaan baik, yang dipersiapkan Allah sebelumnya. Dia mahu, supaya kita hidup di dalamnya. —Efesus 2:10

Badan Bolasepak FIFA menganggarkan bahawa seramai 715 juta orang menyaksikan pertandingan akhir Pesta Bola Piala Dunia 2010 dan pada keseluruhannya untuk semua permainan yang diadakan, jumlah penonton seluruh dunia dalam anggaran 2.2 billion. Kalau kita kira sebuah pasukan mempunyai 23 orang (maxima yang diluluskan) terdapat 4,784 pemain secara langsung telah bermain atas padang.

Gereja boleh juga diibaratkan sebagai padang permainan bola sepak. Jemaah tertentu menjadi penonton dan ada yang menjadi peserta dalam “permainan” pelayanan. Pernah dikatakan bahawa hanya sebanyak 20% jemaah aktif dalam sesebuah gereja. Soal yang timbul: di manakah 80% jemaah yang baki? Besar kemungkinan merekalah yang duduk di atas bangku gereja setiap hari Ahad atau yang bersenang-senang di rumah sahaja. Mereka sseperti penonton pertandingan bola sepak membuat bunyi yang bising sekali, berbanding dengan pemain atas padang! Mereka banyak memberi komen tentang pelayanan dan kadangkala mengutarakan ketidakpuasan mereka.

Tuhan Yesus pun dikerumuni oleh ramai penonton dan hanya segelintir pengikut yang benar-benar menyertai-Nya dalam pelayanan. Tidak hairan juga para penontonlah yang banyak sekali menyoal kebenaran, keilahian dan kewibawaan-Nya. Kepada pengikut-Nya, Yesus berfirman, “Bukan kamu yang memilih Aku, tetapi Akulah yang memilih kamu... Aku telah menetapkan kamu, supaya kamu pergi dan menghasilkan buah dan buahmu itu tetap” (Yoh. 15:16). Selepas kenaikan Yesus dan pencurahan kuasa Roh Kudus pada hari Pentakosta, kumpulan kecil sebanyak 120 orang yang mengemparkan dunia zaman itu, sampailah kesan pelayanan mereka masih terasa berkurun-kurun terkemudian di zaman kini. Paulus mengingatkan kita yang percaya, “Janganlah kita jemu-jemu berbuat baik, kerana apabila sudah datang waktunya, kita akan menuai, jika kita tidak menjadi lemah” (Gal. 6:9).

Keselamatan yang telah kita terima daripada rahmat anugerah Tuhan bukan setakat untuk memberkati diri sendiri. Kita telah diselamatkan bukan untuk menjadi penonton bising di garisan tepi tetapi kita mesti berperanan sebagai peserta aktif dalam pelayanan gereja.

Renungan hari ini: Aku tidak mahu mensia-siakan hidupku hanya untuk memanaskan bangku gereja sahaja.

176 Yang Terakhir Sekali

BACAAN:
Wahyu 1:9-19

Aku, Yohanes, saudara dan sekutumu dalam kesusahan, dalam Kerajaan dan dalam ketekunan menantikan Yesus, berada di pulau yang bernama Patmos oleh kerana firman Allah dan kesaksian yang diberikan oleh Yesus. —Wahyu 1:9

Mata orang tua itu terpandang ufuk yang memisahkan lautan dan langit di hadapannya. Nyanyian ombak yang melanda persisiran pantai menyenangkan hatinya sedikit. Dia mengeluh, mengenang muka-muka rakan-rakan seperjuangan dalam hidupnya. Bibir mengukir senyuman mengingati Petrus yang selalu tergopoh-gapah itu. Hanya dialah seorang daripada mereka semua yang berani melangkah keluar dari perahu lalu berjalan atas air. Sempailah saat kematian syahidnya tergantung tunggang terbalik atas kayu salib, Petrus tetap sudah berubah.

Fikiran orang tua itu melayang kepada saudara dagingnya sendiri, Yakobus. Teringatnya hari itu sedang mereka sedang membereskan jala di dalam perahu, mereka telah dipanggil oleh se-Orang yang istimewa sekali yang telah menukar bukan sahaja hidup mereka tetapi hidup semua yang mengikuti-Nya. Hai, sudah lebih 40 tahun, saudaranya telah mati dipancung kepala. Dia tetap setia sampai saat terakhir kepada Dia yang memanggil mereka. Daripada 12 orang yang mengikuti-Nya, sekarang hanya dialah seorang yang masih hidup, dia yang dikenali murid yang dikasihi Yesus. Yohanes mengeluh sekali lagi, hatinya tertanya-tanya, “Bila Tuhan, sampai bila Engkau melengahkan pertemuanku dengan-Mu?”

Pulau Patmos merupakan pulau Yunani yang kecil sahaja yang berukuran seluas 22 kilometer persegi terletak di Laut Aegea. Rasul yang terakhir Yohanes telah dibuang sebagai tawanan kerajaan Rom ke pulau itu kerana kesaksiannya tentang Tuhan Yesus. Mengikut kiraan ahli-ahli sejarah, dia sudah berumur lebih daripada 90 tahun pada masa pembuangannya. Bayangkan kepiluan hati manusia ini dalam usia tuanya. Semua yang mengasihi dan dikasihinya telah lenyap dalam dunianya. Tentu banyak kali dia menyoal kenapa dia ditinggalkan terakhir. Jawapannya datang dalam penglihatan yang begitu dramatik, dia hanya boleh tersungkur, “sama seperti orang yang mati” (Wahy. 1:17). Tuhan telah menyimpan yang menarik sekali untuk Yohanes. Hanya dia, seorang tua yang ketinggalan untuk merekodkan buku apokaliptik iaitu tanda-tanda dan nubuat-nubuat tentang kedatangan Tuhan Yesus kali yang keduanya. Besar tugasnya!

Adakah anda merasai masa begitu berpanjangan dan tiada bermakna lagi hidupmu? Mungkin anda menghadapi tahun berganti tahun seolah-olah dalam “pembuangan.” Pelayanan sudah tidak memuaskan. Ahli keluarga, saudara seiman telah meninggalkanmu atau sibuk dengan urusan hidup sendiri. Inilah masa untuk mempersiapkan diri menerima tugas istimewa daripada Tuhan! Perhatikan Yohanes, yang walaupun “dalam kesusahan” masih “dalam ketekunan menantikan Yesus”

(Wahy.1:9). Ketekunan membawa erti kesabaran, ketabahan atau menahan dengan penuh kesabaran. Siapa tahu, apakah Tuhan yang akan diperlihatkan oleh Tuhan kepada anda apabila anda sudi, sedia dan setia seperti Yohanes?

Renungan hari ini: Tuhan boleh bergerak bila-bila masa pun dalam hidupku tidak kisah usiaku.



*Hiduplah supaya apabila seruan terakhir berbunyi,
kamu akan meninggalkan di belakangmu lebih
daripada hanya serangkaian madah atas batu nisan
atau siaran takziah dalam suratkhobar.*

– Billy Sunday

Lain Dari Yang Lain

BACAAN:
Hakim-Hakim 4:3-24

Pada waktu itu Debora, seorang nabiah, isteri Lapidot, memerintah sebagai hakim atas orang Israel. —Hakim-Hakim 4:4

Suaminya telah dibunuh dengan kejam sekali semasa menjalani misi mubaligh dengan 4 orang pemuda lain beberapa hari selepas mereka cuba mendekati kaum orang asli Auca (sekarang dikenali sebagai Huaorani), suatu suku bangsa yang pada masa itu belum dijangkau. Mereka tinggal di hutan terpencil di negara Ekuador, Amerika Selatan dan memang mempunyai reputasi ganas. Masa itu tahun 1956, Jim Elliot hanya berumur 28 tahun. Elisabeth Elliot ditinggalkan sebagai balu dengan anak perempuan mereka yang berusia 10 bulan. Tanpa was-was, dia kembali ke hutan Ekuador bersama anaknya untuk melayani bangsa ini selama 2 tahun. Ajaib, mereka yang menerima Yesus akhirnya termasuk pembunuh-pembunuh suaminya. Elisabeth berkata, “Kenyataan bahawa saya seorang wanita tidak membuatkanku seorang Kristian yang berlainan. Akan tetapi kenyataan bahawa saya seorang Kristian membuatkan saya seorang wanita yang berlainan.”

Saya amat tertarik dengan kisah Debora, wirawati Perjanjian Lama yang Tuhan dibangkitkan oleh Tuhan sebagai hakim pada masa sejarah Israel yang penuh dengan konflik serta berkisah tentang kemurtadan dan pertaubatan selepas penghajaran Tuhan. Debora dipanggil “ibu” bangsanya (Hak. 5:7) dan pejabatnya di bawah pohon korma (Hak. 4:5). Yang saya dapati lucu sekali komandan tentera Israel seorang lelaki bernama Barak, enggan pergi ke medan pertempuran melawan musuh mereka tanpa Debora, seorang wanita, walaupun telah diberitahu bahawa Tuhan akan memberi kemenangan (Hak. 4:6-8). Akibat keraguannya, Barak tidak menerima kehormatan sebab Tuhan menyerahkan Siseran, panglima musuh Israel ke dalam tangan seorang wanita lain, iaitu Yael, isteri Heber. Cara Tuhan memberikan kemenangan kepada umat-Nya memang di luar dugaan, begitu unik dan menakjubkan. Dia menggunakan dua orang wanita untuk melakukan hal besar. Akibat tindakan dua orang wanita yang berani bertindak di luar peranan kebiasaan mereka apabila dipanggil Allah, negeri Israel aman selama 40 tahun (Hak. 5:31).

Bagaimana dengan engkau, hai, puteri Allah yang Maha Tinggi? Jangan biarkan diri terperangkap dalam dusta bahawa engkau “hanya” kerana anda seorang wanita. Dari Perjanjian Lama hingga ke Perjanjian Baru, dari zaman dahulukala hingga zaman kini, Tuhan telah, sedang dan akan memakai “hanya” wanita untuk menunjukkan kemuliaan-Nya.

Renungan hari ini: Saya mahu peka kepada panggilan Tuhan dan bersandar kepada-Nya dengan taat setia kerana saya wanita yang terpanggil.

Bermula Dengan Baik, Berakhir Dengan Baik

BACAAN:

2 Timotius 4:6-8

Aku telah mengakhiri pertandingan yang baik, aku telah mencapai garis akhir dan aku telah memelihara iman. —2 Timotius 4:7

Saya tidak sabar menunggu lampu trafik bertukaran hijau kerana saya sudah lewat untuk temujanji pada hari itu. Tiba-tiba enjin kereta mati begitu sahaja. Saya panik lalu menekan minyak, cuba menghidupkan enjin tetapi semua gagal. Maka saya keluar, membuka bonet kereta, tetapi itu pun sia-sia; maktumlah saya tidak mengetahui langsung bahagian kereta yang rosak. Terpaksalah saya menunggu sejam di tepi jalan sebelum mekanik yang dipanggil tiba. Dalam masa itu, saya mengetuk diri, kerana sepatutnya menghantar kereta untuk diservis 3 bulan dahulu, tetapi telah lalai. Malunya saya apabila mekanik sempat memeriksa kereta saya dan memberitahu masalah sebenarnya sudah tiada minyak! Akibat ini, saya terpaksa membayar lebih duit dan segala rancangan hari itu terbatal.

Hidup manusia pun boleh tersangkut separuh jalan. Kehidupan kita ibarat sebatang jalan panjang yang menuju dan akan berakhir di suatu destinasi yang tertentu. Jalan hidup ini tidak lurus semuanya tetapi terdapat liku-liku tajam, lampu trafik, sekatan dan halangan pihak lain yang mungkin menyeberangi atau menentang jalan kita. Ada kalanya kita tidak boleh berjalan dengan begitu pantas kerana hujan lebat mengaburi penglihatan di hadapan. Ada masanya, kita perlu lebih berhati-hati mengelakkan binatang-binatang yang mungkin merayau merentasi jalan kita. Seringkali kita menghadapi pengunduran kerana kelalaian sendiri. Bagaimanakah kemajuanmu di atas jalanmu?

Paulus memandang hidup Kristian sebagai suatu pertandingan di mana ada garisan akhir untuk dicapai. Pada akhir hayatnya, dia mengumumkan pencapaian matlamatnya – imannya terpelihara. Matlamat hidup bukan mengumpul kemewahan kebendaan atau kemegahan diri. Tiada sepatah yang disebut rasul Paulus tentang mengekalkan keselesaan ahli keluarga atau melakukan kerja-kerja amal atau pelayanan luarbiasa. Walaupun dia melalui pelbagai percobaan, ujian, godaan, penderitaan, kesusahan dan penganiayaan, dia tidak pernah mengurangi kebenaran asli Injil, tetap setia kepada Tuhan dan Juruselamatnya Yesus Kristus. Kesetiaannya memberinya suatu keyakinan bahawa mahkota telah tersedia baginya “mahkota kebenaran yang akan dikaruniakannya oleh Tuhan... bukan hanya kepadanya, melainkan juga kepada semua orang yang merindukan kedatangan-Nya” (2 Tim. 4:8). Bolehkah kita mengumumkan begitu juga apabila sampai akhir perjalanan hidup kita nanti?

Renungan hari ini: Roh Kudus, tolong sertai aku dalam perjalanan hidupku dan kuatkanlah aku supaya imanku tidak tergoncang.

Dari Mula Ke Akhir

BACAAN:
2 Petrus 1:1-11

*Aku adalah Alfa dan Omega, Yang Pertama dan Yang Terkemudian,
Yang Awal dan Yang Akhir. — Wahyu 22:13*

Filem itu menarik sekali namun ketika sampai kemuncaknya, VCD tersangkut dalam mesin perakam. Begitu kecewanya kami sekeluarga kerana tidak mengetahui apakah kesudahan filem itu; ‘tergantung’ sahaja. Sifat semulajadi manusia yang ingin tahu bagaimana sesuatu akan berakhir memang ada pada kita. Ramai yang hidup dalam ketakutan dan kebimbangan kerana masa depan. Ramai mencari petunjuk daripada penilik nasib atau berhala-berhala yang disembah mereka kerana ingin jawapan untuk masa depan. Sesetengah orang percaya kepada tahayul, berharap pada penggunaan azimat atau benda-benda jampian.

Firman Allah tidak mengizinkan orang percaya daripada menjadi atau mendengar kepada peramal, petenung, penelaah, penyihir, pamantera, arwah atau orang-orang mati kerana segala ini kekejian dalam mata-Nya (Ul. 18:10-14). Sebaliknya, Allah telah berjanji untuk membangkitkan seorang nabi yang harus kita dengar (Ul. 18:15) dan memang telah digenapi dalam Yesus Kristus.

Petrus mengingatkan jemaah, “kuasa ilahi-Nya telah menganugerahkan kepada kita segala sesuatu yang berguna untuk hidup yang saleh oleh pengenalan kita akan Dia, yang telah memanggil kita oleh kuasa-Nya yang mulia dan ajaib” (2 Pet. 1:3). Memadailah erti hidup kita kerana mengenali Dia, “sebab segala sesuatu adalah dari Dia, dan oleh Dia, dan kepada Dia” (Rom. 11:36). Segala yang patut kita mengetahui tentang hidup ini dan hidup yang akan datang telah dinyatakan oleh Allah melalui firman-Nya. Kita tidak payah mengambil berat tentang apa yang tidak dinyatakan kerana yang lain itu tidak perlu kita ketahui...

Dalam satu-satunya drama, watak rekaan William Shakespeare, pengarang sasterawan terkenal, berkata, “Segala bumi ini suatu pentas, dan manusia adalah pelakon yang keluar masuk melalui pintu tersendiri.” Hidup manusia memang seperti gelendong filem yang sedang ditayangkan atas layar masa yang berjalan dengan sendiri. Kita tidak boleh menghentikan masa tetapi kita boleh menyerahkan arahan tayangan gambar hidup kita kepada seorang Pengarah yang bijaksana sekali. Padahal Dia yang MahaTahu mengetahui cerita hidup kita, dari detik permulaan hingga ke akhir. Kalau Dialah yang membentuk buah pinggangku, menenun aku dalam kandungan ibuku, (Mazm. 139:13) semestinya Dia juga boleh mengaturkan kesudahan hidupku dengan baik sekali.

Renungan hari ini: Tenanglah jiwaku, arahan hidup aku dalam tangan Pengarah Pakar yang cukup mahir.

180 Mutuara Ternilai

BACAAN:

Matius 13:45-46

Demikian pula hal Kerajaan Syurga itu seumpama seorang pedagang yang mencari mutiara yang indah. Setelah ditemukannya mutiara yang sangat berharga, dia pun pergi menjual seluruh miliknya lalu membeli mutiara itu. —Matius 13:45-46

Hati wanita mana yang tidak tertarik dengan keindahan hiasan pelengkap yang diperbuat daripada batu permata bersinar-sinar yang dibentukkan sebagai cincin, gelang, rantai atau anting-anting, kilaun batu permata yang berwarna-warni. Alkitab menyebut tentang pelbagai jenis batu permata yang dipergunakan untuk tujuan-tujuan tertentu. Dalam Perjanjian Lama, beraneka batu permata dipasang pada baju efod dan penutup dada pakaian khas para imam Tuhan (Kel. 28:9, 17-21). Dalam buku Wahyu, tembok dan dasar-dasar kota kudus Allah, Yerusalem baru, dihiasi dengan berbagai-bagai jenis batu permata (Wahy. 21:18-20).

Keindahan mutiara lain pula walaupun diklasifikasikan sebagai permata juga, tidak boleh dibanding dengan cahaya batu permata. Yesus menggunakan mutiara dalam perumpamaan tentang seorang pedagang yang sanggup menjual segala hartanya untuk mendapatkan biji mutiara yang terindah dan paling berharga. Manusia diibaratkan oleh Yesus sebagai pedagang yang harus mengorbankan segala-galanya untuk memperoleh-Nya dalam tafsiran tertentu. Tafsiran lain yang lebih tepat menganggap Yesus sebagai pedagang dan mutiara-mutiara adalah umat Tuhan yang berharga. Dia sanggup "menjual" nyawa-Nya sendiri untuk memiliki kita. Ini mendapat dukungan daripada buku Wahyu di mana Yohanes memberitahu kita bahawa dua belas pintu gerbang kota suci Allah adalah dua belas mutiara: setiap pintu gerbang terdiri daripada satu mutiara (Wahy. 21:21) Gereja Allah merupakan pintu untuk menyambut masuk jiwa-jiwa ke dalam penyelamatan-Nya.

Kenapakah Tuhan memilih mutiara dan bukan salah satu daripada batu-batu permata? Perbezaan penting yang memisahkan mutiara dengan batu permata ialah hanya mutiara yang berasal daripada organisma hidup. Mutiara dibentuk dalam cengkerang tiram daripada keladak timbunan sekitarnya. Bahan peransang dalam tiram itu mengubah keladak yang menganggunya menjadi sesuatu yang terindah. Begitu tepat sekali Allah menggambarkan gereja-Nya sebagai mutiara iaitu badan hidup yang mengubah persekitarannya akibat keindahannya.

Manusia boleh mendirikan struktur yang tertinggi atau terbesar, melengkapkannya dengan sistem peralatan teknologi yang termoden, menghiasinya dengan perkakas yang termahal, mengadakan aturcara yang terbaik namun pada hakikatnya segala ini hanya "batu permata" mati yang indah rupa sahaja. Gereja ialah mutiara hidup yang dibeli oleh nyawa Tuhan.

Renungan hari ini: Saya sebiji mutiara atas rantai gereja Tuhan yang harganya sungguh mahal.



Mutiara

Dalam tangan rantai mutiara

Indah permai

Aku membelai biji demi biji

Bagai kekasih terlamun cinta

Aku memeluk

Setiap hari, setiap malam

Pada hati rantai mutiara

Indah permai

Rangkaian Firman-Mu

Dijalinkan Roh-Mu

Bagi hati wanita

yang mencintai Engkau

Mengenai **Mutiara-Mutiara Terindah**

Mutiara berbeza daripada intan permata lain kerana ia dihasilkan dari organisma hidup. Tajuk Mutiara-Mutiara Terindah diilhamkan oleh perumpamaan dalam Matius 13:45-46 tentang pedagang yang menemukan mutiara yang sangat berharga telah menjualkan segala miliknya untuk memperoleh mutiara ini. Begitulah firman Tuhan, ia sesuatu yang hidup, terindah dan ternilai sekali. Kita akan meluangkan waktu untuk menghampiri hadirat Tuhan dan menerima mutiara-mutiara rohani yang diperlukan oleh jiwa kita. Semoga kandungan buku ini menarik pembaca lebih merenungi firman Tuhan.

“Christine Lai berbakat menyampaikan kebenaran firman Tuhan sehingga setiap renungan bagai mutiara yang hidup dengan gayanya tersendiri. Bagi wanita yang sedang mencari mutiara-mutiara rohani untuk jiwa, buku ini baik sekali untuk membentuk keperibadian dan menjalin persahabatan akrab dengan Tuhan.”

Evelyn Tan Hwee Yong

Pengarang Embun Pagi dan Bayu Pengharapan

Pengarang



Christine Lai Sai Koon pernah berjabat sebagai peguam selama enam tahun selepas dia berkelulusan Sarjana Undang-Undang dari Universiti Malaya. Selain daripada itu, dia pernah memegang jawatan pengurus kanan di sebuah syarikat swasta. Kini, Christine melayani sepenuh masa sebagai Guru Besar di tadika kepunyaan gereja Glad Tidings, giat menjangkau kanak-kanak dan golongan terbiar melalui pelayanan 'street ministry.' Bebannya untuk negara India juga membawanya ke negara itu sekurang-kurangnya sekali setahun untuk penginilan.

ISBN 978-983-40852-5-4



9 789834 085254